Bagi menghadapi persaingan global yang semakin sengit dalam persekitaraan ekonomi yang dipacau oleh inovasi, KPM telah memberi penekanan terhadap KBAT dalam sistem persekolahan (KPM, 2014). KBAT merupakan inisiatif penting KPM untuk melahirkan generasi yang seimbang dan mempunyai tanggungjawab terhadap pembangunan negara. Ia adalah merupakan satu kemahiran yang harus diterapkan kepada kanak-kanak sejak sekolah rendah lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM, 2013) melaksanakan KBAT dalam sistem pentaksiran di sekolah. Lembaga Peperiksaan Malaysia (2013) mendefinisikan KBAT sebagai keupayaan berfikir untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi serta berupaya untuk mencipta sesuatu. Pelaksanaan KBAT dapat membantu murid menjana pemikiran bagi meningkatkan kefahaman serta meningkatkan prestasi pencapaian mereka (KPM, 2013). Ini dibuktikan oleh kajian yang dilakukaan oleh Syed, Pushpavali dan Raja (2014) yang mana ia menunjukkan bahawa penggunaan KBAT dalam pengajaran boleh meningkatkan motivasi pelajar dan seterusnya boleh menjadikan pengajaran mereka lebih menarik.

Pemikiran merupakan satu elemen penting dalam konsep budaya kerana dapat membongkarkan peradaban dan kemajuan yang dicapai oleh kumpulan masyarakat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut. Dalam hal ini, antara alat yang boleh digunakan untuk mengkaji pemikiran sesuatu masyarakat ialah hasil kesusasteraan (Hudson, 1913). Selaras dengan itu, hasil kesusasteraan yang kaya dengan pelbagai nilai estetika dapat dijadikan tujuh wahana untuk mengajar budaya berfikir supaya dapat melahirkan generasi baharu yang lebih berketerampilan (Rajendran, 2001).

Disamping itu, Akta Pendidikan 1996 telah memperakui bahawa kemajuan negara dari segi ekonomi, sosial, rohani, moral dan etika perlu dicapai melalui satu sistem pendidikan kebangsaan yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Manakala hak mempelajari dan menggunakan bahasa ibunda adalah hak asasi manusia yang termaktub dalam Perisytiharaan Bangsa-Bangsa Bersatu sehingga Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa telah diluluskan dan diiktiraf pada Persidangan Umum UNESCO tahun 1999. Selaras dengan kenyataan ini, walaupun Bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan dan bahasa pengantar tetapi pelbagai bangsa di Malaysia diberi hak untuk mengguna, mempelajari serta memelihara bahasa ibunda masing-masing. Terdapat pelbagai kumpulan etnik dalam masyarakat India seperti Tamil, Telugu, Malayalam, Punjabi dan Urudhu. Namun begitu, penggunaan Bahasa Tamil adalah sangat meluas dalam kalangan masyarakat India. Sekolah-sekolah Tamil berfungsi sebagai agen pemeliharaan dan pemuliharaan Bahasa Tamil di Malaysia. Terdapat 528 buah sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) di seluruh Malaysia dan Bahasa Tamil merupakan bahasa utama yang diajarkan di semua sekolah tersebut (KPM, 2017). Jumlah waktu yang diperuntukkan adalah 12 waktu mengajar untuk Tahap 1 dan 9 waktu untuk Tahap 2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesusasteraan Tamil klasik ciptaan zaman Sangam merupakan sebuah hasil kesusasteraan yang membicarakan cara hidup masyarakat Tamil awal secara spesifik. Namun demikian, kesusasteraan Tamil klasik tersebut belum lagi diterokai dari segi mendedahkan pemikiran yang dikongsi bersama oleh masyarakat Tamil awal (Rajendran, 2001). Menurut Sivapalan (2006) seorang pensyarah kanan di Universiti Malaya yang mengajar kesusasteraan Tamil, kebanyakan kajian Kesusateraan Tamil yang sedia ada adalah berbentuk sehala yang memberi tumpuan kepada aspek penjelasan maksud tanpa merangsang elemen berfikir dalam kalangan pelajar. Hal ini adalah kerana, kebanyakan tulisan yang sedia ada ditafsir mengikut cita rasa penulis ataupun berdasarkan ulasan awal yang diperolehi bagi teks Kesusateraan Tamil.

Pengajaran Sastera Tamil di SJKT tidak dijalankan secara berasingan malah ia diajarkan sebagai salah satu bahagian dalam pengajaran Bahasa Tamil. Biasanya pengajaran sastera memerlukan kewibawaan dan kemahiran yang sangat tinggi memandangkan sastera Tamil mempunyai sejarah perkembangannya lebih dari 5000 tahun. Salah satu hasil karya kesusasteraan yang disanjung tinggi sebagai khazanah dunia serta berperanan sebagai panduan kehidupan umat manusia adalah Thirukkural. Karya klasik ini yang dihasilkan oleh pujangga Thiruvalluvar bukan sahaja menyampaikan maklumat peradaban bangsa Tamil klasik, malah melambangkan pencapaian masyarakat Tamil klasik dalam bidang pemikiran aras tinggi kira-kira 2000 tahun dahulu. Thirukkural yang dikelaskan sebagai kitab moral masyarakat Tamil membincangkan nilai-nilai murni bukan sahaja diberi tumpuan kepada kaum India, malah nilai-nilai tersebut merupakan garis panduan bagi seluruh umat manusia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Kartheges (2017) apabila seseorang itu menganalisa setiap kuplet Thirukkural secara terperinci dan berfikir secara kritis serta rasional, maka keupayaan individu tersebut untuk menghasilkan dan mencetuskan idea yang baharu akan meningkat. Ini adalah kerana penggunaan persamaan dan metafora yang ekstensif dalam Thirukkural meningkatkan kemampuan kognitif, membuat konsep yang rumit menjadi mudah difahami (Ramalingam, 2020). Kajian yang dilakukan oleh Prera pada tahun 2019, juga mendedahkan transformasi dalam pendekatan pedagogi kepada Thirukkural, dengan ketara meningkatkan KBAT pelajar Tingkatan 2. Ponniah dan Safeek (2024) mencadangkan agar penyelidik harus meneroka bagaimana Thirukkural boleh disepadukan ke dalam kurikulum untuk meningkatkan kemahiran kognitif merentas pelbagai mata pelajaran. Kenyataan mereka ini jelas menunjukkan bahawa Thirukkural boleh digunakan sebagai satu instrumen untuk meningkatkan KBAT murid-murid memandangkan ia menggalakkan kemahiran aras tinggi seperti aplikasi, analisis, penilaian dan merekacipta.

Guru memainkan peranan yang penting dalam menjayakan segala perancangan yang digubal oleh KPM. Pengimplimentasian KBAT juga seratus peratus bergantung kepada kewibawaan guru merancang dan mengaplikasikannya dalam matapelajaran yang diajar. Guru dikehendaki membuat perancangan yang sistematik dan teratur untuk menyepadukan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam proses merangsang perkembangan pemikiran murid (Zhaffar, Abdullah, Nor, Musa, & Othman, 2021). Dalam pada itu, pembelajaran berfokuskan peperiksaan masih digunapakai dalam sistem pendidikan sekarang. sikap guru masih menggunakan pendekatan dan kaedah pengajaran konvensional dalam PdP adalah satu punca utama kegagalan pelajar mencapai KBAT. Menurut Ibrahim dan Shaharom (2003) proses pengajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran konvensional memberi lebih penekanan kepada tahap aktiviti kognitif seperti menghafal, mengingat dan memahami dan pelajar pula belajar dengan menggunakan hafalan sebagai persediaan untuk lulus dalam peperiksaan.

Amalan pembelajaran tradisional yang lebih ditumpukan sepenuhnya menyebabkan pemikiran murid terbatas dengan apa yang dipelajari di dalam kelas (Abd Rahman, Sharifah Nurarfah, Abdullah, Abdul, Ibrahim, & Nor, 2023). Driana dan Ernawati (2019) dalam kajian yang dijalankannya juga menyatakan bahawa kecemerlangan dan kejayaan dalam sesuatu mata pelajaran tidak akan terbukti berkesan sekiranya pengajaran guru masih menggunakan kaedah tradisional dan tidak mengambil berat aspek kemahiran berfikir murid sedangkan kemahiran berfikir itu adalah merupakan antara aspek utama dalam menguasai sesuatu kemahiran yang dilihat banyak mempengaruhi pencapaian murid hari ini. Ini bermakna setiap individu guru perlu membudayakan KBAT dalam memastikan kejayaan penerapan dan pembudayaan KBAT dalam kalangan murid.

Anuar Ahmad dan Nelson (2015) menyatakan bahawa antara kompetensi yang mesti ada bagi seorang guru ialah mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pedagogi, ia termasuklah guru dapat menggunakan KBAT untuk menghubungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pengajarannya. Guru boleh menentukan pendekatan, memilih kaedah dan menetapkan teknik-teknik tertentu yang sesuai dengan perkembangan dan kebolehan pelajar. Samykanu, Ramasamy dan Balakrishnan (2024) pula menyatakan bahawa guru perlu melaksanakan strategi yang berkesan untuk membimbing pelajar dalam penggunaan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi. Mereka juga mencadangkan bahawa guru harus menggunakan alat berfikir seperti Peta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemikiran, Editor Grafik, Peta Minda *CoRT* dan Enam Topi Pemikiran untuk menarik minat pelajar (Samykanu et al., 2024). Strategi dan teknik seperti ini yang dipilih, selain berpotensi merangsang pelajar belajar secara aktif, ia juga harus mampu membantu menganalisis konsep atau idea dan berupaya menarik minat pelajar serta dapat menghasilkan pembelajaran yang bermakna (KPM, 2012).

Malahan, kemahiran berfikiran kritis, kreatif dan inovatif yang menjadi unsur utama dalam KBAT sering diabaikan oleh guru-guru sekolah rendah kerana penilaian salah masyarakat terhadap pencapaian prestasi guru. Guru-guru di Malaysia dinilai berdasarkan kepada penghasilan bilangan pelajar yang mendapat 'A' dalam peperiksaan dan bukannya penghasilan bilangan pelajar yang berfikiran kreatif dan inovatif. Kenyataan ini dikukuhkan oleh Chew dan Shashipriya (2014) dengan kenyataan mereka bahawa guru yang berjaya menghasilkan bilangan pelajar yang ramai mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan biasanya akan dilihat sebagai guru yang berkesan. Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk mengubah pemikiran masyarakat terhadap para guru.

Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti ni menjadi punca utama pelajar-pelajar Malaysia gagal mencapai kejayaan yang memberangsangkan dalam PISA dan TIMSS di mana Malaysia berada pada kedudukan satu pertiga terendah di dunia dalam kelompok 74 buah negara yang mengambil bahagian dalam kedua-dua ujian tersebut. Kajian Darus (2012) tentang faktor yang menyumbang kepada pencapaian pelajar Malaysia yang lemah dalam PISA 2009 dan 2012 menunjukkan soalan-soalan dalam ujian tersebut adalah berbentuk teks yang panjang, yang memerlukan murid membuat interpretasi, refleksi dan menilai berdasarkan kehidupan sebenar, berbanding dengan


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

soalan peperiksaan awam di Malaysia yang ringkas dan lebih tertumpu kepada rajah dan jadual sahaja. Hal ini jelas menunjukkan kegagalan Malaysia mendapat tempat terbaik dalam keputusan PISA adalah disebabkan kegagalan mengaplikasikan KBAT walaupun kemahiran berfikir ini telah diterapkan sejak tahun 1994 dalam KBSM dan KBSR (KPM, 2015). Manakala kajian Yee, Tze dan Abdullah (2017) tentang analiss keputusan TIMSS 1999-2015 pula mendapati pencapaian pelajar Malaysia adalah tidak konsisten dan jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negaranya, Singapura seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1.

Rajah 1.1

Pencapaian TIMSS Malaysia dengan Negara-Negara Asia Tenggara



Sumber: KPM 2015

Pencapaian Matematik TIMSS 2019 juga telah menunjukkan penurunan skor purata yang tidak signifikan berbanding TIMSS 2015 (KPM, 2019). Pencapaian Negara Singapura masih lagi jauh lebih tinggi pada tahun 2019 berbanding Malaysia (KPM,


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2019). Rajah 1.2 menunjukkan pencapaian Singapura dengan Malaysia dalam TIMSS sejak 1999 hingga 2019.

Rajah 1.2

Pencapaian Malaysia dengan Singapura dalam Matematik TIMSS



Sumber: Laporan Kebangsaan TIMSS, KPM, 2019

Pentaksiran TIMSS dikategorikan kepada dua domain iaitu domain kandungan dan domain kognitif. Domain kandungan merangkumi soalan-soalan yang berkaitan nombor, pecahan, ukuran, data, geometri dan algebra. Manakala domain kognitif pula melibatkan tiga aspek utama iaitu pengetahuan, penggunaan dan penaakulan. Kajian Yee et al. (2017) menunjukkan pelajar Malaysia gagal mencapai peratus lulus yang tinggi dalam domain kognitif, di mana domain tersebut merupakan domain berfikiran aras tinggi. Di samping itu, purata skor pencapaian TIMSS 2015 untuk domain kognitif menunjukkan pelajar Malaysia menduduki tempat yang lebih rendah daripada negara Singapura (Yee et al., 2017). Perkara sama berlaku dalam tahun 2019 dimana Malaysia masih lagi ketinggalan jauh daripada negara Singapura seperti yang ditunjukkan dalam


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 1.3. Jurang perbezaan antara kedua-dua negara ini juga agak jauh. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar Malaysia masih lemah dalam domain kognitif iaitu pengetahuan, penggunaan dan penaakulan (KPM, 2019).

Rajah 1.3

Purata Skor Pencapaian TIMSS 2019 dalam Domain Kognitif



Sumber : Laporan Kebangsaan TIMSS, KPM 2019

Laporan TIMSS 2003–2015 untuk skor pencapaian Matematik menunjukkan penurunan dan pada tahun 2015 meningkat dengan perbezaan sebanyak 21 skor tetapi tahun 2019 menunjukkan penurunan empat skor seperti Jadual 1.1. Bagi Sains pula menunjukkan purata skor telah menurun pada tahun 2007 berbanding tahun 2003 dan menaik semula pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, peningkatan ini masih tidak melepasi purata skor antarabangsa 500 yang ditetapkan oleh *International Association for the Evaluation of Educational Achievement* (IEA) (KPM, 2019). Malahan, Malaysia masih ketinggalan jauh berbanding dengan negara Singapura yang memperoleh purata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

skor 616 dalam Matematik dan purata skor 608 dalam Sains (KPM, 2019). Ini jelas menunjukkan kelemahan pelajar Malaysia dalam KBAT.

Jadual 1.1

Perbandingan Keputusan TIMSS 1999 Hingga 2019 (Tingkatan 2)

Tahun	Purata Skor Matematik	Purata Skor Sains
1999	519	492
2003	508	510
2007	474	471
2011	440	426
2015	465	471
2019	461	460

Nota: Purata Skor Antarabangsa yang ditetapkan oleh IEA = 500.
Sumber : Laporan Kebangsaan TIMSS, KPM 2019

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pencapaian Malaysia dalam Sains bagi TIMSS 2019 juga menunjukkan penurunan berbanding TIMSS 2015 dan juga jauh ketinggalan daripada Singapura dimana Malaysia hanya mencapai purata skor 460 manakala purata skor Singapura pula adalah 608. Secara rumusannya boleh dinyatakan bahawa pencapaian Matematik dan Sains Malaysia dalam TIMSS sejak 1999 hingga 2019 adalah tidak konsisten. Rajah 1.4 menunjukkan pencapaian Malaysia dalam Matematik dan Sains dalam TIMSS 2009-2019.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 1.4

Pencapaian Matematik dan Sains Dalam TIMSS 2009-2019



Sumber: Laporan Kebangsaan TIMSS, KPM 2019

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2.1 Keputusan PISA 2012- 2018

Kajian Yee et al. (2017) turut melibatkan analisis keputusan PISA tahun 2009 dan 2012 untuk pelajar Malaysia. Mereka mendapati purata skor untuk Matematik, Sains dan Literasi bacaan pelajar semakin menurun seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.8. Walaupun purata skor Matematik pada tahun 2012 menunjukkan peningkatan sedikit berbanding dengan tahun 2009, namun Malaysia masih ketinggalan jauh di belakang purata skor antarabangsa iaitu 494. Ini telah meletakkan Malaysia di tempat ke-52 daripada 65 buah negara di mana Malaysia berada di kelompok 20% tercorot. Begitu juga untuk pentaksiran sains dan literasi bacaan yang menunjukkan purata skor Malaysia berada di bawah aras purata skor antarabangsa 501 dan 496.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.2

Perbandingan Keputusan PISA 2009 Hingga 2018

Tahun	Skor Matematik	Skor Sains	Skor Literasi Bahasa
2009	404	422	414
2012	421	420	398
2015	446	443	431
2018	440	438	415

Sumber: KPM 2019

Walaubagaimanapun dalam PISA 2018, Malaysia menunjukkan peningkatan pencapaian yang signifikan dalam Literasi Bacaan, Literasi Matematik dan Literasi Saintifik berbanding PISA 2012 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.2 (KPM, 2019). Dalam Literasi Matematik prestasi Malaysia bertambah baik berbanding tahun 2009 dan 2012. Negara ini melonjak sebanyak 36 mata daripada 404 pada 2009 kepada 440 tahun selepasnya. Dalam Literasi Sains pula skor purata negara meningkat sebanyak 18 mata daripada 420 pada 2012, kepada 438 dalam penilaian terkini. Malaysia mencapai skor min 415, iaitu peningkatan 17 mata daripada keputusan 2012 dalam Literasi bacaan. Pengecilan jurang adalah paling ketara dalam Literasi Matematik, iaitu dari perbezaan 92 mata dalam PISA 2009 kepada sebanyak 43 mata dalam PISA 2018.

Bagi Literasi Saintifik pula, perbezaan sebanyak 79 mata dalam PISA 2009 kepada 51 mata dalam PISA 2018 dan perbezaan sebanyak 80 mata dalam PISA 2009 kepada 72 mata dalam PISA 2018 bagi Literasi Bacaan. Ini menunjukkan bahawa pencapaian Malaysia semakin menghampiri purata Pertubuhan Kerjasama dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembangunan Ekonomi (*Organisation for Economic Co-operation and Development, OECD)* (KPM, 2019).

1.2.1.1 Keputusan PISA 2022

PISA 2022 domain Literasi Matematik menjadi domain utama. Antara kemahiran yang ditaksir menerusi domain inovatif mengikut pusingan adalah seperti berikut: PISA 2012: Penyelesaian Masalah; PISA 2015: Penyelesaian Masalah Berkolaboratif; PISA 2018: Kompetensi Global; dan PISA 2022: Pemikiran Kreatif. Pencapaian Malaysia dalam PISA 2022 telah menunjukkan penurunan bagi ketiga-tiga literasi yang ditaksir.

Skor purata Malaysia dalam Literasi Matematik telah menurun sebanyak 31 mata kepada skor purata 409 mata berbanding 440 mata dalam PISA 2018. Perbezaan antara skor purata Malaysia dengan skor purata OECD pula ialah sebanyak 63 mata. Skor purata Malaysia dalam Literasi Saintifik juga telah menurun sebanyak 22 mata kepada 416 mata dalam PISA 2022 berbanding 438 mata dalam PISA 2018. Perbezaan antara skor purata Malaysia dengan skor purata OECD ialah sebanyak 69 mata. Skor purata Malaysia dalam Literasi Bacaan turut menurun 27 mata kepada 388 mata dalam PISA 2022 berbanding 415 mata dalam PISA 2018. Perbezaan antara skor purata Malaysia dengan skor purata OECD ialah sebanyak 88 mata.

Hanya 1% murid Malaysia (OECD: 9%) merupakan murid berpencapaian tinggi iaitu mencapai Aras Penguasaan 5 atau 6 dalam Literasi Matematik. Pada aras ini, murid berupaya membina model tentang situasi kompleks secara matematik; memilih; membanding dan menilai strategi penyelesaian masalah yang bersesuaian


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk menyelesaikan masalah berkaitan model yang dibina. 1% murid Malaysia (OECD: 7%) merupakan murid berpencapaian tinggi iaitu mencapai aras penguasaan 5 atau 6 dalam Literasi Saintifik. Pada aras ini, murid berupaya mengaplikasikan pengetahuan mereka tentang sains secara kreatif dan autonomi dalam pelbagai situasi, termasuk yang tidak lazim. 0.2% murid Malaysia (OECD: 7%) mencapai aras penguasaan 5 atau 6 dalam Literasi Bacaan. Pada aras ini, murid berupaya memahami teks yang panjang, menyelesaikan konsep yang abstrak atau bercanggah dan membezakan antara fakta dan pandangan berdasarkan petunjuk implisit yang merujuk kepada kandungan atau sumber maklumat tersebut.

Rajah 1.5

Perbandingan Keputusan PISA 2009 Hingga 2022



Sumber: KPM 2023

Keputusan PISA tahun 2022 ini sungguh mengecewakan Perdana Menteri Malaysia sendiri dan seterusnya membuka mata barisan pentadbiran negara, KPM dan seterusnya rakyat jelata tentang kepentingan reformasi baharu yang menekankan KBAT yang perlu diterapkan dalam sistem pendidikan negara (Berita Harian, 2024).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keputusan PISA dan TIMSS dibincangkan dalam kajian ini kerana kedua-dua pentaksiran tersebut merupakan pentaksiran KBAT yang telah diiktiraf di peringkat global. Dengan ini boleh dirumuskan bahawa penguasaan KBAT adalah penting kepada murid bagi memastikan mereka mampu untuk menghadapi cabaran dan bersaing di peringkat global. Oleh yang demikian kemahiran berfikir haruslah sentiasa dipupuk dalam diri murid. Pengajaran dan pembelajaran seharusnya menggalakkan murid berfikir melalui penglibatan secara aktif dalam aktiviti pembelajaran berasaskan inkuiri, projek, penyelesaian masalah, membuat keputusan, perbincangan, perbahasan dan lain-lain lagi.

1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan awal masyarakat India di Malaysia telah dimulakan dalam aliran Bahasa Tamil sejak zaman penjajahan British. Teks-teks Thirukkural sentiasa dimuatkan dalam kurikulumnya. Nilai-nilai tersirat dan tersurat yang terkandung dalam Thirukkural sepatutnya dihayati dan diamalkan dalam kehidupan harian masyarakat India. Tetapi menurut Kartheges (2017) terdapat individu yang berpengetahuan luas tentang Thirukkural tetapi tidak mengaplikasi langsung nilai-nilai yang dibacanya dalam pergaulan sosial mahupun menjadikannya sebagai garis panduan dalam kehidupan seharian. Ini adalah kerana intipati Thirukkural harus dikupas dan dihurai secara kritis dan kreatif supaya menjadi panduan dan amalan dalam kehidupan seharian manusia. Tetapi di SJKT, Thirukkural tidak dikupas oleh guru malah ia diajar untuk murid menghafalkannya (Kartheges, 2017). Ini adalah kerana istilah-istilah Thirukkural adalah sukar difahami memandangkan ia adalah satu khazana terunggul yang mempunyai istilah-istilah Bahasa Tamil Kuno selama 2000 tahun. Sepertimana yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dinyatakan oleh Ibrahim (2015) bahawa salah satu faktor yang menyebabkan murid tidak meminati bahan KOMSAS disebabkan oleh istilah yang sukar difahami dalam teks sastera. Keadaan ini menyebabkan murid tidak dapat menghayati dan mengaplikasikannya dalam kehidupan harian.

Perkara yang sama berlaku dalam pembelajaran Thirukkural. Istilah- istilah yang didapati dalam Thirukkural tidak dapat dihayati oleh murid-murid kerana kesukarannya dan kegagalan guru mengupasnya menyebabkan penyebatian nilai Thirukkural gagal disemai dalam jiwa murid-murid. Sikap yang negatif ini akan memberikan output yang kurang memberangsangkan. Hal ini disokong oleh Ariffin (2020) yang menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap murid-murid dengan penguasaan Bahasa Arab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu kajian yang dijalankan oleh Chew dan Shashipriya (2014) tentang pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam PdP KOMSAS di sekolah menengah mendapati terdapat perbezaan yang signifikan $F(3,116)=2.60$; $p=.05$) dalam pelaksanaan KBKK dalam pembelajaran KOMSAS mengikut kaum. Analisis data kajian mereka menunjukkan bahawa min yang tertinggi adalah bagi kaum Melayu iaitu 48.2 dengan sisihan piawai 3.35 dan pelajar India menduduki tempat ketiga dengan min terendah 46.3 dan sisihan piawai 3.48. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kehilangan minat mereka terhadap sastera sejak dari sekolah rendah lagi.

Oleh yang demikian pengkaji berasa bertanggungjawab untuk menyemai rasa cinta murid terhadap Thirukkural dan seterusnya memastikan mereka mengamalkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Thirukkural dalam kehidupan harian mereka. Pembelajaran yang berkesan berlaku apabila murid mengaplikasikannya dalam kehidupan harian.

Pengajaran Thirukkural secara holistik masih kurang dititikberatkan oleh guru Sekolah Rendah Tamil. Ini kerana pengajaran Thirukkural masih dijalankan dengan menggunakan kaedah tradisional (Kartheges, 2019). Guru mengajar suku kata Thirukkural dan makna dalam kaedah langsung menggunakan tatabahasa dan buku sastera BPK (Kartheges, 2019). Di samping itu, pembelajaran masih berpusatkan guru di mana pelajar sebagai pendengar dan penerima maklumat. Pendapat ini dipersetujui oleh Riinah (2022) yang mana beliau mendapati murid-murid tahun satu hingga tahun enam susah dan malas untuk menghafal dan mengingat kembali Thirukkural bersama dengan maksudnya. Hal ini menyebabkan murid-murid tidak dapat menguasai dan menghayati sajak kural. Kaedah PdP konvensional yang berpusatkan guru didapati sukar meningkatkan dan memaksimumkan pemikiran aras tinggi pelajar dan seterusnya pelajar tidak berkeupayaan untuk meneroka pemikiran sendiri (Walia, 2012).

Mohd Paris (2016) menyatakan bahawa pendekatan inkuiri merupakan salah satu kaedah yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran berpusatkan murid. Kaedah pengajaran ini mampu menghasilkan murid-murid yang aktif kerana kaedah inkuiri melalui satu proses pembelajaran yang menggalakkan penjanaan pengalaman yang dilalui oleh murid itu sendiri dengan memberi peluang kepada mereka untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang menarik dan bermotivasi. Pernyataan ini disokong oleh Nur Azah Ismail (2011) bahawa pelaksanaan pembelajaran berasaskan inkuiri yang baik dan berkesan akan mengajar dan menggalakkan pelajar untuk meneruskan usaha pembelajaran dan pengalaman yang melampaui buku teks. Tetapi hakikat ini masih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak disedari oleh kebanyakkan guru Bahasa Tamil dan mereka masih terikat dengan teknik pengajaran konvensional untuk mengajar Thirukkural.

Seterusnya, pengetahuan guru yang rendah dalam aspek KBAT turut menyumbang kepada masalah pengimplementasian KBAT di sekolah. Kassim dan Zakaria (2015) menyokong kenyataan ini bahawa guru mempunyai pengetahuan yang kurang jelas tentang makna KBAT. Masalah mengintegrasikan KBAT dengan PdP dikaitkan dengan kegagalan guru menguasai aras Taksanomi Bloom yang menjadi asas kepada KBAT. Dapatan kajian Hassan, Mustapha, Nik Yusuff, dan Mansor (2017) mendapati bahawa sebahagian guru tidak memahami dan tidak mengingati aras Taksonomi Bloom yang digunakan dan ini menunjukkan bahawa pengetahuan guru tentang KBAT masih lagi dibawah tahap penguasaan yang sepatutnya. Menurut Mageswary Krupiah dan Kannadasan (2021) guru tidak memberi penekanan kepada soalan KBAT yang dinyatakan dalam buku teks Bahasa Tamil disebabkan guru sendiri tidak tahu jawapan yang betul atau guru risau murid akan mengambil masa yang lama untuk berfikir. Kajian Abdullah, Aris, Saud, Boon, dan Awang Ali (2015) pula mendapati guru mengetahui aras kognitif Taksonomi Bloom secara asas, namun mereka masih tidak memahami perbezaan dan fungsi bagi setiap aras dalam Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) dan KBAT. Sharuji dan Mohd Nordin (2017) menyatakan bahawa guru dilihat lebih cenderung untuk hanya berbincang tentang kemahiran berfikir berbanding mengaplikasikannya sendiri di dalam kelas. Kenyataan ini juga disokong oleh Sendag, Erol, Sezgin, dan Dulkadir (2015) yang menyatakan bahawa peranan ini masih tidak dapat dimainkan sebaiknya oleh guru kerana guru sendiri kurang kompetensi dalam pelaksanaan KBAT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Chew dan Hamad (2018) menyatakan bahawa dalam sesuatu PdP, pastinya penyoalan adalah elemen yang tidak dapat lari daripada amalan pengajaran seseorang guru. Penyoalan merupakan salah satu teknik yang digunakan oleh guru untuk meningkatkan aras KBAT. Namun hakikatnya, didapati guru tidak menggunakan bentuk penyoalan yang bersesuaian semasa mengajar kemahiran bahasa (Chew & Hamad, 2018). Kajian Sukiman, Noor Shah dan Mohd Uzi (2012) mendapati teknik penyoalan merupakan strategi yang sering digunakan oleh guru dalam PdP tetapi guru kurang cenderung menggunakan soalan aras tinggi. Pendapat ini disokong oleh Kassim dan Zakaria (2014) yang mendapati guru sebenarnya kurang mengamalkan soalan terbuka aras tinggi kerana mereka kurang berkebolehan menggunakan teknik penyoalan yang berkesan. Menurut mereka, guru kurang berkemampuan untuk membudayakan KBAT dalam pembinaan item dan pentaksiran malah aktiviti penyoalan lisan yang bersesuaian dengan keperluan dan keupayaan pelajar dapat meningkatkan kemahiran penaakulan, menganalisis dan sintesis (Cruz-Guzmán, García-Carmona & Criad, (2017); Khairuddin & Talib, 2020). Hal ini turut disebut dalam kajian Supramani (2006) bahawa para guru hanya bergantung pada penggunaan buku teks semata-mata dan mengguna pakai soalan-soalan yang disediakan sahaja.

Perkara ini sebenarnya membantutkan proses pemikiran aras tinggi murid di dalam kelas. Ini adalah kerana guru sendiri kurang mempunyai KBAT sepertimana yang dinyatakan oleh Norfariza dan Nur Fadhilah (2018). Pendapat ini disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Nor Hasmaliza dan Zamri (2016). Kenyataan ini dinyatakan oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) dan dikukuhkan lagi dengan laporan kajian oleh perunding *Kestrel Education* (UK) dan *21st Century School*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(USA) pada 2 November 2011 yang mendapati bahawa pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan murid di Malaysia amat rendah (BPK, 2012).

Menurut Riinah (2022) penggunaan modul pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah salah satu cara untuk membolehkan proses pembelajaran seorang murid itu lebih berkesan. Ketiadaan modul KBAT Tamil menyukarkan proses penyebatian KBAT di sekolah-sekolah Tamil. Dalam perbincangan Nazri et al. (2017) mencadangkan untuk membangunkan modul KBAT untuk matapelajaran Sains. Manakala, Ling dan Mas Nida (2017) mendapati dua orang guru cemerlang Bahasa Melayu yang menjadi responden kajian mereka menggunakan modul sebagai media pengajaran komponen sastera untuk mengajar KOMSAS kepada kumpulan lemah dan cemerlang. Perkara ini menarik perhatian pengkaji kerana setakat ini modul- modul khas yang berunsurkan KBAT tiada dalam Bahasa Tamil. Krupiah & Kannadasan (2021) membincangkan tentang penerapan KBAT dalam pengajaran dan pemudahcaraan Bahasa Tamil, tetapi ini hanya merujuk penggunaan teknik di dalam proses PdP, bukan modul yang direka khas dalam Bahasa Tamil. Chandrasakeram (2021) pula meneliti aplikasi pendekatan KBAT dalam pengajaran Pendidikan Moral di SJKT Tamil, tetapi ia bukan modul khusus KBAT untuk bahasa Tamil. Modul KBAT yang ditemui adalah untuk Bahasa Melayu atau Sains, seperti Modul Karangan E-BMKU untuk murid SJKT yang menggunakan Bahasa Melayu, bukan Tamil. Kesimpulannya, setakat ini modul khusus yang berunsurkan KBAT dalam Bahasa Tamil belum wujud lagi atau belum dibangunkan secara rasmi di Malaysia. Soalan-soalan KBAT hanya di selitkan sebahagian daripada soalan-soalan dalam buku-buku latihan yang dihasilkan oleh penulis-penulis. Keadaan ini menyukarkan para guru di SJKT untuk menerapkan KBAT dalam PdP mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkara ini menarik perhatian pengkaji dan sebagai seorang guru Bahasa Tamil yang berpengalaman selama 25 tahun berasa bertanggungjawab untuk memudahkan dan melancarkan proses PdP guru-guru dan murid-murid dalam proses peningkatan KBAT di SKJT. Membina sebuah modul khas KBAT sepenuhnya dengan menggabungkan Thirukkural bukan lagi satu keselesaan tetapi ia adalah satu keperluan mengikut peredaran masa.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk membangun dan menilai modul Thirukkural berasaskan inkuiri penemuan terbimbing (MoKThI) untuk meningkatkan KBAT murid Tahun Lima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

i. Mereka bentuk dan membina Modul MoKThI untuk meningkatkan KBAT murid Tahun Lima berdasarkan pendapat pakar.

ii. Mengkaji keberkesanan Modul MoKThI terhadap peningkatan KBAT murid Tahun Lima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Persoalan Kajian

Untuk mencapai tujuan kajian tersebut, beberapa persoalan kajian dibina seperti berikut:

1.6.1 Peringkat 1: A. Fasa Analisis Pelajar Dan Nyatakan Objektif

1.6.1.1 Apakah kesukaran pembelajaran Thirukkural murid Tahun Lima?

1.6.1.2 Apakah kesukaran pembelajaran Thirukkural Murid Tahun Lima dari aspek KBAT?

1.6.1.3 Apakah reka bentuk Modul MoKThI yang sesuai yang boleh membantu murid mempertingkatkan KBAT murid Tahun Lima?

1.6.1.4 Apakah objektif pembelajaran aras aplikasi, analisis, menilai dan mereka cipta?

1.6.1.5 Apakah aktiviti pembelajaran untuk Modul MoKThI yang boleh membantu mempertingkatkan KBAT murid Tahun Lima?

1.6.1.6 Adakah modul diperlukan untuk meningkatkan kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mereka cipta murid Tahun Lima untuk topik Thirukkural?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peringkat 1: B. Pemilihan Kaedah, Media Dan Bahan & Gunakan Media Dan Bahan

1.6.1.7 Apakah kaedah, teknik atau strategi pengajaran yang sesuai untuk pengajaran Thirukkural?

1.6.1.8 Apakah kaedah pengajaran yang diperlukan dalam pengajaran Thirukkural untuk meningkatkan KBAT?

1.6.1.9 Apakah media yang sesuai digunakan untuk meningkatkan penguasaan Thirukkural?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peringkat II: Nilai dan semak semula

1.6.1.10 Apakah terdapat perbezaan antara markah kemahiran mengaplikasi dalam ujian pra dan pasca dalam kalangan murid Kumpulan Eksperimen?

1.6.1.11 Apakah terdapat perbezaan antara markah kemahiran menganalisis dalam ujian pra dan pasca dalam kalangan murid Kumpulan Eksperimen?

1.6.1.12 Apakah terdapat perbezaan antara markah kemahiran menilai dalam ujian pra dan pasca dalam kalangan murid Kumpulan Eksperimen?

1.6.1.13 Apakah terdapat perbezaan antara markah kemahiran mereka cipta dalam ujian pra dan pasca dalam kalangan murid Kumpulan Eksperimen?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6.1.14 Apakah terdapat perbezaan antara min markah pencapaian ujian pra dengan min markah pencapaian ujian pasca dalam kalangan murid Kumpulan Eksperimen?

1.6.1.15 Adakah terdapat perbezaan antara min markah pencapaian ujian pasca bagi Kumpulan Kawalan dengan min markah pencapaian ujian pasca Kumpulan Eksperimen?

1.6.1.16 Apakah kesan pembelajaran terhadap murid yang menggunakan Modul MoKThI dengan murid yang menggunakan kaedah pembelajaran konvensional?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Hipotesis

Hipotesis ialah pernyataan yang masih perlu diuji kebenarannya (Rasmini & Hidayat, 2023). Sementara itu, menurut Wibowo (2021) hipotesis ialah andaian atau perkiraan berkenaan hubungan antara dua atau lebih pembolehubah. Hipotesis kajian ini dibuat secara induktif berdasarkan sorotan literatur. Berdasarkan konsep di atas, untuk menguji kesan penggunaan Modul MoKThI terhadap murid, beberapa hipotesis kajian dibina bagi mengukuhkan dapatan kajian seperti berikut:

$H_0$1 : Tidak terdapat perbezaan signifikan di antara markah kemahiran mengaplikasi dalam ujian pra dan pasca dalam kalangan murid Kumpulan Eksperimen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

$H_0$2 : Tidak terdapat perbezaan signifikan di antara markah kemahiran menganalisis dalam ujian pra dan pasca dalam kalangan murid Kumpulan Eksperimen.

$H_0$3 : Tidak terdapat perbezaan signifikan di antara markah kemahiran menilai dalam ujian pra dan pasca dalam kalangan murid Kumpulan Eksperimen.

$H_0$4 : Tidak terdapat perbezaan signifikan di antara markah kemahiran mereka cipta dalam ujian pra dan pasca dalam kalangan murid Kumpulan Eksperimen.

$H_0$5 : Tidak terdapat perbezaan signifikan di antara min markah pencapaian ujian pra dengan min markah pencapaian ujian pasca dalam kalangan murid Kumpulan Eksperimen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

$H_0$6 : Tidak terdapat perbezaan signifikan di antara min markah pencapaian ujian pasca bagi Kumpulan Kawalan dengan min markah pencapaian ujian pasca Kumpulan Eksperimen.

$H_0$7 : Tidak terdapat perbezaan signifikan di antara skor pencapaian secara keseluruhan terhadap murid yang mengaplikasikan Modul MoKThI dengan murid yang menggunakan kaedah konvensional bagi tajuk Thirukkural.

1.8 Kerangka Konseptual Modul MoKThI

Kerangka konsep adalah struktur binaan logik dalam pemikiran yang telah disusun bagi menjelaskan pembolehubah yang akan dijalankan penyelidikan (Nisma Iriani et al.,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


2022). Kerangka konsep bertujuan untuk memudahkan penyelidik menjalankan kajian supaya lebih fokus dan sesuai dengan matlamat (Siregar, 2022). Oleh yang demikian boleh dirumuskan bahawa kerangka konseptual ialah susunan atau binaan logik yang disusun untuk menerangkan pembolehubah yang akan dikaji dalam penyelidikan, dengan tujuan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas dan fokus tentang hubungan antara pembolehubah. Rajah. 1.6 dibawah menunjukkan kerangka konsep kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 1.6

Kerangka Konseptual Modul MoKThI



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Model Reka bentuk proses pembangunan, Modul MoKThI dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat I dan peringkat II. Peringkat I dibahagikan kepada tiga fasa yang mengandungi lima langkah dan Peringkat II mengandungi satu langkah dalam Model ASSURE. Jadual 1.3 menunjukkan fasa dan langkah dalam Model ASSURE dalam kajian ini.

Jadual 1.3

Fasa dan Langkah Dalam Model ASSURE dalam Kajian

PERINGKAT	**FASA**	**Langkah Dalam Model ASSURE**
Peringkat I	Fasa Analisis	Analisis Pelajar
		Menyatakan Objektif
	Fasa Reka Bentuk	Memilih Kaedah, bahan dan Media
	Fasa Pembangunan dan Pelaksanaan	Menggunakan Media dan Bahan
		Menggalakan Penglibatan murid
Peringkat II	Fasa Penilaian	Menilai dan Semak Semula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.1 Peringkat 1

1.8.1.1 Fasa Analisis

a Analisis Pelajar dan Guru

Langkah pertama yang perlu dilakukan oleh guru dalam membangunkan modul pembelajaran Bahasa Tamil berasaskan Inkuiri penemuan terbimbing untuk meningkatkan KBAT ialah mengenal pasti dan menganalisis ciri-ciri umum muird. Tujuan utama menganalisis ciri-ciri murid adalah untuk mengetahui keperluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran murid supaya mereka dapat memperolehi tahap pengetahuan maksimum dalam pembelajaran. Analisis murid merangkumi tiga faktor iaitu ciri umum, pengetahuan sedia ada dan gaya pembelajaran.

Dalam fasa ini kajian keperluan dibuat terhadap tiga orang guru Bahasa Tamil SJKT dengan menggunakan protokol temu bual seperti dalam lampiran A. Temu bual ini bertujuan untuk melihat kehendak dan keperluan dalam menghasilkan modul ini. Selain dari itu pengkaji juga mengkaji DSKP untuk menganalisis objektif kandungan dan pemetaan kurikulum bagi memudahkan pembinaan instrumen.

1.8.1.2 Fasa Reka Bentuk - Memilih Kaedah, Bahan dan Media

Fasa yang merangkumi segala yang dirancang dan dirangka untuk membina modul. Dalam kajian ini modul ini merangkumi strategi PdP berdasarkan kepada Inkuiri Penemuan Terbimbing, lapan kuplet Thirukkural yang dipilih dan kaedah serta teknik yang bersesuaian untuk meningkatkan KBAT murid. Teknik *'scaffolding'* dan Model pembelajaran 5E digunakan dalam PdP. Cerita-cerita dan Thirukkural dengan irama yang sesuai dicari, dikaji dan dipilih dari '*Youtube'* sebagai bahan atau media. Dalam fasa ini pengesahan pakar dibuat ke atas Modul MoKThI yang dibina untuk memastikan kesahan kandungan. Pakar dilantik dalam kalangan pakar dalam bidang pengajaran Bahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.1.3 Fasa Pembangunan dan Pelaksanaan - Menggunakan Media dan Bahan Serta Menggalakan Penglibatan Murid

Pembangunan merupakan proses mewujudkan reka bentuk menjadi kenyataan. Dengan kata lain, jika dalam reka bentuk diperlukan suatu modul yang mengandungi soalan-soalan dan aktiviti yang dapat meningkatkan KBAT maka modul tersebut harus dibangunkan dengan menggunakan media dan bahan yang dipilih. Manakala pelaksanaan adalah langkah nyata untuk melaksanakan sistem pembelajaran yang sedang dirancangkan. Ini bermaksud, pada tahap ini, semua yang telah dibangunkan atau ditetapkan sedemikian rupa sesuai dengan peranan atau fungsinya agar dapat dilaksanakan. Untuk itu, penyertaan murid amat diperlukan. Pelibatkan murid untuk mengambil bahagian aktif dalam pembelajaran akan menentukan kejayaan sesuatu PdP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.2 Peringkat II

1.8.2.1 Fasa Penilaian

Penilaian iaitu proses untuk melihat sama ada sistem pembelajaran yang sedang dibina berkesan, sesuai dengan harapan awal atau tidak. Sebenarnya tahap penilaian boleh terjadi pada setiap empat tahap. Penilaian yang terjadi pada setiap lima tahap di atas itu dinamakan penilaian formatif, kerana tujuannya untuk keperluan semakan.

Tahap II merupakan pengujian kesan Modul MoKThI dimana dua kumpulan murid akan diuji iaitu Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen. Kumpulan Kawalan akan diajarkan dengan kaedah konvensional dan Kumpulan Eksperimen dengan kaedah menggunakan Modul MoKThI. Pada akhir tempoh pengajaran murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan diberikan ujian pos untuk mengetahui keberkesanan Modul MoKThI. Penilaian bukan bertujuan untuk menentukan tahap "kecerdasan" seseorang pelajar, tetapi cenderung untuk memberikan input kepada mereka. Begitu juga, penilaian berguna untuk menilai sama ada keseluruhan proses pembelajaran berjalan dengan baik, atau adakah proses pembelajaran yang perlu diperbaiki dan disemak untuk meningkatkan kualiti aktiviti pengajaran dan pembelajaran itu sendiri.

1.9 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan melibatkan dua aspek: (i) pembangunan Modul MoKThI dan (ii) pengujian keberkesanan modul menggunakan kaedah kuasi eksperimen melalui pemerhatian, dijalankan di SJKT yang terpilih di Daerah Hilir Perak. Sampel kajian kes yang dijalankan ini dipilih dalam kalangan murid Tahun Lima. Persampelan kajian ini adalah persampelan bertujuan bagi mendapatkan data dan maklumat yang dikehendaki dalam menjawab persoalan kajian (Azizi, Shahrin, Jamaludin, Yusof, & Abdul Rahim, 2007). Maka hasil kajian tidak dapat digeneralisasikan dan keputusan kajian hanya menerangkan kumpulan itu sahaja. Teknik ini popular dalam penyelidikan kualitatif (Wan Mohd Khairul Firdaus, 2015). Penyelidik menetapkan maklumat dan ciri tertentu yang perlu ada pada sampel. Penyelidik membuat pertimbangan berdasarkan pengetahuan dan tujuan kajian dalam memilih sampel. Pengkaji telah memilih seramai 50 orang murid sebagai sampel kajian seperti mana kajian yang dilakukan oleh Wan Dyaurudin dan Mohammad Ghulam (2017); Tengku Kasim dan Abdul Kadir, (2019). Kaedah persampelan dalam kajian mereka ialah persampelan bertujuan. Seramai 50 orang pelajar dipilih sebagai sampel kajian, 25 orang daripada mereka sebagai Kumpulan Kawalan, manakala baki 25 orang lagi sebagai Kumpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Eksperimen. Penggunaan persampelan bertujuan adalah untuk membolehkan pengkaji menentukan responden yang sesuai dan khusus dengan tujuan kajiannya.

Pengkaji telah menetapkan beberapa ciri yang perlu ada bagi responden kajian. Antara ciri-ciri tersebut adalah kajian yang dijalankan hanya terbatas kepada murid Tahun Lima sahaja. Pengkaji memilih murid Tahun Lima sahaja kerana mereka 75% telah menghabiskan sukatan pelajaran Sastera Tamil dan dapat membaca dengan lancar. Kebolehan ini membolehkan mereka memahami soalan dengan baik. Murid Tahun Lima dipilih sebagai responden kajian ini kerana menurut Piaget (1952) pada tahap operasional formal iaitu umur antara 11 hingga 18 tahun murid sudah mampu berfikiran abstrak dan logik dengan menggunakan pola berfikir "kemungkinan". Kajian ini akan dijalankan selama enam minggu. PdP dijalankan dua kali dalam seminggu waktu Bahasa Tamil iaitu pada hari Selasa dan Jumaat. Ini bermaksud dua jam dalam seminggu diperuntukkan untuk pengajaran sastera. Pengajaran dilakukan oleh pengkaji sendiri bagi kedua-dua kumpulan. PdP bagi kumpulan Kawalan PdP dijalankan dari pukul 8.00 pagi hingga 9.00 pagi manakala untuk Kumpulan Eksperimen adalah dari pukul 9.15 pagi hingga 10.15 pagi. PdP dijalankan sedemikian bertujuan menjimatkan masa memberi latihan mengajar dan menggunakan modul kepada guru-guru yang lain dan supaya tidak mengganggu aktiviti-aktiviti sekolah yang lain. Apabila pengajaran dilakukan oleh pengkaji sendiri maka peluang mendapatkan hasil kajian yang diharapkan adalah lebih tinggi dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi berbanding dengan pengajaran oleh guru-guru lain.

Walaupun terdapat banyak buku yang memberi penjelasan kepada Thirukkural dalam kajian ini hanya dua buah buku sahaja digunakan sebagai rujukan Thirukkural

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iaitu buku yang ditulis oleh Mu. Varatharasan dan sebuah buku keluaran BPK yang bertajuk *"Ilakana Ilakiya Vilakavurai".* Buku Mu. Varatharasan digunakan disebabkan pentafsiran Thirukkural yang dibuat oleh beliau adalah yang terbaik, mudah difahami dan jitu maksudnya. Buku Keluaran BPK (2016) digunakan kerana ia merangkumi kuplet Thirukkural yang terkandung dalam DSKP Bahasa Tamil berserta dengan maksudnya dan penggunaanya diselaraskan untuk semua SJKT.

1.10 Kepentingan Kajian

Pembangunan Modul MoKThI yang bermutu bagi mata pelajaran Sastera Tamil memerlukan perancangan yang teliti demi untuk menjadikannya bahan PdP yang terbaik. Jadi, pembangunan Modul MoKThI berdasarkan amalan pedagogi serta teori pembelajaran dan teori kognitif adalah penting kerana ini dapat memantapkan lagi modul yang dibina.

1.10.1 KPM dan Pusat Pengajian Tinggi

Dapatan kajian ini dapat memberikan maklum balas yang berguna kepada KPM yang memberi keutamaan kepada penerapan unsur KBAT dalam PdP harian di sekolah demi melahirkan generasi intelektual yang berfikiran kritis, kreatif, inovatif dan logikal. Kajian ini akan memberikan respon yang berguna terutamanya kepada penggubal dasar dan penggubal kurikulum Sastera Tamil seperti Bahagian Perkembangan Kurikulum dan Bahagian Pendidikan Guru. Kajian pembangunan Modul MoKThI boleh memberikan input baharu yang boleh diterapkan ke dalam latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru Malaysia dan universiti yang menawarkan program pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini juga, dapat memberikan sumbangan kepada para penyelidik dalam bidang pendidikan amnya dan pendidikan Bahasa Tamil khususnya bagi menerapkan elemen KBAT dalam sastera. Selain dari itu, kajian ini juga akan menjadi sumber rujukan kepada para penyelidik yang ingin mengkaji keberkesanan Sastera Tamil dalam meningkatkan KBAT seperti mana kajian-kajian Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu (KOMSAS).

1.10.2 Guru-Guru Bahasa Tamil

Kemahiran berfikir para guru perlu digilap supaya dapat menjayakan pengajaran yang menerapkan KBAT secara berkesan. Untuk itu, dapatan kajian yang dijalankan diharapkan dapat memberi maklum balas kepada guru- guru Bahasa Tamil dalam usaha melahirkan murid yang berkualiti suatu hari kelak. Kajian ini boleh membantu Guru Bahasa Tamil bersedia untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran, perancangan dan amalan-amalan baharu pengajaran yang relevan dengan perkembangan dan keperluan abad ke-21. Hal ini penting kerana keperluan penerapan elemen KBAT adalah merentas semua disiplin ilmu serta keutamaan untuk murid diperkukuhkan dengan nilai-nilai kebaikan dan akhlak yang terpuji. Diharapkan guru-guru dapat mengenalpasti kaedah terbaik dan langkah-langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan KBAT yang merupakan aset penting yang perlu ada pada setiap murid dalam menghadapi alam pekerjaan kelak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.3 Murid-Murid

Hasil dapatan kajian ini diharap dapat membentuk murid dalam memastikan mereka menyedari kepentingan penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi amat penting dalam meningkatkan kemahiran '*employability*' bagi memudahkan mereka di ambil bekerja oleh pihak industri. Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu murid menguasai dan berusaha mempertingkatkan kemahiran ini menerusi pembelajaran kendiri. Selain dari itu, kajian ini juga dapat meningkatkan minat belajar Sastera Tamil dan seterusnya dapat mengenali dan menghayati kekayaan hasil nukilan Tamadun India.

1.11 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam penulisan ini yang memerlukan definisi yang terperinci. Definisi ini perlu kerana pengertian umum dengan pengertian dalam kajian ini mungkin berbeza. Istilah-istilah tersebut adalah seperti berikut:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a Kemahiran Berfikiran Aras Tinggi (KBAT)

KPM (2013) mendefinisikan KBAT sebagai keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran, nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Manakala, bagi Othman, Selamat dan Hashim (2010) KBAT adalah sintesis, analisis, memberi sebab, kefahaman, aplikasi dan penilaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian ini, KBAT adalah merujuk kepada empat aras KBAT iaitu aras mengaplikasi (*application*), menganalisis (*analyze*), menilai (*evaluate),* dan mereka cipta (*create*) berdasarkan Taksonomi Anderson dan Krathwohl (Anderson & Krathwohl, 2001). KPM (2013) mentakrifkan kemahiran mengaplikasi sebagai keupayaan menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara. Menurut Aron (2020) karya sastera seperti novel, cerpen, pantun, syair, sajak dan cerita rakyat jelas mencerminkan nilai-nilai murni yang diamalkan oleh manusia dan telah memulakan tradisi penerapan nilai-nilai murni kepada masyarakat. Dalam konteks ini mengamalkan nilai-nilai murni yang dipelajari melalui Thirukkural dalam kehidupan harian mereka melambangkan kemahiran mengaplikasi murid. Selain itu, murid juga dapat mengaitkan nilai – nilai Thirukkural dalam situasi harian yang berbeza dan dapat menceritakannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tahap menganalisis membawa maksud mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan (KPM, 2013). Setiap kuplet Thirukkural mengandungi tujuh patah perkataan. Kemahiran ini diterapkan dengan mencerakinkan perkataan – perkataan dalam Thirukkural yang dipelajari oleh murid untuk memahami maksudnya dengan lebih mendalam. Selepas memahami perkataan demi perkataan akhirnya murid akan cuba untuk memahami maksud sepenuhnya kuplet tersebut.

Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi adalah definisi kemahiran menilai (KPM, 2013). Dalam Modul MoKThI kemahiran ini diterapkan dengan memberi situasi-situasi berupa gambar ataupun teks untuk murid menilai dan memberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

justifikasi yang sesuai dengan Thirukkural yang dipelajari. Akhir sekali, kemahiran mereka cipta diberi maksud oleh KPM (2013) sebagai satu keupayaan menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif. Dalam Modul MoKThI kemahiran ini diterapkan apabila murid menulis karangan, cerpen ataupun mencipta situasi, melukis poster dan menghasilkan moto yang bersesuaian dengan Thirukkural.

b Thirukkural

Thirukkural merupakan karya sastera klasik yang dihasilkan dalam Bahasa Tamil. Ia adalah hasil nukilan seorang pujangga yang bernama Thiruvalluvar. Karya yang dihormati ini, dihasilkan oleh ahli falsafah Thiruvalluvar, bermula kira-kira 2,000 tahun dahulu (Venkatesh, 2021). Ia berfungsi sebagai panduan kepada kebaikan dan etika kehidupan, menekankan kepentingan kecerdasan dan kerendahan hati sebagai aspirasi terbesar dan intipati kehidupan manusia (Gajjam, 2022). Ia mengandungi 1330 kuplet dan dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu tentang keadilan, kebendaan, dan kebahagian. Thirukkural ini mempunyai 133 bab kecil yang dipanggil sebagai ‘Athikaram’ dan setiap ‘Athikaram’ ini mengandungi 10 kuplet Thirukkural masing-masing. Dalam konteks kajian ini, penyelidik telah menggunakan dua buah buku teks Thirukkural sebagai rujukan. Yang pertama adalah terbitan Varatharasan (2009) untuk meneliti maksud setiap kuplet. Keduanya adalah hasil karya Singaravelu Sacchidhanandham (2013), terbitan Uma Publications untuk dijadikan panduan penterjemahan dalam Bahasa Melayu. Karya ini sangat membantu dari aspek ketepatan penterjemahan Thirukkural yang asalnya dari Bahasa Tamil ke Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c Modul MoKThI

Bintang Prasetyo, (2015) mendefinisikan modul sebagai bahan pengajaran bercetak yang mengandungi objektif, topik, perkara utama, bahan, peranan guru, alat, sumber pembelajaran, aktiviti pembelajaran, lembaran program kerja dan penilaian yang dikemas secara menyeluruh, sistematik, terperinci dan dirancang untuk dipelajari secara bebas tanpa atau dengan bimbingan guru dalam usaha menolong pelajar menguasai matlamat belajar secara spesifik. Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM, 2016) pula mendefinisikan modul sebagai bahan rujukan pembelajaran yang digunakan bagi sesuatu kursus dan dibangunkan berdasarkan silibus yang telah ditetapkan di peringkat jabatan dan fakulti. Shaharudin Md Salleh dan Fatimah Abu Raihah (2011) menjelaskan modul pembelajaran sebagai satu sumber rujukan dan panduan kepada pelajar dalam proses pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modul MoKThI merujuk kepada modul yang dibina oleh penyelidik sendiri. MoKThI adalah singkatan kepada Modul KBAT dan Thirukkural Berasaskan Inkuiri. Modul ini diasaskan berpandukan kepada Model ASSURE. Modul ini mengandungi lapan unit lengkap yang menjelaskan prosedur yang perlu dilakukan oleh guru dalam proses menjalankan PdP. Modul ini juga mengandungi latihan untuk meningkatkan KBAT berasaskan kepada lapan kuplet Thirukkural seperti yang tertera dalam DSKP Bahasa Tamil Tahun Lima. Soalan-soalan dalam modul ini disusun mengikut empat kemahiran KBAT. Gambar-gambar yang berwarna-warni dimuatkan dalam modul ini untuk menarik minat murid menjawab soalan KBAT. Peta i-Think digunakan untuk memandu murid ke arah aras berfikiran tinggi. MoKThI juga mengandungi rubrik agar menyemakan dibuat secara adil. Modul yang dibina ini bukan bertujuan menyekat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kreativiti guru kerana guru mempunyai kebebasan untuk mengubahsuai aktiviti mengikut keadaan dan minat murid.

d Inkuiri Penemuan Terbimbing

Inkuiri adalah satu kaedah pembelajaran yang melibatkan pertanyaan, mencari jawapan melalui pemerhatian, pengukuran, membina hipotesis, mengumpul data, menterjemah dan membina rumusan atau refleksi (BPK, 2016). Ia juga merupakan satu proses PdP yang berpusatkan murid dan melibatkan penyiasatan masalah, penerokaan dan penemuan yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat melalui pertanyaan dan perasaan ingin tahu berpusatkan murid (BPK, 2016). Dalam kajian ini inkuiri penemuan akan dilaksanakan sepanjang PdP Thirukkural.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

e *'Scaffolding'* (Perancah)

Perkataan perancah atau *'scaffolding'* adalah istilah baharu yang diperkenalkan dalam bidang psikologi perkembangan kognitif oleh Jerome Bruner (1966). Ia merujuk kepada proses-proses yang digunakan oleh orang dewasa untuk membimbing anak-anak melalui zon perkembangan proksimalnya. Menurut Vygotsky (1978) guru dapat merangsang zon ini dengan memberikan peluang yang banyak kepada pelajar bergerak balas yang mencakupi kemahiran dan kebolehan yang boleh dilakukan oleh pelajar secara bersendirian serta lain-lain kemahiran yang memerlukan bantuan guru. Dalam kajian ini konsep *'scaffolding'* membawa maksud suatu bantuan atau bimbingan kepada pelajar bagi menyiapkan sesuatu tugasan yang tidak dapat diselesaikan tanpa mendapat bantuan daripada guru. *'Scaffolding'* dalam kajian ini juga merujuk kepada Modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MoKThI yang akan menjadi perancah untuk merangsangkan KBAT murid-murid. Memandangkan tahap penguasaan murid adalah berbeza untuk setiap individu, maka Modul MoKThI disediakan dalam tiga aras yang berbeza iaitu aras lemah, sederhana dan cemerlang. Murid dapat menjawab sebilangan aktiviti dalam modul aras lemah dengan bantuan guru dan sebilangan aktiviti murid dibantu dengan jawapan yang disediakan.

f Model 5E

5E merupakan satu model instruktional yang berasaskan kepada pendekatan konstruktivism untuk pembelajaran. Model Pembelajaran 5E merupakan model yang sering digunakan dalam melaksanakan inkuiri. Model ini menyatakan bahawa pelajar membina idea baharu berdasarkan kepada idea lama mereka. Pendekatan 5E ini juga sesuai dengan pelajar pada semua peringkat umur, termasuk dewasa.

Setiap E pada 5E itu menceritakan mengenai fasa pembelajaran. Bermula dengan '*Engage'*, '*Explore', 'Explain', 'Elaborate'* dan juga '*Evaluate'*. Kaedah 5E ini membolehkan murid dan guru untuk mengalami aktiviti yang biasa, dengan menggunakan pengetahuan asas, untuk membentuk makna dan akhirnya meningkatkan kefahaman kepada konsep dengan berterusan. Model 5E ini juga membantu dalam meningkatkan tahap pemikiran kreatif dalam kalangan murid, melahirkan murid yang bersikap aktif, berfikir kritikal dan kreatif (Polgampala & Hong, 2016). Penggunaan model 5E juga menggalakkan murid untuk kekal berminat dengan pelajaran yang dipelajari. Model 5E ini dugunakan dalam PdP Thirukkural agar murid memperoleh ilmu secara aktif dan seronok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.12 Rumusan

Kajian yang dijalankan ini melibatkan dua aspek utama: (i) Pembangunan modul Thirukkural berasaskan inkuiri penemuan terbimbing yang digelar MoKThI; (ii) Pengujian kesan Modul MoKThI untuk meningkatkan tahap KBAT murid Tahun Lima. Pembangunan Modul MoKThI, membolehkan proses PdP Sastera Tamil dijalankan secara *hands-on* dan *minds-on*. Modul MoKThI menekankan ciri-ciri yang melibatkan unsur seperti KBAT, drama, nyanyian, aktiviti kumpulan, simulasi dan sebagainya yang dapat memenuhi keperluan kepelbagaian kecerdasan murid.

Secara rumusannya, kemahiran berfikiran aras tinggi adalah satu atribusi yang sangat penting yang perlu dikuasai oleh setiap murid tetapi gagal menguasainya disebabkan beberapa faktor terutamanya kelemahan guru sendiri menguasai KBAT, teknik pengajaran guru yang tidak mementingkan kemahiran berfikir murid. Malahan ramai guru masih lagi menekan kepentingan peperiksaan semata-mata tanpa menjadikan keupayaan berfikir aspek utama dalam pengajaran mereka. Kemahiran berfikir aras tinggi ini perlu dikuasai oleh setiap orang murid sekiranya Malaysia ingin mencapai Wawasan 2020 iaitu Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dalam bidang Sains dan Teknologi.

Bab 2 seterusnya akan membincangkan lebih terperinci tentang sejarah pendidikan sekolah Tamil di Malyasia, teori-teori dan model-model yang digunakan dalam kajian ini, KBAT dan Thirukkural serta kajian-kajian lepas yang berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan tentang aspek penting yang perlu dikaji sebelum Modul MoKThI dibangunkan. Aspek yang akan diteliti dalam bab ini merangkumi sejarah pendidikan sekolah Tamil, sejarah sastera Tamil, teori yang berkaitan dengan KBAT, Teori Konstruktivisme Sosial dan pendekatan tiga fasa pembelajaran inkuiri terbimbing Hanson. Bab ini juga akan membincangkan kepentingan KBAT, kelebihan pengajaran berbantukan modul, kelebihan pendekatan inkuiri terbimbing dan kelebihan Thirukkural sebagai satu bahan membantu meningkatkan KBAT. Pengkaji memperolehi maklumat melalui pangkalan data perpustakaan, disertasi universiti serta tesis-tesis yang terdahulu. Selain dari itu maklumat diperoleh melalui buku penulis yang terkenal yang terdapat di perpustakaan dan juga melalui artikel-artikel dan jurnal-jurnal yang diiktiraf yang terdapat atas talian (*online)*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Transkripsi Sejarah Pendidikan Tamil Malaysia

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia daripada 32.4 juta penduduk di Malaysia, masyarakat India mewakili 6.9 peratus ataupun 2.01 juta daripada penduduknya. Jumlah penduduk India di negeri-negeri Malaysia seperti Jadual 2.1.

Jadual 2.1

Jumlah dan Peratus Kaum India Mengikut Negeri Dan Wilayah Persekutuan

Negeri/Wilayah Persekutuan	Penduduk	Peratus
Johor	259,321	7.2%
Kedah	147,105	7.1%
Kelantan	4,800	0.3%
Melaka	57,735	6.2%
Negeri Sembilan	163,661	14.9%
Pahang	66,300	4.3%
Perak	302,243	12.2%
Perlis	3,100	1.3%
Pulau Pinang	172,205	10.1%
Sabah	12,259	0.5%
Sarawak	7,900	0.3%
Selangor	810,000	13.5%
Terengganu	3,000	0.3%
Kuala Lumpur	183,340	10.3%
Labuan	832	1.0%
Putrajaya	1,325	1.5%

Sumber: Statistik Bancian Negara Malaysia tahun 2017, Jabatan Perangkaan Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jumlah penduduk India di Malaysia pada masa kini jauh lebih kurang daripada jumlah penduduk Malaysia pada zaman kemerdekaan. Walaupun sedemikian, semangat untuk mengekalkan sekolah Tamil dan pendidikan Tamil dalam kalangan masyarakat India sehingga kini masih membara. Pendidikan awal Tamil di Tanah Melayu telah pun bermula secara *'informal'* yang merupakan seakan-akan pendidikan pondok bagi kanak-kanak Melayu. Pendidikan Tamil yang awal ini dikenali sebagai *'Thinnai Palli'* (Utaman & Sivachandralingam, 2019). Pendidikan jenis ini kebiasaanya dijalankan di verandah rumah seperti apa yang dilakukan di India Selatan. *''Thinnai*" membawa maksud verendah atau kaki lima manakala '*Palli*' membawa maksud sekolah (Utaman & Sivachandralingam, 2019). Melalui sistem pembelajaran ini, pengajaran diadakan di hadapan rumah guru atau rumah murid. Biasanya, seorang '*Aiyer*' iaitu seorang Brahmin atau pun seorang sami kuil dan kadang-kadang sesiapa jua pun yang boleh membaca dan menulis akan bertindak sebagai guru bagi kanak-kanak yang terlibat dalam *'Thinnai Palli'*. Kanak-kanak pula tidak begitu ramai, cuma mereka yang tinggal berhampiran dengan sesebuah kawasan perumahan (Utaman & Sivachandralingam, 2019).

Buku-buku di *'Thinnai Palli'* pula tidak begitu banyak. Kalau adapun senaskah yang digunakan oleh guru sebagai bahan rujukan. Lazimnya, di bawah sistem pembelajaran secara *informal* ini, murid menulis di atas pasir dengan jari. Biasanya pengajaran dijalankn di sebelah malam pada masa guru sudah pulang dari pekerjaannya. Apabila murid sudah mahir menulis di atas pasir, baharulah mereka diberi peluang menggunakan daun lontar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Usaha masyarakat Tamil yang awal ini jelas membuktikan mereka ingin mengekalkan budaya hidup mereka yang diwarisi dari India walaupun mereka terpaksa merantau jauh meninggalkan tanah air mereka. Usaha orang yang celik huruf dalam kalangan mereka yang sudi memberi pengetahuan kepada anak bangsa mereka haruslah dipuji kerana mereka meluangkan tenaga dan masa tanpa mengharapkan sebarang ganjaran. Ramai daripada mereka ini memiliki Bahasa Tamil sebagai bahasa ibunda. Dengan demikian dapatlah kita katakan bahawa Malaysia merupakan negara yang kedua selepas India, mempunyai penduduk India yang berbahasa Tamil agak majoriti.

2.2.1 Sejarah Pendidikan Formal Tamil di Malaysia

Sekolah Tamil yang pertama di Tanah Melayu telah dimulakan dengan nama *Free School* di bawah jajahan orang Inggeris dengan diketuai oleh Reverend . S. Hutchings pada 22 Oktober 1816. Ia merupakan sebuah sekolah yang dimulakan dengan bantuan Syarikat India Timur British. Bahasa Tamil diajar sebagai salah satu subjek di sekolah ini. Seterusnya kewujudan pendidikan formal yang sistematik menjadi syarat utama untuk perkembangan Kesusasteraan Tamil yang konkrit bagi masyarakat Tamil yang menjadi warga tetap di sini. Senario pendidikan Tamil di Malaysia pada ketika itu iaitu sehingga tahun 1950 (Utaman & Sivachandralingam, 2019). *'Pusari*' yakni penyelia kuil menjadi tenaga pengajar. Pengurus ladang yang mempunyai ilmu sedikit sebanyak turut menjadi guru Tamil. Pada tahun 1816, wujudlah sekolah Tamil pertama yang bernama *Penang Free School*. Pada tahun 1834, Free School Singapura menganjurkan kelas-kelas Bahasa Tamil (Utaman & Sivachandralingam, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selepas tahun 1850an, wujudlah sekolah-sekolah yang dwibahasa pengantar yakni Tamil dan Inggeris. Pada tahun 1862, Pertubuhan Agama Kristian yang bernama *'Ladies Bible Tract Society'* mendirikan sekolah-sekolah Tamil (Utaman & Sivachandralingam, 2019). Menjelang tahun 1875 pula pergerakan Kristian S. P. G. mendirikan sekolah Tamil pertama di Seberang Prai. Kemudiannya ia berkembang menjadi lima buah cawangan sekolah. Pada tahun 1895 pula ditubuhkan sebuah sekolah Inggeris Tamil di Kuala Lumpur oleh paderi Abraham. Kemudian pada tahun 1987, sekolah digelar dengan nama *Methodist Boys School*. Pada masa itu sekolah-sekolah yang berada dibawah bantuan kerajaan ditubuhkan di kawasan-kawasan bandar. Oleh kerana adanya bantuan dari Sir Frank Sweetenham dan kerajaan Inggeris, maka sebuah sekolah Tamil bantuan kerajaan ditubuhkan di Daerah Krian di negeri Perak pada 1900 (Parameswari, Hinduja, Said & Rohini, 2010)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selepas negara mencapai kemerdekaan daripada kuasa Inggeris, perubahan dalam peningkatan Bahasa Tamil dan sekolah Tamil juga dapat dilihat. Sekolah-sekolah Tamil telah bermula sejajar dengan perkembangan ladang-ladang kopi, kelapa dan getah. Kebanyakkan masyarakat India di Tanah Melayu tinggal di ladang getah. Majoriti daripada mereka adalah orang Tamil. Terdapat juga segelintir orang Malayalee dan Telugu. Sekolah Tamil didirikan oleh pengurus ladang di ladang-ladang getah. Guru yang mengajar di sekolah Tamil juga dibawa masuk dari India Selatan (Utaman & Sivachandralingam, 2019). Rekod paling awal tentang sekolah-sekolah Tamil dikaitkan dengan *Penang Free School.* Pada tahun 1821, dua buah sekolah dalam vernakular Tamil dan Melayu telah dibuka di premis *Penang Free School* (Utaman & Sivachandralingam, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sekolah Tamil itu telah beroperasi sehingga tahun 1823 dan sekolah Melayu dapat bertahan sehingga tahun 1826. Jangka hayat kedua-dua buah sekolah ini begitu singkat sekali. *The Singapore Free School* pula telah dibuka pada tahun 1834, dengan diiringi oleh penubuhan sekolah vernakular rendah dengan guru bahasa vernakular. Akibatnya, jabatan- Melayu, Cina dan Tamil telah dibuka. Kelas Tamil yang pertama terdiri daripada 18 orang murid manakala kelas vernakular Melayu dan Cina masing masing terdiri daripada 12 orang murid dan kelas Bahasa Inggeris pula terdiri daripada 32 orang murid. Namun bahagian Tamil telah dimansuhkan dan sekolah tersebut telah ditutup pada tahun 1839 disebabkan anggapan bahawa sekolah vernakular Tamil itu hanya membebankan sahaja dan tidak membawa sebarang faedah (Utaman & Sivachandralingam, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahun 1912, kod pekerja yang diterbitkan oleh kerajaan Inggeris mewajibkan semua pengurus ladang harus memberikan pendidikan kepada anak-anak pekerja di ladang mereka yang berumur antara 10 hingga 14 tahun (Parameswari et al., 2010). Pegawai buruh ditanggungjawabkan untuk menjaga perkembangan sekolah-sekolah Tamil di ladang-ladang. Kod ini telah dilaksanakan sehingga tahun 1933. Peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan British meyebabkan sekolah-sekolah Tamil mula wujud di kawasan perladangan secara kecil-kecilan. Sekolah-sekolah ini dijalankan di tempat asuhan kanak-kanak, kuil-kuil di ladang, asrama pekerja dan di beberapa kilang getah yang ditetapkan oleh majikan. Namun, kualiti pendidikan Tamil masih rendah berbanding dengan sekolah-sekolah vernakular yang lain di Tanah Melayu. Hal ini disebabkan oleh kekurangan guru yang terlatih di sekolah-sekolah Tamil (Shantini, Muhammad Faizal & Norfariza, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apabila kerajaan Inggeris mula memberi perhatian terhadap pendidikan Tamil di Tanah Melayu, mereka menyeru pihak majikan supaya mendirikan sekolah Tamil dengan menetapkan seorang guru sepenuh masa di sekolah tersebut. Ini dapat menggantikan guru-guru sementara yang tidak terlatih di ladang-ladang tersebut. Bagi menyelesaikan masalah ini, pihak majikan telah membawa masuk guru-guru yang mempunyai latihan perguruan dari India untuk mengajar di sekolah-sekolah Tamil di kawasan perladangan (Nur Atiqah & Ong, 2018).

2.2.2 Zaman Keemasan Pendidikan Tamil

Tahun 1900-an merupakan masa keemasan bagi pendidikan Tamil di Tanah Melayu. Kerajaan Inggeris mahupun para majikan mula memberi perhatian terhadap pendidikan Tamil berbanding sebelumnya yang lebih bersikap acuh tak acuh. Namun, perubahan sikap ini memang mempunyai niat yang sebaliknya. Perubahan sikap pihak British ini adalah bagi menarik pekerja-pekerja India Selatan yang baharu untuk bekerja di ladang-ladang getah yang pada ketika itu berkembang pesat. Lebih-lebih lagi, langkah ini juga sebagai ganjaran untuk mengelakkan pekerja-pekerja India yang sedia ada pulang ke negara asal mereka. Ringkasnya, tujuan sebenar orang-orang British adalah untuk mendapatkan bekalan buruh yang berterusan tanpa gangguan bagi menjamin industri mereka di Eropah. Ini telah memaksa British untuk mewujudkan sekolah untuk orang Tamil ini (Utaman & Sivachandralingam, 2019).

Terdapat kira-kira empat jenis sekolah vernakular Tamil iaitu sekolah Tamil yang mendapat bantuan daripada kerajaan Inggeris, sekolah Tamil yang diurus oleh pihak majikan, sekolah Tamil yang diurus oleh masyarakat India dan sekolah Tamil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang diurus oleh Mubaligh Kristian. Dalam tahun 1816 telah diwujudkan sebuah sekolah yang terawal di Tanah Melayu iaitu *Penang Free School* yang diasaskan oleh Eferan Kuching. Oleh itu, mereka merasakan perlu untuk mewujudkan "cawangan" sekolahnya yang berbahasa Tamil. Akhirnya pada 1950 telah diadakan mata pelajaran Tamil di sekolah itu serentak dengan penubuhan Sekolah Anggota di Melaka yang menjadi antara sekolah terawal Tamil di Tanah Melayu.

Penubuhan sekolah vernakular India ini mungkin lebih awal daripada sekolah vernakular Melayu. Pada 1900-an dikatakan sudah ada tiga buah sekolah vernakular kerajaan dimana salah satu daripadanya ialah sekolah Tamil. Sekolah-sekolah Tamil mula dibina di estet-estet di '*Province Wenisly'* dan di kawasan Johor Utara. Sekolah vernakular Tamil menggunakan kurikulum daripada India. Pembinaan sekolah Tamil ini semakin rancak dengan wujudnya Kanun Buruh atau Labour Code yang digubal pada 1912 (Parameswari et al., 2020).

Dengan terlaksananya dasar ini, ia menunjukkan bahawa sekolah Tamil akan berkembang dengan pesat. Ini kerana adalah hampir mustahil untuk mencari sebuah ladang yang tidak memiliki budak yang berumur 7-14 tahun tambahan lagi jika ladang yang besar. Berkembangnya sekolah Tamil itu dapat dibuktikan pada 1938, terdapat kira-kira 547 sekolah Tamil di kawasan negeri-negeri Selat dan Negeri Melayu Bersekutu (Parameswari et al., 2010). Daripada jumlah yang besar itu, dapat dibahagikan pula kepada beberapa jenis sekolah Tamil iaitu 13 buah daripada jumlah itu adalah sekolah Tamil kerajaan, 511 buah pula adalah sekolah di estet-estet dan 23 daripadanya adalah sekolah Mubaligh. Jika diperhatikan lebih daripada 90% daripada jumlah sekolah terbabit adalah sekolah di kawasan estet. Ini sekaligus menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa Kanun Buruh (1912) telah berjaya dalam misinya (Parameswari et al., 2010). Menurut Parameswari et al. (2010) sekitar 1947 terdapat 741 buah sekolah Tamil dan dalam masa tiga tahun sehaja berlaku peningkatan yang agak ketara iaitu kepada 881 buah sekolah. Namun tidak semua daripada sekolah ini beroperasi dalam Bahasa Tamil sepenuhnya. Ini adalah kerana masyarakat India Selatan itu sendiri mempunyai pelbagai dielek dan loghat bahasa tersendiri yang tidak difahami antara satu sama lain. Daripada jumlah besar itu, Parameswari et al. (2010) menyatakan bahawa sebanyak 821 sekolah dikendalikan dalam Bahasa Tamil, 27 buah dikendalikan secara dwibahasa iaitu Tamil dan Telegu, 11 buah dalam bahasa Gujerat, 10 buah dalam bahasa Telegu sepenuhnya, lima buah sekolah Malayalam, dua buah dalam bahasa Hindi dan empat buah dalam Bahasa Tamil, Malayalam, Sinhala, Gurkha dan Gujerat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.3 Kurikulum Pendidikan Tamil Pada Zaman Sebelum Merdeka

Kurikulum Pendidikan Tamil Pada zaman sebelum merdeka mempuyai objektif dan hasrat yang jauh lebih berbeza daripada kurikulum pendidikan selepas merdeka. Buku teks diimport dari India dan memberi pengetahuan tentang budaya, sejarah, dan geografi India tanpa menekankan apa-apa tentang Tanah Melayu. British dan pihak majikan tidak memberikan sebarang bantuan sama ada secara fizikal, kewangan atau pedagogi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.3.1 Objektif Pendidikan Tamil Zaman Sebelum Kemerdekaan

Objektif pendidikan Bahasa Tamil yang diberikan pada masa itu berbentuk '*Functional Literacy'* iaitu menguasai 3M membaca, menulis dan mengira dalam Bahasa Tamil supaya kanak-kanak ini boleh turut mengikuti dalam '*main stream'* pendidikan di India apabila ibu bapa mereka balik ke India nanti (Utaman & Sivachandralingam, 2019). Segala isi pelajaran adalah berdasarkan latar belakang India (*Indian based curriculum*) dan unsur-unsur Tamil sahaja. Kejayaan murid-murid dalam pendidikan jenis ini dinilai dari segi kecekapan membaca dan menulis serta penghafalan karya klasik dan epik-epik Hindu. Darjah tertinggi dalam sekolah ini adalah Darjah VI. Namun, di kebanyakan sekolah Tamil pendidikan hanya diberi sehingga Darjah III dan IV kerana kebanyakan sekolah ini hanya mempunyai seorang guru sahaja dan keadaan ini menyukarkan beliau mengajar banyak kelas (Utaman & Sivachandralingam, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.3.2 Mata Pelajaran dan Sukatan Pelajaran

Di sekolah Tamil, pengajaran diajar sewenang-wenang sahaja tanpa sebarang kurikulum pada zaman tersebut. Di sekolah-sekolah Tamil keutamaanya telah diberi untuk pengajaran bahasa dan sastera Tamil. Buku-buku yang digunakan diimport dari Madras, Tamil Nadu, India. Kebanyakan guru yang bertugas juga tersemai idea-idea reformis sosial. Mereka telah menanam semangat Tamil dalam kalangan kanak-kanak sekolah ini.

Pendidikan Tamil secara formal diperkenalkan pada awal abad ke-19 (Rajendran, 2008). Sebelum tahun 1945 beberapa mata pelajaran telah diajar. Pelajaran Bahasa Tamil mengandungi beberapa bahagian seperti nyanyian, cerita, puisi, bacaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan bahasa (Utaman & Sivachandralingam, 2019). Pelajaran Ilmu Hisab juga diutamakan. Pelajaran Ilmu Alam dikenalkan dengan tajuk "Penghidupan Manusia di Dunia". Pelajaran-pelajaran seperti Ilmu Kesihatan, Pendidikan Jasmani, Lukisan dan Pertukangan dan Pengetahuan Am juga diajar. Selepas merdeka mata pelajaran Sains telah diperkenalkan dengan tajuk "Pelajaran Alam Semulajadi" dan Sejarah Tempatan juga diajar. Pada mulanya, murid-murid menulis dengan jari telunjuk di atas tanah dan ada kalanya jari itu akan berdarah akibat tekanan. Selepas itu penulisan atas papan batu diperkenalkan. Mereka menulis dengan mengunakan kalam. Murid-murid dibenarkan menulis dalam buku rampaian hanya selepas mahir menulis. Sebelum masuk belajar dalam darjah satu, murid-murid belajar dalam kelas-kelas *"primary"*. Murid-murid yang tamat darjah tiga boleh menulis Bahasa Tamil dengan fasih tanpa kesalahan (Utaman & Sivachandralingam, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.3.3 Buku Teks Bahasa Tamil

Pada mulanya jumlah murid yang belajar Bahasa Tamil adalah sangat sedikit. Semua sekolah rendah Tamil ini merupakan sekolah yang tidak formal. Oleh itu, sekolah-sekolah ini tidak mempunyai sebarang sukatan pelajaran. Tujuan sekolah Tamil pada masa itu adalah hanya untuk memberi pengetahuan bahasa bagi tujuan pertuturan dan penulisan sahaja. Sukatan pelajaran yang digunakan di sekolah-sekolah ini pada masa itu adalah berdasarkan pada sukatan pelajaran yang terdapat di India Selatan. Buku-buku yang digunakan semuanya di import dari Madras (Utaman & Sivachandralingam, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Semua sukatan pelajaran itu mengandungi unsur dan latar belakang India dan tidak merujuk kepada Tanah Melayu. Semua buku dikarang di India mengikut keadaan di situ. Oleh itu, buku-buku teks ini berorientasikan India. Murid-murid sekolah Tamil tidak mendapat inspirasi kebangsaan di sekolah (Utaman & Sivachandralingam, 2019). Hanya menjelang 1940-an penulis tempatan mula menulis buku-buku Tamil dan juga terjemahan buku dalam Bahasa Inggeris ke Bahasa Tamil (Utaman & Sivachandralingam, 2019). Namun keadaan sekolah Tamil ini berubah apabila Semenanjung Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

2.2.4 Kurikulum Pendidikan Tamil Pada Masa Kini

Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan (Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 [PU(A)531/97].

2.2.4.1 Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Bersepadu

Bahasa Tamil telah diiktiraf sebagai salah satu mata pelajaran yang diserapkan ke dalam sistem pendidikan formal di Malaysia hampir di setiap peringkat (Shanmugaa, Chew, Ramasamy, & Mohana (2021). Oleh yang demikian terdapat DSKP Bahasa Tamil yang terancang untuk Tahun 1 hingga 6 yang disediakan oleh BPK. DSKP

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahasa Tamil Sekolah Rendah yang menekankan KBAT dalam kalangan murid memenuhi reka bentuk kurikulum masa kini selari dengan hasrat PPPM 2013-2025 yang meletakkan kemahiran berfikir sebagai salah satu aspek yang diperlukan untuk murid berdaya saing. DSKP yang dihasilkan telah menyepadukan enam tunjang kerangka KSSR, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Aspek yang menyebabkan DSKP Bahasa Tamil Sekolah Rendah memenuhi reka bentuk kurikulum masa kini adalah menerusi penekanan terhadap KBAT dalam kalangan murid menerusi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Disamping itu, bagi menjayakan pelaksanaan KSSR, pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21 (BPK, 2015).

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Tamil Tahun Lima (KPM, 2019) dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi, Kerohanian, Sikap dan Nilai, Kemanusiaan, Literasi Sains dan Teknologi, Fizikal dan Estetika dan Keterampilan Diri (KPM, 2019). Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif yang menjadi unsur utama dalam KBAT. Kesepaduan ini bertujuan untuk membangunkan modal insan yang seimbang, berpengetahuan dan berketerampilan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.4.2 Objektif Komponen Sastera dalam DSKP

KPM (2017) telah menggariskan objektif pengajaran sastera untuk sekolah-sekolah rendah. Ia adalah seperti berikut :

i. Untuk mengajar para murid mengenal jenis-jenis sastera dan mengetahui bentuk- bentuk khusus tiap jenis sastera itu.

ii. Untuk memperkenalkan kepada para murid dalam bentuk yang paling sederhana kepada minat kritik sastera dan mendorong pemikiran aras tinggi.

iii. Untuk membantu para murid membentuk tabii yang baik dalam pembinaan perbendaharaan kata

iv. Untuk merangsang minat membaca selanjutnya dalam segala bentuk dan berbagai jenis sastera.

v. Untuk membolehkan murid mengaplikasikan nilai-nilai yang dipelajari dalam kehidupan harian mereka.

2.2.4.3 Sistem Bahasa

Sistem Bahasa dalam PdP Bahasa Tamil terdiri daripada tatabahasa, perbendaharaan kata, '*ceiyul'*, puisi, '*palamoli'* (peribahasa) '*inaimoli'* (kata ganda) '*marabuthodar'* (simpulan bahasa) '*uvamaithodar'* (bandingan semacam) dan '*iraddaikilavi'* (perkataan berkembar). Kandungan ini diselitkan bagi mengindahkan serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengukuhkan lagi penggunaan bahasa. Thirukkural termasuk dalam bahagian '*ceiyul'*.

2.2.5 Perkembangan Terkini

Kini, mengikut data emis bertarikh 31 May 2024 sebanyak 528 buah sekolah Tamil berfungsi di Malaysia dengan seramai 83, 389 orang murid. Manakala seramai 8499 orang guru tidak termasuk 520 orang guru besar, berkhidmat di sekolah-sekolah di Malaysia (KPM, 2024). Maklumat penting yang terkini dipaparkan dalam Jadual 2.2.

Jadual 2.2

Maklumat Penting SJKT Seperti Dalam Emis Pada 31 May 2024

SJKT DI MALAYSIA		
1. Lokasi		Jumlah
Bandar	165	
Luar Bandar	363	528
2. Bantuan		
Bantuan Penuh Kerajaan	371	
Bantuan Separuh Kerajaan	156	528
3. Bilangan Guru		
Guru Besar	520	
Guru-Guru	8499	9019
4. Bilangan Murid		
Lelaki	42,217	
Perempuan	41,172	83389

Sumber: KPM (2024)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.5.1 PdP Bahasa Tamil di Sekolah Rendah

Jumlah masa yang diperuntukkan untuk PdP Bahasa Tamil tahap satu SJKT ialah 330 minit. Manakala pada tahap 2 sebanyak 270 minit diperuntukkan. Sementara itu matapelajaran seperti Sains, Matematik juga turut diajarkan dalam Bahasa Tamil di sekolah-sekolah yang tidak mengamalkan dwibahasa. Selain dari itu matapelajaran Sejarah, Teknologi Maklumat, Rekabentuk, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dan Pendidikan Moral juga diajarkan dalam Bahasa Tamil.

2.2.5.2 Komponen Sastera dalam DSKP Bahasa Tamil

DSKP Bahasa Tamil Sekolah Rendah yang menekankan KBAT dalam kalangan murid memenuhi reka bentuk kurikulum masa kini selari dengan hasrat PPPM 2013-2025 yang meletakkan kemahiran berfikir sebagai salah satu aspek yang diperlukan untuk murid berdaya saing. DSKP Bahasa Tamil SJKT merangkumi pelbagai komponen termasuk komponen sastera. Bahagian ini akan membincangkan komponen sastera dalam DSKP Bahasa Tamil peringkat sekolah rendah secara terperinci. Jadual 2.3 menunjukkan analisis ringkas tentang penyelitan komponen sastera dalam DSKP Bahasa Tamil KSSR mengikut tahun pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.3

Penyelitan Komponen-Komponen Sastera DSKP Bahasa Tamil KSSR Mengikut Tahun Pembelajaran

BIL	Komponen Sastera	Tahun						Jumlah	
		1	2	3	4	5	6	Keseluruhan	Dipilih Oleh KPM
1	*Athichoodi*	12						108	12
2	*Puthiya Athicoodi*	12						12	12
3	*Kondrai Venthan*	7	7					91	14
4	*Ulaga Neethi*			6	6	6		18	18
5	*Vetri Verkkai*				3	3	3	75	9
6	*Muuthurai*				1	1	1	30	3
7	*Thirukkural*	3	3	3	5	8	7	1330	30
8	*Nal vali*				1			40	1
9	*Naaladiyaar*					1		102	1
10	*Nannneri*						1	40	1
11	*Palvagai Seiyul*			1	1	1		3	
	JUMLAH								104

Sumber: DSKP Bahasa Tamil, KPM 2019

Manakala Jadual 2.4 memaparkan analisis penyelitan komponen sastera berbentuk kiasan dalam DSKP Bahasa Tamil KSSR.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.4

Penyelitan Komponen-Komponen Sastera Berupa Kiasan dalam DSKP Bahasa Tamil KSSR Mengikut Tahun Pembelajaran

Bil	Komponen Sastera Berupa Kiasan	Tahun						Jumlah	
		1	2	3	4	5	6	Keseluruhan	Dipilih oleh KPM
1	*Bahasa Ganda (Inaimoligal)*	4	3	3	3	4	4	Tidak Diketahui	21
2	*Bandingan Semacam (Uvamai Thodar)*			3	3	3	3	Tidak Diketahui	12
3	*Kata Gandaan (IrattaiKilavi)*	4	3	3	3	3	3	Tidak Diketahui	19
3	*Simpulan Bahasa (Marabu Thodar)*	4	4	6	6	10	10	Tidak Diketahui	40
4	*Peribahasa (Pazhamoligal)*	4	4	6	6	10	10	Tidak Diketahui	40
	Jumlah								132

Sumber: DSKP Bahasa Tamil, KPM 2019

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.6 Asal Usul Thirukkural

Daripada 1330 kuplet Thirukkural, hanya sebanyak 30 kuplet dipilih oleh BPK untuk dimasukkan dalam DSKP Bahasa Tamil KSSR, yang mana merupakan komponen yang terbanyak dalam kandungan sastera. Daripada 30 kuplet tersebut sebanyak lapan kuplet dipilih untuk diajarkan kepada murid-murid Tahun Lima dan ia merupakan tahun dimana murid-murid mempelajari Thirukkural yang paling banyak (KPM, 2020).

Karya etika Thirukkural ciptaan seorang penyajak Tamil agung yang bernama Thiruvalluvar adalah merupakan sebuah karya prinsip-prinsip etika dan moral yang menyeluruh yang menyentuh tajuk-tajuk seperti ketuhanan, kemanusiaan, politik,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disiplin dan sebagainya. Istilah Kural yang merupakan nama karya itu, dan Valluvar yang merupakan nama pengarang karya itu, adalah didahului dengan kata awalan *'Thiru'*. Kata awalan *'Thiru'* itu adalah mempunyai beberapa erti seperti kekayaan, kesucian dan keutamaan. Kata itu pernah digunakan dalam tradisi Tamil sebagai kata awalan kehormatan untuk penjelmaan kedewaan, pemimpin-pemimpin manusia yang suci dan terutama, dan karya-karya kesusteraan, ketatasusilaan dan keagamaan yang agung (Singaravelu, 2013). Istilah *'Kural'* dalam Bahasa Tamil adalah menandakan sejenis sajak pendek, yang terdiri dari dua baris, dan oleh kerana seluruh karya Thirukkural adalah terdiri dari sajak-sajak Kural, maka karya itu juga dikenali sempena dengan nama bentuk sajak tersebut.

Thirukkural merupakan karya agung yang unggul dan paling popular dalam kalangan masyarakat Tamil dari seluruh pelusuk dunia. Karya Thirukkural dianggap oleh sebilangan besar sarjana sebagai sebuah karya yang telah dicipta pada suatu masa Sebelum Masihi, walaupuna ada sarjana-sarjana lain yang mendakwa suatu tarikh antara tahun 450 dengan 550 Masihi (Zvelebil 1973). Disamping itu, terdapat juga tradisi mengenai Tahun Thiruvalluvar dikalangan orang-orang Tamil dan menurut tradisi itu, Thiruvalluvar telah dilahirkan pada tahun 31 sebelum Masihi. Oleh yang demikian, Tahun Thiruvalluvar kini ialah 2056 (2025 Masihi).

Thiruvalluvar berpandangan jauh dan berfikiran luas. Buah fikirannya kompleks dan terlalu dalam maknanya sehinggakan masyarakat biasa tidak dapat memahami dan mempraktikkannya dengan sempurna (Palanisamy, 2012). Sekiranya seseorang individu mahu berpegang teguh kepada ajaran Thiruvalluvar, individu tersebut seharusnya mempunyai pemahaman yang tinggi dalam amalan pemikirannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Kartheges, 2017). Walaupun kandungan Thirukkural agak kompleks, ia tetap menjadi amalan dalam kehidupan seharian dalam pelbagai lapisan masyarakat India tanpa disedari. Apa yang disarankan oleh Thiruvalluvar adalah kehidupan yang sempurna (Kartheges, 2017). Setiap tindak tanduk manusia dengan akibatnya telahpun disarankan oleh Thiruvalluvar melalui kuplet-kuplet Thirukkural. Untuk memahaminya seseorang individu perlu mempunyai pemikiran kritis iaitu salah satu komponen utama dalam KBAT (Kartheges, 2017).

Thirukkural mengandungi 1330 kuplet yang ditera dalam dua baris dalam tiga tajuk besar iaitu Keadilan, Kebahagian dan Kebendaan. Bahagian pertama adalah '*Aram' yang* membawa maksud kebenaran, kebaikan, sifat baik, dan sifat murni. Ia juga boleh diertikan dengan keadilan atau dharma yang membicarakan dalam 38 bab iaitu 380 kuplet tentang kebajikan, pentadbiran negara dan cara mencapai '*moksha'* yang bererti bersatu dengan Tuhan. Bahagian kedua adalah' *Porul'* iaitu kebendaan. Kebendaan merupakan usaha kehidupan untuk mencari kekayaan dan ilmu demi kehidupan yang sempura dalam dunia ini. Kebendaan menghuraikan tentang soal wang dan harta dalam 70 bab yang mengandungi 700 kuplet. Bahagian ketiga adalah '*Inbam'* iaitu nikmat cinta yang membicarakan tentang soal nikmat cinta dan kehidupan suami isteri dalam 25 bab yang mengandungi 250 kuplet (Pagalavan, 2015). Kenikmatan cinta menekankan nilai-nilai hidup yang harus diamalkan oleh pasangan hidup bagi menikmati dan menghayati cinta antara kedua-dua insan mahupun sebelum berkahwin dan selepas mendirikan rumah tangga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap kuplet Thirukkural mengandungi dua baris. Baris pertama terdiri daripada empat kata manakala baris kedua terdiri daripada tiga kata. Contoh kural dibawa menunjukkan susunan kural seperti Rajah 2.1.

Rajah 2.1

Contoh Thirukkural

Agara muthala eluthellaam aathi	***- baris 1***
Bagawan muthatre Ulagu	***- baris 2***
Sembahlah insan murni Illaahi	
Nikmati intipati puspa murni	
(Terjemahan Kural Dalam Bahasa Melayu)	

Sumber: Singaravelu Sacchidhanandham(2013)

Thirukkural merupakan salah satu elemen atau bahagian penting yang terdapat dalam kurikulum Bahasa Tamil (Riinah, 2022). Thirukkural sendiri telah dihasilkan berpandukan kepada empat kemahiran berfikiran aras tinggi iaitu aplikasi, analisis, menilai dan mereka cipta. Contohnya, kuplet yang berbunyi *"karka kasadara karpavai katrapin nirka atharku thaga"* adalah satu contoh kuplet aplikasi. Kuplet ini bermaksud semasa belajar seseorang individu perlu belajar tanpa sebarang kesalahan. Setelah mempelajari sesuatu, individu tersebut perlu mengamalkannya dalam kehidupan harian apa yang dipelajarinya. Seterusnya kuplet yang menerangkan kemahiran analisis adalah kuplet yang berbunyi *"ithanai ithanaal ivan mudikum endraainthu athanai avan kan vidal"* yang bermaksud menganalisis dahulu kebolehan dan kesanggupan seseorang untuk melakukan kewajipan atau tugasan yang diberikan kepadanya supaya ia tidak memberi kesan negatif pada masa akan datang (Kartheges, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Kunamnaadi kutramum naadi avatrrul migainaadi mikka kolal" pula merupakan kuplet yang dikaitkan dengan kemahiran penilaian. Kuplet ini bermaksud "tinjaulah sikap baik buruk seseorang sebelum membuat sesuatu keputusan berdasarkan kelebihannya (Kartheges, 2017). Kuplet 675 yang berbunyi "*porul karuvi kaalam vinaiyitanoadu aindhum iruldheera ennich seyal"* pula berkaitan dengan kemahiran mencipta yang membawa maksud "lakukan sesuatu tindakan selepas pertimbangan yang sewajarnya terhadap lima iaitu wang, cara, masa, pelaksanaan dan tempat. Kelima-lima perkara ini adalah perkara yang perlu diberi perhatian semasa mencipta atau mereka sesuatu.

Thirukkural adalah teks bercirikan moral dan bukan teks suci berciri keagamaan. Maka, Thirukkural mudah diterima masyarakat dunia kerana kandungannya sesuai bagi seluruh umat manusia tanpa mengira batasan geografi, budaya dan agama. Thirukkural merupakan karya sastera yang merentasi sempadan, meneroka spektrum luas kehidupan manusia. Kandungan etika dan moralnya yang berkekalan dijalin dengan rumit dalam ketiga-tiga bahagian (Rajasegaram & Muniandy, 2022). Sastera klasik Thirukkural ini menjadi pedoman kepada manusia agar menjalani kehidupan yang adil dan bijaksana. Karya klasik ini bukan sahaja memperkayakan warisan India tetapi juga terus memberikan pandangan yang relevan tentang etika dan moral, menekankan kepentingannya yang berkekalan untuk keamanan dan keharmonian global (Gautam, 2021). Menurut Anurani (2019) Thirukkural telah diterjemahkan kedalam 24 bahasa iaitu Bahasa-bahasa India seperti Sanskrit, Hindi, Telugu, Kannada, Malayalam, Bengali, Marathi, Gujerat dan Urdu. Manakala ia juga diterjemahkan dalam Bahasa Asia dan Eropah seperti Burma, Melayu, Cina, Fiji, Latin, Perancis, Jerman, Rusia, Poland, Sweden, Thai dan Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tetapi Mohan Kumar dalam Kartheges (2014) menyatakan bahawa Thirukkural telah diterjemahkan dalam lebih kurang 82 bahasa termasuk Bahasa Melayu dan Bahasa Cina. Pada Oktober 2021, Institut Pusat Tamil Klasik mengumumkan menterjemah teks Kural ke dalam 102 bahasa dunia. Buku yang bersifat sekular ini terdapat lebih daripada lima puluh terjemahan berbeza dalam Bahasa Inggeris sahaja (Nelza, Mohanty & Shiva Durga, 2023). Menurut Kartheges (2017) tiga orang penterjemah yang telah menterjemahkan Thirukkural ke dalam Bahasa Melayu ialah Soosai (1991), Rajantheran (2003) dan Singaravelu Sacchidhanandham (2013). Pada tahun 1964, Ramily Bin Thakir menterjemah teks Kural dalam ayat Bahasa Melayu. Pada tahun 1967, Hussein Ismail menterjemahkan karya tersebut di bawah tajuk "Thirukkural Sastera Kalasik Tamil Yang Unggul". Pada tahun 1978, terjemahan G. Soosai muncul di bawah tajuk "Thirukkural dalam Bahasa Melayu". Terjemahan keempat muncul pada tahun 2013 oleh Singaravelu Sacchidhanandham. Pada tahun 2023, sebagai sebahagian daripada siri Klasik Tamil Kuno dalam terjemahannya, *Central Institute of Classical Tamil (CTMK)* di Chennai mengeluarkan terjemahan Bahasa Melayunya bagi Kural oleh Arulselvan Raju. Sehingga Tahun 2024, Bahasa Melayu mempunyai sekurang-kurangnya tujuh terjemahan Thirukkural. Jadual 2.5 menunjukkan pembahagian bab dalam Thirukkural.

Jadual 2.5

Pembahagian Bab dalam Thirukkural

Bahagian	**Jumlah Bab**	**Jumlah Kuplet**
Kebenaran (*Aram*)		
Syukuran kepada Tuhan	38	380
Syukuran terhadap hujan		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian	**Jumlah Bab**	**Jumlah Kuplet**
Syukuran rumah tangga Kebaikan bertapa		
Kebendaan (Porul)		
Tatacara memerintah negara Tatacara pengurusan tentera, kabinet kerajaan Politik persahabatan keluargaan	70	700
Kenikmatan Cinta (*Inbam*)		
Percintaan sebelum kahwin hubungan suami isteri	25	250
Jumlah	133	1330

Seiring dengan objektif Falsafah Pendidikan Negara, Thirukkural merupakan satu kompenen yang sangat sesuai untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Menyedari hakikat ini sebanyak 30 kuplet yang bersesuaian dengan tahap dan umur murid sekolah rendah dipilih dan dijadikan salah satu komponen sastera dalam DSKP Bahasa Tamil. Murid akan mempelajari 30 kuplet dari Tahun 1 hingga Tahun 6 tetapi hanya lapan kuplet sahaja yang dipilih dan dimasukkan dalam DSKP Bahasa Tamil Tahun Lima.

Oleh kerana, bab kenikmatan cinta lebih bersesuaian untuk orang dewasa, maka lapan kuplet Thirukkural dari Kebendaan dan kebenaran dipilih untuk dimasukkan dalam DSKP Bahasa Tamil. Berikut adalah lapan kuplet Thirukkural yang tersenarai dalam DSKP Bahasa Tamil Tahun Lima KSSR semakan bersama maksudnya (KPM, 2020) yang akan digunakan dalam Modul MoKThI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebenaran (*Aram)*

Kuplet 1:

Bab 9: Menyambut Tetamu (Virunthombal)

மோப்பக் குழையும் அனிச்சம் முகந்திரிந்து
நோக்கக் குழையும் விருந்து. *(கூ – 90)*

Moppak Kulaiyum anicham; muganthirinthu
Nokkak kulaiyum Virunthu (Kuplet: 90)

Pengertian:

- Sejenis bunga yang bernama *'anicham'* akan layu apabila dihidu; tetamu akan merana apabila (tuan rumah) memandang (kepada tetamu) dengan wajah yang sudah berubah.
  (Singaravelu Sachithanantham, 2013)

- Bunga anitcha layu apabila di-pegang di-tepi hidong dan di-chiumi pula: tetapi hanya dengan satu jelingan hati tetamu dapat di-lukakan.
  (Ismail Hussein, 1967)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kuplet 2:

Bab 11 : Penghargaan (Ceeinandri Arithal)

காலத்தி னாற்செய்த நன்றி சிறிதெனினும்
ஞாலத்தின் மாணப் பெரிது. *(ாஉ - 102)*

Kaalattinal seuta nanri siriteninum;
Nyaalattin maanap peritu (Kuplet: 102)

Pengertian:

- Biarpun bantuan, yang telah dihulurkan (kepada orang) oleh orang lain pada waktu yang tepat, hanya sedikit sahaja, tetapi bantuan itu adalah lebih besar daripada alam bumi.
  (Singaravelu Sachithanantham, 2013)

- Budi baik yang di-beri waktu di-perlukan mungkin kechil nampak-nya: tetapi ia lebeh berat dari seluroh dunia.
  (Ismail Hussein,1967)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kuplet 3:

Bab 13: Pengendalian Diri *(Adakam Udaimai)*

யாகாவா ராயினும் நாகாக்க காவாக்கால்
சோகாப்பர் சொல்லிழுக்குப் பட்டு. *(ஈ உ ஏ எ - 127)*

Yaagaavaar aayinum naagaakka; kaavaakkaal
Soogaappar sollilukkup paddu (Kuplet: 127)

Pengertian:

- Biarpun orang tidak mengawal apa-apa yang lain, kawallah lidahnya; jika tidak mengawalnya, dia akan tertangkap kerana kesalahan ucapan (buruk) dan menderita.
  (Singaravelu Sachithanantham, 2013)

- Kalau tiada apa yang kamu kendalikan, kendali-lah lidah-mu: kerana lidah yang linchah akan terlanjor kata dan membawa-mu ka-lembah duka.
  (Ismail Hussein, 1967)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kuplet 4:

Bab 21 : Menghindarkan Dosa *(Thivinai Accam)*

தீயவை தீய பயத்தலால் தீயவை
தீயினும் அஞ்சப் படும். *(உ ஈ உ - 202)*

Tiiyavai tiiya payattalaal tiiyavai
Tiiyinum anjap padum (Kuplet: 202)

Pengertian:

- Oleh kerana perbuatan – perbuatan jahat mengakibatkan penderitaan, ianya harus ditakuti lebih sangat daripad api.
  (Singaravelu Sachithanantham, 2013)

- Kejahatan akan melahirkan kejahatan: oleh itu kejahatan perlu-lah di-takuti lebeh daripada takutkan api.
  (Ismail Hussein. 1967)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kuplet 5:

Bab 30: Bercakap Benar *(Vaaimai)*

வாய்மை எனப்படுவது யாதெனின் யாதொன்றும்
தீமை இலாத சொலல். *(உஊகூ க - 291)*

Vaaimai enapaduvathu yaathenin
yaathondrum Thiimai ilaatha solal

(Kuplet: 291)

Pengertian:

- Jika ditanya, apalah yang dimaksud dengan vaaimai (kebenaran) itu adalah pengucapan kata-kata, yang tidak mendatangkan sedikuitpun keburukan kepada orang lain.
  (Singaravelu Sachithanantham, 2013)

- Apa-kah kebenaran kata? Uchapan murni yang tidak terkandong maksud burok biar pun sa-besar hama.
  (Ismail Hussein, 1967)

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebendaan *(Porul)*

Kuplet 6:

Bab 40: Ilmu *(Kalvi)*

ஒருமைக்கண் தான்கற்ற கல்வி ஒருவற்கு
எழுமையும் ஏமாப் புடைத்து. *(ஙஊகூஅ - 398)*

Orumaikkaṇ tāṉkaṟṟa kalvi oruvaṟku
eḻumaiyum ēmāp pudaittu. (Kuplet : 398)

Pengertian:

- Ilmu yang diperoleh seseorang dalam kehidupan ini bukan sahaja membantunya dalam kehidupan ini, malahan ia terus bersamanya sehingga penjelmaan- penjelmaan yang akan diambil olehnya. (Singaravelu Sachithanantham, 2013)

- Ilmu yang di-peroleh sa-saorang di-dalam hidup-nya ini akan tetap mempertinggikan-nya hingga ka-penjelmaan-nya yang ka-tujoh. (Ismail Hussein, 1967)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kuplet 7:

Bab 40: Ilmu *(Kalvi)*

கேடில் விழுச்செல்வம் கல்வி யொருவற்கு
மாடல்ல மற்றை யவை. (சா - 400)

Keedil vilucelvam kalvi oruvatkku
Maadalla madravai yavai

(Kuplet: 400)

Pengertian:

- Ilmu adalah merupakan kekayaan yang baik sekali untuk orang, kerana iainya tidak pernah termusnah; semua jenis kekayaan (kebendaan) yang lain bukanlah kekayaan yang baik kerana iainya akan termusnah.
  (Singaravelu Sachithanantham, 2013)

- Khazanah yang paling kekal lagi sempurna bagi manusia ia-lah ilmu; harta2 yang lain tidak berharga di-samping-nya.
  (Ismail Hussein, 1967)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kuplet 8:

Bab 42: Kebijaksanaan (Arivudaimai)

எப்பொருள் யார்யார்வாய்க் கேட்பினும் அப்பொருள்
மெய்ப்பொருள் காண்ப தறிவு. (சா உ ய ங - 423)

Epporul Yaaryaarvaaik Ketpinum Apporul
Meypporul Kaanpa Tharivu (Kuplet :423)

Pengertian:

- Biarpun terdengar apa-apa, yang dikatakan oleh mana-mana pihak mengenai apa-apa perkara, tetapi pengetahuan (kebijaksanaan) orang adalah meneliti, dan mengetahui kedudukan sebenar perkara itu. (Singaravelu Sachithanantham, 2013).

- Memisahkan yang benar dari yang palsu dalam sa-tiap bichara, biar siapa pun yang mengeluarkan-nya, itu-lah sa-bahagian daripada pengertian yang bijaksana.
  (Ismail Hussein, 1967)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.6.1 Keistimewaan Thirukkural

Menurut Kartheges (2017) Thirukkural merupakan salah satu karya etika yang disanjung tinggi kerana kewibawaan ajarannya yang bersifar universal dalam kalangan masyarakat Tamil. Terdapat 310 huraian kepada Thirukkural. Karya Thirukkural yang bersifat global membawa kesejahteraan dalam kehidupan seseorang individu kerana ia mengandungi tiga elemen penting iaitu etika, kekayaan dan kesukaan. Keunggulan Thirukkural telah menarik perhatian para cendekiawan Barat dan Timur sehingga mereka meluahkan perasaan dan penghayatan yang tidak terhingga terhadap karya tersebut (Kartheges, 2017). Berikut merupakan beberapa petikan yang boleh dipetik dari sarjana timur dan barat tentang Thirukkural.

Mahathma Gandhi, Bapa Kebangsaan India yang disanjung tinggi oleh dunia sejagat, memberi pendapat seperti berikut setelah beliau menelaah Thirukkural semasa beliau dipenjarakan.

> *"A textbook of indispensable authority on moral life. The maxims of Valluvar have touched my soul. There is none who has given such a treasure of wisdom like him. We may not all be aware even of the name of Sage Thiruvalluvar. North Indian people certainly do not know his name. Few saints have given to the people as much knowledge as he has done in the minimum of words."*
>
> (Mahatma Gandhi, 1869–1948)

Dr. Albert Schweitzer salah seorang Pemenang Hadiah Keamanan Mulia 1952 (Nobel Prize) seorang ahli teologi Perancis-Jerman, seorang ahli falsafah dan seorang doctor menyatakan bahawa;

> *“.. a natural and ethical world and life affirmation of this kind was present among the people of (South) India at the beginning of our era*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

although nothing of this can be found in Brahmanism, Buddhism and Bagavd Gita Hinduism …"

Alexander Piatigorsky, 1929–2009 merupakan salah seorang ahli falsafah terhebat dari Rusia pada abad ke-20, seorang ahli filologi yang mahir dalam kajian Bahasa Rusia, Latin, Inggeris, Jerman, Itali, Perancis, Tamil, Sanskrit, Pali dan Tibet Ahli falsafah Rusia ini memberi pendapat tentang Thirukkural seperti berikut:-

"The Kural is rightly considered a chef d'oeuvre (karya agung) of both Indian and world literature due not only to the great artistic merits of the work but also to the lofty humane ideas permeating it which are equally precious to the people all over the world, of all periods and countries"

Manakala Karl Graul, seorang sarjana Jerman yang menterjemahkan Kural ke dalam Bahasa Jerman menyatakan bahawa;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"No translation and convey an idea of its (Thirukkural's) charming effect. It is truly an apple of gold in the network of silver. Therefore, no translation can do justice to the poetical brevity of Kural and its delightful rhymes and repetitious words". (Describes Kural as "the peerless of pearls in this old and rich classical literature of the Tamilians."

Memetik dari ucapan seorang sarjana lain, Rev. Dr. J. Lazarus, yang merupakan salah seorang penulis ulasan dalam Bahasa Inggeris tentang Thirukkural menyatakan bahawa ;

"Kural is composed in the purest Tamil. In about 12,000 words which the poet has employed to convey his thoughts there are scarcely fifty of Sanskrit origin. No known Tamil work can even approach the purity of Kural. It is a standing rebuke to the modern Tamil"

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seorang lagi sarjana antarabangsa, Kamil Zvelabil, juga seorang sarjana Tamil Czechoslovakia mengisytiharkan dalam Budaya Tamil, Jilid V, No.4, halaman 296, seperti berikut;

> *"declares in Tamil Culture ,Volume V, No.4, page 296 "Kural is one of the greatest books of the world, one of those singular emanations of human heart and spirit which preach positive love and forgiveness and peace"*

Dr. Leigh Lisker merupakan seorang profesor emeritus linguistik yang juga membuat sumbangan penting kepada linguistik Dravidian, termasuk buku *"Introduction to Spoken Telugu"*. Beliau melakukan penyelidikan membandingkan persepsi fonetik dan fonologi di pihak penutur bahasa yang naif dan canggih dari segi linguistik dari latar belakang bahasa ibunda yang berbeza. Beliau juga merupakan seorang penulis Encyclopaedia Americana Vol.XV menyatakan dalam mukasurat 26 buku tersebut bahawa.

> *"A third type of early writing is exemplified by the Kural (literally couplet) perhaps the most widely known Tamil classic. This is a work of didactic morality whose 1330 couplets are remarkable for their economy and clarity of style, for the wide range of human situations for which they provide guidance and for their unique blend of worldly wisdom and idealistic ethics."*

Pengisytiharan beberapa cendekiawan dan pemikir besar dunia, yang dipetik di atas, menunjukkan dengan jelas bahawa butir-butir kebijaksanaan pekat yang terkandung dalam 1330 kuplet padat Thirukkural adalah mata air tawar yang tidak berkesudahan untuk digunakan untuk membersihkan dunia dari kekotoran seperti kemarahan, kebencian, dan ketidakadilan. Thirukkural adalah buku teologi bukan mazhab, dengan teguh percaya kepada Tuhan, tetapi tidak kepada tuhan atau mana-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mana tuhan mazhab, tetapi kepada Tuhan sejagat tunggal. Dalam kuplet 1330, walaupun ditulis dalam Bahasa Tamil, tidak pernah perkataan Tamil disebut. Ini jelas membuktikan bahawa Thirukkural adalah milik manusia sejagat, tanpa mengira bahasa dan bangsa.

2.2.6.2 Nilai-Nilai Moral dalam Thirukkural

Thirukkural sarat dengan nilai-nilai yang perlu dijadikan sebagai prinsip pegangan dalam kehidupan seseorang manusia (Kartheges, 2017). Antara nilai-nilai yang disebutkan dalam Thirukkural adalah seperti keadilan, amanah, baik hati, kejujuran, bersimpati, bertolaransi, ikhlas, menghargai masa, tolong-menolong, beriman, bermaruah, berjasa, berdedikasi, berilmu, kepercayaan kepada tuhan, kesabaran dan sebagainya (Kartheges, 2017). Secara ringkasnya boleh dinyatakan bahawa Thirukkural menjadi pelita hidup kepada setiap insan yang inginkan kehidupan aman, harmoni dan sejahtera di dunia ini. Oleh sebab itulah Mahkamah Tertinggi India mengarahkan supaya semua sekolah di India wajib diajarkan Thirukkural (Kasturi, 2016). Menyedari hakikat ini, KPM juga memasukkan Thirukkural sebagai satu komponen sastera yang perlu dikuasai oleh murid-murid demi melahirkan murid yang mempunyai akhlak dan nilai murni yang tinggi.

2.2.7 Implikasi Sejarah Pendidikan Tamil Terhadap Kajian

Sejarah Pendidikan Tamil menunjukkan bahawa sastera Tamil telah diberi keutamaan dan diajarkan sejak masyarakat India mula diberi peluang pendidikan. Penjelajahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji dalam topik ini juga membantu beliau lebih memahami sistem pendidikan Tamil di Malaysia sejak zaman penduduk India menerima pendidikan di negara ini. Thirukkural adalah salah satu komponen utama yang tidak pernah diasingkan dari DSKP Bahasa Tamil. Ini adalah kerana ciri-ciri istemewa dan keunggulan yang terdapat dalam Thirukkural. Selain dari itu Thirukkural adalah satu komponen yang sangat sesuai untuk meningkatkan KBAT murid-murid apabila ia dimanipulasikan dengan bijak. Pemahaman dalam sejarah Pendidikan Tamil di Malaysia dan Thirukkural adalah amat penting untuk pengkaji mereka bentuk Modul MoKThI. Penjelajahan pengkaji dalam sejarah pendidikan Tamil memberi satu pemahaman yang menyeluruh tentang perkembangan Pendidikan Tamil di Malaysia dan menyedarkan pengkaji betapa pentingnya Thirukkural diterapkan dalam PdP Bahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Teori Pembelajaran Berkaitan Kajian

Teori merupakan perkara asas kepada sesuatu bidang ilmu pendidikan. Teori pembelajaran dalam pendidikan memberi fokus kepada aspek-aspek pembelajaran dan daripadanya datang idea-idea dan prinsip-prinsip tertentu. Beberapa teori digunakan dalam kajian ini. Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky, teori yang berkaitan dengan KBAT dan pendekatan tiga fasa pembelajaran Inkuiri Terbimbing Hanson akan dibincangkan dalam bahagian ini.

2.3.1 Teori Kognitif

Teori kognitif berkaitan dengan cara minda memproses maklumat. Menurut Piaget, kanak-kanak bina skemata *(schemata)* atau struktur kognitif dalam usahanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memahami persekitarannya atau pengalamannya. Oleh itu, skemata kanak-kanak bertambah hari demi hari melalui data yang ditafsir dan disimpan oleh kanak-kanak tersebut. Terdapat beberapa konsep penting yang diutarakan oleh beliau. Antara konsep-konsep penting tersebut adalah skema, asimilasi, akomodasi dan adaptasi.

2.3.1.1 Skema (*Schema*)

Tahap pertama ialah Skema. Skema merujuk kepada potensi am yang ada dalam diri manusia untuk melakukan sesuatu dengan cara tertentu dan merupakan model tingkah laku asas individu yang ditonjolkan semasa proses pengubahsuaian diri dalam alam sekitar. Ia dirujuk sebagai kebolehan atau pengalaman individu berdasarkan syarat-syarat yang diwarisi. Mengikut Piaget, perubahan skema kanak-kanak ini hasil yang diperolehi daripada pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.1.2 Asimilasi (*Assimilation*)

Tahap kedua ialah Asimilasi. Asimilasi merupakan satu proses penyesuaian antara objek yang baharu diperolehi dengan skema yang sedia ada. Proses asimilasi yang berlaku membolehkan manusia mengikuti sesuatu modifikasi skema hasil daripada pengalaman yang baharu diperolehi.

2.3.1.3 Akomodasi (*Accomodation*)

Konsep ketiga ialah Akomodasi. Akomodasi ialah merupakan suatu proses di mana struktur kognitif mengalami perubahan. Akomodasi berfungsi apabila skema tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapat mengasimilasi (menyesuaikan) persekitaran baharu yang belum lagi berada dalam perolehan kognitif kanak-kanak. Jean Piaget menganggap perubahan ini sebagai suatu proses pembelajaran.

2.3.1.4 Adaptasi (*Adaptation*)

Konsep terakhir ialah adaptasi. Adaptasi merupakan satu keadaan di mana wujud keseimbangan diantara akomodasi dan asimilasi untuk disesuaikan dengan persekitaran. Keadaan keseimbangan akan wujud apabila kanak-kanak mempunyai kecenderungan sejadi untuk mencipta hubungan apa yang dipelajari dengan kehendak persekitaran. Jean Piaget mendapati kemampuan mental manusia muncul di tahap tertentu dalam proses perkembangan yang dilalui.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut beliau lagi, perubahan daripada satu peringkat ke satu peringkat seterusnya hanya akan berlaku apabila kanak-kanak mencapai tahap kematangan yang sesuai dan terdedah kepada pengalaman yang relevan. Tanpa pengalaman-pengalaman tersebut, kanak-kanak dianggap tidak mampu mencapai tahap perkembangan kognitif yang tinggi (Mok Soon Sang, 2012). Oleh yang demikian, beliau telah membahagikan perkembangan kognitif kepada empat tahap yang mengikut turutan umur. Tahap-tahap perkembangan tersebut antaranya ialah Tahap Sensori motor atau deria motor (dari lahir hingga 2tahun) Tahap Praoperasi (2 hingga 7 tahun) Tahap Operasi Konkrit (7 hingga 12 tahun) dan Tahap Operasi Formal (12 tahun hingga dewasa).

Menurut Piaget, kegiatan pembelajaran akan terjadi pada pola tahap-tahap perkembangan tertentu dan umur seseorang, serta melalui proses asimilasi, akomodasi,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan keseimbangan. Piaget berpendapat bahawa anak membina sendiri pengetahuannya dari pengalamannya sendiri. Dalam pandangan Piaget, pengetahuan datang dari tindakan, perkembangan kognitif sebagian besar bergantung kepada sejauhmana murid aktif memanipulasi dan aktif berinteraksi dengan lingkungannya.

2.3.2 Teori Konstruktivisme

Menurut Kartheges (2017) tema Teori Vygotsky ialah perkembangan kognitif individu berlaku dalam konteks sosial iaitu perkembangan kognisi termasuklah penguasaan perkembangan yang telah ditetapkan oleh budaya atau masyarakat. Menurut Zurainu Mat Jasin dan Abdull Sukor Shaari (2012) pendekatan konstruktivisme sangat mustahak dalam proses pembelajaran kerana murid digalakan membina konsep sendiri dan menghubungkaitkan perkara yang dipelajari dengan pengetahuan yang sedia ada pada mereka. Ciri-ciri kebaikan pembelajaran konsturktivisme menurut BPK (2001) adalah seperti berikut:

a Lebih berfikir

Semasa proses membina pengetahuan baharu murid akan berfikir untuk menjana idea, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan yang bijak dalam menghadapi pelbagai kemungkinan dan cabaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b Lebih faham

Jika murid terlibat secara langsung dalam pembinaan pengetahuan baharu mereka akan lebih faham dengan apa yang telah dipelajari oleh mereka. Malah murid dapat mengaplikasikan pengetahuan baharu mereka dalam situasi kehidupan sebenar.

c Lebih ingat

Murid akan mengingati lebih konsep dengan lebih lama setelah benar-benar memahami sesuatu konsep. Ini adalah disebabkan mereka secara aktif terlibat dalam mengaitkan pengetahuan sedia ada dengan pengetahuan yang diterima untuk membina pengetahuan baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d Lebih yakin

Murid diberi peluang untuk membina kefahaman sendiri tentang sesuatu apabila belajar secara konstruktivisme. Kesannya, diri mereka menjadi lebih yakin dan berani dalam menghadapi masalah sekaligus dapat menyelesaikan masalah dalam situasi baharu.

e Kemahiran social

Konstruktivisme menggalakan kemahiran sosial murid meningkat. Ini menjadi apabila murid berinteraksi dengan rakan-rakan dan guru-guru semasa mereka membina pengetahuan. Murid yang mahir dalam bersosial mampu bekerjasama dengan sesiapa sahaja dalam menghadapi sebarang bentuk cabaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

f Seronok

Dalam pembelajaran konsturktivisme murid membina sendiri pengetahuan, konsep dan idea secara aktif. Ini menjadikan mereka lebih faham, lebih yakin, dan lebih seronok untuk terus belajar walaupun menghadapi pelbagai kemungkinan dan cabaran.

2.3.2.2 Penggunaan Teori Konstruktivisme dalam PdP

Menjelang abad ke-21 ini Teori Konstruktivisme semakin menjadi popular. Teori ini merupakan teori yang paling sesuai dijadikan panduan dan menjadi asas kepada kerangka teori kajian kerana konsepnya dalam reka bentuk PdP adalah berpusatkan murid. Syahida Nadia Zakaria (2015) telah membuat perbandingan berkaitan kesan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional terhadap PdP komponen sastera (KOMSAS). Menurut Syahida (2015) pendekatan pembelajaran yang berpusatkan murid, iaitu pendekatan konstruktivisme dapat merangsang minda dan membantu murid memperoleh serta menguasai pengetahuan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu terutamanya KOMSAS. Dapatan kajian tersebut mendapati bahawa setelah didedahkan dengan pendekatan konstruktivisme selama tiga minggu, murid Kumpulan Eksperimen menunjukkan pencapaian yang lebih tinggi dalam ujian pasca berbanding Kumpulan Kawalan yang diajar dengan menggunakan pendekatan tradisional.

Rashidah, Parilah dan Sharifah (2013) juga menggunakan Teori Konstruktivisme dalam kajiannya bertajuk ‘Pembangunan dan Penilaian Pakej Pembelajaran Mudah Alih KOMSAS dalam Bahasa Inggeris Tingkatan 4. Pakej yang diberikan nama *e-Lit* dibangunkan berasaskan web yang menggabungkan penggunaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teknologi sebagai agen penyampaian PdP KOMSAS Bahasa Inggeris Tingkatan 4. Menurut Rashidah et al. (2013) Teori Konstruktivisme sesuai untuk digunakan untuk pembangunan modul yang memberangsangkan pemikiran murid. Kajian yang dijalankan oleh Zainal Abidin dan Afrinaleni (2008) membuktikan bahawa pelajar akan menjadi seorang yang aktif semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan kerana kaedah ini menggalakkan pelajar lebih berfikir, lebih yakin, lebih berkemahiran sosial kerana pembelajaran dua hala, serta lebih seronok dengan aktiviti yang dilakukan. Kajian yang dijalankan oleh Syahida et al. (2015) pula mendapati kajian mereka dalam konstruktivisme berjaya meningkatkan prestasi murid tingkatan dua dalam KOMSAS yang memberi kesan positif kepada murid. Kajian ini juga membuktikan bahawa pelaksanaan pendekatan konstruktivisme ini menjadi medium utama dalam memperkasakan pembelajaran bagi menghasilkan pembelajaran yang efektif serta melahirkan murid yang lebih kreatif dan inovatif dalam pembelajaran mereka.

2.3.3 Teori Konstruktivisme Sosial

Teori Konstruktivisme Sosial dipelapori oleh Lev Vygotsky (Woolfolk, Anitha & Margetts, 2013). Menurut Noriati (2015) teori perkembangan kognitif merupakan asas kepada teori sosial konstruktivisme. Teori ini menekankan hubungan dan bimbingan orang lain ke atas pembelajaran. Menurut Lev Vygotsky, teori pembelajaran konstruktivisme sosial adalah satu teori yang berkisar mengenai perkembangan konsep di mana pada peringkat kanak-kanak sesuatu perkara itu berkembang secara sistematik, logikal serta rasional dengan bantuan verbal oleh orang lain. Ini bermakna konteks sosial memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran. Teori ini juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menegaskan bahawa ilmu pengetahuan tidak boleh wujud di luar minda tetapi dibina di dalam minda berdasarkan pengalaman sebenar (Mok Soon Sang, 2011). Misalnya seorang murid yang mempunyai ayah atau ibu yang merupakan penyanyi atau pemain muzik akan memperolehi kemahiran ini akibat latihan yang dibuat oleh ibubapa dan pengalaman ini telah membuatkan dia pandai dalam menyanyi dan bermain muzik di sekolah. Dengan kata lain murid membina pengetahuan tentang topik yang mereka pelajari dengan cara menghubungkaitkan pengetahuan yang mereka miliki dengan pengalaman sedia ada mereka.

Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky ini telah menarik minat pemerhati-pemerhati khususnya dalam bidang pendidikan untuk mengembangkan model pembelajaran secara koperatif. Dalam teori ini, Vygotsky menekankan konstruktivisme dalam aspek kebudayaan. Vygotsky telah mempelopori Teori Konstruktivisme sebagai Teori Konstruktivisme Sosial. Menurutnya, perkembangan konsep kanak-kanak berkembang secara sistematik, logikal serta rasional dengan bantuan dan bimbingan verbal orang lain. Pendekatan konstruktivisme sosial termasuk pembelajaran berkumpulan, sumbang saran, koperatif, kolaboratif dan sebagainya yang memberi fokus kepada tugasan yang melibatkan interaksi ke arah penerokaan informasi yang baharu. Dengan memperoleh informasi baharu, murid dapat membina ilmu pengetahuan melalui interaksi sosial dalam kalangan ahli kumpulan. Pembelajaran aktif dapat diperhatikan kerana belajar dalam berkumpulan memaksimumkan kemahiran sosial, komunikasi, interpersonal dan kinestatik.

Selain itu, konstruktivisme sosial mengamalkan teknik perancah *(scaffolding)* yang digunakan oleh seseorang berkemahiran lebih tinggi untuk membantu seseorang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang kurang berpengetahuan (Vygotsky, 1962). Pendekatan teknik perancah ini memberi dua sumbangan. Pertama, menjadikan murid berminat untuk melibatkan diri dalam tugasan dengan efektif sehingga berjaya. Kedua, ia dapat mengembangkan prestasi dan zon perkembangan terdekat atau '*zone proximal development'* (ZPD) murid (Nur Shakirah & Muhammad Saiful, 2017)

Melalui Teori Konstruktivisme Sosial, murid harus menemukan sendiri dan mentransformasikan informasi kompleks, mencari informasi baharu dengan pengetahuan sedia ada dan meversikan apabila pengetahuan lama tidak lagi sesuai (Muhamad Fazli, 2013). Murid berusaha dengan sedaya upaya untuk memberikan idea-idea yang baharu. Idea-idea baharu ini menjadikan murid bersikap lebih aktif dalam pembelajaran. PdP menggunakan pendekatan konstruktivisme boleh dilaksanakan dengan memberi perhatian terhadap pekara-pekara seperti memberi peluang kepada murid untuk mengemukan pandangan atau cadangan mereka mengenai sesuatu konsep dan murid juga harus diberi peluang untuk berkongsi pendapat atau persepsi mereka antara satu sama lain terutamanya ketika aktiviti berkumpulan. Dalam proses ini, murid akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baharu yang mana mengembangkan KBAT iaitu aras mereka cipta (Syahida Nadia Zakaria, 2015).

Satu lagi idea penting ialah ZPD, yang juga turut diperkenalkan oleh Vygotsky. ZPD adalah jurang antara apa yang diketahui dengan apa yang belum diketahui oleh murid. ZPD merupakan perbezaan antara pengetahuan para murid yang diperoleh sendiri dengan pengetahuan murid yang diperoleh melalui bantuan orang lain yang lebih kompeten (Vygotsky, 1978). Seseorang murid dianggap berada dibawah Tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ZPD apabila dia mampu melakukan pembelajaran sendiri tanpa bantuan daripada mana-mana pihak. Ini adalah kerana apabila murid tersebut dapat melakukan sendiri tugasan pembelajaran itu, maka isi pelajaran tersebut dikatakan berada pada zon bawah. Manakala, jika murid melakukan proses pembelajaran atau sebarang tugasan dengan bantuan orang lain, ia menunjukkan murid tersebut berada di tahap ZPD. Ini bermaksud bahawa tugasan tersebut berada pada tahap ZPD. Tetapi sekiranya isi pelajaran berada di luar zon aras atas iaitu melebihi zon atas murid tidak akan dapat menguasai isi pelajaran walaupun dengan bimbingan orang lain.

Dengan itu, teknik *'scaffolding'* diperkenalkan bagi membantu isi pelajaran yang berada dalam ZPD iaitu mengikuti proses bimbingan dan bantuan. Daripada teknik ini, peringkat bimbingan dan sokongan yang dilakukan akan menguasai keperluan murid. Namun begitu, bimbingan akan dikurangkan apabila murid telah menguasai peringkat demi peringkat dan akhirnya bimbingan dilepaskan setelah murid dapat melakukan sendiri (Muhamad Fazli, 2013). Teknik yang boleh dilakukan untuk *'scaffolding'* adalah seperti cara penjelasan verbal (penjelasan lisan) soal jawab, *'prompting'* (dorongan) *'cueing'* (isyarat) dan tanda isyarat lain. Proses pengajaran menggunakan Modul MoKThI turut menekankan aspek *'scaffolding'* dimana guru akan memberikan bimbingan pada peringkat awalnya dan menarik sedikit demi sedikit bimbingan tersebut setelah murid-murid berjaya menguasai modul ini. Murid-murid yang tidak dapat menguasai setiap modul dapat mengalami proses pemikiran yang pesat melalui peranan guru dan rakan sebaya mereka.

Salah satu unsur yang penting dalam teori pembelajaran konstruktivisme sosial adalah pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid seperti aktiviti-aktiviti yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berbentuk *"hands on*" dan "*minds on*" (Muhamad Fazli, 2013). Teori ini juga mementingkan kemahiran saintifik dan kemahiran berfikir dalam kalangan murid di samping menggalakkan murid berfikir dan merenung kembali proses pembelajaran yang dilaluinya. Murid juga perlu diminta untuk menghubungkaitkan idea asal serta idea yang baharu dibina dan tidak menerima bulat-bulat tentang sesuatu pekara itu. Murid juga digalakkan untuk mengemukan hipotesis dan para guru seharusnya tidak menyampaikan maklumat terus kepada murid dan pekara ini secara tidak langsung memberi peluang kepada murid untuk berinteraksi dengan guru-guru dan dengan murid-murid yang lain. Selain itu, teori ini turut memberi peluang kepada guru untuk memberi kemudahan serta kesempatan kepada murid dalam mencari idea-idea. Idea yang diperoleh ini hendaklah diterapkan sendiri oleh mereka dan mengajar murid untuk menggunakan strategi mereka sendiri untuk belajar (Muhamad Fazli, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara umumnya, Teori Konstruktivisme Sosial ini sebenarnya mempunyai asas daripada teori kognitif yang memberi penekanan yang diberikan kepada bagaimana struktur kognitif membina dan mengorganisasi pengetahuan . Teori konstraktivisme sosial melihat murid sebagai pembina pengetahuan dan bukan sebagai penerima pengetahuan. Teori ini menjelaskan bahawa murid membina pengetahuan tentang topik yang dipelajari dengan cara mengaitkan topik tersebut dengan pengetahuan atau pengalaman yang sedia ada dan ini secara langsung membawa kepada peningkatan KBAT murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.4 Teori Kecerdasan Pelbagai

Gaya pembelajaran berkait rapat dengan tahap kecerdasan seseorang murid. Gardner (1993) yang mengkaji teori kognitif, telah memperkenalkan satu model kecerdasan pelbagai (*multiple intelegence*). Model ini menjelaskan bahawa kecerdasan dapat dipelajari, dikembang, dan ditingkatkan. Armstrong (2018) menyatakan kecerdasan pelbagai telah memberi sumbangan yang tinggi dalam bidang pendidikan. Gardner juga (1993) menyatakan kecerdasan pelbagai mendorong pelajar meningkatkan pemahaman terhadap konsep pembelajaran, meningkatkan kemahiran mentafsir dan aplikasi tetapi bukan dengan cara penghafalan dalam pembelajaran. Jia (2020) menyokong hasil dapatan kajian Gardner (1983) dengan melaporkan kajian ke atas 350 pelajar di Universiti Heilongjian di China menunjukkan kecerdasan pelbagai yang diaplikasikan di universiti telah mempertingkatkan kecerdasan logikal matematik, kinestetik dan interpersonal dalam kalangan pelajar lelaki seterusnya memberi peningkatan kemahiran dalam pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kecerdasan pelbagai merangkumi sembilan kecerdasan. Kesembilan kecerdasan ini adalah salah satu aspek dalam KBAT (KPM, 2014). Kesemua kecerdasan in dapat disemai dalam diri murid dengan menggunakan komponen sastera. Kesembilan-sembilan kecerdasan itu adalah seperti berikut;-

a Kecerdasan Verbal – Linguistik

Individu yang mempunyai kecerdasan ini peka makna perkataan dan mahir berkomunikasi secara berkesan, menulis, membaca dan menghubungkait. Menurut Gardner (2006) kecerdasan linguistik merupakan asas pendorong kecemerlangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akademik dalam pendidikan. Beliau menyatakan kecerdasan ini merujuk kepada kebolehan mengolah dan menyusun perkataan secara berkesan dalam penulisan dan pertuturan. Kecerdasan linguistik dapat diperkayakan dengan aktiviti seperti peraduan menulis cereka atau karya kreatif, pertandingan bercerita, deklamasi sajak, pendapat dan penerangan, teater pembaca, improvisasi, drama, penulisan jurnal, penerbitan buletin, akhbar kelas dan ulasan, penulisan cerita berdasarkan lukisan komik dan projek seperti pameran (Sharifah Nasyura, Haziah & Azmi, 2018).

b Kecerdasan Visual/ spatial

Dalam pembelajaran seseorang pelajar yang mempunyai kecerdasan spatial mempunyai kemahiran dan kebolehan melakar peta minda, kerangka konseptual, membayangkan masalah serta cara penyelesaian menggunakan grafik (Gardner, 2006). Murid yang mempunyai kecerdasan spatial dapat mengingati imej, gambar dan carta aliran dengan baik. Ini seiring dengan Gardner (2006) menyatakan bahawa gambar, imej adalah kaedah pembelajaran dan pengajaran yang sangat bermanfaat kepada semua murid di semua peringkat. Aktiviti melibatkan lakonan atau drama, diorama adegan tertentu dalam cereka, penontonan rakaman video atau sebahagian filem untuk tujuan perbincangan atau penjelasan, tetamu dalam aksi, permainan drama, penciptaan gerak bermakna dan gerak kreatif, bagi menjelaskan atau menghuraikan maksud sesuatu aspek dalam teks dan pantomime (Sharifah Nasyura et al., 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c Kecerdasan Muzikal

Kajian Mason (2017) menyatakan kecerdasan muzikal sangat membantu dalam pembelajaran dan pengajaran. Beliau menambah lagi muzik tidak seharusnya terhad dalam kurikulum sekolah sebagai kaedah pembelajaran dan pengajaran. Ini kerana beliau melihat bertitik tolak daripada kecerdasan muzik, seseorang pelajar akan dicungkil pemikiran kritis seperti diterapkan dalam Taksonomi Bloom. Seseorang murid yang mempunyai kecerdasan ini dapat memasang lagu latar ketika mendeklamasikan sajak atau bercerita, melafazkan puisi dengan nada, emosi dan irama yang sesuai, mestamu iaitu memelodikan sajak tanpa alat muzik, melagukan puisi, menulis lirik berdasarkan idea dalam teks, merancang kesan bunyi berdasarkan urutan peristiwa atau bercerita berpandukan kesan bunyi dalam rakaman dan membuat projek seperti pertandingan melagukan puisi tradisional dan puisi moden (Sharifah Nasyura et al., 2018) menghantar e-mel memberikan pendapat tentang watak dalam cerpen, membuat kerusi panas berdasarkan watak dalam cereka, mengadakan perbahasan mengenai isu yang ditimbulkan dalam teks, dan membuat bayangan minda seperti membuat suatu ramalan masa depan (Sharifah Nasyura et al., 2018) dan sebagainya.

d Kecerdasan Logikal Matematik

Menurut Gardner (1983) individu yang mempunyai kecerdasan logikal Matematik bukan sahaja akan mempunyai kebolehan menggunakan nombor secara berkesan malah mempunyai keupayaan memahami prinsip sebab dan akibat serta kebolehan menyelesaikan masalah dengan cekap. Beliau menjelaskan lagi, kecerdasan logikal Matematik dicungkil dalam kalangan pelajar akan mendorongnya membuat keputusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang tidak berat sebelah serta cekap menggunakan teknologi semasa untuk menyelesaikan masalah.

e Kecerdasan Kinestetik

Kecerdasan kinestetik ditakrifkan sebagai kemampuan individu untuk memahami dan mengekspresikan diri melalui gerakan tubuh. Orang dengan kecerdasan ini biasanya memiliki kemampuan artistik yang lebih menonjol serta pemahaman terhadap keindahan atau estetika. Menurut Gardner (1983) minda dan badan yang sihat bertitik tolak dari pergerakan fizikal yang seimbang. Pergerakan fizikal membolehkan membina minda yang cergas. Menurut Wan, Tajul dan Melor (2018) hubungan kecerdasan pelbagai dengan sikap terhadap pelajar subjek sukan mempunyai hubungan positif mempertingkatkan pencapaian akademik. Hasil kajian memberi penekanan aktiviti sukan penting kepada pelajar kerana ia mendorong pelajar mempunyai mood yang ceria dan selesa. Justeru itu, apabila pelajar mempunyai perasaan jiwa yang tenang, pelajar dapat memberi perhatian yang sepenuh dalam pembelajaran. Penerapan kaedah permainan dalam pengajaran bahasa merupakan satu teknik yang bijak untuk murid belajar tanpa bosan dan berasa cergas sentiasa. Berdasarkan kepada konsep ini permainan tradisional seperti ting-ting dimasukkan dalam sesi PdP dengan menggunakan MoKThI.

f Kecerdasan Interpersonal

Menurut Armstrong (2009) kecerdasan interpersonal memberi impak yang positif membina kumpulan koperatif. Gardner, (1983) menyatakan individu mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kecerdasan ini mempunyai kemahiran bekerjasama dengan setiap individu. Penglibatan aktif dalam kalangan murid mendorong murid lebih gemar pembelajaran dalam kumpulan. Murid didapati mengalami perubahan tingkah laku yang positif dari segi perbincangan idea secara bersama, menyumbang idea secara berkumpulan, murid berupaya menjalin hubungan yang rapat, mewujudkan suasana yang harmoni dalam perbincangan topik pembelajaran yang diberikan oleh guru.

g Kecerdasan Intrapersonal

Gardner (2006) menyatakan bahawa individu mempunyai kecerdasan intrapersonal berupaya mengenali kekuatan dan kelemahan diri secara mendalam. Individu ini mempunyai keyakinan yang tinggi, memiliki pegangan hidup keazaman tinggi dalam bidang diceburi. Keupayaan berdikari dan daya tumpuan yang tinggi membolehkan individu mampu melakukan setiap perkara dengan sendiri. Murid mempunyai kecerdasan interpersonal berupaya berinteraksi secara berkesan dengan pelbagai hala. Maka interaksi antara pelajar dan guru yang harmoni meningkatkan penglibatan pelajar berbincang secara bersama dan seterusnya membolehkan pelajar mencapai pencapaian akademik yang cemerlang. Murid yang mempunyai kecerdasan interpersonal akan berkongsi idea dalam pembelajaran dan pengajaran untuk mencapai kejayaan secara bersama.

h Kecerdasan Naturalis

Gardner (2006) menyatakan individu mempunyai kecerdasan naturalis merupakan individu yang mampu mengenali dan mengklasifikasikan tumbuh-tumbuhan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

binatang dengan baik. Selain itu, individu juga gemar menjelajah dan menjalankan aktiviti luar. Dengan itu, mereka merupakan individu yang sensitif terhadap alam sekitar dan dapat menghubungkait antara kehidupan flora dan fauna.

i Kecerdasan Eksistensial

Individu yang mempunyai kecerdasan eksistensial ini memiliki ciri-ciri yang lebih cenderung untuk bertanya mengenai segala kejadian kewujudan manusia, erti kehidupan, mengapa manusia mengalami kematian dan juga realiti yang dihadapi oleh manusia dalam hidup. Kecerdasan ini telah diperkenal dan dikembangkan oleh Gardner pada tahun 1999. Individu ini mampu menelaah nilai-nilai yang berkembang di tengah-tengah kehidupan masyarakat, sama ada nilai-nilai tradisional ataupun nilai-nilai baharu yang sedang berkembang. Murid yang mempunyai kecerdasan ini akan membaca banyak buku falsafah dan menyoal diri sendiri tentang pertanyaan yang membolehkannya menelaah jawapan secara mendalam.

Perbincangan tentang nilai dan pengajaran dalam karya, perbahasan isu-isu dalam karya yang perlu diselesaikan, main peranan seperti watak-watak yang boleh menjadi model atau menimbulkan aspek positif pelaku, improvisasi seperti mengisahkan klimaks dalam drama dan memberi penjelasan mengapakah penyelesaiannya harus begitu, tetamu dalam aksi seperti menjemput pengarang untuk membicarakan moral dan pemikiran dalam karya, dan monodrama atau monolog seperti menghayati watak dalam karya serta merasai perasaan dan aspek kerohanian watak dalam karya adalah beberapa cara untuk meningkatkan kecerdasan ini dalam diri murid (Sharifah Nasyura et al., 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.4.1 Implikasi Teori Pembelajaran Terhadap Kajian

Konstruktivisme merupakan satu fahaman bahawa murid membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Dalam proses ini, murid akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baharu. Dalam kajian ini murid telah sedia ada pengetahuan tentang Thirukkural. Tetapi pemahaman mereka dalam Thirukkural adalah cetek dan setakat menghafal dan menyatakannya apabila ditanya. KBAT murid juga lemah. Tetapi dalam Modul MoKThI Teori Konstruktivisme diaplikasikan secara optimum dimana murid menggunakan pengtahuan sedia ada dalam Thirukkural dan membina pengetahuan baharu melalui aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam modul.

Modul MoKThI akan mengandungi lapan tajuk dimana setiap tajuk akan mewakili satu kuplet Thirukkural dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Thirukkural untuk menigkatkan KBAT murid. Aktiviti-aktiviti pembelajaran akan direka untuk meningkatkan perhubungan sosial melalui pembelajaran koperatif, penyelesaian masalah berkumpulan, pembelajaran inkuiri dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti seperti ini membolehkan murid untuk berkongsi maklumat dan membolehkan murid berkerjasama dalam melaksanakan tugas menyelesaikan masalah.

Konstruktivisme digabungkan dengan teori kognitif kerana tumpuan kepada keupayaan murid membina makna secara mental di persekitaran mereka. Teori ini mengatakan bahawa pengetahuan perlu dibina secara aktif dan berkait rapat dengan struktur kognitif sedia ada individu. Aktiviti pembelajaran dalam Modul MoKThI akan direka untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan secara individu kerana Teori Konstruktivisme yang berbentuk dinamik, membolehkan pelajar menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

imaginasi dan pemikiran untuk membuat interpretasi makna yang sesuai dengan konteks pengetahuan dan pengalaman pembelajaran.

Pembelajaran yang berkesan berlaku apabila rangsangan dan tindak balas berlaku berulang-ulang. Rangsangan ialah apa sahaja bentuk tenaga yang menimbulkan gerak balas. Manakala tindak balas adalah apa sahaja tingkah laku yang timbul akibat rangsangan. Kefahaman ini memberikan panduan kepada pembentukan Modul MoKThI agar mempertimbangkan psikologi, pedagogi dan sosiologi pendidikan. Dengan konsep pembelajaran yang menyeluruh menjadikan modul yang akan dibina berfungsi sebagai bahan untuk mencapai objektif pelajaran. Berikut dinyatakan implikasi teori pembelajaran terhadap modul yang akan dibangunkan:-

i. Rangsangan haruslah dilakukan dengan memanfaatkan ciri-ciri KBAT dan Thirukkural

ii. Semakin banyak latihan dilakukan maka semakin kukuh pengetahuan murid, latihan yang banyak memerlukan ruang untuk penyimpanan soalan. Dengan satu modul yang padat ia dapat disimpan dengan baik.

iii. Motivasi memainkan peranan penting dalam pembelajaran. Maka rangsangan yang menarik perlu dihasilkan dengan memastikan modul yang dibangunkan mempunyai ciri-ciri yang boleh menarik minat murid seperti gambar yang menarik dan cerita yang berkaitan dengan mereka.

iv. Penyampaian bahan pengajaran perlukan penyesuaian daripada pengajaran secara tradisional kepada pengajaran menggunakan modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v. Modul perlu mempunyai ciri-ciri ganjaran sama ada dengan kata-kata pujian, ilustrasi grafik atau permainan untuk memberikan motivasi kepada pelajar.

vi. Maklumat atau fakta yang hendak disampaikan perlu disusun dengan baik supaya pelajar dapat memahami maklumat tersebut.

vii. Sediakan pelbagai peringkat soalan, kerana setiap pelajar mempunyai kemampuan mereka yang tersendiri. Setiap murid juga mempunyai kecerdasan pelbagai yang perlu dipupuk semasa PdP. Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (200l) Teori Kecerdasan Pelbagai perlu diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS kerana teori ini dapat menyokong pembelajaran bersepadu yang menyeluruh, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan keperluan murid. Sharifah Nasyura et al. (2018) juga menyatakan bahawa kesemua kecerdesan Garder merangkumi empat aras dalam Taksonomi Bloom iaitu mengaplikasi, menganalisis, sintesis dan merekacipta . Pemahaman Teori Kecerdasan Pelbagai ini mendorong pengkaji merancang aktiviti-aktiviti yang meningkatkan pemahaman terhadap konsep pembelajaran, meningkatkan kemahiran mentafsir dan aplikasi tetapi bukan dengan cara penghafalan dalam pembelajaran.

Pemahaman gabungan kedua-dua teori pembelajaran iaitu Teori Konstruktivisme dan Teori Konstruktivisme Sosial dalam penyampaian bahan pengajaran memberikan panduan yang lebih baik kepada kajian pembangunan modul. Teori perkembangan kognitif pula telah sedikit sebanyak memberi panduan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji tentang perkembangan yang lalui oleh seseorang kanak-kanak dan setiap kanak-kanak adalah berbeza dari segi perkembangan kognitifnya. Pemahaman ini adalah sangat penting untuk seorang pengkaji yang ingin menghasilkan suatu produk yang berkualiti demi meningkatkan KBAT murid-murid. Pemahaman dalam teori-teori ini membolehkan pengkaji merancang dengan teliti dan rapi dalam pembinaan Modul MoKThI. Segala aktiviti yang akan dimuatkan dalam Modul ini akan dirancang dengan mendukungkan teori- teori ini. Modul yang akan dihasilkan perlu memberi kesan yang optimum dalam meningkatkan KBAT murid-murid Tahun Lima. Oleh yang demikian, adalah sangat mustahak untuk pengkaji memahami teori-teori pembelajaran ini.

2.4 Kerangka Teori Kajian

Modul yang akan dihasilkan adalah berdasarkan kepada kerangka teori yang dipaparkan dibawah. Modul yang mengandungi pengajaran guru, pembelajaran murid serta tugasan Thirukkural diharapkan dapat membantu murid menggunakan kognitif secara maksimum dalam menjana kemahiran berfikir aras tinggi. Menurut Creswell (2008) kerangka teori adalah satu koleksi konsep yang saling berkait seperti satu teori. Kerangka teori kajian ini dibina untuk memberi penerangan mengenai perhubungan yang komprehensif antara Teori Konstruktivisme Sosial (Vygotsky, 1978) Teori Perkembangan Kognitif, pendekatan Inkuiri Terbimbing (Hanson, 2006) dan Taksonomi Bloom Semakan Semula (Anderson & Krathwohl, 2001) untuk kajian meningkatkan KBAT memalui pengajaran Thirukkural. Teori-teori tersebut dijadikan sebagai asas dalam membangunkan Modul MoKThI supaya bersesuaian dengan tahap dan perkembangan kognitif murid-murid. Modul yang dibangunkan akan mengandungi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lapan Thirukkural dari DSKP Bahasa Tamil Tahun Lima. Kajian ini dilaksanakan berlandaskan kerangka teori seperti dalam Rajah 2.2.

Rajah 2.2

Kerangka Teori Kajian Menjana KBAT Melalui Modul MoKThI



Sumber: Model Diadaptasi dari BPK, KPM (2014)

2.4.1 Konsep dan Model Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

KBAT merupakan lanjutan daripada usaha kerajaan untuk menggalakkan pemikiran luar daripada kotak setelah Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) dilaksanakan sebelumnya (Hazram Ismail & Nurulain 2020) . Takrifan KBAT yang digunakan oleh ilmuan barat adalah bermaksud ciri-ciri perluasan pemikiran seseorang murid itu untuk mengintepretasi, menganalisis, atau pun memanipulasi sesuatu maklumat (Anderson 2001; Lindsey, James & Keith, 2012) manakala pendefinisian yang digunakan oleh KPM bermaksud keupayaan untuk mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (KPM, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat dua pekeliling KPM tentang pelaksanaan KBAT di sekolah-sekolah harian dibawah KPM iaitu Surat Pelaksanaan semula Penilaian Kendiri Penarafan Pembudayaan KBAT yang bertarikh 6 OGOS 2021 dan Surat Pelaksanaan Penarafan Sekolah Peluasan Yang Membudayakan KBAT yang bertarikh 20 Mei 2021.

Suatu taksonomi telah diperkenalkan oleh Benjamin Bloom dan rakan-rakannya pada tahun 1956 (Bloom, 1976). Taksonomi ini menekankan proses mental dan kemahiran berfikir yang disusun daripada peringkat rendah hingga peringkat tinggi. Susunannya daripada mudah kepada kompleks dan daripada konkrit kepada abstrak (Krathwohl, 2002). Enam hierarki tersebut disusun daripada peringkat pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis, dan penilaian (Noraini, 2001) selari dengan perkembangan teori pembelajaran daripada Teori Behaviorisme kepada Teori Konstruktivisme, Taksonomi Bloom yang telah disemak semula oleh Anderson, Krathwohl dan rakan-rakan (Krathwohl, 2002). Salah satu perubahan yang dilakukan terhadap Taksonomi Bloom 1956 ialah daripada ‘kata nama’ kepada ‘kata kerja’ dan enam hierarki yang baharu adalah mengetahui, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai, dan mencipta. Keenam-enam tahap ini dikenali sebagai tahap dimensi proses kognitif.

2.4.1.1 Konsep Pelaksanaan KBAT

KPM merujuk KBAT kepada empat aras tertinggi dalam Taksonomi Bloom Semakan Semula (Anderson & Krathwohl, 2001) iaitu mengaplikasi iaitu menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara, menganalisis iaitu mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan. Kemahiran yang ketiga adalah kemahiran menilai iaitu membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta membuat justifikasi dan yang terakhir ialah mencipta menghasilkan idea, produk dan kaedah yang kreatif dan inovatif. Tahap tertinggi dalam dimensi proses kognitif ialah mencipta iaitu murid dapat menghasilkan sesuatu hasil daripada pembelajaran yang dilalui. Dalam konteks ini, para murid diharapkan dapat menghasilkan karya sastera yang berkualiti. KBAT sememangnya diperlukan dalam PdP sastera. Isu yang perlu diberikan perhatian, adalah bagaimana cara menilai proses pemikiran tahap tinggi. Oleh itu, adalah penting untuk melihat proses berfikir murid dalam penghasilan karya sastera khususnya pada peringkat kognitif yang tinggi.

Konsep Pelaksanaan KBAT menurut KPM di dalam bilik darjah memerlukan perubahan di dalam kurikulum, pedagogi dan pentaksiran iaitu kurikulum yang dibentuk bersandarkan KBAT memerlukan ianya ditulis secara eksplisit di dalam dokumen kurikulum. Seterusnya, pedagogi dilaksanakan dengan pelbagai strategi PdP yang menerapkan KBAT seperti alat berfikir, soalan aras tinggi dan inkuiri. Manakala pentaksiran yang dipelbagaikan menerusi soalan berbentuk aras tinggi (KBAT) dalam peperiksaan pusat dan penilaian yang dilakukan secara berterusan menerusi Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) yang melibatkan tiga aspek utama iaitu penilaian psikomotor, peperiksaan dan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PAJSK) (KPM, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1.2 Taksonomi Bloom Semakan Semula Anderson & Krathwohl (2001)

Permulaan kepada penstrukturan KBAT adalah pembentukan Taksonomi Bloom dan yang telah diperkenalkan menerusi buku yang bertajuk *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Goals. Handbook I: Cognitive Domain* pada tahun 1956. Taksonomi Bloom berasal dari idea seorang profesor ulung daripada *University of Chicago*, Prof. Dr. Benjamin Samuel Bloom. Ia menekankan proses mental dan kemahiran berfikir yang disusun daripada peringkat rendah hingga peringkat tinggi. Susunannya daripada mudah kepada kompleks dan daripada konkrit kepada abstrak (Krathwohl, 2002). Ia merangkumi enam kategori utama di dalam domain kognitif iaitu: pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Taksonomi ini bertujuan untuk menyediakan sistem pengelasan matlamat-matlamat pendidikan untuk membantu khususnya guru-guru, pentadbir, pakar-pakar profesional dan penyelidik untuk membincangkan masalah-masalah kurikulum dan penilaian di dalam bidang pendidikan dengan lebih jitu (Anderson, 2001; Azraai & Othman, 2015).

Selepas beberapa tahun kemudian, terdapat beberapa pengubahsuaian melalui perubahan nama bagi setiap kategori-kategori ini yang dilaksanakan oleh satu pasukan diketuai oleh Lori Anderson pada tahun 1990 melalui pernyataan bahawa berfikir adalah suatu proses aktif, maka keperluan menggunakan kata kerja adalah lebih tepat (Rosnani, 2012). Kategori pengetahuan telah ditukar nama kerana pengetahuan adalah hasil pemikiran. Oleh itu, ianya kurang sesuai dan telah digantikan dengan mengingati. Kefahaman menjadi memahami dan sintesis menjadi mencipta bagi menggambarkan ciri pemikiran yang diwakili setiap kategori. Menilai pula didapati kurang kompleks daripada mencipta justeru diletakkan pada kategori lebih rendah. (KPM, 2014; Azraai


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

et al., 2015). Pendekatan KBAT berdasarkan taksonomi ini telah menjadi asas yang utama di dalam kerangka pembentukan sistem pendidikan di dunia termasuk Malaysia yang mengadaptasikan Taksonomi Bloom dan Anderson menerusi PPPM 2013-2025 (KPM, 2014). Rajah 2.3 menunjukkan Taksonomi Bloom Semakan Semula.

Rajah 2.3

Taksonomi Bloom Semakan Semula Anderson & Krathwohl, (2000)



Sumber: KPM, (2014)

2.4.1.3 Kemahiran Berfikiran Aras Tinggi (KBAT)

Bagi menghadapi persaingan global yang semakin sengit dalam persekitaran ekonomi yang dipacu oleh inovasi, KPM telah memberi penekanan terhadap KBAT dalam sistem persekolahan. KBAT diterapkan supaya murid tidak hanya menghafal tetapi faham dan tahu apa yang mereka pelajari dan menggunakan akal fikiran pada tahap yang tinggi dengan kemahiran menilai, mengaplikasi, menganalisis dan mencipta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut KPM (2014) KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Perkara tersebut juga sejajar dengan PPPM 2013-2025 yang memberi perhatian terhadap KBKK dalam kalangan murid. Penguasaan murid terhadap KBAT membolehkan murid untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan dalam konteks yang berbeza. Hal ini dapat meningkatkan keupayaan murid untuk meningkatkan kebolehan KBAT dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Menurut Faridah dan Tuan Jah (2013) kebolehan berfikir secara aras tinggi tersebut akan menjadikan murid lebih produktif dan berdaya saing seiring dengan keperluan semasa bidang pendidikan bagi memenuhi cabaran abad ke-21.

Sepertimana yang diketahui KPM telah menjalankan transformasi kurikulum dengan merangka PPPM 2013-2025 yang menekankan elemen KBAT dalam proses PdP. Kemahiran berfikir adalah antara enam ciri utama murid yang menjadi aspirasi KPM untuk cemerlang diperingkat global. Pelaksanaan KBAT dalam Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai 2014 menampakkan kesungguhan kerajaan untuk memastikan sistem pendidikan di Malaysia telah berganjak dari kaedah hafalan dan ingatan tetapi dinamik dengan melibatkan kognitif. Usaha menerapkan KBAT dalam PdP ini telah diteruskan menjelang tahun 2016, dimana peratusan soalan berbentuk pemikiran aras tinggi telah ditambah sehingga merangkumi 80% daripada UPSR, 80% dalam PT3 dan 75% daripada soalan SPM dan 50% bagi soalan matapelajaran elektif SPM (KPM, 2013).


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) mula diperkenalkan dalam kertas peperiksaan SPM sejak tahun 2014. Soalan KBAT menguji keupayaan calon menggunakan kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta untuk menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Peratus soalan KBAT dalam kertas peperiksaan SPM bermula dengan 20% pada tahun 2014 dan meningkat secara berperingkat sehingga tahun 2021 seperti dipaparkan dalam Rajah 2.4

Rajah 2.4

Peratus Soalan KBAT Dalam SPM Dari Tahun 2014 Hingga 2021



Sumber: KPM, 2022

Memandangkan kepada keputusan pihak KPM meningkatkan peratus soalan dalam SPM maka guru mempunyai tanggungjawab untuk memupuk kemahiran berfikir sejak sekolah rendah. Oleh sebab itulah PPPM 2013-2025 menyarankan agar KBAT diterapkan sejak sekolah rendah lagi (KPM, 2014). Menurut Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (KPM 2018) KBAT ini telah lama diterapkan dalam sistem pendidikan di negara Finland sehingga menyebabkan sistem pendidikan negara tersebut diiktiraf sebagai sistem pendidikan yang terbaik di dunia.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat tujuh elemen dalam melaksanakan KBAT yang digariskan oleh Baahagian Pembangunan Kurikulum, KPM. Rajah 2.5 menunjukkan tujuh elemen tersebut.

Rajah 2.5

Tujuh Elemen KBAT



Sumber: KPM 2014

Penerapan KBAT dalam pendidikan menggunakan pendekatan yang menyeluruh dan sistematik yang merangkumi tujuh elemen KBAT yang terdiri daripada tiga elemen utama iaitu Kurikulum, Pentaksiran dan Pedagogi serta empat elemen sokongan iaitu Kokurikulum, Sokongan Komuniti dan Swasta, Sumber dan Latihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum merupakan satu daripada elemen utama dalam KBAT selain daripada pedagogi dan pentaksiran. Sehubungan dengan itu, pemahaman guru tentang pernyataan KBAT dalam kurikulum hendaklah jelas bagi membolehkan segala bentuk aktiviti PdP dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan di bilik darjah atau luar bilik darjah termasuk aktiviti kokurikulum (KPM, 2014). Bagi melaksanakan KBAT dalam PdP, guru perlu membuat penelitian dengan merujuk kepada standard pembelajaran yang dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Bagi elemen pentaksiran pula guru boleh mengenal pasti tahap penguasaan KBAT dalam kalangan murid melalui tiga bentuk pentaksiran iaitu Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP) dan peperiksaan (KPM, 2014).

Bahan sumber dalam pelaksanaan KBAT melibatkan bahan sumber berstruktur dan tidak berstruktur. Bahan berstruktur terdiri daripada buku teks dan bahan digital yang disediakan oleh KPM. Bahan tidak berstruktur pula terdiri daripada bahan seperti keratan akhbar, jurnal, majalah dan bahan dari internet yang disediakan oleh guru untuk PdP bagi meningkatkan KBAT murid (KPM, 2014). KBAT dalam Bina Upaya didefinisikan secara operasi sebagai suatu proses latihan pembangunan profesionalisme yang dilalui oleh guru untuk meningkatkan tahap kompetensi mereka dalam KBAT (KPM, 2014). KBAT dalam Bina Upaya perlu dilaksanakan secara komprehensif, intensif dan berterusan melalui pelbagai kaedah seperti latihan, pembelajaran komuniti dan secara terarah. Kokurikulum merupakan antara elemen yang diberi fokus di dalam Pelan Inisiatif KBAT dengan matlamat untuk melahirkan modal insan yang berupaya mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (KPM, 2014). Elemen sokongan masyarakat menerangkan jalinan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemuafakatan yang strategik dan saling melengkapi antara sekolah dengan ibu bapa, antara sekolah dengan komuniti, dan antara sekolah dengan sektor swasta yang mana dapat menjayakan aspirasi pendidikan serta pembentukkan generasi masa depan.

2.4.1.4 Senarai Kata Kerja Bagi Melaksanakan KBAT dalam Bilik Darjah

Berikut merupakan Tahap Pemikiran KBAT sepertimana yang ditaksirkan oleh BPK, ditunjukkan dalam Jadual 2.6.

Jadual 2.6

Tafsiran Tahap Pemikiran

Bil	Tahap Pemikiran	Penerangan
01	Mereka cipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif
02	Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi
03	Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan
04	Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara

Sumber: KPM (2014)

Tahap pemikiran diterjemahkan melalui kata kerja yang sesuai seperti Jadual 2.7. BPK (2014) mengkategorikan kata kerja ini mengikut tahap pemikiran yang berbeza.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.7

Senarai Kata Kerja KBAT

Mengaplikasi	Menganalisis	Menilai	Mereka cipta
menggunakan	Mencerakinkan	membuat	menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif
pengetahuan	maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan	pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi	menaik taraf
kemahiran dan nilai	Mencerakin	memilih	merumuskan
menunjukkan	Membezakan	mempertimbangkan	Memasang
menyesuaikan	Memeriksa	membuat keputusan	menggabungkan
menggunakan	Membanding	memberi alasan	menyusun semula
menggambarkan	Mengesan	membahas	Menyediakan
membina	Menyiasat	mengesahkan	Membangun
melengkapkan	Mengkategorikan	mencadangkan	Menjana
memeriksa	Memaparkan	membuat kesimpulan	mencadangkan
mengelaskan	Menilai	mempertahankan	merancang membina
menunjuk cara	menguji	menyokong	menggubah
melukis	Meramal	mentaksir	Menghasilkan
melakar	membuat inferens mentafsir dan lain-lain	meramal	mereka bentuk
meramal		menentukan keutamaan	melakar
menyediakan		membuat justifikasi	dan lain-lain
Menghasilkan		dan lain-lain	
mengguna pakai			
Melaksana			
Melakonkan			
dan lain-lain			

Sumber: KPM, 2014

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1.5 Persekitaraan Pembelajaran Yang Menyokong KBAT

Menurut BPK (2014) persekitaraan pembelajaran KBAT melibatkan tiga unsur utama iaitu guru, murid dan bilik darjah. Rajah 2.6 menunjukkan unsur persekitaraan pembelajaran KBAT.

Rajah 2.6

Unsur Persekitaraan Pembelajaran KBAT



Sumber : KPM, (2014)

Persekitaraan pembelajaran KBAT melibatkan tiga unsur utama iaitu guru, murid dan bilik darjah. KBAT mendorong murid membuat penerokaan penyelidikan dan mengamalkan pembelajaran inkuiri bagi mencari penyelasaian terhadap aktiviti yang mencabar minda melalui penyoalan aras tinggi. Hal ini memberi peluang yang lebih luas untuk mereka mempamerkan potensi diri serta mencungkil bakat yang terpendam (KPM, 2014)

Kemampuan murid menguasai KBAT merupakan fokus utama guru semasa merancang PdP. Guru perlu menguasai pelbagai bidang kemahiran, sentiasa mengikuti perkembangan tentang dasar dan isu pendidikan, mahir dalam pedagogi, menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teknologi terkini dan menerapkan nilai-nilai murni bagi tujuan pembentukan akhlak dan sahsiah murid yang baik (KPM, 2014).

Menurut KPM, (2014) juga, dalam persekitaraan pembelajaran KBAT, PdP akan berubah daripada berpusatkan guru kepada berpusatkan murid. Pembelajaran berpusatkan murid dapat merangsang murid berfikir melalui aktiviti seperti penerokaan, penyelasaian masalah, penyelidikan, dan pembelajaran berasaskan projek yang mana guru memaikan peranan sebagai pemudahcara. Proses PdP berubah kepada Pembelajaran dan Pemudahcaraan yang akan menjurus kepada persekitaraan KBAT seperti penggunaan alat berfikir dan teknik penyoalan.

2.4.1.6 Implikasi KBAT Terhadap Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemahaman pengkaji dalam KBAT adalah sangat mustahak memandangkan pengkaji akan menghasilkan suatu modul yang akan digunakan untuk meningkatkan KBAT murid. Pemahaman beliau dalam KBAT ini akan membolehkan beliau merancang dan membina sebuah modul yang berkualiti yang dapat memberi impak yang besar dalam usaha meningkatkan KBAT murid. Pemahaman yang mendalam dan jitu membolehkan pengkaji:-

i. Merancang dan membina aktiviti dalam Modul MoKThI yang dapat menggerakkan murid supaya aktif di dalam kelas.

ii. Menentukan strategi pemudahcaraan, strategi pemusatan murid dan bahan serta teknik menyoal yang sering kali digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Menentukan kaedah dan teknik seperti kaedah induksi, kaedah deduksi, kaedah inkuiri, kaedah penyelesaian masalah, perbincangan dan sumbangsaran yang perlu dipertimbangkan.

iv. Menentukan Kaedah dan teknik yang digunakan untuk menggerakkan penggunaan KBAT, misalnya membanding dan membeza, membuat inferens, membuat generalisasi, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

v. Membimbing murid supaya memahami dan menentukan tujuan dan objektif tentang sesuatu perkara dengan cara yang tepat.

vi. Sentiasa membimbing murid meninjau sesuatu idea atau pendapat dari sudut pandangan orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2 Pembinaan Modul Pengajaran

2.4.2.1 Model ASSURE

Model ASSURE adalah merupakan salah satu model perancangan instruksional secara sistematik atau model merancang penggunaan media dan kaedah yang paling biasa digunakan dalam mereka bentuk modul PdP yang berkesan. Model ASSURE telah diasaskan oleh Heinich, Molenda, Russell dan Smaldino pada tahun 1996 yang bertujuan untuk mereka bentuk pengajaran dengan penggunaan media secara sistematik. ASSURE diambil daripada perkataan '*assure'* yang bermaksud memastikan. Ini bertujuan untuk memastikan pembelajaran yang berkesan berlaku di dalam kelas. Model ASSURE menumpukan kepada pembelajaran dan elemen yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

wujud di dalam kelas seperti guru, pelajar, kurikulum dan kemudahan. (Sivadasan, 2003).

Menurut Darlis dan Movitaria (2020) Model ASSURE merupakan panduan prosedur dalam merancang dan melaksanakan pembelajaran termasuk media pembelajaran dan teknologi yang akan digunakan. Kenyataan ini dikukuhkan oleh Anhar Munandar (2020) bahawa Model Pembelajaran ASSURE merupakan model yang dapat membimbing pelajar secara sistematik untuk merancang proses pembelajaran dengan berkesan.

Model ASSURE merujuk kepada analisis keperluan ideal untuk aktiviti pembelajaran yang hasilnya dipercayai dapat membantu guru mencapainya objektif pembelajaran dengan berkesan dan cekap kerana semua aktiviti pembelajaran dilaksanakan adalah hasil analisis mendalam yang digariskan dalam rancangan pelajaran harian dan seterusnya diaplikasikan dalam aktiviti pembelajaran (Nawawi, 2018).

Model ASSURE ini tidak menyebut strategi pembelajaran secara eksplisit. Maka strategi pembelajaran dikembangkan melalui pemilihan dan penggunaan kaedah, media, bahan pengajaran, dan penyertaan pelajar dalam kelas (Yaumi, 2018). Model ASSURE ialah komponen proses pembelajaran yang lengkap, ringkas dan agak mudah untuk dilaksanakan kerana ia boleh dibangunkan oleh guru sendiri (Utami, Anwar & Hermawan, 2018). Secara ringkasnya boleh dikatakan Model ASSURE adalah jambatan antara pelajar, bahan dan media (Anhar Munandar, 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Kim dan Downey (2016) dan Muzakki, Zainiyati, Rahayu dan Khotimah (2021) model ASSURE ini merupakan model yang mempunyai enam peringkat yang terdiri daripada (A) Menganalisis pelajar (*analyze learner characteristics)* (S) menyatakan standard dan objektif *(state performance objective)* (S) memilih strategi, teknologi, media dan bahan pengajaran (*select methods, media, and material)* (U) gunakan teknologi, media dan bahan pengajaran (*utilize methods, media and materials)* (R) mengajak pelajar untuk mengambil bahagian (*require learner participation)* dan *(E)* menilai dan menyemak (*evaluate and revise).* Aplikasi Model ASSURE dijelaskan melalui Rajah 2.7.

Rajah 2.7

Model ASSURE



Sumber: Heinich et al., 2002

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2.2 Menganalisis Pengguna

Pembina modul perlu memastikan kandungan modul yang akan dihasilkan bersesuaian dengan golongan sasaran. Untuk itu, golongan sasaran pengguna modul serta sifatnya perlu dipastikan terlebih dahulu sebelum mereka bentuk modul. Pembina modul perlu melihat pengalaman lepas, kecekapan pengguna, sikap pengguna dan cara interaksi pengguna sebelum merancang reka bentuk modul. Pembina modul juga perlu membuat analisis media yang sesuai digunakan mengikut pengguna. Sebagai contoh, gambar-gambari dalam bentuk kartun amat disukai dan sesuai digunakan bagi murid sekolah rendah. Secara ringkas terdapat tiga perkara yang perlu difikirkan oleh pembina modul iaitu:

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

a Menganalisis ciri-ciri umum pengguna

Menganalisis ciri-ciri umum pengguna seperti jantina, umur, tahap dan cara pembelajaran, taraf sosial dan bakat. Dengan mengetahui ciri-ciri ini, pengguna modul dapat menjadikanya sebagai asas dalam pemilihan media dan bahan. Terdapat dua cara untuk mendapat maklumat tentang ciri-ciri umum ini iaitu melalui penelitian rekod dan interaksi. Interaksi membolehkan pembina modul menganalisis sikap dan latar belakang mereka.

b Menganalisis pengetahuan pengguna

Menganalisis pengetahuan pengguna terhadap isi kandungan iaitu dari segi pengetahuan sedia ada, sikap dan kemahiran. Maklumat ini boleh diperolehi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada ujian dan juga interaksi dengan murid. Guru tidak boleh membuat andaian bahawa semua murid mepunyai pengetahuan sedia ada yang sama.

c Menganalisis stail atau gaya pembelajaran

Setiap murid adalah unik dan mempunyai ciri-ciri personaliti diri yang tersendiri dalam perkembangan secara fizikal, mental, emosi dan sosial yang menyeluruh (Mok, 2008; Suppiah, Kamarulzaman, Abdul Aziz, Ramlah Jantan, Rosliza, & Hazalizah, 2009). Sehubungan dengan itu, domain perbezaan individu dari aspek kognitif iaitu keupayaan berfikir, belajar, mengingat, menaakul, menganalisis serta bakatnya adalah penting bagi membolehkan proses pembelajaran yang bermakna dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan (Kaviza & Che Saodah Ibrahim, 2022). Menganalisis stail atau gaya pembelajaran yang perlu digunakan harus bersesuaian dengan pengguna. Oleh yang demikian, stail belajar murid perlu dikenalpasti terlebih dahulu oleh guru-guru agar proses pembelajaran yang berkesan dapat dibentuk dengan mempelbagaikan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran.

Gaya pembelajaran menerangkan bagaimana cara seseorang individu menumpukan perhatiannya untuk memahami dan mengingati sesuatu maklumat atau kemahiran baharu (R. Dunn & K. Dunn, 1992). Menurut Mahadi, Faridah, Husin, Mohd Md Hassan dan Nurulhuda (2022) gaya pembelajaran tidak menekankan apa yang dipelajari oleh pelajar tetapi bagaimana pelajar itu memilih cara untuk memudahkan beliau untuk belajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat tiga gaya pembelajaran yang lebih umum iaitu gaya pembelajaran visual, gaya pembelajaran auditori dan gaya pembelajaran kinestetik. Murid-murid yang memiliki gaya pembelajaran visual adalah orang yang jenis gemar belajar dengan huruf, gambar atau gambar rajah, teks, benda-benda maujud dan sebagainya (Mahadi Faridah et al., 2022). Selain itu, murid-murid lebih cenderung mempelajari sesuatu dengan melihat teks yang sedia ada dan lebih suka mempelajari melalui penglihatan.

Gaya pembelajaran auditori pula merupakan jenis pembelajaran yang menekankan pendengaran perkataan dan arahan lisan. Seseorang murid perlu mengingati penerangan melalui bacaaan kuat atau menggerakkan bibir ketika mempelajari sesuatu. Selain itu, murid-murid yang menggunakan jenis pembelajaran ini akan mengukuhkan ingatan dalam mendengar semula rakaman pita audio dan juga mengajar murid –murid lain serta berbincang dengan guru (Mahadi Faridah et al., 2022).

Menurut Mahadi Faridah et al. (2022) gaya pembelajaran kinestetik adalah pembelajaran menjurus ke arah belajar melalui pergerakkan. Individu yang mengamalkan jenis pembelajaran ini, memerlukan bahan-bahan pembelajaran yang konkrit untuk membantu mereka mengingati sesuatu. Selain itu, mereka gemar menyentuh objek kerana mereka suka sesuatu yang dapat memberi pengalaman yang realiti kepada mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2.3 Menyatakan Objektif Pembelajaran

Pembina modul perlu menetapkan terlebih dahulu objektif pelajaran yang hendak di capai. Objektif ialah perubahan tingkah laku yang akan dicapai setelah pengguna menggunakan modul ini. Menurut Jamaludin Harun dan Baharudin Aris (2001) objektif merupakan tahap minima apa yang sepatutnya dipelajari oleh pelajar hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Penulisan objektif dalam rancangan pelajaran guru bertujuan memastikan pelajaran berjalan secara terancang, berfokus kemahiran dan mudah disesuaikan mengikut tahap kecerdasan murid, jenis aktiviti, teknik pengajaran, penilaian serta penyediaan latihan pengayaan atau pemulihan (Saemah Rahman & Zamri Mahamod, 2017). Penulisan objektif akan menentukan apa-apa yang akan diajar dan apa-apa yang akan murid belajar di dalam kelas (Mastura, Rozita & Fathiyah, 2021). Objektif perlu dinyatakan secara jelas, bagi memastikan modul yang dibina mempunyai hala tuju yang jelas. Dalam membina objektif pembelajaran pengkaji akan merujuk kepada sumber-sumber berikut:

i. Dokumen seperti sukatan pelajaran, ringkasan kurikulum, buku teks atau ulasan pakar.

ii. Harapan pembinaan modul terhadap perubahan tingkah laku pengguna yang ingin dicapai hasil daripada proses menggunakan modul pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2.4 Pemilihan Kaedah, Media Dan Bahan

Dalam langkah ini pengkaji memastikan kandungan yang dirancang bersesuaian dengan pengguna, objektif dan kurikulum. Bagi modul pengajaran di peringkat sekolah, pengkaji merujuk kepada dokumen seperti sukatan pelajaran, ringkasan kurikulum, buku teks atau lain-lain dokumen sebagai panduan, supaya modul yang dibina tidak tersasar. Pengkaji merancang bahan serta kaedah penyampaian yang sesuai. Pemilihan kaedah serta bahan yang bersesuaian dengan pengguna penting bagi mencapai objektif pembelajaran dan menanam minat pengguna. Selain daripada itu, faktor kebolehan pengguna, sumber yang sesuai dan kemudahan yang ada juga diambil kira.

a Memilih kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah dalam konteks ini bermaksud cara yang digunakan untuk mempersembahkan maklumat. Pembina modul perlu memilih kaedah yang sesuai dalam membentuk corak pengajaran modul. Disebabkan terdapat pelbagai peringkat dalam pengajaran, pembina modul memilih kaedah yang bersesuaian dengan peringkat pengajaran. Untuk memilih kaedah, pembina modul mengkaji perkara-perkara seperti objektif, kandungan pelajaran dan kumpulan sasaran.

b Memilih media

Media adalah perantara. Media merujuk kepada apa sahaja bahan yang menjadi perantaraan antara penyampai dan penerima. Smaldino, Lowther, Russell dan Mims, (2014) menyatakan bahawa media pengajaran secara amnya boleh terbahagi kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

enam jenis iaitu teks, audio, visual, video animasi, model manipulatif atau objek dan orang (guru, pelajar, dan orang berkaitan). Menurut Romiszowski (1988) pemilihan media merupakan satu proses sistematik dari umum ke khusus berdasarkan faktor atau kriteria tertentu. Menurut Abimbade (1997) media pengajaran boleh dipilih berdasarkan enam pertimbangan. Antaranya termasuklah tugasan yang perlu dilengkapkan, sifat objektif yang perlu dicapai, tahap praktikal media, gaya pembelajaran pelajar seperti latar belakang, tahap, pengetahuan sedia ada pelajar, ketersediaan media dan kebolehan pendidik dalam memilih media. Terdapat dua jenis bentuk media yang perlu difikirkan iaitu:

i Media sedia ada

Media sedia ada bermaksud media yang telah terbina dan hanya perlu dimanipulasikan sahaja.

ii Media dibina

Media yang perlu dibina oleh pembina modul. Media yang dipilih perlulah sesuai dan sepadan dengan kurikulum, menggunakan perkataan sesuai dan tiada kesalahan bahasa dan dapat memotivasi pelajar serta menggalakkan penglibatan pelajar. Selain dari itu, media yang dibina harus mempunyai maklumat yang tepat berkualiti dan terkini, mempunyai aspek tenikal yang berkualiti, mempunyai aspek nilai murni dan seterusnya dapat merangsangkan daya pemikiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2.5 Menggunakan Media dan Bahan Pembelajaran

Peranan penggunaan media dalam pengajaran dan pembelajaran didapati mampu memenuhi pelbagai tanggungjawab. Antaranya ialah media dapat memainkan peranan bersama-sama guru dalam meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Hanifah Mahat, Satryani Arshad, Yazid Salleh, Kadaruddin Aiyub, Mohmadisa Hashim dan Nasir Nayan (2020) menyatakan bahawa perubahan dan teknik strategi pengajaran dan pembelajaran dalam bahan bantu mengajar (BBM) merupakan salah satu langkah penting dalam penyampaian ilmu yang berkesan. Oleh yang demikian, integrasi pelbagai media seperti grafik, audio, video, animasi, dan teks semakin mendapat tumpuan dalam bidang pendidikan (Che Soh Said, Irfan Naufal Umar, Balakrishnan, & Shakinaz Desa, 2015). Penggunaan media dan bahan dalam pengajaran adalah fasa yang amat penting. Penggunaan media yang berkesan bergantung kepada jenis media dan kualiti media yang digunakan. Dalam hal ini, guru perlu merancang dan memilih jenis media yang bersesuaian dengan tajuk pembelajaran dan hasil pembelajaran yang hendak dicapai. Jika media gagal digunakan dengan baik, impaknya negatif terhadap persembahan. Media yang digunakan seperti teks, animasi, grafik, video dan audio perlulah dirancang agar ia bersesuaian dengan kehendak pengguna dan kandungan pelajaran yang dipersembahkan. Media yang digunakan seharusnya memberi kesan yang positif terhadap motivasi serta minat pengguna dan kesesuaian kepada persembahan. Jadual 2.8 dibawa menunjukkan jenis dan klasifikasi media.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.8

Jenis dan Klasifikasi Media

Bil	Jenis	Klasifikasi
01	Media Tayang Kaku	transparensi, slaid dan mikrofilem
02	Media Tayang Bergerak	pita video, cakera padat digital dan filem
03	Bahan Grafik	lukisan, poster, kartun, carta dan graf
04	Gambar Kaku	foto, kad imbasan dan poskad
05	Bahan Pameran Tiga-Dimensi	model, boneka dan pupet
06	Papan Paparan/Pameran	papan kapur, papan putih, papan flanel dan papan buletin
07	Media Audio	pita kaset, cakera padat dan komputer
08	Media Cetak	modul, buku teks, surat khabar, majalah dan risalah

Dalam Rph pengajaran MoKThI, media audio iaitu komputer dan media tayang bergerak digunakan manakala media cetak iaitu Modul MoKThI dan buku teks digunakan semasa menjawab soalan KBAT. Lukisan, poster, kartun, kad imbasan dan papan putih juga digunakan mengikut keperluan dan situasi. Kepenggunaan kepelbagaian media melibatkan pelbagai pancaindera murid memberi pengalaman belajar yang sebenar dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna. Contohnya, apabila guru memainkan Thirukkural dengan muzik dan irama murid turut mengikutinya dan ia dapat menarik minat mereka terhadap Thirukkural yang selama ini mereka mempelajarinya melalui bacaan semata-mata. Penggunaan audio ini sebenarnya berperanan menyediakan peluang murid berehat sementara dari membaca.

Penggunaan gambar juga turut memainkan peranan yang penting terhadap pengajaran yang disampaikan oleh seseorang guru. Penggunaan gambar dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran dapat meningkatkan pengekalan maklumat dalam ingatan seseorang. Mengikut Teori Paivio, (1971) mengenai proses dwikod menyatakan bahawa apabila seseorang memandang sesuatu imej, mereka mengekodkan informasi dengan kod lisan dan kod imej seraya mengaktifkan berbilang jaluran saraf untuk mendukung ingatan. Ini bermaksud kelebihan maklumat berbentuk imej atau grafik lebih mudah diingat berbanding maklumat berbentuk perkataan. Ia memberi kesan yang efektif terhadap ucapan guru dimana guru dapat menerangkan perkara-perkara yang sukar dan kompleks dengan lebih mudah dan jelas berdasarkan visual.

Dalam MoKThI penggunaan gambar yang maksimum sangat diperlukan kerana ia akan menambah kefahaman murid dalam Thirukkural berbanding penggunaan teks yang panjang. Oleh yang demikian, pengkaji memastikan setiap aras soalan KBAT mempunyai sekurang-kurang satu gambar agar murid mudah memahaminya dan mudah mengingati Thirukkural yang dipelajarinya.

Video merupakan salah satu elemen dalam multimedia dalam bentuk gambar bergerak. Elemen-elemen yang terdapat dalam video mampu memberi satu pengalaman baharu melalui proses menghubung kait antara pembelajaran di bilik darjah dengan situasi sebenar di luar bilik darjah. Video cerita Thirukkural dari '*Youtube'* digunakan kerana terbukti dapat membantu murid untuk menambah kefahaman dalam pembelajaran dan menarik minat mereka supaya mereka tidak berasa bosan dalam pembelajaran Thirukkural yang sedang diikuti. Penggunaan video ini amat berkesan kerana naluri kanak-kanak yang suka pada watak-watak kartun membolehkan mereka menonton cerita-cerita animasi Thirukkural dengan penuh gembira dan seronok lalu memahami maksud tersurat dan tersirat kuplet Thirukkural tanpa penjelasan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

panjang lebar daripada guru. Selain dari itu video cerita juga membantu kemahiran mereka cipta murid berkembang dengan membekalkan idea-idea baharu untuk mereka situasi dan merangka dialog bagi cerita ataupun drama yang bersesuaian dengan Thirukkural yang mereka pelajari. Video ini juga boleh dimainkan berulang-ulang kali pada bila-bila masa dimana jua agar murid merujuknya apabila muncul kesangsian ataupun kekeliruan.

Nasron, Nurhasanah, Novalyo Suranda dan Muhammad Khadafi (2024) telah menyenaraikan beberapa fungsi media. Manfaat media pembelajaran secara umum adalah seperti berikut:-

i. Pengajaran lebih menarik perhatian murid supaya dapat memupuk motivasi belajar.

ii. Bahan pengajaran akan lebih jelas maknanya, sehingga dapat lebih difahami murid serta memungkinkan murid menguasai objektif pengajaran dengan baik.

iii. kaedah pembelajaran yang berbeza-beza, bukan hanya komunikasi lisan melalui kata-kata guru, murid tidak bosan dan guru tidak kehabisan tenaga.

iv. Murid lebih banyak melakukan kegiatan belajar, kerana mereka tidak hanya mendengarkan penjelasan dari guru, tetapi juga melakukan kegiatan lain seperti memerhati, melakukan, menunjukkan dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari beberapa manfaat media pembelajaran di atas, dapat disimpulkan bahawa media dapat memudahkan guru menyampaikan pembelajaran dan membantu murid memahami pelajaran yang disampaikan oleh guru.

Selain itu, manfaat media pembelajaran bagi guru yang disenaraikan oleh Nasron et al., (2024) adalah seperti berikut:-

i. memberikan pedoman, arah untuk mencapai tujuan pembelajaran
ii. menjelaskan struktur dan urutan pengajaran secara baik.
iii. Memberikan kerangka yang sistematik untuk mengajar secara baik.
iv. Memudahkan pengendalian pengajar terhadap bahan pelajaran.
v. Membantu kecermatan, ketelitian dalam penyajian kandungan pelajaran.
vi. Meningkatkan keyakinan diri seorang pengajar.
vii. Meningkatkan kualiti pengajaran.
viii. Memberikan dan meningkatkan variasi belajar.
ix. Menciptakan kondisi dan situasi belajar didik hibur yang menyenangkan dan tanpa tekanan

Klien utama guru adalah murid. Oleh yang demikian segala usaha yang dilakukan oleh guru perlu memberi kepuasaan maksimum kepada murid. Disamping itu objektif PdP yang dirancang dengan teliti juga perlu dicapai dalam kadar yang maksimum. Oleh yang demikian, media yang digunakan oleh guru perlu memberi manfaat kepada murid seperti yang disenaraikan di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. meningkatkan motivasi belajar murid.

ii. memberikan dan meningkatkan variasi belajar.

iii. merangsang pelajar untuk berfikir dan menganalisis.

iv. pembelajaran dalam keadaan dan situasi pembelajaran yang menyenangkan dan bebas tekanan.

v. pelajar dapat memahami bahan pembelajaran yang disampaikan secara sistematik.

Berdasarkan penjelasan di atas, media pembelajaran merupakan alat untuk memudahkan dan mempertingkatkan proses PdP dan alat tersebut memberikan pengalaman yang menggalakkan motivasi pembelajaran murid serta memperjelaskan dan memudahkan konsep abstrak serta meningkatkan penyerapan pembelajaran murid mengikut tahap pemikiran murid. Oleh itu, perancangan pemilihan media yang dijalankan secara sistematik berdasarkan keperluan dan ciri-ciri murid yang terarah kepada matlamat yang ingin dicapai, dapat mengatasi halangan komunikasi, batasan fizikal dalam bilik darjah dan sikap pasif murid serta menyatukan pemerhatian murid.

2.4.2.6 Penglibatan Pelajar

Penglibatan pelajar yang aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat penting bagi menjamin proses pemindahan ilmu berlaku secara sempurna. Modul pembelajaran seharusnya dapat membentuk keadaan yang sesuai dengan pengguna, efektif serta dapat menarik minat pengguna. Pembina modul perlu memerhati, berbincang serta mendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maklum balas terhadap keupayaan modul dalam merangsang penglibatan pelajar yang aktif.

2.4.2.7 Melakukan penilaian dan pengubahsuaian

Untuk menentukan keberkesanan modul pembelajaran, kandungan modul perlulah dinilai. Proses penilaian juga membolehkan Pembina modul membuat pengubahsuai kandungan bagi membaiki kelemahan dan kecacatan yang terdapat dalam modul supaya memenuhi kehendak pengguna. Secara keseluruhan penilaian melibatkan aspek:

i. Menilai kepuasan pengguna
ii. Menilai aspek pembelajaran dan pengajaran
iii. Menilai modul dan kaedah yang digunakan

2.4.3 Model Pembelajaran 5E

Pembelajaran 5E adalah satu model instruksional dalam pembelajaran yang berdasarkan pendekatan konstruktivisme. Model Pembelajaran 5E yang digunakan dalam kajian ini dibangunkan oleh Bybee Rodger, Taylor Joseph, Gardner April, Van Pamela, Carlson Janet, Westbrook Anne dan Landes (2006). Model ini membantu menghasilkan satu pembelajaran berkesan dalam menjana pemikiran aras tinggi murid. PdP berasaskan inkuiri boleh menggunakan pelbagai model di dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mengikut kepada kesesuaian mata pelajaran yang berkaitan. Namun begitu, Model Pembelajaran 5E dikatakan sesuai kerana merupakan model

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

umum yang boleh digunakan untuk semua mata pelajaran dalam kurikulum kebangsaan. Model 5E juga dikenali sebagai *'Learning Cycle 5E'* merupakan satu model yang dibina menggunakan teori pembelajaran konstruktivisme melalui pendekatan inkuri yang dijalankan mengikut urutan untuk mewujudkan sesi PdP yang efektif (Deram & Ahmad, 2017; Jerry & Jamaludin, 2021; Yuksel, 2019; Baldock & Murphrey, 2020). Merujuk Suzianah Bakri dan Mazlini Adnan (2021) model pembelajaran 5E dilihat mampu memberi impak positif kepada perkembangan pencapaian pelajar. Model 5E melibatkan peranan guru dan murid penting dalam menentukan aktiviti pembelajaran berlangsung seperti yang dirancang.


Dimensi model 5E membantu guru dalam mengadakan satu sesi PdP yang efektif dan dapat menarik minat murid (Deram & Ahmad, 2017) selain merupakan salah satu pendekatan berkesan untuk pelajar benar-benar belajar dan mengekalkan pembelajaran (Northern, 2019). 5E dalam model tersebut mewakili 5 kata kerja iaitu '*Engage, Explore, Explain, Elaborate dan Evaluate'*. Ia mempunyai 5 fasa iaitu '*Engage'* (melibatkan diri) '*Explore'* (meneroka) '*Explain'* (menerangkan) '*Elaborate'* (menghuraikan) dan '*Evaluate'* (menilai) (Jaswardi, 2017). Rajah 2.8 menunjukkan Model Pembelajaran 5E.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 2.8

Model Pembelajaran 5E



Sumber : KPM (2016)

Penerangan Model Pengajaran dan Pembelajaran 5E adalah seperti berikut:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a Melibatkan (*Engange*)

i. Murid membina pemahaman asas terhadap aktiviti.

ii. Perasaan ingin tahu dirangsang dengan murid berkongsi apa yang mereka tahu.

iii. Minat dan fokus dibina dengan aktiviti menarik dan rangsangan minda seperti kuiz, video, gambar, lagu dan sebagainya.

iv. Murid juga dapat melihat model atau contoh agar mereka sedar apa yang hendak dipelajari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b Meneroka *(Explore)*

- Murid membina pemahaman melalui aktiviti '*hands-on'.*
- Murid menjalankan siasatan secara terbuka atau terbimbing bagi menjawab soalan yang dinyatakan.
- Murid menggunakan pelbagai sumber untuk mencari maklumat atau data.
- Murid menjana idea baharu atau menyelasaikan masalah dengan menjalankan penyiasatan
- murid mereka bentuk dan melaksanakan penyiasatan.

c Menerangkan (*Explain*)

- Murid menerangkan sesuatu konsep atau membuat aplikasi secara praktikal
- Murid juga boleh menghasilkan pembentangan dalam pelbagai bentuk untuk menyampaikan idea dan pemahaman mereka.

d Menghuraikan (*Elaborate*)

- Murid boleh membuat pembentangan di hadapan kelas.
- Murid melatih diri mereka untuk menjelaskan dan menghuraikan pembentangan mereka kepada rakan-rakan.
- Murid mengaitkan aktiviti mereka keadaan situasi masa kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

e Menilai (*Evaluate*)

- Murid menilai dengan berdialog, bersoal jawab serta membuat refleksi.
- Murid mengenalpasti penambahbaikan serta mengeluarkan pendapat.
- Guru bantu untuk memberikan penilaian dan peneguhan posiftif kepada murid.

2.4.3.2 Kebaikan Model Pengajaran dan Pembelajaran 5E

Terdapat beberapa kebaikan menggunakan Model Pembelajaran 5E. Antaranya ialah pencapaian pembelajaran lebih berkesan dapat dicapai. Murid belajar secara kendiri dengan sokongan yang minima daripada guru. Keupayaan kemahiran berfikir secara kritis, berfikir secara inovatif dan luar kotak murid juga berkembang (Kamaruddin, Mahamsiatus & Tahir Rabahyah, 2022). Murid mempunyai lebih masa untuk meneroka dan berkolaboratif berbanding penghafalan semata-mata. Ini secara semulajadi meransang kemahiran berfikir aras tinggi dan mencabar pemikiran murid. Disamping itu penerapan elemen konstruktivisme dalam tugasan dapat dilakukan oleh guru dengan memberi panduan pelaksanaan tugasan yang lebih jelas dan hala tuju tugasan lebih tepat.

Selain dari itu, Pembelajaran 5E meningkatkan pemahaman pelaksanaan tugasan, dimana pelaksanaan tugasan menjadi lebih sistematik dan berkualiti. Ini adalah kerana pembelajaran 5E menggalakan murid melakukan aktiviti secara *hands on*. Dengan demikian, murid juga berpeluang untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan meningkatkan pengetahuan sedia ada kerana menurut Jaswardi (2017) pengetahuan dibangunkan dari pengetahuan murid sendiri. Selain itu, model ini juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi peluang meneroka pelbagai alternatif dan menggalakkan sikap terbuka terhadap ilmu. Menurut Ismail, Khalijah, Rohani, Ros dan Mohd Fauzi (2020) Pembelajaran 5E adalah selari dengan konsep 4K 1N iaitu Komunikatif, Kolaboratif, Berfikiran Kritis dan Kreatif dan Nilai dalam Pengajaran Abad ke 21.

Kesimpulannya, di sebalik kekuatan model pembelajaran 5E yang membantu pembelajaran murid menjadi lebih tersusun murid juga dapat mendalami sesuatu konsep dengan menggunakan pengetahuan sedia ada (Jaswardi, 2017).

2.4.3.3 Implikasi Model Kepada Kajian

Model ASSURE dalam kajian ini berfungsi sebagai garis panduan kepada pengkaji untuk mereka bentuk Modul MoKThI. Ia merupakan domain aplikasi yang menerangkan tentang kaedah yang digunakan. Model reka bentuk ASSURE, memudahkan dalam proses pembangunan modul tersebut kerana model pengajaran akan membimbing pembina dalam mempercepatkan proses pembinaan bahan. Model ASSURE menjadi pengasas kepada pengkaji yang ingin membentuk modul pengajaran dan pembelajaran.

Modul yang dibina berasaskan Model ASSURE ini juga menerapkan kaedah pembelajaran berasaskan inkuiri penemuan dengan menggunakan Model Pembelajaran 5E iaitu penglibatan, penerokaan, penerangan, pengembangan dan penilaian. Lima fasa dalam proses inkuiri iaitu menyoal, menyelidik, merekacipta, membincang dan membuat refleksi membantu pengkaji untuk merancang dan menyusun aktiviti dalam Modul MoKThI. Model KBAT yang digunakan dalam kajian ini adalah Model KBAT

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Taksonomi Bloom Semakan Semula Anderson & Krathwohl (2001). Pemahaman dalam model ini membantu pengkaji dari segi meningkatkan kemahiran pedagogi. Setiap aktiviti dan soalan dalam Modul MoKThI perlu meningkatkan KBAT murid. Untuk itu pemahaman setiap aras kemahiran KBAT adalah penting. Satu kajian yang dijalankan oleh Saipolbarin Ramli, Muhammad Taufiq Abdul Ghani, Nazri Atoh dan Taj Rijal Muhammad Romli (2019) menunjukkan semua kit media dan elemen KBAT yang disediakan oleh guru pelatih tidak dapat mengintegrasikan elemen KBAT dalam PdP. Hanya tujuh kit media yang dihasilkan dapat mengintegrasikan elemen KBAT dalam PdP yang telah dijalankan. Hal ini disebabkan oleh guru yang tidak mendapat pendedahan dan pengetahuan sepenuhnya tentang aplikasi KBAT di dalam proses PdP (Saipolbarin et al., 2019). Pengkaji ingin mengelakan perkara ini berlaku kepada Modul MoKThI. Oleh itu penguasaan model KBAT adalah sangat penting untuk menghasilkan suatu modul yang berkualiti dan dapat memberi kesan yang optimum kepada pengguna-pengguna iaitu murid Tahun Lima SJKT.

2.5 Pendekatan Berasaskan Inkuiri Terbimbing

2.5.1 Pendekatan Inkuiri Terbimbing

Salah satu kaedah yang sangat dititkberatkan dalam PAK-21 adalah inkuiri penemuan. Pembelajaran inkuiri merupakan proses PdP yang menggalakkan penyiasatan masalah, penerokaan dan penemuan untuk mendapatkan maklumat serta pemahaman yang mendalam terhadap sesuatu tugasan yang dijalankan (Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM (2019) Jerry dan Jamaludin (2021), Ong, T. Govindasamy, D. Singh, Ibrahim, Wahab, Borhan dan Tho (2021). Pendekatan inkuiri bukanlah sesuatu yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

baharu dalam dunia pendidikan malah ia dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dengan kaedah mengajukan pertanyaan dan permasalahan kepada murid dengan tujuan menggalakkan murid memahami, berfikir dan memperhatikan bersungguh-sungguh (Fadhl Illahi, 2022). Carin dan Sund (1971) mendefinisikan inkuiri sebagai proses untuk mendapatkan maklumat yang melibatkan aktiviti penerokaan yang berasaskan penyoalan.

Faridah Nazir, Faiziah Shamsudin dan Amran Bakar (2017) menyatakan kaedah inkuiri merupakan teknik berbentuk tinjau siasat yang merangkumi aspek soal selidik untuk memperoleh jawapan atau kesimpulan berasaskan permasalahan. Menurut Surtaman, Mohamad Rohana, Mohammad Sulaiman, P Rameli, Abdul Razak dan Halim (2023) kaedah inkuiri penemuan merupakan aktiviti berbentuk eksperimen di mana terhasil daripada teknik inkuiri dan penemuan yang bersifat saintifik dan memfokuskan kepada penyelesaian masalah. Kaedah ini menuntut daya refleksi murid dan berupaya menimbulkan minat serta menjana daya kreativiti melalui pembinaan persoalan-persoalan seperti apa, mengapa, bagaimana dan sebagainya (Surtaman & et al., 2023).

Teknik ini mengalakkan para murid bertanya soalan kepada guru bagi mengelakkan berlakunya salah tafsir dalam diri murid (Guvercin & Verbovskiy, 2014). Di samping itu, idea dan konsep sastera akan dapat diperkembangkan dalam diri murid melalui penglibatan murid secara aktif dalam proses pembelajaran. Penglibatan aktif murid amat dititikberatkan dalam pendekatan inkuiri. Oleh itu, Herron (971) telah membahagikan pembelajaran secara inkuiri kepada empat aras yang berbeza yang mana setiap aras tersebut bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh murid dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

proses pembelajaran mereka. Semakin tinggi aras pembelajaran berasaskan inkuiri, semakin banyak peranan yang disumbangkan oleh murid dalam aktiviti pembelajaran.

2.5.1.1 Fasa Inkuiri Terbimbing

Menurut Hanson (2006) terdapat tiga fasa dalam kitaran pembelajaran inkuiri terbimbing iaitu penerokaan (*exploration*) pembentukan konsep (*concept invention or formation*) dan aplikasi (*application*). Jadual 2.9 menunjukkan penerangan tentang setiap fasa dalam kitaran pembelajaran inkuiri terbimbing oleh Hanson (2006).

Jadual 2.9

Fasa Inkuiri Terbimbing Hanson (2006)

Fasa Pembelajaran	**Penerangan**
Penerokaan (*Exploration)*	Murid akan meneroka konsep yang berkaitan dengan tajuk yang akan dipelajari dan guru bertindak sebagai pembimbing
Pembentukkan konsep (*Concept inventionor formation*)	Murid akan mengaitkan apa yang telah dipelajari dalam fasa penerokaan untuk membentuk konsep sastera
Aplikasi (*Application*)	Murid mengaplikasi konsep yang telah difahami dengan situasi yang berbeza iaitu dalam aktiviti sastera

Untuk menjayakan STEM, pembelajaran berasaskan inkuiri (PBI) telah menjadi tunjang sebagai strategi pembelajaran sains yang dominan di sekolah (Nasri, Nurfarahin, Nurfaradilla Talib & Mohamad, 2021; Ng & Adnan, 2018; Khairun Nisa Ramadhan, Syahrul Thahar & Harris Effendi, 2024; dan Sergis, Sampson, Rodríguez-Triana, Gillet, Pelliccione, & de Jong, (2017)). Manakala menurut Siti Mariam & Roslinda (2017) pelaksanaan pendekatan inkuiri terbimbing ini adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melalui pelbagai pendekatan seperti pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan penyiasatan saintifik, pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran kolaboratif bagi melahirkan murid yang berilmu dan berkemahiran berfikir aras tinggi. Ia dikatakan berupaya membantu dalam pemindahan maklumat secara aktif dengan menyediakan suasana pembelajaran yang dapat mempertingkatkan KBAT. Hal ini adalah apabila murid melalui fasa-fasa tersebut, mereka akan menggunakan kemahiran kognitif dalam meneroka konsep sastera. Apabila sesuatu konsep sastera telah dikuasai, mereka perlu mengaplikasikannya dengan situasi yang berbeza untuk mengukuhkan kefahaman terhadap konsep yang telah dipelajari. Oleh itu, pendekatan inkuiri adalah berbeza dengan pendekatan tradisional yang hanya menekankan hafalan dan kurang atau tiada langsung perbincangan (KPM, 2016).

Modul yang mengandungi pengajaran guru, pembelajaran murid serta tugasan sastera diharapkan dapat membantu murid menggunakan kognitif secara maksimum dalam menjana KBAT. Murid akan diberi peluang untuk meneroka sendiri konsep-konsep sastera dan keadaan ini memberi ruang kepada murid untuk berfikir dengan lebih fleksibel tanpa terikat dengan fakta dan prosedur di dalam buku teks. Guru pula bertindak sebagai fasilitator semasa murid mengaplikasikan apa yang telah mereka pelajari.

2.5.1.2 Implikasi Pendekatan Berasaskan Inkuri Terbimbing Terhadap Kajian

Pendekatan pembelajaran inkuiri terbimbing adalah lebih bersifat induktif berbanding kaedah tutorial yang lebih berbentuk deduktif. Pada awal pembelajaran, murid akan dikemukakan dengan soalan-soalan yang berkaitan dengan domain pembelajaran dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modul MoKThI. Kemudian, permasalahan dikaji dan murid akan dibimbing untuk melakukan penerokaan, membuat pemerhatian, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Pendekatan inkuiri terbimbing dikatakan berupaya membantu dalam permindahan maklumat secara aktif dengan menyediakan suasana pembelajaran yang dapat mempertingkatkan KBAT (Irfan Naufal & Sajap Maswan, 2006). Kenyataan ini dibuktikan dalam kajian Kamaruddin et al., (2022). Hasil dapatan kajian mereka menggunakan kaedah inkuri didapati dapat meningkatkan keupayaan kemahiran berfikir secara kritis pelajar termasuk berfikir secara inovatif dan diluar kotak, selain merangsang KBAT murid dan mencabar pemikiran mereka.

Melalui pengajaran secara inkuiri ini, murid akan belajar cara untuk menjana idea melalui soalan dan dapat menjawab atau menyelesaikan masalah tentang perkara yang ingin diketahui. PdP berasaskan inkuiri dapat menjadikan pengalaman murid bersifat lebih kekal, bermakna dan menyeronokkan (Ong et al., 2021). Guru akan membimbing murid dalam membina idea dan teori sendiri berdasarkan penemuan baharu yang mereka perolehi. Dengan itu, murid dapat membina keyakinan diri untuk mencari jawapan kepada masalah yang mereka minat dan perkara yang perlu diselesaikan.

2.6 *'Scaffolding'* dalam Pengajaran Menggunakan Modul MoKThI

2.6.1 *'Scaffolding'* Sebagai Sokongan Instruksional Interaktif

'Scaffolding' dapat membantu murid bergerak melalui ZPD dengan membolehkan murid menyelesaikan sesuatu tugasan tanpa bantuan orang lain (Lokita Purnamika,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2016). Melaluinya tindak balas dan keperluan murid akan dapat dipenuhi dengan cara mengubahsuaikannya kepada tahap pencapaian yang boleh dicapai oleh murid. Guru perlu memberikan bantuan atau bimbingan apabila diperlukan dan berhenti membantu setelah murid mula menunjukkan kemampuan dalam menyelesaikan tugasan.

'Scaffolding' berinstruksional akan memberikan sokongan kepada murid misalnya di dalam bilik darjah, guru menyediakan *'scaffolding'* dengan menghuraikan dan membahagikan isi sesuatu petikan kepada perenggan-perenggan yang dapat diselesaikan, menunjukkan kemahiran *'modelling'* dengan membenarkan murid menyelesaikan tugasan secara bersendirian apabila guru berasa yakin murid-muridnya sudah bersedia (Shahabudin, Rohizani & Mohd. Zohir, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.1.1 Pengaplikasian *'Scaffolding'* Sebagai Strategi Pengajaran dalam Bilik Darjah

Menurut Rebecca (2015) *'scaffolding'* merupakan bantuan yang diberikan untuk membantu pelajar menyelesaikan tugasan yang tidak dapat mereka selesaikan secara individu atau secara bebas. Teknik *'scaffolding'* yang dipelopori oleh Vygotsky banyak memberi manfaat kepada guru-guru yang mengamalkannya dalam PdP mereka. Kajian yang dijalankan oleh Saputri dan Lies Andriani (2019) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan kemampuan pemahaman konsep Matematik pelajar yang mengikuti pembelajaran *'scaffolding'* dengan pelajar yang mengikuti pembelajaran langsung di Madrasah Tsanawiyah Al-Hidayah Singingi Hilir. Kajian mereka menunjukan terdapat perbezaan yang signifikan antara kemampuan pemahaman konsep Matematik pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan setelah mengikuti pembelajaran menggunakan strategi pembelajaran *'scaffolding'* (Saputri & Lies Andriani, 2019).

Selain dari itu kajian yang dilakukan oleh Elis Nurhayati (2017) juga mambuktikan bahawa terdapat perbezaan kemandirian belajar Matematik yang telah menjalani pembelajaran yang menerapkan *'scaffolding' d*engan pelajar yang memperoleh pembelajaran langsung. Disamping itu kemandirian belajar pelajar yang mengikuti pembelajaran yang menerapkan *'scaffolding'* adalah juga tinggi (Elis Nurhayati, 2017). Kajian-kajian ini jelas menunjukkan keberkesanan teknik *'scaffolding'* dalam PdP. Menurut Vygotsky (1978) strategi pengajaran *'scaffolding'* dalam bilik darjah diaplikasikan seperti berikut:-

i. Guru bertindak memberi sokongan kepada murid yang memerlukan bantuan atau bimbingan dalam melaksanakan tugasan.

ii. Guru akan memberi demonstrasi sambil memberikan penerangan semasa mengajar.

iii. Guru cuba meringkaskan sesuatu masalah atau membahagikan sesuatu tugasan kepada langkah-langkah yang mudah difahami oleh murid.

iv. Sekiranya murid menghadapi masalah atau kesukaran dalam membuat tugasan, guru akan menyediakan soalan-soalan yang berfokuskan kepada masalah tersebut.

v. Guru akan berhenti memberi bantuan setelah murid mampu menyiapkan tugasan tanpa memerlukan bantuan.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbualan dan interaksi merupakan alat penting semasa proses *'scaffolding'*. *'Scaffolding'* diberikan melalui bimbingan, bersoal jawab, memotivasikan murid, memberi penjelasan dan tunjuk ajar. Rajah 2.9 menunjukkan konsep bantuan *'scaffolding'* seperti yang disarankan oleh Vygotsky (1978).

Rajah 2.9

Konsep Bantuan 'Scaffolding'



2.6.1.2 Penggunaan *'Scaffolding'* dalam PdP

Kauchak dan Eggen (1998) memberi panduan kepada guru-guru bagaimana *'scaffolding'* ini dapat diterapkan dalam PdP harian. Jadual 2.10 menunjukkan langkah-langkah *'scaffolding'* yang boleh diterapkan dalam pengajaran guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.10

Langkah-langkah Pelaksanaan 'Scaffolding' Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Bil	Strategi
1	Gunakan *'scaffolding'* pada masa berikut: ✓ Semasa awal pembelajaran, gunakan *'scaffolding'* bersama dengan pelbagai contoh untuk menerangkan proses berfikir yang berlaku. ✓ Gunakan *'scaffolding'* apabila diperlukan dengan memeriksa pemahaman murid terlebih dahulu. Apabila perlu, berikan contoh dan penjelasan tambahan. ✓ Gunakan *'scaffolding'* untuk membina kekuatan dan menampung kelemahan murid.
2	✓ Penyediaan perwakilan berstruktur dan tugasan perbincangan untuk berfikir ✓ Mewakili dan menyusun permasalahan secara bentuk visual yang jelas (konkrit) seperti lukisan, jadual dan peta minda. ✓ Menunjukkan cara untuk merungkai masalah kepada langkah-langkah yang mudah dengan menggunakan beberapa contoh dan menggalakkan murid untuk memberikan cadangan contoh tambahan. ✓ Membincangkan contoh-contoh masalah dan penyelesaiannya, menerangkan masalah utama dengan terperinci dan mengaitkan penyelesaian masalah dengan masalah sebenar agar dapat mengurangkan keperluan murid dalam bantuan guru.
3	✓ Pemberian peluang untuk melatih murid meyelesaikan ✓ Menyediakan latihan yang diarahkan oleh guru sebelum latihan bebas, menyemak kemajuan yang dilakukan oleh murid dengan segera dan memberikan maklum balas yang pendek iaitu kurang daripada 30 saat bagi mana-mana permintaan untuk bantuan. ✓ Berikan tugasan kerja rumah yang pendek dan secara kerap iaitu lanjutan daripada tugasan di bilik darjah (tidak lebih daripada 20 minit untuk murid) ✓ Mengaitkan amalan dalam konteks situasi kehidupan yang sebenar.

Sumber: Kauchak dan Eggen (1998)

Dengan berpandukan kepada strategi yang disarankan oleh Kauchak dan Eggen (1998) teknik *'scaffolding'* diterapkan dalam PdP guru menggunakan Modul MoKThI seperti Jadual 2.11.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.11

Langkah-langkah Menjalankan 'Scaffolding' Menggunakan Modul MoKThI

Langkah-langkah menjalankan *'scaffolding'*		Contoh
a.	*'Modelling'*	Guru memberi satu contoh situasi yang sesuai untuk komponen sastera yang telah dipelajari sebelum murid diarahkan mereka situasi.
b.	Memberi penerangan	Guru memberi penjelasan kepada komponen sastera yang telah dipelajari.
c.	Menanya soalan	Selepas *'modelling'* dan memberi penerangan guru akan menanyakan soalan KBAT kepada murid.
d.	Adaptasi bahan instruksional	Guru akan memberi peluang murid menjawab soalan aras rendah. Setelah murid dapat menjawabnya guru akan mengarahkan murid menjawab soalan KBAT dalam Modul MoKThI.
e.	Sedia membantu dan memberi panduan	Jika murid gagal memjawab soalan-soalan KBAT guru memberi panduan dan tunjuk ajar. Stimulus juga diberi untuk merangsang kemahiran berfikir murid

Sumber: Diadaptasi dari Shahabudin, Rohizani & Mohd. Zohir, 2007.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.1.3 Implikasi *'Scaffolding'* Terhadap Kajian

Teori Konstruktivisme diaplikasikan bagi elemen-elemen pembelajaran kendiri, proses ZPD dan *'scaffolding'*. *'Scaffolding'* diaplikasikan dalam aktiviti pembelajaran dan menjadi aspek penting dalam kajian ini. Aspek tersebut dapat dilihat dengan jelas dalam pemilihan strategi pembelajaran dan aktiviti-aktiviti dalam Modul MoKThI. Pembelajaran dalam modul tersebut diberi dalam bentuk aktiviti pembelajaran dalam modul dan murid menggunakan modul. Guru akan membimbing murid sekiranya mereka menghadapi masalah pada peringkat awal menggunakan modul tersebut. Bantuan ini diberikan semasa pengajaran dan pembelajaran secara formal di dalam bilik darjah. Pembelajaran formal melalui peranan guru dan rakan sebaya yang lebih kompeten dan mahir dapat mewujudkan interaksi sekali gus dapat membantu meningkatkan tahap penguasaan berfikir murid. Menurut Nur Shakirah dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Muhammad Saiful (2017) bantuan atau *'scaffolding'* daripada murid yang mahir turut dapat membantu mengukuhkan kemahiran murid yang lemah. Akhirnya murid tersebut mampu mengendalikan proses pembelajaran berdasarkan Modul MoKThI dengan sendiri.

2.7 Kajian Lepas Berkaitan Kajian

2.7.1 Kajian Tentang Penggunaan Modul Dalam PdP

Pendidikan di Malaysia sudah memanfaatkan pengajaran dan pembelajaran menggunakan modul (Ali, Abdullah & Ab. Rahman, 2019). Menurut Sidek dan Jamaludin (2005) di dalam bukunya yang bertajuk "Pembinaan Modul- Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik" menyatakan modul dapat membantu guru mengajar sesuatu tajuk melalui pelbagai aktiviti tersusun untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Dengan ini dapat dinyatakan bahawa penggunaan modul adalah satu kaedah yang baik untuk meningkatkan pemahaman dan KBAT murid. Rajendran (2008) berpendapat kekangan guru dalam pengajaran kemahiran berfikir ini adalah kurangnya pendedahan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ini, ketidaksediaan guru dalam memikul tugasan mengajar kemahiran berfikir secara eksplisit dalam mata pelajaran diajar, dasar kurikulum yang lebih kepada peperiksaan sehingga mengabaikan penerapan kemahiran berfikir dan pendekatan pedagogi pengajaran dan pembelajaran yang kurang efektif dalam penerapan kemahiran berfikr. Satu kajian yang dibuat oleh Nik Rosnizasuzila, Azlina dan Zakiah Mohamad (2015) untuk mengenal pasti keperluan pembinaan modul *i-Think* dalam melaksanakan program ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, guru-guru yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi responden kajian menyatakan wajar sekiranya mereka dibekalkan modul mengikut mata pelajaran yang diajar. Dapatan-dapatan kajian ini menjelaskan bahawa guru-guru memerlukan suatu bentuk modul atau panduan supaya dapat membantu guru-guru lebih mahir dan yakin dalam pengajaran di bilik darjah.

Jeyadevi (2020) telah menyatakan bahawa modul pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil sangat kurang dihasilkan dan penghasilannya lebih menjurus kepada pengajaran seperti aktiviti dan latihan. Modul yang digunakan itu adalah untuk memudahkan pengajaran secara keseluruhan oleh guru semata-mata dan tidak mengambil kira pembelajaran pelajar dan pengkhususan setiap topik atau subtopik tidak diberi perhatian. Pengkaji juga mendapati bahawa banyak kajian lepas berkenaan pembinaan modul KBAT di sekolah rendah namun belum ada pengkaji yang membina modul berasaskan Thirukkural diintergerasikan dengan kaedah inkuiri penemuan.

2.7.2 Kajian Lepas Tentang KBAT dalam PdP

Keupayaan murid menguasai KBAT merupakan fokus utama guru semasa merancang PdP. Guru perlu menguasai pelbagai bidang kemahiran, sentiasa mengikuti perkembangan tentang dasar dan isu pendidikan, mahir dalam pedagogi, menggunakan teknologi terkini dan menerapkan nilai-nilai murni bagi tujuan pembentukkan akhlak dan sahsiah murid yang baik.

Saipolbarin et al., (2019) menyatakan bahawa kejayaan sesuatu PdP dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti guru, intelektual serta motivasi diri murid dan faktor persekitaraan pembelajaran seperti suasana pembelajaran yang kondusif, waktu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran serta pengaruh dari rakan sebaya. Faktor yang dibawa oleh guru merupakan kayu ukur dalam pelaksanaan KBAT (Muhammad Faez, Wan Muna & Melor, 2018). Kenyataan ini disokong oleh Mohamad Nurul Azmi, Nurzatulshima, Umi Kalthom dan Mohd Hazwan (2017) dengan kenyataan mereka bahawa kesediaan guru menjadi titik tolak kepada kejayaan amalan KBAT kerana guru merupakan pelaksana kepada kurikulum yang digubal. Tahap pemikiran guru akan menentukan dan memainkan peranan penting yang konstruktif dalam pendidikan guru dan murid pada masa hadapan (Irma-Ain & Zolkepeli, 2017). Laporan perunding *Kestrel Education (UK)* dan *21 Century School* menyatakan bahawa pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan murid di Malaysia amat rendah (Nor Hasmaliza & Zamri, 2016). Ini jelas menunjukkan peranan guru adalah amat penting untuk meningkatkan KBAT murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebaliknya, pemikiran KBAT dikalangan guru dan pelajar di Malaysia masih rendah (Zamri, 2014). Kajian yang dijalankan oleh Nur Hawa Hanis dan Ghazali (2018) juga mendapati bahawa tahap kesediaan guru sejarah di Perak terhadap KBAT masih di tahap sederhana. Oleh yang demikian untuk menerapkan medan meningkatkan KBAT murid-murid, guru perlu memainkan peranan yang penting. Menurut Sharuji dan Mohd Nordin (2017) guru memainkan peranan penting dalam usaha memupuk pemikiran aras tinggi dalam kalangan murid. Wan Ismail, Muhammad, Lubis, Mohd Isa Hamzah (2016) pula menyatakan guru sendiri perlu kompeten dalam menggunakan KBAT ke arah mengintegrasikan masyarakat yang berfikiran aras tinggi.

Justeru, kesediaan guru dalam mengaplikasikan KBAT memerlukan komitmen dan usaha yang berterusan. Seorang pendidik perlu mempunyai kesediaan dari segi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mental dan fizikal sebelum memulakan sesuatu pengajaran. Oleh itu, bukan sahaja ilmu pengetahuan, kemahiran guru juga perlu ditingkatkan dalam menyediakan guru ke arah mendidik murid menyelesaikan masalah melibatkan KBAT. Mempelbagaikan kemahiran pedagogi semasa PdP boleh menarik minat murid untuk lebih menyesuaikan diri mereka dalam menjawab soalan aras tinggi. Kesediaan guru dari segi kemahiran amat mempengaruhi dalam pengaplikasikan KBAT dalam PdP mereka. Kemahiran penting dalam kesediaan guru untuk berubah ke arah pendidikan yang lebih berkualiti (Irma-Ain & Zolkepeli, 2017).

Selain dari itu, kaedah pengajaran juga perlu dipelbagaikan agar murid mudah dan berminat untuk menguasai KBAT. Wan Nor Shairah dan Norazah (2017) menyarankan guru perlu menyesuaikan strategi, teknik dan pendekatan pengajaran KBAT untuk memastikan objektif kurikulum dapat dicapai. Ini adalah kerana penglibatan intelektual di bilik darjah adalah tanggungjawab guru sepenuhnya. Kejayaan dan kecemerlangan dalam sesuatu mata pelajaran tidak akan menjadi kenyataan sekiranya pengajaran guru masih menggunakan kaedah tradisional dan tidak mengambil kira aspek KBAT kerana ia adalah merupakan aspek penting dalam menguasai sesuatu kemahiran yang dilihat banyak mempengaruhi pencapaian murid (Muhammad et al., 2018).

Lazimnya KBAT melibatkan strategi PdP yang berbentuk inkuiri, penyelesaian masalah, pembelajaran berasaskan projek, perbincangan, metakognisi, pengurusan grafik, penggunaan alat berfikir seperti peta pemikiran dan penyoalan aras tinggi (Johari Surif, Nor Hasniza, Abdul Halim & Yahya, 2016). Maka, guru perlu mengamalkan strategi ini untuk meningkatkan KBAT murid. Secara kesimpulannya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru merupakan pencetus dalam menerapkan KBAT dalam kalangan murid. Oleh itu, guru perlulah berusaha dalam menjadikan pendidikan negara kita lebih berkualiti seiring dengan penekanan KBAT dalam PdP.

Unsur persekitaraan pembelajaran KBAT yang seterusnya adalah murid. Suatu PdP akan berjaya apabila murid bersedia untuk menerimanya dari segi emosi, fizikal dan mental. Masalah murid yang rendah pencapaian menimbulkan masalah dalam pelaksanakan KBAT di dalam bilik darjah (Kanthasamy, 2018). Menurutnya, murid sekolah lebih selesa dengan soalan rutin sahaja dan lebih bergantung kepada nota dan hafalan sahaja. Dapatan kajian Nooriza dan Effandi (2015) mendapati kekangan yang menjadi penghalang kepada guru dalam mengitegrasikan KBAT dalam proses PdP ialah pengetahuan asas murid dan kesukaran murid memahami soalan beraras tinggi. Kajian Sukiman et al. (2012) juga menunjukkan persamaan dengan kajian ini. Mereka berpendapat murid sukar memahami soalan-soalan beraras tinggi walaupun setelah diberikan soalan-soalan dorongan. Kajian Yahya (2014) juga menunjukkan murid sukar untuk melaksanakan aktiviti penulisan kerana melibatkan aktiviti beraras tinggi. Selain dari itu, kajian yang dijalankan oleh KPM (2013) menunjukkan hampir 30% murid tidak menjawab soalan berunsur KBAT.

Kompetensi guru dalam mengaplikasikan KBAT dalam PdP abad ke-21 adalah penting dalam menyediakan murid untuk masa hadapan (Hayati, 2017). Oleh yang demikian, guru perlu memainkan peranan penting dalam menarik minat murid-murid terhadap aspek KBAT. Guru-guru diharapkan dapat mencipta suasana pembelajaran yang lebih kondusif menggunakan KBAT dalam bilik darjah untuk menarik minat mereka terhadap pembelajaran. Apabila perancangan yang rapi dan teliti dibuat oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru maka KBAT dapat mendorong murid membuat penerokaan, penyelidikan dan mengamalkan pembelajaran inkuiri bagi mencari penyelesaian terhadap aktiviti yang mencabar minda melalui penyoalan aras tinggi. Perkara ini memberi peluang yang lebih luas untuk mereka mempamerkan potensi diri serta mencungkil bakat yang terpendam dalam murid.

Persekitaraan juga memainkan peranan penting dalam mengukuhkan KBAT. Prosedur dan dasar bilik darjah berfikrah adalah satu bahagian penting dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran berfikrah untuk KBAT. Guru yang berkemahiran dalam menguruskan pengalaman pembelajaran yang pelbagai boleh mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berfikrah untuk semua murid di bilik darjah berfikrah (Shamilati, Wan Mazwati & Rahimah Embong, 2018). Mereka berpendapat, dengan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat, menyokong dan positif untuk semua murid, membolehkan guru merancang untuk mengelakkan risiko keselamatan, mewujudkan susun atur bilik darjah yang menggalakkan dan menyokong pembelajaran KBAT serta memberi akses kepada semua murid dengan lebih mudah. Guru menilai dan melaksanakan teknik-teknik pengurusan bilik darjah yang berkesan dengan cara yang konsisten, menggunakan rutin harian dan prosedur yang memaksimumkan masa PdP KBAT (KPM, 2014). Antara strategi PdP yang boleh digunakan adalah seperti konstruktivisme, pembelajaran berasaskan konteksual, pembelajaran berasaskan projek, inkuiri dan kajian masa depan (KPM, 2014). Strategi yang betul dan tepat akan membantu mewujudkan suasana bilik darjah yang membolehkan murid berfikir (KPM, 2014). Murid-murid mengetahui apa yang diharapkan daripada mereka dan guru mengetahui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagaimana untuk mengendalikan gangguan secara efektif sehingga tiada kesan negatif semasa PdP (KPM, 2014).

2.7.3 Kajian Lepas Tentang Penggunaan Model ASSURE

Model ASSURE merupakan satu model yang sering menjadi pilihan pengkaji-pengkaji yang ingin membangunkan modul pembelajaran. Kajian-kajian lepas penggunaan Model ASSURE dalam kajian penyelidikan dan pembangunan modul telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas dalam pelbagai bidang pendidikan di dalam dan luar negara. Antara kajian-kajian yang dijalankan di dalam negara adalah kajian Nurul Farhah Hamidi seorang pensyarah matapelajaran Pengajian Umum di *School of Foundation and Interdisciplinary Studies (SOFIDS) DRB-HICOM University of Automotive Malaysia* yang telah menggunakan model ASSURE dalam pengajaran matapelajaran Pengajian Umum. Model ASSURE menjadi pilihan Nurul Farhah Hamidi kerana Pelaksanaan Model ASSURE dalam pengajaran matapelajaran utama adalah sejajar dengan matlamat Kementerian Pendidikan yang mementingkan penerapan nilai moral, jati diri kebangsaan, kefahaman terhadap budaya dan ketamadunan, kesedaran diri dan kemahiran berinteraksi sesama manusia.

Eva Dian Mustika, Adhisa Irza Zairovy dan Fauziah Nurrokhimah (2024) telah menggunakan Model ASSURE dalam kajian mereka untuk meningkatkan hasil pembelajaran pelajar dalam pembelajaran Sejarah. Hasil kajian mereka dapat disimpulkan bahawa Model Pembelajaran ASSURE dapat membantu para pendidik dalam mengajar pelajar dengan cara yang berkesan dan cekap serta memastikan pelajar berpeluang belajar secara aktif dan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rahayu Pujiastuti (2024) telah menggunakan Model ASSURE untuk membina Modul Pengajaran Terbeza digunakan untuk pelajar Program Pengajian Pendidikan Bahasa Indonesia. Hasil kajian beliau mendapati skor ketepatan kandungan modul pengajaran terbeza yang menggunakan model ASSURE, yang dibangunkan oleh pelajar program pengajian Pendidikan Bahasa Indonesia mencapai 69%.

Siti Shahida Rasdi, Abdul Halim Masnan, Mahizer Hamzah dan Munirah Ghazali (2021) telah menjalankan kajian yang bertajuk Pembangunan Modul Pengajaran Berasaskan '*Game Board'* dalam Pembelajaran Operasi Nombor Kanak-kanak Pra Sekolah. Modul yang dihasilkan adalah berpandukan kepada Model ASSURE. Kajian Norul Naim Makhtar, Siti Nursaila Alias, Anis Nazihah Mat Daud dan Norlia Mat Nor (2023) yang bertajuk Keberkesanan Modul Pembelajaran Bagi Topik Graf Gerakan Linear Fizik Tingkatan Empat turut menggunakan Model ASSURE sebagai panduan dalam pembinaan modul. Model ASSURE menjadi pilihan mereka kerana keupayaannya untuk membina modul pembelajaran yang mengintegrasikan penggunaan teknologi dan media.

Pengkaji-pengkaji luar negara, Zafer Batır, Özlem Sadi (2021) telah memperkenalkan modul Sains yang direka bentuk berdasarkan model ASSURE dan membentangkan proses pelaksanaannya. Kajian ini dijalankan dengan penyertaan 21 orang pelajar yang bersekolah di sekolah swasta sepanjang tahun akademik 2020-2021. Modul ini digunakan dalam pelajaran langsung dalam talian semasa pendidikan jarak jauh. Analisis data menunjukkan bahawa modul yang direka berkesan menyokong proses pembelajaran konsep tenaga keupayaan, tenaga keupayaan graviti, dan kesan jisim dan ketinggian ke atas tenaga keupayaan graviti. Kajian yang bertajuk "*ASSURE*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Learning Model to Increase Student Independence Junior High School Public Bojonggede in the Pandemic Era" dijalankan oleh Mohammad, Widiyanti, Marfie, Iskandar, Emelinny, Ulfah, Maria, Fitriah, & Maliatu (2023) menunjukkan perbezaan ketara dalam min markah harian bagi kelas yang menggunakan kaedah ASSURE dengan kelas yang menggunakan kaedah konvensional.

Mohammed Ali (2020) telah mereka bentuk pengajaran Model ASSURE berdasarkan Strategi Pembelajaran Aktif untuk meningkatkan KBAT pelajar Pertengahan dalam matapelajaran Sains dan beliau mendapati kesan positif. Kajian penyelidikan Rehab A. E. Abdel-Gawad dan Mahmoud M. S. Abdallah (2024) yang menyiasat keberkesanan menggunakan Model Konstruktivis ASSURE yang disokong dengan multimedia untuk meningkatkan kemahiran bertutur Bahasa Inggeris untuk Guru Sains dan Matematik mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik pada tahap antara skor min Kumpulan Eksperimen dan Kawalan dalam ujian pra-pos. Mereka memutuskan bahawa menggunakan Model ASSURE disokong dengan multimedia dapat mencapai keberkesanan yang tinggi dalam meningkatkan sub kemahiran bertutur bagi Guru Sains dan Matematik.

Kajian-kajian luar dan dalam negara ini menggunakan Model ASSURE yang disokong dengan pendekatan kualitatif, kuantitatif atau gabungan kualitatif dan kuantitatif. Modul-modul yang dihasilkan pula dapat digunakan terhadap pelbagai kategori pelajar merangkumi kanak-kanak pra sekolah, murid sekolah rendah, pelajar sekolah menengah dan pengajian tinggi dalam pelbagai mata pelajaran dan kemahiran dalam bidang pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil-hasil kajian ini menunjukkan penggunaan enam fasa iaitu menganalisis pengguna, menyatakan Objektif, memilih kaedah, media dan bahan, menggunakan media dan bahan, memerlukan penglibatan pelajar dan melakukan penilaian dan pengubahsuaian yang terdapat dalam Model ASSURE menjadikan pembangunan modul dilakukan secara sistematik dan berfokus. Penggunaan modul yang diasaskan menggunakan Model ASSURE ini juga menunjukkan impak positif terhadap pelbagai aspek mencakupi pengetahuan, penguasaan, pencapaian dan kemahiran.

2.7.4 Kajian Lepas Tentang Penggunaan Pendekatan Inkuiri Terbimbing

Inkuiri terbimbing merupakan pendekatan yang difikirkan sesuai dalam pembelajaran sastera kerana murid yang berada di peringkat ini perlu diberikan bimbingan asas oleh guru bagi mencetuskan persoalan dan merangsang mereka untuk terus membuat penerokaan. Bimbingan daripada guru masih diperlukan kerana murid masih belum dapat memahami konsep sastera sepertimana ia disebutkan dalam sesuatu konteks dan memerlukan guru memberi penjelasan sebelum mereka meneroka. Guru akan bertindak sebagai fasilitator supaya murid tidak menemui jalan buntu dalam memahami konsep sastera dalan konteks yang sebenarnya.

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kaedah inkuiri penemuan lebih sesuai digunakan untuk pengajaran Sains sahaja. Bunterm et al. (2014) menjelaskan bahawa pendekatan inkuiri terbimbing adalah lebih ideal digunakan di dalam pengajaran Sains. Fasya (2019) pula mengukuhkan kenyataan mereka dengan menyatakan bahawa kaedah inkuiri yang dirancang dengan baik akan menghasilkan pengetahuan yang dapat digunakan secara meluas dan bersesuaian dengan matlamat pendidikan Sains abad ke-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

21 dalam aspek keberhasilan murid. Oleh yang demikian, kebanyakkan modul yang dihasilkan dengan menggunakan kaedah inkuiri adalah untuk subjek Sains sahaja. Tetapi pada hakikatnya, inkuiri terbimbing membantu meningkatkan pemahaman dan seterusnya prestasi murid dalam apa jua matapelajaran.

Analisis kajian yang dijalankan oleh Lalu Sunarya, Agus Ramdani dan Wayan Merta (2018) menunjukkan bahawa kebolehan befikir kritis Kumpulan Eksperimen lebih baik berbanding dengan Kumpulan Kawalan. Dengan demikian Lalu Sunarya et al. (2018) menyimpulkan bahawa model pembelajaran inkuiri terbimbing berpengaruh positif secara signifikan terhadap hasil belajar dan kemampuan berfikiran kritis murid. Kajian Muhammad Firdaus dan Insih Wilujeng (2018) juga menunjukkan bahawa terdapat peningkatan kemahiran berfikir kritis pelajar dengan jumlah skor min keseluruhan 0.43 dan terdapat peningkatan hasil pembelajaran dari pelajar dengan jumlah skor min keseluruhan 0.34.

Lembaran Kerja Pelajar Didik (LKPD) adalah kaedah untuk membantu dan memudahkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sehingga interaksi yang berkesan akan terbentuk antara pelajar dan pendidik, sehingga dapat meningkatkan aktiviti pelajar dalam meningkatkan pencapaian pembelajaran (Nurfidianty Annafi, Ashadi dan Sri Mulyani, 2015). Kajian Nurfidianty et al., (2015) dalam LKPD berdasarkan penyelidikan berpandu pada bahan termokimia membuktikan inkuiri terbimbing berkesan dalam meningkatkan hasil pembelajaran pelajar. Nilai purata hasil pembelajaran pelajar yang belajar menggunakan LKPD berasaskan inkuiri terbimbing lebih tinggi daripada nilai purata hasil pembelajaran pelajar tidak belajar menggunakan LKPD berdasarkan inkuiri terbimbing. Misbahul Jannah (2016) telah menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah inkuiri dalam kajiannnya. Kajian ini dijalankan bagi membina modul berasaskan inkuiri (MBI) dan mengkaji keberkesanan MBI dalam meningkatkan literasi sains (pengetahuan konsep, kemahiran proses sains dan sikap saintifik) guru praperkhidmatan. Kajian ini melibatkan pembinaan dua modul iaitu modul inkuiri terbuka dan modul inkuiri terbimbing. Dayana, Kamalularifin dan Muhammad Khair (2014) yang telah menggunakan kaedah inkuiri untuk mengenal pasti keberkesanan kaedah inkuiri terbimbing dalam PdP bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu juga bersetuju bahawa inkuiri terbimbing berjaya meningkatkan prestasi murid. Selain dari itu keputusan kajian Adi Syahid dan Hisham Nawi (2013) dalam mengkaji kesan strategi inkuiri terbimbing terhadap pencapaian akademik dan penghayatan aqidah dalam kalangan saudara baharu juga menunjukkan bahawa secara keseluruhannya terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian akademik di antara kedua-dua Kumpulan Eksperimen dan Kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian terdahulu mengenai pembelajaran berasaskan inkuiri berkaitan ciri dan konsep inkuiri dijalankan oleh Constantinou, Tsivitanidon dan Rybska (2018) Harlen (2014), Pedaste, Baucal dan Reisenbuk (2021), aktiviti *Problem-Based Learning* berasaskan inkuiri oleh Ng dan Adnan (2018), Safiee, Jusoh, Noor, Tek dan Salleh (2018), penggunaan video dalam pembelajaran berasaskan inkuiri oleh Nur Aqilah dan Noor Dayana (2020) dan pembelajaran berasaskan inkuiri secara atas talian oleh Jumaat, Saupian, Yazid dan Noor Hidayah (2022) serta penggunaan makmal secara maya untuk penyiasatan berasaskan inkuiri oleh Coenders, Gillet, Sayegh, Gomez, Noutahi, Madu dan Kinyanjul (2020). Malahan, kajian berkaitan faktor persekitaran yang mempengaruhi pembelajaran berasaskan inkuiri dijalankan oleh Mohd Radzi dan Lilia (2022) dan Penyoalan Lisan Guru dalam Pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sains Berasaskan Inkuiri oleh Abu Bakar (2023). Pembelajaran Berasaskan Inkuiri Menggunakan Model 5E Dalam Kursus Pengurusan Pusat Sumber: Kekuatan dan Cabaran juga telah dijalankan oleh Kamaruddin et al. (2022).

Secara keseluruhannya, kajian-kajian yang dinyatakan jelas menunjukkan bahawa inkuiri terbimbing menjadi pilihan ramai pengkaji pendidikan dan juga merupakan satu pendekatan yang sangat sesuai untuk digunakan oleh guru yang ingin meningkatkan prestasi akademik dan KBAT murid. Kenyataan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Dayana et al. (2014) dimana mereka menyatakan bahawa kaedah inkuiri terbimbing dapat membantu guru dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran di dalam kelas. Pembelajaran secara inkuiri boleh menggalakkan pelajar berfikir secara kreatif dan kritis dan seterusnya membantu mendapat keputusan yang baik dalam akademik (Dayana et al., 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemilihan pendekatan ini untuk meningkatkan KBAT murid Tahun Lima adalah satu pemilihan yang paling tepat memandang murid-murid dalam usia ini perlukan bimbingan orang dewasa untuk menguasai sesuatu kemahiran kerana kanak-kanak ini telah dapat berfikir secara logik tetapi masih terikat dengan situasi konkrit (Piaget, 1952)

2.8 Rumusan

Berdasarkan kajian literatur terhadap kajian lepas yang berkaitan proses pembinaan modul Mokhti mengambil kira pelbagai aspek masalah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil, terutamanya yang dihadapi oleh golongan murid yang menghadapi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masalah dalam pembelajaran Bahasa Tamil, khususnya Thirukkural. Golongan murid ini memerlukan media pengajaran dan pembelajaran yang dapat menarik minat mereka untuk mempelajari sastera Tamil. Ini telah menyebabkan penyelidikan terhadap Modul MoKThI tersebut dilaksanakan bagi memotivasikan murid mempelajari Sastera Thirukkural. Disamping itu, KBAT diterapkan ke dalam modul khusus untuk menggalakkan kemahiran berfikir dan menaakul dalam Bahasa Tamil.

Pembinaan modul berasaskan pendekatan inkuri penemuan kerana ia adalah satu pendekatan yang menggalakan KBAT dan merupakan satu pendekatan PAK 21. Ia juga merupakan satu usaha baharu pengkaji untuk menerapkan pendekatan inkuiri dalam pengajaran komponen sastera iaitu Thirukkural memandangkan sebelum ini pendekatan inkuiri jarang digunakan didalam bilik darjah untuk pengajaran komponen sastera. Kenyataan ini dikukuhkan oleh Zahara Aziz (1998) di dalam kertas kerja beliau bertajuk ’Pengajaran Inkuiri di Sekolah-sekolah Malaysia’. Pengajaran inkuiri tidak dilaksanakan di dalam bilik darjah adalah kerana beberapa sebab yang sentiasa diberikan oleh guru-guru. Antaranya ialah secara umumnya guru-guru berpendapat bahawa inkuiri hanyalah sesuai untuk mata pelajaran Sains dan Matematik sahaja. Hal ini kerana, aspek-aspek masalah dan penemuan adalah lebih senang dicari di dalam mata pelajaran ini (Dayana et al. (2014).

Bagi kajian yang dilaksanakan ini, pelbagai model yang menyokong pembinaan modul iaitu Model Pembelajaran 5E dan Model ASSURE digunakan. Di samping itu, beberapa teori pembelajaran seperti kognitif dan Teori Kecerdasan Gardner diterapkan dalam pembangunan modul, bukan hanya untuk menghasilkan antara muka yang mesra

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan menarik, malah untuk merangsang proses kognitif murid semasa menggunakan modul tersebut.

Seterusnya metodologi kajian yang meliputi cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian ini dibincangkan dalam Bab 3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Fuad (2018) mendefinisikan penyelidikan sebagai kajian terhadap sesuatu masalah atau persoalan secara saintifik, berstruktur dan sistematik untuk mendapatkan penyelesaian dan menambah ilmu pengetahuan. Uma Sekaran (2015) juga mentakrifkan penyelidikan sebagai satu penyiasatan teratur, sistematik, berasaskan data, kritikal, objektif, persoalan atau siasatan santifik terhadap persoalan khusus yang dilaksanakan untuk mencari jawapan atau penyelesaian terhadap masalah tersebut (Uma, 2015).

Metodologi kajian adalah meliputi cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Metodologi kajian menjadikan kajian yang dijalankan lebih bersistematik dan perjalanan kajian lebih terarah dalam mencapai objektif. Selepas mengenal pasti masalah yang perlu diselidiki melalui kajian literatur, pengkaji menjalankan kajian mengikut metodologi yang telah dirancangkan dan ditetapkan terlebih dahulu bagi memastikan kejayaan penyelidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini. Bab ini membincangkan metodologi kajian yang merangkumi pengenalan, reka bentuk kajian, reka bentuk kajian peringkat I, reka bentuk kajian peringkat II, subjek kajian, instrumen kajian dan kesahan serta kebolehpercayaan kajian.

3.2 Reka Bentuk Kajian


Reka bentuk kajian ini adalah kajian pembangunan Kuasi Eksperimen. Ia terbahagi kepada dua peringkat iaitu Peringkat I ialah reka bentuk dan pembangunan modul menggunakan model ASSURE dan peringkat II ialah menguji keberkesanan modul yang dibina seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.1. Peringkat II kajian ini dijalankan menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif kuasi eksperimen dengan dua kumpulan bagi menentukan keberkesanan Modul MoKThI yang boleh membantu murid meningkatkan KBAT murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.1

Rangka Perbincangan Metodologi Kajian



Maklumat aktiviti dalam kajian Peringkat I iaitu mereka bentuk dan membangun Modul MoKThI yang menggunakan model ASSURE adalah langkah 1 (fasa menganalisis pelajar), langkah 2 (fasa nyatakan objektif), langkah 3 (fasa pemilihan kaedah, media dan bahan), langkah 4 (fasa menggunakan media dan


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahan), langkah 5 (fasa penglibatan pelajar) dan langkah 6 (penilaian dan semak semula bahan). Perancangan aktiviti peringkat II kajian iaitu menguji kesan strategi pembelajaran menggunakan Modul MoKThI yang dibina dibincangkan dalam bab ini seperti dipaparkan dalam Rajah 3.2.

Rajah 3.2

Prosedur Keseluruhan Kajian



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Pengenalan Reka Bentuk Kajian – Peringkat 1

Kajian ini bertujuan untuk membina sebuah modul yang mantap untuk meningkatkan KBAT murid-murid Tahun Lima SJKT melalui Thirukkural. Pengkaji menganalisis dapatan kajian lampau bagi mengesan permasalahan berkaitan dengan tajuk kajian. Dengan menggunakan hasil dapatan analisis kajian, pengkaji akan membina sebuah modul berpandukan kepada model reka bentuk pengajaran ASSURE. Model ASSURE telah dibangunkan oleh Heinich, Molenda, Russell dan Smaldino pada tahun 1996 yang bertujuan untuk mereka bentuk pengajaran dengan penggunaan media secara sistematik. Ia dikembangkan oleh Smaldino pada tahun 2005 (Kim & Downey, 2016). Ia merupakan pelan yang digunakan untuk membantu guru menyusun prosedur pembelajaran dan melaksanakan penilaian autentik (Handayani & Marjono, 2018). Bajracharya (2019) pula menambah bahawa Model ASSURE ialah model reka bentuk pembelajaran yang menekankan penggunaan media dan bahan pengajaran yang dirancang dengan baik, supaya pelajar belajar secara aktif dan seterusnya membuat program pembelajaran yang berkesan, cekap, menarik dan menyeronokkan pelajar. Setelah meneliti kenyataan-kenyatan tersebut justifikasi pemilihan model ASSURE adalah kerana prosedur model ini menunjukkan aliran sistematik, lengkap dan terarah bagi membantu penghasilan sebuah modul baharu. Model ini berfokus kepada perancangan pengajaran dalam situasi bilik darjah dan dilihat dapat membantu guru merancang pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan berkesan.

Model ini terkenal dengan nama ASSURE yang merupakan akronim kepada enam langkah yang dilalui dalam membangunkan sebuah model pengajaran iaitu analisis pelajar, nyatakan objektif pembelajaran, pilih kaedah, media dan bahan, gunakan media dan bahan, penglibatan pelajar dalam pembelajaran dan penilaian dan


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semak semula bahan. Setiap langkah pula saling berkait dengan langkah sebelum dan langkah selepasnya. Model ini merupakan model pengajaran interaktif. Dalam proses membina modul kajian ini, semua langkah model ASSURE diaplikasikan. Prosedur pembangunan diringkaskan seperti Rajah 3.4.

Rajah 3.3

Aliran Metodologi Modul MoKThI Dengan Menggunakan Model ASSURE



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perihal ini juga dilakukan bagi mendapatkan maklumat dan menjawab persoalan kajian merujuk Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1

Maklumat Yang Berkaitan dengan Kajian

Bil	Fasa	Persoalan Kajian	Reka Bentuk	Instrumen	Kaedah Analisis
1	Fasa Analisis Pelajar	Apakah kesukaran pembelajaran Sastera Tamil murid Tahun Lima dari aspek KBAT?	Kuantitatif Kualitatif	Ujian Temu bual Soalselidik	Mengikut item
2	Fasa Nyatakan Objektif Pembelajaran	Apakah objektif pembelajaran aras aplikasi, analisis, menilai dan mereka cipta?	Kualitatif	DSKP Buku Teks Bhs.Tamil	-
3	Fasa pilih kaedah, media dan bahan	Apakah reka bentuk Modul MoKThI yang sesuai yang boleh membantu murid mempertingkatkan KBAT murid Tahun Lima?	Kualitatif	Temu bual	Mengikut reka bentuk yang dicadangkan
4	Fasa gunakan media dan bahan Fasa penglibatan pelajar	Apakah aktiviti pembelajaran untuk Modul MoKThI yang boleh membantu mempertingkatkan KBAT murid Tahun Lima?	Kualitatif	Temu bual	Mengikut aktiviti yang dicadangkan
5	Fasa Penilaian dan semak semula bahan	Apakah kesan pembelajaran terhadap murid yang menggunakan Modul MoKThI dengan murid yang menggunakan kaedah pembelajaran konvensional?	Kuantitatif	Soal selidik	Median

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Fasa Analisis

3.4.1 Analisis Pelajar *(Analyse learners)*

Proses pertama yang perlu dijalankan dalam mereka bentuk modul pengajaran mengikut ASSURE adalah analisis pelajar. Langkah analisis pelajar merupakan asas untuk langkah-langkah seterusnya dalam reka bentuk sesuatu pengajaran. Analisis dilakukan bertujuan untuk membantu pengkaji dalam merancang pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan para murid. Ini berdasarkan kepada ciri-ciri umum murid, pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada serta gaya belajar. Ciri-ciri umum murid adalah seperti umur murid, kelas, jantina, taraf sosioekonomi, latar belakang dan sebagainya. Pengalaman sedia ada murid pula dapat membantu pengkaji dalam memilih pengisian sumber pembelajaran yang sesuai. Manakala, pengetahuan tentang gaya pembelajaran murid pula dapat membantu pengkaji dalam merancang pengajaran dan pembelajaran yang efektif dalam Modul MoKThI.

Pada peringkat ini, beberapa analisis dijalankan dan di antara yang terpenting adalah permasalahan yang berkaitan dengan mengenal pasti masalah dan cara penyelesaiannya. Tujuan proses ini adalah untuk memastikan reka bentuk modul yang akan dihasilkan menepati dan memenuhi keperluan murid yang sebenar. Masalah yang berkaitan boleh dikenal pasti melalui pelbagai kaedah atau teknik misalnya temu bual, pemerhatian, tinjauan, soal selidik dan sebagainya (Baharuddin et al., 2002). Untuk mengenal pasti masalah-masalah yang berkaitan, beberapa analisis dilakukan terhadap beberapa aspek, antaranya analisis pembelajaran, analisis terhadap ciri-ciri murid, tahap pendidikan atau pengetahuan sedia ada, masalah dalam KBAT dan mengenal pasti matlamat pengajaran dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Ummu Nasibah, Abd Ghani dan Muhammad Izuan Mat Shaid (2015) analisis ke atas murid membantu dalam menentukan kemahiran atau pengetahuan yang harus dipelajari disamping mengenal pasti pengetahuan dan kemahiran dan sikap yang sedia ada pada murid atau matlamat pengajaran. Secara ringkasnya, dalam konteks reka bentuk modul KBAT Thirukkural proses analisis yang perlu dilakukan adalah melibatkan tiga aspek utama iaitu:-

1. Analisis terhadap murid.
2. Analisis terhadap pemikiran KBAT.
3. Analisis kenal pasti matlamat pengajaran Thirukkural

Semasa mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tiga aspek utama ini, terdapat beberapa persoalan utama timbul semasa proses analisis iaitu:

i. Siapakah murid yang akan menggunakan modul ini dan bagaimana latar belakang kemahiran berfikir mereka?
ii. Sejauh mana penguasaan murid dalam KBAT?
iii. Apakah kepentingan murid untuk meningkatkan KBAT?
iv. Apakah kemahiran yang diperlukan dalam memenuhi kepentingan dan keperluan murid dalam KBAT?
v. Apakah teks-teks yang bersesuaian yang berkisar dalam Thirukkural yang perlu digunakan dalam menerapkan kemahiran KBAT yang diperlukan?
vi. Apakah aktiviti yang diperlukan dalam mengukuhkan lagi kemahiran KBAT dengan mengintegrasikan Thirukkural?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vii. Apakah bentuk metodologi pengajaran yang berkesan yang diperlukan dalam menyampaikan pengajaran menggunakan Modul MoKThI ini?

viii. Apakah bentuk penilaian untuk menguji kemahiran KBAT yang dipelajari?

ix. Apakah permasalahan lain yang boleh mengganggu dan memberi kesan yang boleh menggagalkan proses pemikiran KBAT murid?

Persoalan penting ini memerlukan jawapan dalam lakaran awal untuk mereka bentuk modul pengajaran. Analisis perlu mengikut langkah demi langkah iaitu bermula dengan menganalisa murid sehinggalah ke peringkat seterusnya hingga akhir. Kesemua hasil atau output bagi fasa ini akan menjadi input bagi fasa reka bentuk dan seterusnya. Analisis pelajar dimulakan dengan analisis ciri-ciri pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1.1 Analisis ciri-ciri pelajar

Ciri-ciri umum murid termasuklah deskripsi tentang umur murid, kelas, jantina, taraf sosioekonomi, latarbelakang dan sebagainya. Maklumat yang dinyatakan di atas dijadikan asas dalam pemilihan media untuk Modul MoKThI. Bagi kajian ini responden-responden yang dipilih adalah berumur 11 tahun iaitu murid Tahun Lima SJKT. Kesemua responden yang dipilih belajar di sekolah bandar. Kebanyakkan mereka datang dari taman-taman yang terletak di kawasan sekolah tersebut. responden-responden yang dipilih juga tidak mengikuti sebarang kelas tusyen bagi matapelajaran Bahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden-responden yang dipilih juga mempunyai tiga gaya pembelajaran iaitu visual, auditori dan kenestetik. Mereka terdiri daripada tiga kategori murid iaitu lemah, sederhana dan cemerlang. Bagi murid yang lemah dalam penggunaan bahasa, pembelajarannya dibantu melalui penggunaan gambar dan aktiviti tanpa media cetak. Manakala, murid yang kurang meminati pelajaran tersebut, pengkaji menyediakan aktiviti kinestetik seperti drama, simulasi, dan nyanyian. Bagi murid yang mempunyai gaya pembelajaran auditori, pengkaji menggunakan tayangan video sebagai rangsangan.

Bagi penggunaan media dalam modul ini, pengkaji telah mengambil kira kesemua ciri-ciri umum murid. Sedia maklum bahawa tajuk Thirukkural sememangnya kurang diminati oleh murid terutamnya murid lemah. Oleh itu, pengkaji mengambil langkah untuk lebih berfokus kepada aktiviti kinestetik iaitu murid menyanyi sambil membuat pergerakan yang sesuai dengan Thirukkural. Selain itu, pengkaji juga tidak menggunakan nota-nota yang banyak kerana mengambil kira murid yang lemah dalam aspek penggunaan bahasa. Pengkaji lebih menyediakan gambar dan rajah supaya golongan murid lemah ini dapat belajar bersama-sama dengan murid yang lain.

Setiap murid membawa pengalaman dan pengetahuan tertentu ke dalam bilik darjah. Pengkaji mengenal pasti pengetahuan sedia ada murid dalam KBAT dan Thirukkural melalui satu ujian yang dikenali sebagai Ujian Komponen Sastera (UKS) untuk mengkaji pengetahuan sedia ada murid dalam bidang sastera dan KBAT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1.2 Ujian Komponen Sastera (UKS)

Secara ringkasnya, dalam konteks mereka bentuk modul pedagogi Thirukkural berasaskan inkuiri penemuan terbimbing (MoKThI) pengkaji merujuk kepada ujian (Lampiran C) bagi tujuan melihat penguasaan murid dalam komponen sastera. Seperti mana Faridah Hanim (2019) memilih 30 orang pelajar Tingkatan Empat untuk menduduki ujian rintis kajian beliau, seramai 30 orang murid Tahun Lima dari sebuah sekolah SJKT dalam Daerah Hilir Perak telah menduduki ujian UKS ini. Instrumen ujian ini mengandungi soalan objektif yang mempunyai pilihan jawapan A,B,C dan D. Instrumen ujian ini mengandungi 30 soalan dari pelbagai komponen sastera Tamil seperti peribahasa, simpulan bahasa, Thirukkural, gurindam, kata ganda dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian Komponen Sastera (UKS) dijalankan khas oleh pengkaji untuk mengetahui tahap pemahaman, penaakulan dan pencapaian murid dalam komponen sastera Tamil. Untuk itu sebanyak 30 soalan komponen sastera Tamil dipetik daripada soalan-soalan UPSR tahun-tahun sebelum ini dan daripada buku-buku soalan ramalan UPSR. Oleh sebab soalan-soalan ini diadaptasi dari ujian yang diiktiraf oleh LPM maka ia mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi. Soalan-soalan ini diubahsuai mengikut kesesuaian murid.

Seramai 30 orang murid menjawab soalan-soalan ini dalam masa satu jam. Sepuluh soalan dalam ujian ini dikategorikan sebagai soalan KBAT. Soalan nombor 6,13,15.16,25.26.27.28.29 dan 30 adalah soalan-soalan KBAT. Jadual 3.2 menunjukkan komponen sastera dalam UKS.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2

Komponen Ujian UKS

Komponen Sastera Tamil	**Bilangan Soalan**
Puthiya Aaththisuudi (Gurindam)	1
Aaththisuudi (Gurindam)	2
Iraddai Kilavi (Kata bergabung)	3
Marabuthodar (Simpulan Bahasa)	3
Uvamaithodar (Perupamaan)	2
Inaimoli ((Kata Ganda)	2
Thirukkural	6
Palvagai Seiyul (Gurindam Pelbagai)	1
Ulaga Neethi (Gurundam)	1
Vetri Verkai (Gurindam)	2
Palamoli (Peribahasa)	4
Muuthurai (Gurindam)	2
Nalvali (Gurindam)	1

Daripada analisa UKS ini didapati murid lemah dalam menjawab soalan-soalan KBAT. Hanya enam hingga 10 orang murid sahaja dapat menjawab soalan-soalan KBAT. Walaupun soalan-soalan ini adalah soalan objektif dan mempunyai empat pilihan jawapan, murid-murid masih gagal menjawab dengan betul kerana soalan-soalan ini memerlukan murid membaca, memahami, menaakul dan mentafsir maklumat untuk memilih jawapan yang paling tepat.

Disamping itu, daripada 30 orang murid hanya tiga orang murid sahaja mendapat markah dari 40% hingga 47% . Ini jelas menunjukkan bahawa murid juga lemah dalam menguasai kemahiran komponen Sastera Tamil. Daripada analisis ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga didapati bahawa murid sangat lemah dalam Thirukkural kerana hanya enam hingga 10 orang murid sahaja dapat menjawab dengan betul soalan Thirukkural.

Secara rumusannya, hasil dapatan ujian telah dianalisa seperti Lampiran D. Purata pencapaian responden terhadap ujian mengikut urutan adalah seperti berikut:

i. Penguasaan KBAT murid Tahun Lima sangat rendah.

ii. Murid lemah dalam komponen sastera Tamil.

iii. Murid menganggap KBAT adalah suatu kemahiran yang sukar untuk dicapai.

iv. Murid takut dan tidak berminat untuk menjawab soalan KBAT.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Dengan ini dapat diputuskan bahawa murid sedia ada pengetahuan tentang Thirukkural dan KBAT tetapi dalam kadar yang lemah. Untuk mengukuhkan kenyataan ini temubual bersama guru dengan murid dilakukan.

3.4.1.3 Temubual Bersama Guru Dan Murid

Untuk merealisasikan temu bual ini guru Bahasa Tamil yang berpengalaman mengajar lebih 15 tahun dan murid Tahun Lima diberikan sesi bertemu bual untuk mendapatkan data yang lebih berbentuk peribadi dan spesifik. Temu bual ini diharap dapat menjawab persoalan kedua kajian. Soalan temu bual adalah seperti di Lampiran A & B. Selain itu, aktiviti pembelajaran dan punca kesukaran murid menguasai KBAT dikaji sebagai data awal dalam penetapan aktiviti dalam modul ini. Tiga orang guru berpengalaman mengajar lebih 15 tahun dan tiga orang murid Tahun Lima dari tiga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aras iaitu cemerlang, sederhana dan lemah terlibat dalam temu bual ini. Tiga orang murid dipilih daripada tiga aras supaya ia dapat merangkumi semua aras murid. Hanya tiga orang murid sahaja dipilih sebagai reponden temubual kerana pelaksanaan cepat dan kos rendah dan data kualitatif asas diperoleh sebagai sokongan.

Setelah ciri-ciri umum murid dianalisis secara terperinci beberapa analisis dalam bahagian lain turut dibuat oleh pengkaji untuk mengetahui dan memahami lebih mendalam masalah sebenar yang dihadapi oleh murid dalam menguasai Thirukkural dan KBAT. Antaranya ialah analisis dokumen dan soal selidik yang dijawab oleh guru-guru Bahasa Tamil.

3.4.1.4 Analisis Dokumen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahap ini pengkaji menganalisis kajian lepas mengenai kesukaran meningkatkan KBAT murid Tahun Lima. Huraian DSKP Bahasa Tamil pula dianalisis bagi menentukan tajuk, isi kandungan dan elemen sastera yang boleh diterapkan dalam aras pemikiran KBAT. Dapatan daripada soal selidik kajian keperluan turut dikaji untuk mendapatkan maklumat terperinci tentang harapan guru Bahasa Tamil dalam penghasilan modul. Elemen Pengajaran Abad Ke-21 (PAK 21) juga diberi perhatian agar modul yang dibina sejajar dengan era pendidikan masa kini dan aktiviti yang dicadangkan dapat menarik minat murid yang akan menggunakannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1.5 Soal Selidik

Pendekatan kaedah soal selidik dilihat sebagai satu kaedah yang boleh memberi panduan untuk menilai keperluan tentang sesuatu bahan atau objektif kajian yang ingin dikaji (Ramli & Mohd Tajudin, 2021). Dalam kajian ini, pengkaji meninjau aspek pemahaman, pengetahuan, pelaksanaan dalam pengajaran terhadap KBAT dan Thirukkural dalam kalangan guru Bahasa Tamil sekolah rendah (Lampiran E). Kajian yang dijalankan memberi tumpuan kepada pengumpulan data secara kuantitatif. Oleh itu, soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini untuk mengumpulkan maklumat dan data daripada responden berkaitan kajian yang hendak dikaji. Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi daripada kajian yang dilakukan oleh Rajendran dan Yahya (2001). Soal selidik diubah suai mengikut keperluan kajian ini. Pengkaji menggunakan *google form* sebagai satu cara yang mudah dan cepat. Tempoh yang akan diberikan adalah selama dua minggu diberi kepada guru-guru Bahasa Tamil untuk melengkapkan soal selidik dan dihantar semula kepada pengkaji.

3.4.1.6 Populasi Dan Sampel Soal selidik

Populasi kajian ialah guru SJKT yang mengajar Bahasa Tamil dari dua buah daerah di Negeri Perak yang mempunyai 134 buah sekolah Tamil. Dua buah daerah yang dipilih adalah Daerah Hilir Perak dan Daerah Bagan Datoh. Daerah Hilir Perak mempunyai 11 buah sekolah berfungsi dimana lapan daripadanya terletak di bandar dan tiga lagi dikategorikan sebagai sekolah luar bandar. Manakala Daerah Bagan Datoh pula mempunyai enam buah sekolah di bandar dan 10 buah sekolah berfungsi di luar bandar dan jumlahnya adalah 16. Daerah Bagan Datoh turut diambil untuk kajian bertujuan untuk mendapatkan jumlah populasi yang tinggi. Jadual 3.2 menunjukkan jumlah guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahasa Tamil yang mengajar di SJKT ialah 312 orang. Selepas ditolak guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris seramai 62 orang seramai 250 orang guru menjadi sampel kajian ini. Pengkaji memastikan seboleh-bolehnya responden yang menjawab soal selidik ini adalah guru yang beropsyen Tamil kerana pelantikan guru bukan opsyen Bahasa Tamil untuk mengajar Bahasa Tamil merupakan faktor yang penting bagi berlakunya masalah dalam PdP Bahasa Tamil (Suppiah, 2017)

Jadual 3.3

Sampel Kajian Soal Selidik

Daerah	Jumlah Guru	Guru Tidak Mengajar BT	Jumlah Guru BT	Peratusan Sampel (%)
Hilir Perak	141	28	113	45.2
Bagan Datoh	171	34	137	54.8
Jumlah Keseluruhan	312	62	250	100

Sumber : Data Emis 31 May 2024.KPM

Sampel kajian diperoleh adalah berpandukan kepada penentuan saiz sampel berdasarkan kepada populasi yang di cadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) seperti Jadual 3.4.

Jadual 3.4

Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
10	10	140	103	460	210	2000	322
15	14	150	108	480	214	2200	327
20	19	160	113	500	217	2400	331
25	24	170	118	550	226	2600	335
30	28	180	123	600	234	2800	338

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
35	32	190	127	650	242	3000	341
40	36	200	132	700	248	3500	346
45	40	210	136	750	254	4000	351
50	44	220	140	800	260	4500	354
55	48	230	144	850	265	5000	357
60	52	240	148	900	269	6000	361
65	56	250	152	950	274	7000	364
70	59	260	155	1000	278	8000	367
75	63	270	159	1100	285	9000	368
80	66	280	162	1200	291	10000	370
85	70	290	165	1300	297	15000	375
90	73	300	169	1400	302	20000	377
95	76	320	175	1500	306	30000	379
100	80	340	181	1600	310	40000	380
110	86	360	186	1700	313	50000	381
120	92	380	191	1800	317	75000	382
130	97	400	196	1900	320	100000	384

Sampel kajian fasa analisis bagi soal selidik adalah seramai 151 orang guru Bahasa Tamil SJKT. Tiga orang guru Bahasa Tamil dan tiga orang murid yang menjadi responden temu bual. Dalam kajian ini, seramai 3 orang responden telah ditemu bual secara kualitatif bagi tujuan memperkukuhkan dan memperjelaskan dapatan kuantitatif yang diperoleh. Strategi ini sejajar dengan reka bentuk "*explanatory sequential"* dalam kaedah kajian bercampur (Creswell & Plano Clark, 2018). Disamping itu, seramai 30 orang murid menduduki Ujian Komponen Sastera (UKS). Jadual 3.11 menunjukkan rumusan sampel kajian fasa analisis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5

Rumusan Sampel Fasa Analisis

Fasa Kajian	Instrumen	Bilangan Sampel Kajian
Fasa Analisis	Soal selidik	n = 151 orang guru
	Ujian UKS	n = 30 orang murid
	Temu bual	n = 3 orang guru
		n = 3 orang murid

3.4.1.7 Instrumen Kajian Soal Selidik

Instrumen soal selidik mempunyai lima bahagian. Jadual 3.5 menunjukkan reka bentuk soal selidik dan bilangan item soalan dalam soal selidik fasa analisis. Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi daripada kajian yang dilakukan oleh Rajendran (2001). Berikut adalah *link google form* tersebut : https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSc31qiNvmavF0YPYLRSIOr2cFJ9tfY-DSTUUk6wRfFhiUSkg/viewform?usp=sharing&ouid=106785648614043288616.

Jadual 3.6

Reka \Bentuk Soal Selidik Analisis Awal

Bahagian	Tajuk	Bilangan Item Soalan
Bahagian A	Demografi Guru	5
Bahagian B	Persepsi Guru terhadap PdP Thirukkural	14
Bahagian C	Persepsi guru terhadap kaedah dan teknik pengajaran Thirukkural serta BBM yang digunakan	12
Bahagian D	Persepsi guru terhadap penerapan unsur KBAT dalam PdP Thirukkural	8
Bahagian E	Persepsi guru terhadap keperluan modul khas	10

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan data dalam fasa analisis keperluan digunakan untuk fasa reka bentuk untuk dijadikan elemen-elemen dalam pembangunan modul. Seterusnya modul tersebut diaplikasikan dan dinilai keberkesanannya dari segi penerapan KBAT, pendekatan inkuiri penemuan dan akhirnya penguasaan Thirukkural. Soal selidik kajian ini terbahagi kepada lima bahagian iaitu demografi peserta kajian, persepsi guru terhadap PdP Thirukkural, persepsi guru terhadap kaedah dan teknik pengajaran Thirukkural serta Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang digunakan, persepsi guru terhadap penerapan unsur KBAT dalam PdP Thirukkural dan akhir sekali persepsi guru terhadap keperluan modul khas.


Skala Likert dengan skala seperti berikut diberikan kepada responden untuk memilih jawapan. Skala Likert adalah sejenis skala psikometrik yang kerap digunakan dalam soal selidik psikologi dan Sains Sosial. Skala ini dibangunkan dan dinamakan oleh ahli psikologi organisasi Rensis Likert. Skala ini digunakan kerana item Likert bukan hanya soalan ya atau tidak, penyelidik dapat melihat sejauh mana orang setuju atau tidak setuju dengan kenyataan (Cherry, 2018). Data yang diperoleh dari skala Likert bersifat kuantitatif dan dapat dianalisis dengan mudah secara statistik. Rajah 3.4 menunjukkan skala likert yang digunakan dalam kajian di fasa analisis dan Jadual 3.6 pula menunjukkan takrifan bagi Skala Likert.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.4

Petunjuk Skala Likert



5	4	3	2	1
Sangat Setuju	Setuju	Kurang Setuju	Tidak setuju	Sangat Tidak Setuju

Jadual 3.7

Pecahan Skala Likert Skala Takrifan

Bil	Skala	Takrifan
1	Sangat Tidak Setuju (STS)	Peserta kajian tidak langsung bersetuju mengenai perkara yang dinyatakan.
2	Tidak Setuju (TS)	Peserta kajian tidak bersetuju mengenai perkara yang dinyatakan.
3	Kurang Setuju (KS)	Peserta kajian bersetuju mengenai perkara yang dinyatakan tetapi kurang pasti.
4	Setuju (S)	Peserta kajian bersetuju mengenai perkara yang dinyatakan.
5	Sangat Setuju (ST)	Peserta kajian bersetuju tanpa sebarang keraguan mengenai perkara yang dinyatakan.

Adaptasi dari : Ahmad Mustafa (2021)

3.4.1.8 Kajian Rintis I

Sebelum menjalankan kajian sebenar, penyelidik terlebih dahulu menjalankan kajian rintis. Kajian rintis adalah kajian kebolehpercayaan yang bertujuan untuk menguji ketekalan item dalam ujian atau soal selidik yang dijalankan. Sampel kajian rintis dilakukan ke atas sampel yang mempunyai ciri-ciri yang serupa dengan sampel kajian sebenar iaitu terdiri daripada guru-guru SJKT di luar Daerah Hilir Perak, tetapi tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melibatkan sampel yang terlibat dalam kajian sebenar. Kebiasaannya penentuan saiz kajian rintis adalah sebanyak 10% daripada kajian sebenar. Cadangan ini selari dengan Connelly (2008) dan Treece dan Treece (2005) yang menyarankan bilangan sampel untuk kajian rintis adalah 10% daripada sampel sebenar. Selain itu, Isaac dan Michael (1995) serta Hill (1998) mencadangkan saiz sampel untuk kajian rintis adalah antara 10 hingga 30 responden. Namun dalam kajian ini, penentuan saiz kajian rintis dibuat berdasarkan pendapat Browne (1995) yang mengesyorkan bilangan sampel kajian rintis adalah seramai 30 orang. Justeru kajian rintis dilaksanakan ke atas 30 orang guru Bahasa Tamil SJKT dari daerah yang lain. Sampel dipilih secara rawak mudah namun tetap didasari oleh populasi dan ciri ciri sampel yang sebenar.

a Kesahan Soal Selidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesahan merupakan konsep yang penting dalam konteks pengukuran sesuatu konstruk. Kesahan sesuatu pengukuran itu bergantung kepada sejauh mana ia berjaya mengukur apa yang hendak diukur (Azizi Yahya, Peter Voo, Ismail Maakip, & Mohd Dahlan. 2017). Oleh itu, instrumen tersebut perlu melalui proses kesahan muka (*face validity*) dan kesahan kandungan (*content validity*) bagi menyemak aspek bahasa, struktur dan susunan ayat yang sesuai ataupun tidak dengan komponen dalam pengukuran dan maksud item-item yang ditanya (Mohd. Najib Abdul Ghafar 2003). Penilaian kesahan sesuatu soal selidik dapat menunjukkan sejauh mana modul tersebut berupaya menghasilkan apa yang sepatutnya dihasilkan (Sidek dan Jamaludin, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini sebelum instrumen diedarkan, instrumen soal selidik telah melalui proses kesahan muka dan kandungan bersama-sama pakar yang dilantik. Panel pakar diminta untuk menyemak, memberi pandangan serta cadangan terhadap format, kandungan soal selidik dan struktur gaya bahasa. Apabila soal selidik ini diterima kembali oleh pengkaji, pengkaji akan membetulkan segala kesilapan dan kesalahan yang dilakukan berdasarkan panduan yang telah diberikan oleh pakar.

Bagi menilai kesahan soal selidik , seramai tiga orang pakar tentang komponen sastera Tamil bersetuju untuk menjadi penilai (Lampiran F, G dan H). Mereka terdiri daripada dua orang guru Bahasa Tamil dari dua buah SJKT yang berlainan di Daerah Hilir Perak yang berpengalaman mengajar melebihi 20 tahun dan seorang pensyarah. Daripada dua orang guru ini seoarang dipilih berdasarkan kepakaran beliau dalam bidang sastera Tamil manakala seorang guru lagi merupakan seorang guru cemerlang Bahasa Tamil serta penggubal soalan dan pemeriksa kertas Bahasa Tamil UPSR. Beliau juga merupakan seorang jurulatih utama Bahasa Tamil peringkat Negeri Perak serta merupakan seorang penceramah teknik menjawab soalan UPSR berpengalaman. Pensyarah yang dipilih adalah seorang pensyarah berpengalaman di fakulti Bahasa dan Komunikasi. Jadual 3.8 menunjukkan maklumat ringkas mengenai pakar yang terlibat dalam kesahan soal selidik.

Jadual 3.8

Maklumat Pakar Menilai Kesahan Soal Selidik Fasa Analisis

Pakar	Kepakaran	Pengalaman Mengajar
Pakar 1	Pensyarah Bahasa Tamil, Fakulti Bahasa dan Komunikasi	20 tahun
Pakar 2	Guru Cemerlang Bahasa Tamil Penggubal Soalan, Penceramah, Pemeriksa Kertas	21 Tahun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pakar	Kepakaran	Pengalaman Mengajar
Pakar 3	Guru pakar Sastera Tamil	20 Tahun

Secara keseluruhan, panel pakar memperakui bahawa kedua-dua instrumen kajian mampu mengukur aspek kandungan yang hendak diukur. Namun, beberapa pandangan pakar terhadap kandungan soal selidik telah diberi perhatian antaranya:

1. Terdapat lebih dari satu pembolehubah dalam satu item soal selidik. Saranan pakar agar dipecahkan kepada dua item.
2. Wujud item yang bertindan dan mengukur perkara yang sama dalam satu konstruk.

Berdasarkan saranan-saranan pakar, pengkaji telah mengambil tindakan dengan memperbaiki semula instrumen yang telah dibuat. Walaupun penambahbaikan instrumen berdasarkan kesahan kandungan oleh pakar telah dilakukan, terdapat beberapa kesahan lagi yang perlu diambil perhatian iaitu kebolehpercayaan item. Untuk mendapatkan kebolehpercayaan item, maka kajian rintis perlu dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

b Kebolehpercayaan Soal Selidik

Kebolehpercayaan merujuk kepada kestabilan dan ketekalan dalaman ujian atau alat ukur dalam mengukur sesuatu konsep atau aspek. Kebolehpercayaan instrumen soal selidik menjelaskan sejauh mana skor- skor bagi menguji kebolehpercayaan instrumen kajian. Kebolehpercayaan sesuatu kajian juga merujuk kepada keupayaan sesuatu kajian memperoleh nilai yang serupa apabila mengulangi pengukuran yang sama (Othman Lebar, 2007). Dalam kajian ini, penyelidik menguji sendiri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebolehpercayaan instrumen soal selidik melalui ujian rintis yang ditadbir bagi tujuan menguji darjah kebolehpercayaan item bagi melihat ketekalan dalaman koefisien kolerasi item sebelum ditadbir dalam kajian sebenar. Nilai kebolehpercayaan akan diukur menggunakan SPSS melalui nilai pekali Cronbach Alpha. Jadual nilai Cronbach Alpha yang digunakan merujuk kepada Pallant (2001) pada Jadual 3.9.

Jadual 3.9

Interprestasi Skor Cronbach Alpha

Skor Cronbach Alpha	Interprestasi Kebolehpercayaan
0.90 – 1.00	Sangat Tinggi
0.70 - 0.89	Tinggi
0.30 – 0.69	Sederhana
<0.30	Rendah

Sumber : Pallant (2001)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik menjelaskan terlebih dahulu tujuan dilaksanakan kajian rintis. Selain itu penyelidik bersama dengan sampel kajian rintis bagi menjelaskan setiap item soal selidik bagi memudahkan pemahaman sampel kajian rintis berkaitan kehendak setiap item. Hasil dapatan daripada kajian rintis menentukan sama ada item soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi atau tidak. Hasil dapatan kajian rintis dianalisis bagi mengetahui nilai kebolehpercayaan item soal selidik seperti Lampiran I. Menurut Chua (2020) nilai >daripada 0.7 boleh diterima manakala nilai <daripada 0.7 perlu diubah atau dibuang. Jadual 3.10 dan Jadual 3.11 menunjukkan nilai Cronbach Alpha yang telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 25.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.10

Nilai Kebolehpercayaan Cronbach Alpha Bagi Instrumen Soal Selidik

Nilai Cronbach Alpha	Bilangan Item
.971	44

Berdasarkan Jadual 3.8, nilai Cronbach Alpha bagi 44 item soal selidik = 0.971 menunjukkan nilai yang tinggi. Ini menunjukkan item dalam set instrumen soal selidik kajian mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 3.11

Jadual Cronbach Alpha Mengikut Konstruk

Konstruk	Nilai Cronbach Alpha	Bilangan Item
PdP Thirukkural	0.922	14
Kaedah, Teknik dan BBM dalam Thirukkural	0.911	12
Penerapan KBAT dalam PdP Thirukkural	0.880	8
Analisis Keperluan Modul	0.765	10

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1.9 Analisis Data Fasa Analisis

Data dalam fasa analisis ini diproses dengan dua cara. Data yang dikumpul dari soal selidik *google form* berupa kuantitatif. Oleh yang demikian data ini dianalisis menggunakan SPSS untuk megira peratus dan skor min serta sisihan piawai. Manakala temu bual yang dijalankan dengan tiga orang guru dan tiga orang murid merupakan data kualitatif yang dianalisis menggunakan analisis kandungan. Menurut Burns (1995) analisis kandungan merupakan kaedah analisis yang sering digunakan dalam penganalisisan data kualitatif. Temu bual yang dijalankan adalah temu bual berstruktur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dimana soalan-soalan disediakan terlebih dahulu dan temu bual dilaksanakan secara formal. Kandungan temu bual ditranskripsikan seterusnya dianalisis secara manual.

3.4.2 Langkah Menyatakan Objektif

Langkah kedua dalam Model ASSURE adalah menyatakan objektif. Pernyataan objektif atau hasil pembelajaran adalah penting sebagai hala tuju pengajaran dan pembelajaran. Objektif pengajaran dan pembelajaran (PdP) perlu disampaikan secara jelas, jitu dan khusus untuk membentuk keupayaan baharu yang perlu dicapai oleh murid. Objektif pengajaran terlihat penting kerana ia membantu guru memilih media dan kaedah penyampaian yang sesuai. Ia bertindak sebagai hala tuju PdP yang akan dilaksanakan. Penentuan objektif juga membolehkan guru menyediakan persekitaran pembelajaran yang memberangsangkan. Penekanan diberikan kepada apakah yang murid boleh buat selepas menjalani proses PdP. Terdapat beberapa kriteria pernyataan objektif yang baik. Objektif yang dinyatakan perlu menentukan siapakah yang hendak capai iaitu merujuk kepada kumpulan sasaran, apakah yang hendak dicapai, bagaimanakah hendak dicapai dan apakah tahap pencapaian minimum?

Menurut Mastura Abdul Razak et al. (2021) penulisan objektif akan menentukan apa-apa yang akan diajar dan apa-apa yang akan murid belajar di dalam kelas. Selain itu, penulisan objektif perlu mengikut ketetapan sukatan pelajaran, jumlah murid di dalam bilik darjah dan juga peruntukan masa dalam jadual waktu. Penulisan objektif yang baik mestilah boleh diukur pencapaiannya supaya tiada murid yang ketinggalan (Mastura et al., (2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap objektif yang ditulis mesti mempunyai lima ciri berikut yang ditunjukkan dalam dalam jadual 3.12.

Jadual 3.12

Akronim dan Interpretasi SMART Dalam Penulisan Objektif

Akronim	Perkataan	Keterangan / Interpretasi
S	*SPECIFIC*	iaitu kemahiran yang ingin dikuasai itu dituliskan dengan spesifik atau khusus dan jelas mengikut konteks dan juga panduan bahan.
M	*MEASURABLE*	iaitu boleh diukur. Contohnya, murid boleh menjawab sekurang-kurangnya 5 soalan kemahiran mengaplikasi dengan betul.
A	*ATTAINABLE/ ACHIEVABLE*	iaitu murid mampu melaksanakan tugas ini berdasarkan kemahiran asas mereka
R	*REALISTIC*	iaitu sesuai mengikut konteks murid dan sesuai dengan keperluan kemahiran pembelajaran.
T	*TIMELY*	iaitu boleh dibuat dalam masa yang ada. Aktiviti atau latihan atau pengajaran dan pembelajaran boleh disudahkan dalam masa yang diberikan.

Sumber : Mastura, et al. (2021)

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat beberapa panduan yang boleh diguna untuk kata kerja dalam penulisan objektif. Penggunaan kata kerja yang betul dapat membezakan aras kognitif yang guru mahu murid capai pada akhir pelajaran (Nur Ain Elzira Abdullah & Zamri Mahamod, 2019). Antara perkataan yang sesuai digunakan ialah seperti melakar, menamakan, meramal, melukis, menjawab, menilai dan sebagainya.

Dalam konteks kajian ini, dua kategori objektif yang berbeza telah dikenalpasti oleh penyelidik iaitu:

i. Objektif Modul MoKThI

ii. Objektif bagi sesi pengajaran yang melibatkan Thirukkural dan KBAT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.2.1 Objektif Modul MoKThI

Dalam kajian ini, Modul MoKThI dicipta untuk meningkatkan tahap penguasaan Thirukkural dan KBAT. Ia bertujuan untuk menyediakan guru dengan pendekatan pengajaran yang inovatif, menggalakan rasa ingin mempelajari Thirukkural dan meningkatkan motivasi murid untuk menjawab soalan KBAT. Modul ini juga bertindak sebagai panduan mengajar, menggabungkan inkuiri terbimbing dan fasa pembelajaran 5E. Disamping itu, ia mengembangkan sumber guru sedia ada, terutamnya dalam Sastera Tamil.

Bagi murid pula, Modul MoKThI bertujuan untuk meningkatkan kemahiran murid menjawab soalan KBAT yang merangkumi empat kemahiran iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mereka cipta. Selain itu, modul ini juga bertujuan untuk meningkatkan penguasaan Thirukkural murid dan untuk menggalakan penyertaan aktif dalam aktiviti pembelajaran selaras dengan teori pembelajaran konstruktivisma sosial. Pendekatan ini membolehkan murid mengaplikasikan pengetahuan sedia ada daripada pelbagai matapelajaran, menjadikan menjawab soalan KBAT lebih menarik dan cekap. Fasa ini akan menjawab persoalan yang dikemukakan dari fasa analisis.

1. KBAT merupakan unsur penting dan wajib diterapkan dalam PdP guru kepada murid sekolah rendah. Murid tersebut dalam lingkungan umur tujuh tahun ke umur 12 tahun.
2. Kepentingan KBAT bagi murid ialah mereka dapat berfikir secara rasional dan logik dalam menyelesaikan sebarang masalah yang mereka hadapi dalam kehidupan harian mereka. Mereka juga dapat menjawab soalan-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

soalan KBAT dalam peperiksaan. Selain dari itu, mereka juga akan menjadi tenaga pekerja mahir yang dapat bersaing dalam era globalisasi.

3. Empat elemen KBAT yang perlu ada dalam Modul MoKThI untuk tujuan KBAT adalah mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mereka cipta.

Keempat-empat kemahiran KBAT yang perlu ada dalam Modul MoKThI untuk tujuan KBAT adalah seperti Jadual 3.13.

Jadual 3.13

Penerangan Tentang KBAT

Bil	Kemahiran KBAT	Tujuan
1	Mengaplikasi	• Untuk menguji kebolehan menggunakan fakta asas, konsep, prinsip dan kemahiran yang telah dipelajari untuk menyelesaikan masalah untuk meningkatkan pemahaman.
2	Menganalisis	• Untuk menjelaskan idea tentang maklumat yang ditemui, mengelas, membanding dan membeza, meneliti perhubungan bahagian keseluruhan, membuat urutan, mengkomunikasikan idea, mencari sebab dan kesimpulan, mengusul periksa andaian dan mengatur perkara-perkara mengikut satu susunan.
3	Menilai	• Untuk menguji kebolehan membuktikan, mengesahkan, memberi pendapat, mengkritik, memberi komen dan menilai sesuatu pernyataan, ciptaan, karya, prinsip dan teori.
4	Mereka cipta	• Murid dapat menghasilkan idea, produk atau sesuatu yang baharu berdasarkan pembelajaran dalam bilik darjah. Murid yang kreatif dan inovatif dapat dilahirkan.

Sumber: KPM 2014

Penekanan yang ditekankan dalam pembinaan Modul MoKThI adalah seperti berikut:

1. Modul MoKThI ini menggunakan teks yang bersesuaian yang berkisarkan latar belakang sastera Tamil. Teks ini dirasakan sesuai untuk kegunaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

para murid pada tahap ini. Teks tersebut turut menerapkan kemahiran KBAT yang diperlukan seperti mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

2. Untuk mencapai objektif integrasi Thirukkural dalam Modul MoKThI, modul ini juga turut dilengkapi dengan bahan yang bersandarkan Thirukkural serta memperluaskan daya pemikiran sastera dengan mengaitkan sejarah Tamadun India seperti epik-epik seperti Ramayana, Mahabaratha, sajak-sajak klasik dan sebagainya.

3. Aktiviti yang diketengahkan ialah membincangkan kaitan KBAT dengan sastera Tamil. Seiring dengan kehendak penggunaan teknik PdP yang berkesan, modul ini akan mengaplikasikan pendekatan berpusatkan murid dengan mengadakan perbincangan dan pembentangan, memberi tugasan dan kajian kes serta menjayakan program.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.2.2 Objektif PdP Thirukkural dan KBAT

Modul MoKThI dibangunkan untuk meningkatkan kemahiran menjawab soalan KBAT dan penguasaan Thirukkural murid Tahun Lima SJKT. Ia menampilkan rancangan pengajaran harian dan tugasan penyelesaian masala khusus untuk setiap lapan sesi PdP. Sesi ini juga merangkumi aktiviti berkumpulan. Modul MoKThI menetapkan standart dan objektif pembelajaran yang jelas untuk setiap sesi PdP selaras dengan DSKP Bahasa Tamil Tahun Lima. Didalam Modul MoKThI, pengkaji memilih lapan Thirukkural untuk diajarkan kepada murid Tahun Lima. Untuk lapan Thirukkural yang dipilih pengkaji menentukan dua objektif yang sama untuk semua Thirukkural tersebut. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada fasa analisis,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

objektif pembelajaran ditetapkan bagi mencapai hasil pembelajaran yang digariskan oleh BPK. Objektif-objektif tersebut adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.14.

Jadual 3.14

Bidang dan Objektif Dalam Modul MoKThI

SESI PENGAJARAN	BIDANG	OBJEKTIF
Sesi Pengajaran 1	Thirukkural	Pada akhir pembelajaran : i. Murid-murid dapat mendeklamasikan Thirukkural. (Thirukkural yang dipilih) tanpa sebarang kesalahan dan menyampaikan maksud Thirukkural yang dipilih dengan menggunakan perkataan sendiri.
	KBAT	Pada akhir pembelajaran : ii. Murid-murid dapat menjawab sekurang-kurangnya 3 soalan mengaplikasi, 2 soalan menganalisis, 1 soalan menilai dan 1 soalan mereka cipta dengan betul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Fasa Reka Bentuk

3.5.1 Langkah Pemilihan Kaedah, Media dan Bahan

Langkah pemilihan kaedah, media dan bahan melibatkan beberapa tugas yang perlu diberi penekanan iaitu, reka bentuk modul dan pemilihan strategi dan kaedah pembelajaran dan pemilihan media dan bahan yang sesuai seterusnya menjawab persoalan kajian ketiga sebagaimana dipaparkan dalam Rajah 3.3. Pemilihan kaedah, media dan bahan merupakan langkah ketiga dalam merangka pengajaran mengikut model ASSURE. Peringkat ini dilaksanakan selepas proses analisis keperluan murid dan guru serta langkah menyatakan objektif selesai. Ia menjelaskan pandangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keseluruhan mengenai rupa bentuk, struktur, pendekatan teori, jenis media dan teknologi yang akan digunakan. Langkah ketiga ini bertujuan menentukan dan mereka kaedah instruksional yang akan digunakan. Fasa ini penting untuk merancang strategi dalam membangunkan pengajaran serta menggariskan cara bagaimana mencapai matlamat pengajaran. Antara lain ia juga melibatkan proses :

i. Pemilihan Kaedah Pembelajaran
ii. Pemilihan Bahan Media
iii. Sampel Fasa Mereka Bentuk MoKThI

3.5.1.1 Pemilihan Kaedah Pembelajaran

Kajian ini menggunakan pendekatan inkuiri terbimbing yang membezakan dirinya daripada pendekatan tradisional serta digabungjalin dengan model instruksional pembelajaran 5E sebagai asas penyampaian PdP. Penerangan yang jelas tentang kaedah inkuiri terbimbing dan model instruksional 5E telah dibincangkan dalam Bab 2.

Pengkaji menentukan pendekatan penyampaian pembelajaran secara keseluruhan berdasarkan analisis dokumen untuk menghasilkan satu strategi pembelajaran agar dapat mempertingkatkan KBAT dan pengetahuan Thirukkural murid. Sehubungan dengan itu untuk menjayakan strategi ini, aktiviti-aktiviti dibina bersistematik, disusun langkah demi langkah berlandaskan fasa pembelajaran model inkuiri terbimbing (Hanson, 2006) dan penyampaian pembelajaran berasaskan pendekatan kooperatif di mana strategi kooperatif dan kolaboratif diutamakan. Dalam


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melaksanakan inkuiri terbimbing pelbagai model pembelajaran digunakan. Namun begitu model pembelajaran 5E adalah model umum yang sesuai untuk diadaptasi dengan Thirukkural. 5E merujuk kepada lima fasa pembelajaran iaitu Penglibatan (*Engagement*) Penerokaan (*Exploration*) Penerangan (*Explanation*) Pengembangan (*Elaboration*) dan Penilaian (Evaluation) seperti Rajah 3.5.

Rajah 3.5

Pendekatan Pembelajaran Dalam Modul MoKThI



Tujuan utama pembinaan Modul MoKThI adalah untuk meningkatkan KBAT murid Tahun Lima. Berdasarkan penerangan tentang konsep KBAT, maka aktiviti-aktiviti bagi setiap objektif pembelajaran perlu dirancang dengan baik. Cadangan aktiviti mengikut aras KBAT adalah seperti Jadual 3.15.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.15

Cadangan Aktiviti Berdasarkan Aras KBAT

Bil	KBAT	Penerangan	Aktiviti
1	Mengaplikasi	Memberi sesuatu masalah dalam sastera untuk murid menyelesaikannya dengan menggunakan prinsip yang telah dipelajari	Perbincangan dalam kumpulan Pendapat individu
2	Menganalisis	Mengatur kronologi cerita dari epik-epik. Membanding beza perwatakan, sikap dan sebagainya dalam cerpen Mengusul periksa andaian sesuatu cerita	Lakonan Perbincangan dalam kumpulan *Hotseat*
3	Menilai	Menilai atau mengkritik situasi dan tindakan sesuatu perwatakan dalam cerpen, drama, karya atau epic.	Perbincangan Kerja berpasangan
4	Mencipta	Mencipta keputusan cerita yang baharu Mencipta atau menulis cerita /drama Mencipta sajak atau lagu-lagu mudah	Kerja kumpulan Projek

Hasil penggunaan kaedah PdP yang berkesan, Modul MoKThI untuk tujuan KBAT yang menggunakan model ASSURE ini, dapat menilai kemahiran KBAT murid melalui beberapa komponen yang ditetapkan iaitu pemikiran kreatif & kritis dan pendekatan saintifik, kemahiran berkomunikasi serta kemahiran bersosial (kerja berkumpulan) dan kepertanggungjawaban. Selain perancangan PdP, terdapat permasalahan lain yang boleh mengganggu dan memberi kesan yang mana ia boleh menggagalkan proses PdP dalam mencapai matlamat dan objektif yang diletakkan dalam modul ini iaitu kurang aktiviti murid dalam mengamalkan pembudayaan berfikir yang mana akan membuatkan murid berasa kekok dan kurang yakin dalam mengaplikasikan KBAT serta kurang pendedahan kepada bahan bacaan yang meningkatkan KBAT. Walaupun demikian, kekangan dan permasalahan lain akan mungkin dapat diatasi sekiranya ia mendapat sokongan pihak atasan dalam mempertingkatkan pembudayaan berfikir.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1.2 Pemilihan Bahan dan Media

Dari segi pemilihan bahan dan media PdP, Modul MoKThI menggabungkan pelbagai media pengajaran untuk guru, termasuk rancangan pelajaran harian, helaian kerja yang mengandungi aktiviti yang spesifik dan panduan guru agar guru tidak menyeleweng daripada mencapai objektif yang disasarkan.

a Panduan Guru

Panduan guru Modul MoKThI mengandungi Rph yang lengkap yang dirancang mengikut Model ASSURE, link media untuk guru mudah mengakses, rubrik jawapan dan juga glosari. Keperluan ini adalah selari dengan kehendak responden kajian Ramli & Mohd Tajudin (2021) dimana 53% guru yang menjadi responden kajian mereka mengakui mereka memerlukan Rph, 50% guru memerlukan panduan penggunaan modul dan 41% guru memerlukan panduan pemarkahan hasil kerja pembelajaran iaitu rubrik. Panduan guru ini akan memandu para guru untuk mencapai objektif yang dirancang secara maksimum tanpa sebarang kemushkilan. Rajah 3.6 menunjukkan muka depan panduan guru untuk Modul MoKThI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.6

Muka Depan Panduan Guru Modul MoKThI



Beberapa simbol digunakan dalam Modul MoKThI dan penjelasan untuk simbol-simbol tersebut juga diberikan dalam panduan guru untuk guru mudah memahaminya. Jadual 3.17 menunjukkan simbol dengan maksudnya.

Jadual 3.16

Simbol Dan Maksud Dalam Modul MoKThI

SIMBOL	MAKSUD
	Bahagian, Tajuk Dan Nombor Thirukkural

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SIMBOL	MAKSUD
	Kemahiran Aplikasi
	Kemahiran Analisis
	Kemahiran Menilai
	Kemahiran Mereka cipta
	Penjelasan Kepada Perbendaharaan Kata
	Link Untuk Rujukan

Mohammed Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi dan Husaina Banu (2015) menegaskan bahawa kejayaan ataupun kegagalan proses pengajaran pembelajaran di dalam bilik darjah bergantung sepenuhnya kepada tahap kemahiran serta kebolehan guru mengelolakannya. Menurut Rajamanickam, Maniam, Nariayan dan Nur Insyirah (2023) Rph menjadi jambatan yang menghubungkan matlamat yang dirancang oleh guru untuk disampaikan kepada murid menjadi lebih berfokus dan dapat disampaikan dengan lebih pragmatis. Kegagalan menyediakan Rph dipandang serius oleh KPM dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seseorang itu boleh didenda tidak kurang daripada RM500 berdasarkan Peraturan 11(b) Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 (P.U.A531).


Penyediaan Rph adalah sangat penting untuk setiap PdP kerana Rph yang kurang terancang akan mengakibatkan kegagalan kesinambungan sepanjang PdP. (Murugan, Nachiappan & VR Kumaran, 2021). Penyediaan Rph untuk setiap sesi PdP mempunyai banyak kepentingan. Antaranya, penulisan Rph memberikan guru idea untuk memilih kaedah, teknik dan pendekatan terbaik bagi melaksanakan sesi PdP pada hari tersebut (Mastura, 2021). Memandangkan perkara-perkara berikut setiap Rph dalam Modul MoKThI dirancang dengan penuh teliti agar PdP tidak membosankan dan meletihkan murid. Rph ini juga disediakan berpandukan kepada Model ASSURE kerana menurut Iskandar dan Wahab (2023) model ini sering dijadikan rujukan oleh para pendidik dalam mengembangkan peringkat pembelajaran, melalui perancangan aktiviti yang direka secara terperinci, sistematik dengan mengintegrasikan teknologi dan media supaya pembelajaran menjadi lebih berkesan kepada pelajar. Rajah 3.7 dibawa menunjukkan langkah-langkah dalam Rph Modul MoKThI berdasarkan kepada Model ASSURE dan Jadual 3.18 menunjukkan satu contoh Rph dalam panduan guru Modul MoKThI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.7

Langkah-Langkah Dalam Rph Modul MoKThI Berdasarkan Kepada Model ASSURE



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.17

Contoh Rph Dalam MoKThI

Tahun / ஆண்டு	*5*
Matapelajaran/ பாடம்	*தமிழ்மொழி*
Masa / நேரம்	*1 மணி 30 நிமிடங்கள்*
Tema / கருப்பொருள்	*மொழி*
Topik / தலைப்பு	*செய்யுளும் மொழியணியும்*
Kuplet / குறள் அதிகாரம்	*அதிகாரம் 21 : தீவினை அச்சம்*
Standrad Kandungan / உள்ளடக்கத்தரம்	*4.3*
Standard Pembelajaran / கற்றல்தரம்	*4.3.2*
Nilai Moral / நன்னெறிப்பண்பு	*ஒழுக்கம்*
Hubungan Rentasan Kurikulum / விரவிவரும் கூறுகள்	*அறிவியல்*
Konsep Utama / Perbendaharaan Kata Utama / முதன்மைக் கருத்து	*தீயச்செயல்கள் தீமையை விளைவிக்கும்*
Pembelajaran Abad Ke 21/21 ஆம் நூற்றாண்டு கல்வி நடவடிக்கை	• *பாடல் பாடுதல்* *(mendeklamasikan sajak atau menyanyikan lagu)* • *பாகமேற்று நடித்தல்* *(Role Play)* • *குழு முறையிலான மொழி விளையாட்டு.* *(Permainan Bahasa)*
BBM / பயிற்றுத்துணைப் பொருள்	*பாட நூல், பயிற்சி நூல், படங்கள் மடிக்கணினி, வெண் தாள்,* *Buku Teks, Buku Latihan, laptop, kertas mahjong, maker pen*
Objektif Pembelajaran / கற்றல் கற்பித்தல் நோக்கம்	Pada akhir pembelajaran murid dapat/ இப்பாட இறுதியில் மாணவர்கள்: ✓ *'தீயவை தீய…' எனத் :தொடங்கும் திருக்குறளைப் பிழையற ஒப்புவிப்பர்; குறளின் பொருளைத் தன் சொந்தச் சொற்களால் கூறுவர்.* (Murid-murid dapat mendeklamasikan Thirukkural ..... (Thirukkural yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	dipilih) tanpa sebarang kesalahan dan menyampaikan maksud Thirukkural yang dipilih dengan menggunakan perkataan sendiri) ✓ குறைந்தது 3 பயன்பாடு, 2 பகுத்தாய்தல், 2 மதிப்பிடுதல், 1உருவாக்குதல் கேள்விகளுக்குச் சரியாகப் பதிலளிப்பர். (Murid-murid dapat menjawab sekurang-kurangnya 3 soalan mengaplikasi, 2 soalan menganalisis, 1 soalan menilai dan 1 soalan mereka cipta dengan betul.)
Kriteria Kejayaan / வெற்றி இலக்கு	• திருக்குறளைப் பிழையற வாசிப்பர். (Membaca Thirukkural tanpa kesalahan) • திருக்குறளை ஒப்புவிப்பர் (mendeklamasikan Thirukkural) • திருக்குறளின் பொருளைக் தன் சொந்தச் சொற்களால் கூறுவர் (memberi maksud Thirukkural) • உயர்நிலைச் சிந்தனைத் திறன் கேள்விகளுக்கு விடையளிப்பர் (menjawab soalan KBAT)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rangka PdP / ***கற்றல் கற்பித்தல் சட்டகம்***		**Catatan / *குறிப்பு***
★Aktiviti Permulaan/ *பீடிகை* ***(3நிமிடங்கள்)***	1. *திருடாதே…பாப்பா திருடாதே" என்ற பாடலின் பல்லவியைக் கேட்டல்.* 2. *ஏன் திருடக்கூடாதெனக் கேட்டு பாடத்தைத் தொடங்குதல்* *Guru memulakan pengajaran dengan mendengarkan sebuah lagu yang bertemakan jangan mencuri.*	*https://www.youtube.com/watch?v=UzN8Fs2AYc4* 
Aktiviti / ***கற்றல் கற்பித்தல் நடவடிக்கைகள்*** ***(30 நிமிடங்கள்)***	*வெண்பலகையில் ஒட்டப்பட்ட திருக்குறளை வாசித்தல்* *(Membaca Thirukkural ynag ditampal di papan putih)* *பாடப்புத்தகத்தில் உள்ள வாசிப்புப் பகுதியை வாசித்தல்.* *(membaca petikan berkaitan Thirukkural*	***அருஞ்சொற்களும் பொருளும்/ Perbendaharaan kata:*** *1.தீயவை =தீமையானவை* *2. தீய = கெட்ட* *3.பயத்தால் = விளைவிப்பதால்*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	dalam buku teks)	*4. . தீயவை =கெட்டவை*
Aktiviti / **கற்றல் கற்பித்தல் நடவடிக்கைகள்**	*1. .அருஞ்சொற்களின் பொருளை ஊகித்தலின் வழி அறிதல். (Memahami perbendaharaan kata dengan meneka maksud)* *2. கேள்வி பதில் மூலம் வாசிப்புப் பகுதியின் உள்ளடகத்தை அறிதல் (Memahami petikan melalui sesi soal jawab)* *3. திருக்குறளை இசையுடன் பாடக் கேட்டல்; மாணவர்கள் இசையுடன் பாடிப் பழகுதல் (Menyanyikan Thirukkural dengan irama)* *4. திருக்குறளின் பொருளை ஆசிரியர் விளக்குதல (Menenrangkan maksud Thirukkural)*	*5. தீயினும் = நெருப்பைவிட* *6. அஞ்சப் படும் = பயப்படப் படும* **குறள் இசை** *https://www.youtube.com/watch?v=UJY8pB7jBsY*
	1. திருக்குறளுக்கான கதையை மாணவர்கள் காணொலியின் மூலம் பார்த்தல்; கதாபாத்திரத்தின் பண்புநலனை விளக்குதல (Menonton cerita dalam Youtube dan menilai perwatakan dalam cerita) *2. மொழி விளையாட்டின் மூலம் திருக்குறளை மனனம் செய்தல (Menghafal Thirukkural dengan teknik permainan)*	**குறள் சொல்லும் கதை** *https://www.youtube.com/watch?v=z-LC_Am4A_k* *(பின் இணைப்பைக் காணவும்)*

Aktiviti KBAT **உயர்நிலைச் சிந்தனைத்திறன் நடவடிக்கைகள்** ***(10 நிமிடங்கள்)***	*1. மாணவர்கள் நால்வர் கொண்ட குழுவாகப் பிரிதல (Duduk dalam kumpulan – 4 orang)* *2. குறளுக்கு ஏற்ற சூழ்நிலைகளை உருவாக்கி வகுப்பில் படைத்தல். (Mereka cipta situasi yang berkaitan dengan Thirukkural- Memepersembahkan dalam kelas)*	குழு நடவடிக்கை பாகமேற்று நடித்தல் *(Role Play)*
Penutup / முடிவு ***(2 நிமிடங்கள்)***	குறளை மீண்டும் இசையுடனும் அபிநயத்துடனும் பாடுதல்	**குறள் இசை** *https://www.youtube.com/watch?v=UJY8pB7jBsY*
Penilaian /	*1. எழுத்து – பயிற்சி*	முக்தி சிப்பம்

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

மதிப்பீடு ***(15 நிமிடங்கள்)***	2. வாசித்தல் – சொற்கள் 3. குறளை ஒப்புவித்தல்		
Latihan Lanjutan / தொடர் நடவடிக்கை	***Pemulihan /*** குறைநீக்கல் குறளைப் பிழையற ஒப்புவிப்பர்; சிப்பத்தில் குறைந்தது பயன்பாடு, பகுத்தாய்தல் கேள்விகளுக்கு விடையளிப்பர்.	***Pengukuhan /*** திடப்படுத்துதல் குறளையும் பொருளையும் பிழையற ஒப்புவிப்பர்; சிப்பத்தில் பயன்பாடு, பகுத்தாய்தல் கேள்விகளுக்கும் குறைந்தது 1 மதிப்பிடுதல் கேள்விக்கும் சரியாகப் பதில் அளிப்பர்.	***Pengayaan /*** வளப்படுத்துதல் குறளையும் பொருளையும் பிழையற ஒப்புவிப்பர். சிப்பத்தில் பயன்பாடு, பகுத்தாய்தல், மதிப்பிடுதல், உருவாக்குதல் கேள்விகளுக்குச் சரியாகப் பதில் அளிப்பர்.
Refleksi / சிந்தனை மீட்சி			

Boleh diubahsuai mengikut kreativiti dan kesesuaian.

Disamping Rph yang serba lengkap dengan cadangan aktiviti, bahan dan media pengkaji menyediakan rubrik bagi memudahkan hasil kerja murid disemak dan dinilai dengan tepat dan cepat dan jitu. Rubrik membantu pengkaji supaya tidak menyeleweng dari objektifnya dan mengelakan kejadian bias.

b Modul Murid

Reka bentuk strategi Modul MoKThI adalah berdasarkan kerangka konsep yang telah dibina yang melibatkan penggabungjalinan KBAT dengan komponen sastera sebagaimana yang telah dicadangkan hasil daripada temu bual bersama pakar. Pada asasnya modul ini dibangunkan mengikut keperluan KBAT murid sekolah rendah terutama sekali dari segi pemikiran rasional, analitikal dan logikal murid. Modul ini dihasilkan berpandukan kepada Buku Item Contoh Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Sekolah Menengah dalam Bidang Bahasa (2015) yang dihasilkan khas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, KPM. Terdapat juga buku panduan KBAT untuk sekolah rendah yang dihasilkan oleh KPM tetapi ianya bukan buku khas dalam bidang bahasa malah ia merangkumi item KBAT untuk semua matapelajaran. Jumlah item KBAT dalam bidang bahasa dalam buku tersebut adalah agak kurang dan tidak memadai untuk pemahaman yang optimum. Buku KBAT sekolah menengah dalam bidang bahasa merangkumi item KBAT dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan juga Bahasa Iban. Pengkaji dapat menelaah item KBAT yang terdapat dalam empat bahasa kecuali Bahasa cina. Oleh yang demikian, walaupun pengkaji merujuk buku panduan KBAT sekolah rendah, buku KBAT sekolah menengah dalam bidang bahasa membantu pengkaji untuk memahami struktur dan pola item KBAT secara luas dan mendalam.

Modul MoKThI ini terdiri daripada empat kemahiran KBAT. Untuk setiap kemahiran ini akan disediakan teks yang berkaitan dengan Thirukkural. Selain memberi pendedahan terhadap Thirukkural, rangkaan modul ini tertumpu kepada aktiviti yang dapat meningkatkan KBAT. Di setiap topik terdapat soalan berdasarkan empat kemahiran aras tinggi. Modul ini secara tidak langsung menggalakkan kemahiran membaca murid kerana terdapat teks sastera berupa cerita epik- epik, sajak, gurindam dan cerpen moden yang menarik. Modul MoKThI mengandungi gambar-gambar berupa kartun yang berwarna-warni agar menarik minat dan perhatian murid. Terdapat juga soalan yang memerlukan murid melukis mengikut kreativiti murid sendiri. Terdapat juga soalan yang memerlukan murid mewarna. Kebanyakkan soalan dalam MoKThI memerlukan murid menjawab dengan menggunakan peta *i-Think* kerana ia merupakan satu komponen utama dalam penerapan KBAT dalam PdP. Arahan yang diberikan dalam MoKThI juga agak ringkas dan mudah difahami. Murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjawab soalan KBAT mengikut aras dan hasil kerja murid disemak dan dinilai mengikut rubrik yang ditetapkan.

3.5.1.3 Sampel Fasa Reka bentuk

Dalam usaha untuk mereka bentuk Modul MoKThI, pengkaji menjalankan temu bual seorang guru berpengalaman selama 15 tahun, seorang pakar mata pelajaran Bahasa Tamil iaitu seorang guru cemerlang dan seorang pensyarah Bahasa Tamil seperti Jadual 3.16. Pensyarah yang dipilih adalah seorang Profesor atau pensyarah kanan yang pakar KBAT dan pensyarah yang berkepakaran dalam bidang kurikulum dan reka bentuk.

Jadual 3.18

Rumusan Sampel Fasa Reka Bentuk

Fasa Kajian	Instrumen	Bilangan Sampel Kajian
Fasa Reka Bentuk	Temubual	n = 1 orang guru berpengalaman 15 tahun n = 1 orang guru cemerlang n = 1 orang pensyarah pakar KBAT

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Fasa Pembangunan Dan Pelaksanaan

Setelah mengenalpasti latar belakang PdP, fasa ini akan memberi perincian tentang pembangunan modul. Fasa ini dibina berdasarkan fasa analisis dan reka bentuk. Fasa ini merangkumi

i. Langkah menggunakan media dan bahan
ii. Menggalakan penglibatan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tujuan fasa ini ialah untuk menghasilkan rancangan pengajaran dan bahan pembelajaran. Semasa fasa ini akan dibangunkan, langkah pengajaran serta dokumen lain yang diperlukan. Output dalam fasa reka bentuk akan menjadi input kepada fasa pembangunan. Kerja-kerja pembangunan modul akan dilakukan mengikut spesifikasi keperluan yang dipersetujui. Setiap pembangunan akan diuji agar ia konsisten dan dapat digunakan dengan berkesan.

Strategi pembelajaran yang diterapkan dalam Modul MoKThI dibangunkan berdasarkan reka bentuk yang telah dirangka oleh pengkaji dengan bimbingan seorang guru sastera Tamil berpengalaman lebih 15 tahun dan dua orang pensyarah yang mahir tentang sastera Tamil. Aktiviti-aktiviti dalam strategi pembelajaran dibangunkan secara berperingkat dengan memberi penekanan kepada KBAT. Turut dibangunkan ialah helaian kerja bagi setiap tajuk dalam modul. Perihal ini menjawab persoalan kajian yang ketujuh. Penghasilan aktiviti-aktiviti bagi setiap objektif pembelajaran yang menerapkan elemen KBAT seperti Jadual 3.19.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.19

Aktiviti dalam Modul MoKThI

Topik	**Objektif Pembelajaran (OB)**	**Aras KBAT**	**Aktiviti**	**Komponen Sastera Thirukkural**
Topik 1	OB 1	Mengaplikasi	L1	□
		Menganalisis	L2	□
		Menilai	L3	□
		Mencipta	L4	□
Topik 2	OB 2	Mengaplikasi	L1	□
		Menganalisis	L2	□
		Menilai	L3	□

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Topik	Objektif Pembelajaran (OB)	Aras KBAT	Aktiviti	Komponen Sastera Thirukkural
		Mencipta	L4	☐
Topik 3	OB 3	Mengaplikasi	L1	☐
		Menganalisis	L2	☐
		Menilai	L3	☐
		Mencipta	L4	☐
Topik 4	OB 4	Mengaplikasi	L1	☐
		Menganalisis	L2	☐
		Menilai	L3	☐
		Mencipta	L4	☐
Topik 5	OB 5	Mengaplikasi	L1	☐
		Menganalisis	L2	☐
		Menilai	L3	☐
		Mencipta	L4	☐
Topik 6	OB 6	Mengaplikasi	L1	☐
		Menganalisis	L2	☐
		Menilai	L3	☐
		Mencipta	L4	☐
Topik 7	OB 7	Mengaplikasi	L1	☐
		Menganalisis	L2	☐
		Menilai	L3	☐
		Mencipta	L4	☐
Topik 8	OB 8	Mengaplikasi	L1	☐
		Menganalisis	L2	☐
		Menilai	L3	☐
		Mencipta	L4	☐

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tujuan fasa pembangunan adalah untuk menjana dan mengesahkan sumber pembelajaran terpilih. Prosedur umum yang berkaitan dengan fasa pembangunan adalah seperti berikut:

1. Menjana kandungan
2. Memilih atau membina media
3. Membangunkan panduan untuk murid
4. Membangunkan panduan untuk guru

3.6.1 Langkah Menggunakan Media dan Bahan

Langkah keempat, sejajar dengan Model ASSURE, berkisar pada penggunaan teknologi, media dan bahan. Fasa ini melibatkan dua komponen utama iatu;-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Protaip Model
ii. Murid dan persediaan Persekitaraan

3.6.1.1 Prototaip Modul

Semasa pembangunan Modul MoKThI, penyelidik mencipta prototaip modul pengajaran. Prototaip ini berfungsi sebagai replica modul sebenar, penting untuk pengesahan dan kajian rintis. Modul MoKThI disediakan dalam tiga aras iaitu aras satu untuk murid lemah, aras dua untuk murid sederhana dan aras tiga untuk murid cemerlang. Aktiviti dalam Modul MoKThI dibentuk untuk menguji empat kemahiran KBAT iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mereka cipta. Stimulus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disertakan dalam modul murid aras lemah agar murid lemah dapat menjawab soalan KBAT tanpa bantuan guru. Rajah 3.8, 3.9, 3.10 dan 3.11 menunjukkan contoh aktiviti dalam prototaip modul.

Rajah 3.8

Contoh Aktiviti Kemahiran Mengaplikasi Dalam MoKThI




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.9

Contoh Aktiviti Kemahiran Menganalisis Dalam MoKThI



MoKThI — Modul Murid Aras 1 (Lemah)

Kemahiran 2 ஆ:- Analisis

அ) கலிதையில் காணப்படும் நிகழ்வுகளைக் கீழ்க்காணும் பாலச் சிந்தனை வரைபடத்தில் நிறைவு செய்க.

குப்பன்

குறும்புக்காரன்

அதனால்

அதனால்

அதனால்

மனம் திருந்தினான். அப்பா சாமிக்கு விழுந்தார். வேதனைப்பட்டான். தோலைக் கீழே போட்டான்.

வாழைப்பழத்தைத் தின்றான். கால்முடம் ஆனது.

ஆ)

குமரன் தன் நண்பன் முருகனின் பணப்பையை வேண்டுமென்றே ஒளித்து வைத்தான். முருகன் பணப்பையைக் காணாமல் அங்குமிங்கும் தேடுவதைப் பார்த்து மனம் மகிழ்ந்தான். அவனின் தவிப்பைக் கண்டு இரசித்தான். குமரனின் இச்செய்கையினால் முருகனுக்கு ஏற்படும் சிலமனை ஆராய்க.

மனஉளைச்சல் ஏற்படும், மகிழ்ச்சியாக இருப்பான், பயம் ஏற்படும், குதுகலமாக இருக்கும்

குமரனின் கெட்டிக்காரத்தனத்தை இரசிப்பான், வேதனை அடைவான்


4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.10

Contoh Aktiviti Kemahiran Menilai Dalam MoKThI



MoKThI Modul Murid Aras 3 (Cemerlang)

மதிப்பிடுதல்

கேள்வி 3 :- கீழ்க்காணும் கவிதையை வாசி.

கல்விச் செல்வம்.....

கள்வனால் கவர முடியா
ஒருமையில் கற்ற கல்வி
எழுமையும் பெருமை தருமே
முழுமையும் பெறுவீர் அதனை!

வெள்ளந்தான் அடித்துச் செல்லா
விழுமிய செல்வம் கல்வி
வேண்டிய பொருளை ஈந்தும்
ஈண்டுவீர் அதனை இன்றே!

மலையென பெற்ற செல்வம்
அலையென கரைந்த போதும்
நல்வழி காட்டும் கல்வி
செல்வழி பீடு சேர்க்கும்!

கொடையெனும் உயர்ந்த பண்பால்
கொடுத்திடும் கல்வி மட்டும்
பெறுபவர் அன்றி கொடுப்பார்
இருவர்க்கும் இன்பம் பயக்கும்!

எண்ணுடன் எழுத்தும் வாழ்வின்
கண்களாய் வண்ணம் கூட்டும்..
இன்னலைத் தீர்க்கும் செல்வம்
கன்னலாம் கல்வி சேர்ப்பீர்!!!!

கள்வனால் = திருடனால்
ஒருமையில் = ஒருமுறை
எழுமை = ஏழு பிறப்பும்
விழுமிய = சிறந்த
கொடை = தர்மம்
இன்னலை = துன்பத்தை
கன்னலாம் = கரும்பான
ஈந்தும் = தரு
ஈண்டுவீர் = பெறுவீர்

சில திருத்தங்களுடன்
https://eegarai.darkbb.com/t23728p30-topic

கேள்விகளுக்கு விடையளி.

1. கல்வி ஏன் அழியாச் செல்வமாகக் கருதப்படுகிறது?

I. திருடர்களால் திருட முடியாது
II வெள்ளம் அடித்துச் செல்லாது
III கல்வி கற்றால் நிறைய பணம் சம்பாதிக்கலாம்
IV யார்க்குக் கொடுத்தாலும் குறையாது


A. I, III B. I, II C. I, IV D. I, II, IV

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.11

Contoh Aktiviti Kemahiran Mereka Cipta Dalam MoKThI



MoKThI Modul Murid Aras 1 (Lemah)

https://www.youtube.com/watch?v=z-LC_AmH4_k

உருவாக்குதல (Mereka Cipta)

கேள்வி 4- கீழ்க்காணும் படங்களைப் பார்த்துச் கொடுக்கப்பட்ட தகவல்களைக் கொண்டு திருக்குறளுக்கேற்ற ஒரு வாக்கியங்கள் எழுதுக

1. கப்பன் - படிக்கவில்லை -
2. வேலை கிடைக்கவில்லை -
3. வழிப்பறிக் கொள்ளை -
4. பெண்ணின் கைப்பை பறித்தல் - ஓடுதல்
5. காவல் அதிகாரி துரத்துதல் –
6. பிடித்தல் -
7. சிறையில் அடைத்தல் -
8. வருந்துதல்

6

MoKThI Modul Murid Aras 1 (Lemah)

9. பொருத்தமான திருக்குறள் எழுதுக

3.6.1.2 Murid dan Persediaan Persekitaraan.

Sebelum memulakan kajian rintis penyelidik dengan teliti menyesuaikan persekitaraan pembelajaran yang kondusif untuk menjalankan kelas KBAT. Pengkaji bekerjasama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rapat dengan pihak sekolah bagi memastikan tempat pembelajaran dan segala peralatan yang diperlukan disediakan untuk kelancaran sesi PdP.

Pelaksanaan merujuk kepada pembangunan dan rekabentuk bahan-bahan pengajaran yang telah dipilih dan disediakan akan dilaksanakan mengikut keperluan murid. Di peringkat ini, bahan pengajaran yang telah disediakan digunakan atau dilaksanakan dalam keadaan sebenar. Tahap pelaksanaan pula membabitkan penyampaian atau pelaksanaan pengajaran yang sebenar, sama ada pengajaran itu berasaskan bilik darjah, atau penggunaan teknologi terkini. Modul yang telah disiapkan diuji kepada pengguna sebenar bagi mengenalpasti kesilapan semasa proses pembangunan modul berlaku. Sekiranya berlaku kesilapan, pembaikan dilakukan sebelum ia diserahkan sepenuhnya kepada pengguna sasaran untuk digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks ini, pelaksanaan bagi modul ini adalah merangkumi rangka kursus yang dibentuk dan diharapkan untuk menjayakan PdP yang berkesan. Dengan kata lain, pelaksanaan membabitkan proses menjalankan program atau modul pembelajaran dalam konteks dunia sebenar. Tujuannya adalah untuk menyampaikan atau melaksanakan pengajaran dengan efisien dan berkesan. Tahap ini perlu menyokong pemahaman murid dan pengalaman dalam kalangan murid tentang bahan yang disediakan, menyokong murid menguasai empat KBAT iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai serta mencipta. Pelaksanaan dalam modul ini bertujuan untuk penambahbaikan bahan modul yang disediakan setelah diukur, diuji dan dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2 Menggalakan penglibatan murid.

Pada langkah ke lima ASSURE iaitu keperluan penglibatan pelajar ini , elemen berikut perlu diuji iaitu:

1. Persediaan tenaga pengajar dalam proses PdP iaitu objektif, hasil pembelajaran, kaedah penyampaian, aktiviti dan tugasan.
2. Persediaan dan latar belakang murid dengan bahan PdP yang disediakan dalam modul ini yang merangkumi empat aras KBAT iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.
3. Keadaan persekitaran kelas yang merangkumi bilangan murid, tahun pembelajaran, alat bantu mengajar, kelengkapan perkakasan untuk aktiviti dan tugasan.
4. Proses ini akan dilaksanakan pada waktu PdP Bahasa Tamil dalam kelas, di mana satu jam diperuntukkan dalam seminggu untuk pengajaran sastera Tamil.
5. Pelaksanaan iaitu keperluan penglibatan murid dalam model ASSURE dilakukan setelah proses analisis dikenalpasti. Ia dapat memberi jawapan kepada permasalahan yang dihadapi semasa reka bentuk disediakan.

Modul ASSURE merupakan modul yang sistematik dalam merangka modul pengajaran. Kesimpulannya, proses ini bertujuan untuk menguji keberkesanan serta melihat masalah yang tidak disedari sewaktu fasa reka bentuk dan pembangunan. Proses ini dilaksanakan dengan menggunakan sekumpulan tenaga pengajar dan murid yang menepati kriteria yang telah ditetapkan. Hasil daripada pemerhatian, proses penambahbaikan atau pemulihan akan dapat dilaksanakan sebelum modul yang


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebenarnya digunakan secara rasmi (Baharuddin, Rio Sumani & Manimegalai, 2001). Sebelum diaplikasikan kepada murid, teknik ini melalui beberapa siri ujian dan penambahbaikan. Prosedur fasa Pelaksanaan dan Penilaian adalah seperti yang dipaparkan dalam Rajah 3.12

Rajah 3.12

Carta Alir Pelaksanaan dan Penilaian Modul MoKThI



Selepas fasa pembangunan draf Modul MoKThI, kajian rintis akan dilaksanakan sebanyak dua kali iaitu kajian rintis I dan kajian rintis II. Kajian rintis ini penting bagi menguji kesesuaian strategi pembelajaran dalam merealisasikan objektif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini iaitu untuk menghasilkan satu strategi pembelajaran yang dapat mempertingkatkan KBAT. Kajian rintis I akan dijalankan bertujuan bagi memastikan murid memahami laras ayat yang digunakan dalam petikan aktiviti yang disenaraikan dalam modul dan dapat mengikuti arahan langkah demi langkah serta kesesuaian reka bentuk Modul MoKThI yang telah dibangunkan. Kajian rintis II pula akan dilaksanakan selepas kesahan dari pakar diperolehi bertujuan untuk mendapatkan maklum balas murid dan menjalankan ujian pra dan pasca. Maklum balas dari kajian rintis I diperoleh terus dari murid tentang permasalahan yang timbul dalam setiap aktiviti untuk dibuat penambahbaikan.

Seterusnya selepas penambahbaikan, kajian II akan dijalankan bagi menilai pandangan murid merujuk kepada soal selidik yang disediakan dan juga ujian pra dan pasca bagi menguji KBAT pada sampel yang kecil. Sejumlah 15 orang murid yang bersetuju secara sukarela untuk terlibat dalam kajian yang dijalankan selama tiga minggu. 15 orang murid digunakan dalam kajian rintis Rintis I kerana Wiersma (2000) menegaskan bahawa kajian rintis perlu dijalankan terhadap bilangan sampel yang kecil iaitu antara lima hingga 10 orang dan tidak melebihi 20 orang sampel. Menurut Mohd. Najib (2003) pula responden seramai 15-20 adalah mencukupi bagi menganalisis kesahan luaran. Berdasarkan dua pernyataan ini, pengkaji memutuskan sampel bagi kajian rintis ini adalah seramai 15 orang. Sesi pengajaran strategi pembelajaran dimulakan dengan penerangan ringkas oleh pengkaji sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2.1 Instrumen Kajian

Kajian rintis I ini akan dijalankan selama tiga minggu. Prototaip modul akan digunakan dalam kajian rintis I. Sepanjang sesi pengajaran beberapa data akan dikumpulkan secara pemerhatian, helaian kerja murid, hasil kerja kumpulan dan persembahan serta soal selidik. Borang soal selidik dibangunkan oleh pengkaji bagi memastikan matlamat reka bentuk dicapai. Penambahbaikan dijalankan sebelum memulakan kajian sebenar.

3.6.2.2 Sampel kajian

Sepanjang sesi kajian rintis I pengkaji bertindak sebagai pengajar dan 15 orang murid akan menjadi sampel dalam kajian rintis 1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2.3 Analisis Data

Semasa kajian rintis dijalankan, soal selidik diedarkan kepada murid. Data di analisis menggunakan SPSS untuk mengira peratus dan min.

3.7 Fasa Penilaian dan Penyemakan Semula

Penilaian adalah satu tahap di mana bahan yang telah disediakan diproses untuk mengukur dan mendapatkan maklum balas pengguna modul terhadap keseluruhan rangka kursus (Ummu Nasibah et. al., 2015). Ia meliputi Ketiga-tiga fasa iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan dan pelaksanaan. Keempat-empat tahap ini telah meliputi tahap penilaian, di mana setiap tajuk modul yang dibangunkan akan dibuat penilaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

formatif bagi mendapatkan keberkesanan reka bentuk dan pembangunan modul tersebut. Istilah penilaian merujuk kedua-dua penilaian formatif dan sumatif tentang produk pembelajaran dan sistem yang dibentuk dan dilaksanakan. Penilaian formatif seharusnya dilakukan terhadap semua peringkat untuk memastikan keberkesanannya.

Penilaian sumatif pula hanya melibatkan reka bentuk pengujian yang spesifik sahaja yang memerlukan maklumbalas pengguna seperti isi kandungan, strategi dan elemen multimedia melalui kaedah temu bual, soal selidik, penyeliaan dan pengujian. Penilaian sumatif biasanya berlaku di peringkat akhir sesuatu projek penghasilan bahan pengajaran diselesaikan. Setiap tajuk modul yang dibangunkan akan dibuat penilaian formatif bagi mendapatkan keberkesanan reka bentuk dan pembangunan modul tersebut. Setiap langkah yang dilaksanakan perlu dinilai semula untuk tujuan penambahbaikan. Istilah penilaian merujuk kedua-dua penilaian formatif dan sumatif tentang produk pembelajaran dan sistem yang dibentuk dan dilaksanakan. Dengan kata lain, penilaian melibatkan proses menentukan kecukupan modul yang disediakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Prosedur kajian untuk fasa ini menerangkan dua jenis penilaian yang digunakan iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif. Seterusnya, reka bentuk kajian peringkat II juga turut diperjelaskan.

3.7.1 Penilaian Formatif

Penilaian sepatutnya berlaku secara berterusan dalam seluruh proses reka bentuk pengajaran seperti penilaian dalam setiap tahap, penilaian antara tahap, dan penilaian selepas pelaksanaan. Tujuan penilaian ini adalah untuk mentaksirkan keberkesanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keseluruhan pengajaran dan memperbaiki pengajaran sebelum versi mutakhir dilaksanakan. Penilaian formatif merupakan penilaian berterusan semasa membentuk sesuatu tahap dan antara tahap (Ummu Nasibah et al., 2015).

Dapatan yang diperoleh daripada kajian rintis I, dapat memberikan impak tentang sejauh mana penguasaan sesuatu hasil pembelajaran. Dengan sedemikian, pengkaji dapat memperolehi maklumat tentang kepincangan dan kekuatan serta keupayaan individu murid dan dapat mengambil tindakan susulan yang sewajarnya. Selain dari itu pengkaji juga dapat menilai perkembangan individu murid dalam pelbagai aspek termasuk aspek yang tidak dapat dinilai secara sumatif. Penilaian formatif dijalankan dalam semua aktiviti yang dibangunkan oleh pengkaji. Hasil daripada penilaian ini diharapkan dapat memberikan maklumat yang diperlukan dan boleh digunakan sebagai maklum balas untuk menyusun semula kefahaman serta kemahiran dan membina idea dan keupayaan yang lebih kukuh dalam proses penambahbaikan aktiviti dalam Modul MoKThI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ummu Nasibah et al. (2015) menjelaskan amalan penilaian formatif dalam bilik darjah dapat memberi keterangan mengenai pencapaian murid, menjana maklumat tersebut, dan ia boleh dijadikan panduan kepada guru dan murid untuk membuat keputusan mengenai langkah seterusnya dalam pengajaran untuk menjadi yang lebih baik dan bermakna. Pada proses pembelajaran setiap murid dibekalkan dengan helaian kerja dan dikumpulkan oleh pengkaji pada setiap peringkat proses pembelajaran. Helaian kerja murid dianalisis bagi penambahbaikan Modul MoKThI. Tambahan pula, murid akan diminta utuk memberikan maklum balas tentang setiap aktiviti yang dijalankan sepanjang kajian rintis 1 dijalankan. Hasil daripada kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rintis I akan digunakan untuk mengenalpasti sebarang kelemahan pada Modul MoKThI dan kemudian akan membuat penambahbaikan pada strategi ini.

3.7.2 Penilaian Sumatif

Penilaian sumatif pula berlaku selepas versi pengajaran mutakhir dilaksanakan. Lazimnya, data dari penilaian sumatif digunakan untuk membuat keputusan tentang modul, sama ada untuk meneruskan pengajaran atau tidak. Penilaian sumatif merujuk kesahan Modul MoKThI memaparkan penilaian pembelajaran dan meringkaskan pembangunan murid pada suatu masa tertentu (Ummu Nasibah et al., 2015). Kajian kesahan terhadap Modul MoKThI dijalankan sebelum diuji di kajian sebenar. Hal ini penting bagi memastikan Modul MoKThI mencapai objektif kajian yang ingin dicapai iaitu membantu mempertingkatkan KBAT murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu Mohd Majid Konting (1998) menjelaskan kesahan sesuatu modul merujuk sejauh mana ia dapat mengukur objektif yang ditentukan. Bagi mengukur kesahan ini Mohd Najib Konting (1998), Meyer dan Allen (1997) dan Russell (1974) menyarankan kaedah yang boleh diaplikasikan dengan meminta pandangan pakar. Oleh yang demikian kajian kesahan ini melibatkan dua orang pensyarah dan seorang guru cemerlang Bahasa Tamil. Sidek dan Jamaludin (2005) meyakini bahawa kesahan kandungan sesuatu modul pembelajaran bergantung kepada objektif dan ia diakui sesuai apabila maklumat yang diperoleh dapat mencapai keseluruhan pencapaian yang diingini. Untuk tujuan itu pengkaji telah membina soal selidik bersama dengan penyelia berlandaskan syarat-syarat kesahan strategi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian ini digunakan untuk mengukur keberkesanan Modul MoKThI agar selari dengan kandungan berlandaskan kurikulum yang disediakan oleh BPK bagi memastikan objektif pembelajaran berdasarkan kriteria yang sama agar dapat menentukan tahap prestasi murid yang ditetapkan. Antara item yang difokuskan adalah termasuk persekitaraan bilik darjah, perancangan dan persediaan, kepakaran dan arahan langkah demi langkah pembelajaran dalam Modul MoKThI. Penilaian kesahan kandungan bagi setiap item dalam soal selidik adalah skala semantik dengan skala 1 membawa maksud paling rendah manakala skala 5 membawa maksud paling tinggi seperti Rajah 3.13.

Rajah 3.13

Petunjuk Skala Likert bagi Kesahan Kandungan Modul



Paling Rendah Paling Tinggi

Penilaian Modul MoKThI ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian I ialah penilaian dari kesahan pakar, diikuti dengan Bahagian II, pandangan daripada murid dan Bahagian III ialah Ujian pra dan pasca murid terlibat dengan kajian rintis II. Kesahan pakar merujuk kepada kesahan kandungan komponen Thirukkural dan KBAT. Sehubungan dengan itu setiap orang pakar akan diberikan draf Modul MoKThI yang telah siap dibina untuk diteliti, dikaji dan ditentukan kandungannya. Seterusnya melengkapkan soal selidik kesahan kandungan yang telah disediakan. Setelah itu, pakar memberikan komen, maklum balas dan cadangan penambahbaikan pada ruang yang disediakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemilihan pengubahsuaian instrumen soal selidik merupakan kaedah yang dilakukan dalam kajian ini berdasarkan kepada kajian lepas. Oleh itu pengkaji perlu menjalankan proses pengubahsuaian dalam memastikan instrumen yang dihasilkan dalam kajian ini berkualiti. Item soal selidik dalam fasa ini telah dibina berdasarkan kepada Borang Kesahan Kandungan: Penilaian Kualiti Untuk Modul Pengajaran Modul Mahir PK (PKMP_MM). Ia telah digunakan bagi tujuan ini yang mana ianya diambil dan diadaptasi daripada Instrumen Penilaian Kualiti Untuk Modul Pengajaran (Ang & Lee, 2016). Dalam borang ini terdapat 46 item dan setiap item menggunakan skala Likert 1 hingga 5 bagi mendapatkan penilaian pakar panel terhadap kualiti modul yang dibangunkan.

Secara umumnya, item-item dalam borang kesahan ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu Bahagian Kualiti Kandungan Modul, Bahagian Potensi Keberkesanan dan Bahagian Kepuasan Keseluruhan (Lampiran J). Dalam bahagian Kualiti Kandungan, pakar panel menilai aspek objektif pengajaran sebanyak tiga item dan aspek isi kandungan modul sebanyak lima item. Manakala dalam bahagian Potensi Keberkesanan, pakar panel menilai empat aspek iaitu aspek kebergunaan sebanyak lima item, aspek fleksibiliti sebanyak tiga item, aspek persembahan sebanyak enam item dan aspek penilaian sebanyak empat item. Akhir sekali bagi bahagian Kepuasan Keseluruhan, terdapat sebanyak 20 item merangkumi beberapa aspek untuk dinilai oleh pakar panel. Antaranya adalah aspek kepuasan terhadap matlamat modul, isi kandungan dan potensi modul.

Bagi menilai kesahan kandungan modul, seramai tiga orang pakar tentang komponen sastera Tamil bersetuju untuk menjadi penilai. Melalui kenyataan Bailey (2004) proses pengesahan kandungan sesuatu modul memerlukan sekurang-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kurangnya tiga orang pakar dalam bidang pengajaran yang berkaitan. Mereka terdiri daripada dua orang pensyarah Bahasa Tamil dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi dan seorang guru Bahasa Tamil yang berpengalaman mengajar melebihi 20 tahun. Dua orang pensyarah ini dipilih berdasarkan kepakaran mereka dalam penghasilan kajian dalam bidang sastera Tamil manakala guru yang dipilih merupakan seorang guru cemerlang Bahasa Tamil serta penggubal soalan dan pemeriksa kertas Bahasa Tamil UPSR. Beliau juga merupakan seorang jurulatih utama Bahasa Tamil peringkat Negeri Perak serta merupakan seorang penceramah teknik menjawab soalan UPSR yang berpengalaman. Jadual 3.20 menunjukkan maklumat ringkas mengenai pakar yang terlibat dalam kesahan kandungan modul.

Jadual 3.20

Maklumat Pakar Menilai Kesahan Kandungan Modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pakar	Kepakaran	Pengalaman Mengajar
Pakar 1	Professor Madya, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Bidang Pendidikan Bahasa Tamil	21 Tahun
Pakar 2	Pensyarah Bahasa Tamil	15 Tahun
Pakar 3	Guru Cemerlang Bahasa Tamil Penggubal Soalan, Penceramah, Pemeriksa Kertas	21 Tahun

Kajian menggunakan reka bentuk kajian tinjauan yang dilakukan bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan draf modul yang telah dibina. Tujuan utamanya adalah untuk memperoleh:

i. Nilai kesahan melalui penilaian sekumpulan pakar menggunakan borang kesahan Kandungan: Penilaian Kualiti Untuk Modul MoKThI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Nilai kebolehpercayaan melalui borang soal selidik yang dijawab oleh sekumpulan pelajar dalam kajian rintis.

3.7.3 Kesahan Modul

Penilaian kesahan sesuatu modul dapat menunjukkan sejauh mana modul tersebut berupaya menghasilkan apa yang sepatutnya dihasilkan (Sidek & Jamaludin, 2005). Sesebuah modul disifatkan baik apabila mencapai objektif pembinaan modul yang spesifik. Ini bermakna sesebuah modul yang dapat mengukur semua isi kandungannya dengan berkesan, maka kesahan kandungan modul tersebut dianggap baik. Dalam memperoleh nilai kesahan kandungan modul, kaedah yang boleh digunakan ialah dengan meminta maklum balas dan pandangan pakar (Mohd Majid, 2005).

05-450683 .my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian item-item modul berdasarkan kepada penyemakan spesifikasi oleh panel pakar rujuk dapat meningkatkan kesahan kadungan modul. Peranan panel pakar rujuk adalah untuk menyemak item dan memberi komen sama ada item-item yang dikemukakan dalam suatu modul tersebut meliputi semua kandungan yang ingin diuji. Jika kesemua sasaran kandungan modul diliputi secara sama rata, maka kesahan kandungan dikatakan adalah tinggi. Setelah mengambil kira kesemua maklum balas daripada pakar, analisis dilakukan untuk menentukan kesahan kandungan modul.

Sidek dan Jamaludin (2005) menyarankan bahawa modul mempunyai kesahan kandungan yang baik jika peratusan yang diperoleh adalah melebihi 70%.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebaliknya, jika peratusan kesahan kandungan adalah kurang daripada 70%, maka modul dikatakan tidak mempunyai kesahan kandungan yang baik. Dapatan kesahan kadungan modul oleh pakar-pakar dibincangkan dalam Bab 4.

3.7.4 Kebolehpercayaan Modul

Mohammad Aziz Shah, Md. Noor Saper, Samsiah Jais, Aslina Ahmad dan Nurul Yakin Supeni (2010) pula mendefinisikan kebolehpercayaan modul sebagai ketekalan dan kestabilan sesuatu modul di dalam mencapai apa yang sepatutnya dicapai di dalam objektif sesuatu modul. Berdasarkan kepada Sidek (2002) sebuah ujian atau instrumen mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya skor yang sama diperoleh daripada individu yang sama pada masa yang berbeza. Bagi Rusell (1974) kebolehpercayaan modul diuji berdasarkan sejauh mana pelajar dapat mengikuti langkah-langkah aktiviti dalam modul dengan jayanya. Nilai pekali kebolehpercayaan sesuatu modul boleh diuji dengan kaedah mencipta soal-selidik atau item-item soalan berdasarkan kepada langkah-langkah aktiviti modul, ataupun melalui kaedah mencipta soal-selidik berdasarkan kepada objektif-objektif modul (Jamaludin & Sidek, 2005). Sehubungan itu, dalam kajian ini, penyelidik memilih untuk mencipta soal-selidik berdasarkan kepada objektif-objektif modul. Dalam Modul MoKThI, terdapat lapan objektif pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid. Borang soal selidik yang bertajuk Kebolehpercayaan Modul MoKThI dibina dan diberikan kepada kumpulan murid Tahun Lima (Kumpulan Eksperimen) dalam kajian rintis yang telah dijalankan. Bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan, soal selidik tersebut dianalisis dengan menggunakan kaedah pekali Cronbach Alpha. Mohd Majid (2005) menyatakan jika

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

nilai kebolehpercayaan yang diperoleh lebih tinggi dari 0.60, maka instrumen tersebut mempunyai tahap konsistensi yang baik.

Setelah Modul MoKThI melalui penambahbaikan dari segi kesahan kandungan dan kebolehpercayaan ia juga dinilai oleh murid. Setiap murid diberikan satu set soal selidik yang dibangunkan berdasarkan langkah-langkah aktiviti dan diberikan kepada murid di akhir kajian rintis II. Hal ini kerana keupayaan murid untuk mengikuti setiap langkah Aktiviti di Modul MoKThI menunjukkan murid telah mencapai objektif modul itu. Ujian pra dan pasca juga akan dijalankan untuk memastikan bahawa modul boleh mencapai objektif yang diperlukan. Sehubungan dengan itu, ujian pra diberikan sebelum kajian rintis II dijalankan dan ujian pos pula diperingkat akhir kajian rintis II.

Penilaian sumatif terhadap keberkesanan pengajaran, bahan bantu serta pencapaian hasil pembelajaran dilaksanakan setelah keempat-empat fasa awal dilaksanakan. Aktiviti dalam fasa penilaian ini meliputi:

1. Penilaian Formatif – Penilaian ini dijalankan secara berterusan sepanjang PdP Thirukkural untuk setiap tajuk yang disediakan, bagi menilai keberkesanan setiap tajuk dalam modul tersebut. Di sini penambahbaikan akan dilakukan untuk merancang aktiviti PdP yang dapat mencungkil KBAT murid.
2. Penilaian Sumatif – Penilaian ini dijalankan pada hujung kajian yang merangkumi keseluruhan kemahiran KBAT bagi memastikan modul tersebut efisyen dan berkesan, juga murid dapat menguasai modul yang dibina dan direka bentuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Refleksi Kendiri – Kebolehan murid dalam menjawab dan membuat latihan KBAT yang disediakan dalam proses reka bentuk modul.
4. Maklum balas murid – melalui soal selidik, soal jawab secara langsung atau tidak langsung yang disediakan semasa reka bentuk dan pembangunan modul dilakukan. Penilaian formatif dan sumatif dijalankan untuk memastikan murid dapat melaksanakan tugasan pembelajaran secara optima.

3.8 Pengenalan Reka Bentuk Kajian – Peringkar Ii

Setelah Modul MoKThI direka bentuk dan dibangunkan, modul ini akan melalui proses kesahan. Setelah itu, modul ini akan diuji kesannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.1 Objektif

Peringkat II kajian akan menjawab objektif kajian kedua dan ketiga (rujuk Bab 1) iaitu tentang pengukuran kesan Modul MoKThI dalam mempertingkatkan KBAT murid.

Reka bentuk yang diaplikasikan bagi menjayakan penilaian kesan penggunaan Modul MoKThI ini ialah menggunakan reka bentuk kuantitatif. Kajian kuantitatif mempunyai ciri-ciri seperti melibatkan sebab dan akibat, menguji teori, menggunakan pengukuran, dan data yang berbentuk nombor serta boleh diukur menggunakan statistik (Creswell, 2003). Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan statistik inferensi. Pendekatan kuantitatif yang akan digunakan dalam kajian ini ialah kuasi eksperimen satu kumpulan pra-pasca ujian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Azieyana dan Christina, (2018) reka bentuk kuasi eksperimen satu kumpulan sesuai digunakan apabila pembahagian subjek kajian ke dalam kumpulan intervensi secara rawak sukar dilaksanakan disebabkan kumpulan tersebut telah ditetapkan sebelum kajian dijalankan.

Dalam kajian ini pengkaji akan menjalankan ujian pra-pasca serta membuat pemerhatian terhadap individu sepanjang masa. Pengkaji menggunakan kaedah yang ditetapkan dan merekodkan pencapaian tersebut sebelum dan selepas intervensi. Kajian akan dijalankan selama enam minggu tidak termasuk pengurusan kajian sebagaimana kajian yang telah dibuktikan dapat dijalankan dengan jayanya mencapai objektif kajian dalam enam minggu kajian oleh Liz Aliza Awang (2015).

Satu kumpulan responden akan mempelajari konsep Thirukkural secara konvensional dan satu lagi kumpulan akan didedahkan dengan pendekatan Modul MoKThI. Pengkaji akan menjalankan sendiri intervensi ini bagi memastikan pungutan data kajian terutamnaya proses pembelajaran yang berlaku dapat diperoleh berasaskan objektif kajian ini. Untuk mengurangkan kesan *Hawthorne*, guru mengambil kelas ini lebih awal dan murid tidak diberitahu tentang kajian ini (McCarney, Warner, Iliffe, Van Haselen, Griffin & Fisher, 2007). Hal ini adalah untuk memastikan responden kajian tidak berkelakuan atau bertindak secara semulajadi dalam intervensi yang dijalankan. Perancangan intervensi adalah seperti Jadual 3.21

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.21

Perancangan Intervensi

Minggu	Objektif (OB)	Proses	Tanggungjawab
Minggu 1	Ujian Pra	Menjalankan ujian Pra	Guru Kelas Tahun Lima
Minggu 2	OB 1 & OB 2	Menjalankan PdP dengan menggunakan Modul MoKThI	Pengkaji
Minggu 3	OB 3 & OB 4	Menjalankan PdP dengan menggunakan Modul MoKThI	Pengkaji
Minggu 4	OB 5 & OB 6	Menjalankan PdP dengan menggunakan Modul MoKThI	Pengkaji
Minggu 5	OB 7 & OB 8	Menjalankan PdP dengan menggunakan Modul MoKThI	Pengkaji
Minggu 6	Ujian Pos, Kumpul & Analisis Data	Menjalankan ujian Pos Mengumpul, Menganalisis Data dengan menggunakan SPSS	Pengkaji

Reka bentuk kajian melibatkan dua kumpulan iaitu Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.22.

Jadual 3.22

Reka Bentuk Kajian

Kumpulan	Pra Ujian	Rawatan	Pacsa Ujian
Kawalan(K)	O	X_1	O_1
Eksperimen(E)	O	X_2	O_2

O: Ujian pra bertulis yang merupakan penilaian awal sebelum murid mempelajari topik 1. Penilaian ini dijalankan sebelum rawatan diberikan bertujuan untuk mengenalpasti pencapaian murid daripada kedua-dua kumpulan iaitu: Kumpulan Kawalan (K) dan Kumpulan Eksperimen (E). Set soalan ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan disahkan oleh sebuah panel pakar. Sebagai langkah menguatkan kesahan kandungan ujian pra, Jadual Standard Ujian (JSU) dibentuk oleh pengkaji dan akan disemak oleh tiga orang pakar seperti dalam Jadual 3.23. Panel pakar yang menilai kesahan kandungan modul menjadi panel penilai kesahan ujian pra dan pasca kerana dengan cara ini dapat memastikan kebolepercayaan modul setara dengan kebolepercayaan ujian pra dan pasca. Selepas itu, kesahan kandungan akan dibuat terhadap ujian pra dan pasca. JSU dibentuk untuk memastikan kesahan item dari segi kandungan dan objektif pembelajaran.

Jadual 3.23

Maklumat Pakar Menilai Kesahan Ujian Pra Dan Ujian Pos

Pakar	Kepakaran	Pengalaman Mengajar
Pakar 1	Professor Madya, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Bidang Pendidikan Bahasa Tamil	21 Tahun
Pakar 2	Pensyarah	16 Tahun
Pakar 3	Guru Cemerlang Bahasa Tamil Penggubal Soalan, Penceramah, Pemeriksa Kertas	21 Tahun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

O_1, O_2 : Ujian pasca bertulis yang merupakan penilaian akhir setelah murid mempelajari topik 8. Penilaian ini dijalankan selepas rawatan diberikan kepada kedua-kedua Kumpulan Kawalan (K) dan Kumpulan Eksperimen (E). Set soalan ini menguji tahap penguasaan kemahiran yang sama seperti set soalan ujian pra dan akan disahkan juga oleh panel pakar yang sama.

X_1 : Kumpulan Kawalan (K) merupakan kumpulan yang diberi PdP secara konvensional. Proses yang dijalankan adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Proses PdP bagi topik Thirukkural yang lazim dijalankan oleh guru Bahasa Tamil iaitu berasaskan buku teks, buku kerja dan buku latihan.

ii. Proses PdP berlaku dalam kelas.

X_2 : Kumpulan Eksperimen (E) merupakan kumpulan murid yang diberikan rawatan dengan menggunakan Modul MoKThI. Rawatan yang diberikan adalah seperti berikut:

i. Proses PdP adalah berasaskan penggunaan Modul MoKThI.

ii. Proses PdP berlaku dalam makmal komputer. Alat bantu mengajar termasuklah persembahan Microsoft Power Point, video *YouTube*, buku latihan, buku kerja dan helaian kerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembolehubah yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Pembolehubah tidak bersandar : Kaedah pengajaran menggunakan Modul MoKThI dan kaedah pengajaran secara konvensional.
2. Pembolehubah bersandar : Peningkatan KBAT murid
3. Pembolehubah yang dimalarkan : Umur murid, pencapaian murid dalam menjawab soalan KBAT berdasarkan keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun dan pengajaran awal topik Thirukkural yang diajar oleh penyelidik dengan menggunakan pendekatan pengajaran yang sama bagi kedua-dua kumpulan.

Cerapan terhadap aktiviti yang dilakukan terhadap responden pada masa mengikuti pembelajaran dapat memberikan gambaran pemahaman konsep

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Thirukkural dalam Modul MoKThI. Seterusnya diharapkan perihal yang ditulis pada helaian kerja dapat membuktikan responden memahami atau tidak memahami kandungan Thirukkural yang diberikan pada pembelajaran.

3.8.2 Kesahan Dalaman

Kesahan dalaman bermaksud sejauhmana kesan atau perubahan yang terjadi kepada pembolehubah bersandar (pencapaian) hanya disebabkan oleh olahan pembolehubah bebas (modul). Dalam kajian ini perubahan yang berlaku kepada pembolehubah bersandar (pencapaian KBAT) adalah disebabkan oleh olahan pembolehubah bebas iaitu pendekatan pengajaran berdasarkan modul pengajaran MoKThI dan bukan disebabkan oleh pembolehubah ekstranus seperti gaya pengajaran guru, suhu bilik darjah atau pengalaman guru yang mengajar Thirukkural. Menurut Creswell (2014) ancaman bagi kesahan dalaman merujuk permasalahan yang mengganggu atau menghalang keupayaan untuk mendapatkan dapatan kajian yang tepat disebabkan oleh ancaman yang mengganggu disebabkan oleh prosedur Eksperimen atau pengalaman responden kajian. Jika tidak dikawal pembolehubah ekstranus ini akan menghasilkan kesan yang boleh mengelirukan kesan olahan pembolehubah bebas. Dalam kajian ini terdapat lapan pembolehubah ekstranus yang perlu dikawal oleh pengkaji iaitu (i) sejarah, (ii) kematangan, (iii) pra ujian, (iv) instrumen, (v) perbezaan pemilihan subjek, (vi) mortaliti, (vii) regresi statistik, dan (viii) interaksi antara pemilihan subjek dan kematangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.2.1 Kesan Sejarah

Kesan sejarah mungkin terjadi sekiranya sesuatu kajian ksperimen dijalankan terlalu lama. Perubahan pada pembolehubah bersandar berlaku bukan disebabkan oleh pembolehubah tidak bersandar. Perubahan pada pembolehubah bersandar mungkin berlaku bukan disebabkan oleh pembolehubah bebas kerana berlaku peristiwa tertentu, perkembangan atau pengalaman pendidikan semasa kajian eksperimen sedang dijalankan. Peristiwa yang dimaksudkan dalam kajian ini, mungkin berlaku minggu Bahasa Tamil, dimana semua murid diwajibkan mengambil bahagian dalam kuiz Bahasa Tamil semasa eksperimen dijalankan. Selain itu, mungkin adanya kempen Mari Menjawab Soalan KBAT oleh unit peperiksaan di sekolah ini memberi peluang murid membiasakan diri menjawab soalan KBAT dengan lebih tekun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, untuk mengelakkan daripada kesan sejarah atau peristiwa mempengaruhi olahan pembolehubah bebas, pengkaji akan mengenalpasti terlebih dahulu bahawa sepanjang kajian berjalan, tidak ada sebarang peristiwa seperti yang disebut dijalankan di sekolah yang terlibat dalam eksperimen ini. Ini dapat menjamin bahawa perubahan yang berlaku kepada subjek kajian (Kumpulan Eksperimen) adalah disebabkan oleh pembolehubah bebas iaitu pendekatan pengajaran KBAT menggunakan modul sastera dan bukan disebabkan oleh pembolehubah-pembolehubah ekstranus yang lain.

3.8.2.2 Kesan Kematangan

Kesan kematangan ini bermaksud subjek akan menunjukkan prestasi berbeza bukan disebabkan oleh olahan pembolehubah bebas, tetapi disebabkan kematangan seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertambah umur dan sebagainya. Dalam kajian kuasi eksperimen, kematangan sukar dikawal apabila pelaksanaan kajian kuasi eksperimen melibatkan tempoh penyelidikan yang agak lama (Cresswel 2014). Di dalam kajian kuasi eksperimen, penyelidik perlu memastikan tempoh yang dijalankan bersesuaian dengan kadar rawatan yang perlu diterima oleh peserta kajian. Ini adalah penting kerana tempoh kajian terlalu pendek akan menyebabkan kesan terhadap rawatan tidak dapat dilihat sepenuhnya, manakala jika tempoh kajian terlalu panjang pula akan menyebabkan kesan rawatan mungkin akan dipengaruhi oleh faktor ekstranus yang boleh mempengaruhi keputusan kajian (Noraini, Sarina, Rushami & Abdul Aziz, 2016). Oleh itu, kajian pengajaran KBAT berbantukan modul ini hanya dijalankan selama enam minggu. Selain itu, perbezaan umur murid juga diambil kira di mana murid-murid yang terlibat dalam kajian ini, kesemuanya berumur 11 tahun. Oleh itu ketiadaan perbezaan umur di antara subjek kajian dapat membantu mengekalkan kesahan kajian ini disudut kematangan (Elfis, Effandi & Siti, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.2.3 Kesan Pra Ujian

Kesan ujian pra merupakan ukuran yang dicerap dari subjek sebelum subjek yang dikaji dikenakan olahan pembolehubah bebas (Modul MoKThI). Pra ujian biasanya dilakukan bagi mengukur sejauhmana perubahan akan berlaku ke atas pembolehubah bersandar (pencapaian) disebabkan oleh olahan pembolehubah bebas. Pra ujian juga akan merangsang subjek untuk bertindak secara positif atau negatif sekiranya mereka mengetahui lebih awal bahawa pra ujian akan dijalankan ke atas mereka. Oleh itu pengkaji dan guru yang terlibat dalam kajian ini, tidak akan memaklumkan item-item yang akan diuji kepada subjek yang terlibat. Item-item akan dirahsiakan sehingga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid menduduki ujian tersebut. Konsep kerahsiaan ini dipraktiskan untuk memastikan murid tidak kehilangan keyakinan akibat tanggapan salah bahawa soalan-soalan KBAT susah untuk dijawab. Ini adalah kerana tanggapan negatif seperti ini mengganggu emosi dan seterusnya boleh mempengaruhi pencapaian mereka. Oleh itu kesan pra ujian tidak akan berlaku kepada subjek kajian.

3.8.2.4 Kesan Instrumen ujian Pra dan Pasca

Pembentukan instrumen ujian pra pasca juga boleh mendatangkan kesan kepada pembolehubah bersandar. Oleh itu untuk memastikan kesahan kajian ini, kesan instrumen ujian pra pasca dikenalpasti dan pengkaji memastikan alat ukur yang dibina dinilai oleh pakar-pakar dalam bidang yang dikaji. Kajian rintis dijalankan terlebih dahulu iaitu ujian satu dengan satu (*one to one*) ujian dalam kumpulan kecil seramai 15 orang dan ujian dalam kumpulan besar iaitu 50 orang Kumpulan Kawalan dan Eksperimen. Selain itu, bagi mengukuhkan lagi kesahan instrumen ujian pra pasca ini, tiga orang pensyarah pegawai Kurikulum Bahasa Tamil, Guru Cemerlang Bahasa Tamil dan Guru Bahasa Tamil akan menilai dan mengesahkan instrumen ini.

3.8.2.5 Kesan Perbezaan Pemilihan Sampel

Pemilihan sampel boleh menghasilkan kumpulan-kumpulan yang berbeza. Sekiranya sesuatu kumpulan mempunyai ciri-ciri tertentu dan kumpulan lain tidak mempunyai ciri-ciri yang berkaitan, maka cerapan ke atas kumpulan-kumpulan tersebut akan menghasilkan dapatan yang berbeza. Contohnya kumpulan yang mempunyai kecerdasan yang tinggi akan menunjukkan prestasi pencapaian yang tinggi tidak kira

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah mana yang digunakan untuk mengajar mereka. Dalam kajian kesan penggunaan modul pengajaran sastera ini terhadap pencapaian murid meningkatkan KBAT, pemilihan subjek dijalankan oleh pengkaji sendiri berpandukan pemerhatian dan pengalaman mengajar beliau. Murid-murid yang dipilih mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dari segi kecerdasan dan pencapaian murid. Sementara itu, guru yang mengajar mereka pula adalah guru yang sama bagi kedua-dua kumpulan. Manakala bahan-bahan pengajaran mengikut spesifikasi yang telah ditentukan oleh pihak pengkaji. Oleh itu tahap kesahan kajian ini tidak boleh dipertikaikan.

3.8.2.6 Kesan Mortaliti

Menurut Fraenkel (2003) mortaliti bermaksud kekurangan subjek kajian dalam kumpulan-kumpulan yang dikaji mungkin akan berlaku samada dalam Kumpulan Kawalan atau Kumpulan Eksperimen. Mortaliti subjek dalam sebahagian kumpulan akan menyebabkan cerapan kajian berbeza. Contohnya, murid yang kurang berminat dalam Thirukkural mungkin akan ponteng sekolah apabila mengetahui bahawa diri mereka sedang dikaji. Dalam kajian ini, masalah ponteng tidak akan berlaku kerana kehadiran mereka ke sekolah sentiasa dipantau oleh pihak guru dan pentadbir sekolah.

3.8.2.7 Kesan Interaksi Antara Pemilihan Subjek dan Kematangan

Interaksi pemilihan subjek dengan kematangan menghasilkan cerapan yang boleh mengelirukan kesan yang disebabkan oleh olahan pembolehubah bebas. Ini mungkin berlaku sekiranya pemilihan subjek tidak dilakukan secara rawak atau hanya ahli-ahli populasi yang berminat sahaja menjadi subjek. Dalam kajian ini subjek kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ditentukan oleh pengkaji sendiri yang terdiri daripada murid Tahun Lima yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dari segi umur dan pencapaian. Sementara guru pula mempunyai kelulusan dan pengalaman mengajar yang hampir sama. Oleh itu kesan interaksi antara pemilihan subjek dan kematangan mungkin tidak akan berlaku kerana pengkaji telah memastikan semua subjek kajian mempunyai ciri-ciri yang hampir sama.

3.8.3 Analisis data

Data kajian yang akan dikumpulkan akan dianalisis dengan beberapa pendekatan dan kaedah untuk menjawab persoalan-persoalan kajian. Untuk persoalan kajian Peringkat I, analisa data adalah berbentuk deskriptif. Manakala, persoalan kajian peringkat II pula menggunakan statistik inferensi yang merujuk reka bentuk kajian kuasi Eksperimen jenis pra-pasca bagi KBAT murid. Dua jenis ujian digunakan untuk analisis data inferensi iaitu ujian-t dan ANCOVA.

3.8.3.1 Analisis Diskriptif

Analisis deskriptif digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan reka bentuk kajian peringkat I serta mengukur demografi responden yang melibatkan taburan frekuensi, peratusan dan min. Dalam kajian ini, tahap persetujuan jawapan yang diberikan oleh responden terhadap kesemua item soalan yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada nilai skor min.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.3.2 Ancova

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan penggunaan Modul MoKThi berasaskan pendekatan inkuiri penemuan terbimbing, berbanding kaedah konvensional dalam meningkatkan pencapaian KBAT murid. Bagi tujuan ini, Analisis Kovarians (ANCOVA) digunakan untuk mengawal pemboleh ubah kovariat, iaitu markah ujian pra, bagi memastikan perbandingan markah pasca ujian lebih adil dan tepat. Pengkaji menggunakan ANCOVA bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan skor min keseluruhan murid terhadap kaedah pembelajaran menggunakan Modul MoKThI dan kaedah konvensional dengan mengawal faktor lain sebagai faktor kawalan. Menerusi ANCOVA wujudnya dua kaedah pembelajaran iaitu Modul MoKThI dan kaedah konvensional. Tujuan analisis ini digunakan bagi menguji hipotesis $H_0$7 dan dalam masa yang sama menjawab soalan kajian ketujuh. Pembolehubah bebas dalam soalan kajian ini ialah kaedah pembelajaran yang dijalankan. Manakala pembolehubah bersandar ialah skor ujian pasca dan pembolehubah kawalan ialah skor ujian pra.

3.8.3.3 Ujian-t Berpasangan

Ujian-t berpasangaan merupakan ujian statistik inferensi yang digunakan untuk membandingkan dua kumpulan data selang atau nisbah (Chua, 2022). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan analisis ujian-t berpasangaan sampel tak bersandar dan ujian-t berpasangaan sampel bersandar pada aras signifikan $p<0.05$. Ujian-t sampel bersandar digunakan untuk menguji hipotesis Ho1 hingga Ho5. Manakala ujian-t berpasangaan sampel tak bersandar pula digunakan untuk menguji hipotesis Ho6.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Tabachnick dan Fidell, (2007) dan Chua, (2008) ujian keseragaman bagi menentukan normaliti taburan adalah dengan menggunakan graf histogram melalui Z-Skewness dan Z-Kurtosis dalam julat -1.96 dan +1.96. Seterusnya, sebelum ujian inferensi dijalankan, terdapat andaian yang lain perlu dipatuhi iaitu kesamaan variance (*Homogeneity of Variance*). Bagi ujian kesamaan varian (*Homogeneity of Variance*) Chua (2008) menjelaskan bahawa ia boleh dikenalpasti menggunakan ujian Levene di mana keputusan ujian Levene menerusi perisian SPSS antaranya dalam Statistik F ujian ANCOVA yang tidak signifikan ($p > 0.05$) menunjukkan bahawa data kajian memenuhi andaian ini.

3.8.4 Sampel Kajian

Populasi sasaran kajian ialah murid Tahun Lima. Pengkaji berpendapat satu keperluan untuk membantu murid Tahun Lima untuk mempertingkatkan KBAT agar mereka dapat mengatasi kesukaran menjawab soalan-soalan KBAT dalam Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) kelak. Ramai murid ini tidak terdedah kepada kelas tuisyen luar dan murid mempunyai pendedahan pembelajaran yang sama mengurangkan ancaman luar. Latar belakang akademik para murid dalam kajian ini ialah homegen merentas jantina dan kognitifnya.

Dalam kajian ini responden yang terlibat ialah murid Tahun Lima. Menurut Piaget (1976) pada peringkat umur ini murid mula berfikir logik dan abstrak dan pemikiran induktif dan deduktif mula berkembang, Pemikiran masih cenderung menjadi sangat konkrit, kanak-kanak menjadi lebih logik dan canggih dalam pemikiran mereka semasa peringkat perkembangan ini. Walaupun ini merupakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peringkat penting dalam diri kanak-kanak, ia juga berfungsi sebagai peralihan penting antara peringkat awal pembangunan dan tahap yang akan datang di mana anak-anak akan belajar bagaimana untuk berfikir lebih abstrak dan hipotesis. Dengan kata lain, anak- anak tidak hanya dapat memikirkan bagaimana pandangan orang lain dan pengalaman dunia, malah mereka mula menggunakan jenis maklumat ini ketika membuat keputusan atau menyelesaikan masalah. Oleh yang demikian, pengkaji berfikir ini adalah tahap yang paling sesuai untuk menerapkan KBAT dan mengajar cara berfikir.

Selain itu guru-guru dan pensyarah berpengalaman juga terlibat dalam kajian ini, tetapi penglibatan mereka hanya berlaku di peringkat kajian fasa analisis dan fasa penilaian sahaja. Guru-guru yang dipilih sebagai sampel kajian adalah merujuk latar belakang kelulusan ikhtisas dan tempoh pengalaman mengajar Bahasa Tamil manakala pensyarah dipilih merujuk kepakaran dalam domain kesahan yang dinilai sebagaimana dipaparkan dalam Jadual 3.24

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.24

Persampelan Kajian Mengikut Persoalan Kajian

Fasa Kajian	Persoalan kajian	Sub Fasa Kajian	Kaedah Persampelan	Sampel Kajian	Saiz Sampel
Peringkat I	Keempat	Fasa Pelakasanaan Kajian Rintis 1	Sukarela	murid	N=15)
Peringkat II		Fasa Pelaksanaan Kajian Rintis II	Sukarela	Pakar	n=6 (3 guru, 3 pensyarah)
	Keenam Ketujuh	Kuantitatif	Persampelan bertujuan	Satu kumpulan intervensi murid	n=50 (Kawalan = 25, Rawatan=25)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.4.1 Pakar

Di fasa Penilaian terhadap kesahan draf Modul MoKThI melibatkan dua orang pensyarah iaitu seorang pakar Bahasa Tamil dan seorang pakar KBAT dan seorang guru melebihi 15 tahun pengalaman mengajar Bahasa Tamil. Pemilihan pakar KBAT bagi menentukan kesahan kandungan akan dilaksanakan dengan merujuk kepakaran, kelayakan dan hasil penulisan ilmiah yang dilakukan oleh pakar. Setelah diadakan perbincangan bersama dan mendapat persetujuan daripada penyelia maka satu surat lantikan kepada pakar terbabit akan dihantar dan dihubungi melalui talian telefon dan emel. Kajian ini akan dijalankan selama dua hingga tiga minggu mengikut keselesaan dan kesempatan pakar tersebut. Disamping itu 25 orang menjalani ujian pra-pasca. Penerangan tentang profil pakar adalah seperti Jadual 3.25.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.25

Profil Pakar

Kesahan Kandungan	Pakar	Tempat Bertugas	Pengalaman
Kandungan Sastera Tamil	Pakar 1	Professor Madya, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Bidang Pendidikan Bahasa Tamil	21 Tahun
	Pakar 2	Guru Cemerlang Bahasa Tamil Penggubal Soalan, Penceramah, Pemeriksa Kertas	20 Tahun
Kandungan KBAT	Pakar 4	Pensyarah	Tahun

3.8.4.2 Murid

Sampel kajian dipilih daripada murid Tahun Lima dalam sebuah sekolah rendah di Daerah Hilir Perak. Pemilihan sekolah ini adalah secara tidak rawak bertujuan. Namun sekolah yang dipilih ini mempunyai ciri-ciri populasi iaitu murid cemerlang Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tamil yang juga dipilih masuk berdasarkan kepada keputusan Peperiksaan Akhir Tahun. Sekolah ini juga merupakan satu sekolah yang mempunyai bilangan murid yang terbanyak di daerah ini dimana murid dari pelbagai latar belakang datang menimba ilmu di sekolah ini. Sekolah ini juga merupakan sekolah yang diberi tanggungjawab untuk menguruskan Panitia Bahasa Tamil Daerah Hilir Perak dan guru besarnya pula memegang jawatan sebagai pengerusi Majlis Guru-guru Besar SJKT Daerah Hilir Perak. Di bawah pengurusan beliau, pelbagai pertandingan, kursus dan latihan diadakan untuk meningkatkan prestasi Bahasa Tamil daerah. Walaubagaimanapun, kursus dan latihan untuk meningkatkan KBAT adalah agak kurang dianjurkan. Sekiranya kajian ini berjaya maka adalah agak mudah untuk pengkaji untuk mengadakan kursus atau latihan kepada guru-guru Bahasa Tamil di daerah ini dengan sokongan beliau kerana menurut Christina Andin dan Rosmiza, (2023) pemimpin sekolah memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan dasar yang sememangnya mampu mempengaruhi keberhasilan KBAT di sekolah. Selain dari itu sekolah ini juga mempunyai sebuah makmal komputer yang serba lengkap bagi menjayakan intervensi ini. Hal ini kerana Modul MoKThI juga akan mengandungi aktiviti-aktiviti yang perlu dibuat dengan menggunakan komputer.

Pemilihan sampel kajian ini adalah merupakan murid Tahun Lima kerana pihak sekolah tidak mahu mengganggu murid Tahun enam yang lebih diberi pengutamaan kepada penyediaan murid ke sekolah menengah. Pengkaji hanya mengambil enam minggu bagi menghabiskan kajian ini. Limitasi ini bertujuan agar tidak mengganggu perancangan yang telah dibuat oleh pihak pentadbiran sekolah dalam menghabiskan kurikulum sekolah dan menghadapi Peperiksaan Akhir Tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik melibatkan satu kumpulan persampelan iaitu seramai 50 murid Tahun Lima yang dipilih secara persampelan tidak rawak bertujuan. Murid-murid ini boleh membaca dan menulis dengan baik. Jumlah sampel kajian adalah seramai 50 orang 25 orang murid untuk Kumpulan Kawalan (K) dan 25 orang murid untuk Kumpulan Eksperimen sepertimana kajian yang dilakukan oleh Wan Dyaurudin, (2017) dalam kajian beliau yang mengkaji keberkesanan teknik membaca SQ3R dalam pengajaran kefahaman membaca di sekolah menengah. Mohammad Ghulam, Tengku Kasim dan Abdul Kadir (2019) juga menggunakan 25 orang responden dalam Kumpulan Kawalan dan 25 orang responden dalam Kumpulan Eksperimen dalam kajian mereka yang bertajuk pengintegrasian Sains Kesihatan dalam Pendidikan Islam KSSM Tingkatan Satu: Kajian Kuasi Eksperimen.

Menurut Trochim (2006) proses pemilihan sampel kajian ke dalam kumpulan tertentu dengan persampelan bertujuan dapat membantu mengurangkan kesan bias disebabkan pengkhususan murid, lokasi bilik darjah dan pengajar memandangkan sampel ini tidak dipilih secara rawak, maka hasil kajian tidak dapat digeneralisasikan dan keputusan kajian hanya menerangkan kumpulan itu sahaja (Chua, 2011).

Murid yang terlibat dalam kajian ini menerima kandungan pembelajaran secara pengajaran kaedah Inkuiri Terbimbing Hanson (2006) dan kemudian diikuti dengan pendekatan pembelajaran menggunakan Modul MoKThI. Dengan ini diharapkan kaedah pembelajaran yang berbeza ini dapat menentukan kesan intervensi terhadap KBAT murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.5 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ialah alat yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul data, mengukur dan merekodkan maklumat penting sesuatu kajian penyelidikan. Pada kajian peringkat I, analisis dokumen, temu bual, ujian UKS dan soal selidik digunakan. Dalam kajian peringkat II, instrumen ujian pra, ujian pasca digunakan seperti Jadual 3.26.

Jadual 3.26

Pengagihan Instrumen Mengikut Peringkat Kajian

Instrumen Kajian	**Tujuan**	**Peringkat II**	
		Sebelum Pra	**Selepas Pos**
Ujian Pra	Mengenalpasti kelemahan murid	√	√
Ujian Pasca	Mengukur tahap peningkatan KBAT murid	√	√
Soal Selidik	Mengukur kebolehgunaan Modul MoKThI	√	√

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.5.1 Ujian Pra Dan Ujian Pasca

Satu ujian pra yang mengandungi 20 soalan KBAT yang merangkumi komponen Thirukkural akan diberikan kepada responden kajian ini untuk dijawab dalam masa 60 minit. Ujian ini akan diberikan sebagai ujian pasca selepas intervensi dijalankan. Soalan-soalan dalam ujian ini merangkumi empat aras kemahiran berfikir iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Lampiran K)**.** Ujian ini mengandungi 15 soalan aras mengaplikasi yang mempunyai empat pilihan jawapan iaitu A,B.C dan D manakala terdapat dua soalan kemahiran menganalisis berupa struktur. Tiga soalan struktur diberikan untuk kemahiran menilai dan dua soalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diberikan bagi menguji kemahiran mereka cipta. Soalan-soalan ujian ini digubal oleh pengkaji sendiri setelah Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dibina.

3.8.5.2 Soal Selidik

Seramai tiga orang guru Bahasa Tamil dan lima orang murid Tahun Lima akan menjawab soal selidik ini. Soal selidik ini mempunyai 16 item untuk murid menilai modul. Maklumat guru yang menjadi panel pakar adalah seperti dalam Jadual 3.27

Jadual 3.27

Maklumat Pakar Fasa Penilaian

Pakar	Kepakaran	Pengalaman Mengajar
Pakar 1	Guru Cemerlang Bahasa Tamil Penggubal Soalan, Penceramah, Pemeriksa Kertas	21 tahun
Pakar 2	Guru pakar Sastera Tamil	20 Tahun
Pakar 3	Guru Bahasa Tamil	21 Tahun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Pengetahuan tentang aspek kesahan kajian eksperimen amat penting. Menurut Abdul Majid Konting (1990) aspek kesahan kajian eksperimen penting kerana pengkaji perlu mengawal olahan pemboleh ubah bebas iaitu modul pengajaran di samping mengawal kesan pembolehubah ektranus. Pembolehubah ekstranus adalah pembolehubah yang kewujudannya boleh mempengaruhi dan memberi kesan kepada perubahan pembolehubah bersandar iaitu pencapaian KBAT. Dalam kajian ini, pembolehubah ekstranus mungkin suasana suhu bilik darjah, teknik pengajaran guru memberi kesan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan mempengaruhi pencapaian murid dalam meningkatkan KBAT. Oleh itu, pengkaji perlu memastikan mengawal pembolehubah ekstranus supaya ia tidak memberi kesan kepada pembolehubah bersandar dalam kajian ini.

Kesahan sesuatu instrumen kajian merujuk kepada ketekalan instrumen itu dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur (Adams & Lawrence, 2019). Kebolehpercayaan instrumen menunjukkan instrumen ini konsisten atau stabil untuk digunakan sebagai instrumen. Pekali kebolehpercayaan bagi instrumen kajian ini diukur melalui nilai Cornbach Alpha. Menurut Creswell (2008) semakin hampir nilai Cronbach Alpha kepada 1.0 maka semakin tinggi tahap kebolehpercayaannya. Nilai alpha yang kurang dari 0.6 dianggap lemah, 0.7 boleh diterima, manakala melebihi 0.8 dianggap baik. Lantaran itu, nilai Cronbach alpha instrumen ujian pra dan pasca bagi kajian ini akan dipastikan tinggi dan berada dalam julat yang sesuai dan ketekalan alat pengukuran boleh dipercayai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.6.1 Jadual Spesifikasi Ujian

Ujian Pra dan Pasca yang digunakan dalam kajian ini adalah ujian pencapaian yang akan disediakan oleh pengkaji sendiri dengan berpandukan kepada DSKP Bahasa Tamil. Soalan-soalan ujian ini digubal berpandukan kepada Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) yang dibina oleh pengkaji. Menurut Shaliza Amira dan Nuraishahtul Akmar (2014) JSU adalah sebuah jadual yang menggambarkan ciri sesuatu ujian dari segi kandungan iaitu konstruk yang ditaksir, pemberatan setiap konstruk, konteks, dan pemberatan taburan aras kesukaran. Jadual Spesifikasi Ujian merupakan kaedah yang berkesan untuk memperkukuh kesahan ujian, dengan instrumen memperolehi nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cronbach Alpha yang tinggi (α = 0.974) (Shaliza Amira Sarif & Nuraishahtul Akmar Kamaruddin (2014). Menurut Zimmaro (2004) JSU adalah merupakan jadual atau matriks yang mewakili bilangan item dalam ujian mengikut topik pelajaran dan aras kemahiran. JSU sangat penting dalam konteks pendidikan kerana ia membantu memastikan kesahan dan kebolehpercayaan ujian yang dibina. Ujian yang dibina dengan penelitian terhadap JSU menjadikan ujian sah dari segi kandungan sukatan matapelajaran di mana kesahan isi kandungan adalah aspek yang terpenting untuk ujian kognitif. (Ahmad Tajudin, 2002; Mohd Najib, 1997).

JSU membantu memastikan bahawa ujian yang dibina mengukur apa yang sepatutnya diukur, iaitu kandungan sukatan pelajaran yang telah diajar. Ia juga meningkatkan kebolehpercayaan ujian dengan merancang ujian secara sistematik. Melalui JSU, kebarangkalian untuk mendapatkan keputusan yang konsisten dan tepat meningkat. JSU memastikan bahawa ujian tidak dibina secara sembarangan tetapi berdasarkan perancangan yang teliti dan teratur. Ia juga membantu dalam menentukan aras kesukaran soalan yang sesuai dengan tahap pelajar dan kandungan pelajaran dan seterusnya memastikan kesaksamaan dalam pentaksiran. JSU membantu memastikan bahawa semua murid dinilai secara adil berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

Dengan kata lain, JSU adalah alat yang penting untuk memastikan proses pentaksiran berjalan dengan lancar dan menghasilkan maklumat yang tepat mengenai pencapaian murid. Abdul Aziz dan Muhammad Modi (2018) juga merangka JSU untuk menyediakan ujian pra dan pasca bagi kajian mereka. Menyedari hakikat ini, pengkaji membina JSU untuk menghasilkan satu ujian pra dan pasca yang berkualiti yang mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi. Lampiran Q adalah JSU ujian pra dan pasca kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Rumusan

Huraian yang terdapat dalam bab ini menjelaskan kaedah yang akan dijalankan untuk meningkatkan KBAT murid Tahun Lima. Keseluruhan perbincangan dalam bab tiga ini dirumuskan seperti berikut iaitu merangkumi rekabentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian dan tatacara pembinaan instrumen serta kajian rintis. Selain itu, variabel yang terkandung dalam kajian ini, prosedur pemerolehan data dan kaedah penganalisisan data juga telah dibincangkan. Reka bentuk kajian ini ialah kuasi eksperimen yang menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mengumpul dan menganalisis data. Kajian ini mengandungi dua peringkat iaitu peringkat reka bentuk dan pembangunan Modul MoKThI dan peringkat mengkaji kesannya. Reka bentuk kajian dalam kajian ini adalah reka bentuk kuasi eksperimen yang dijalankan ke atas dua kumpulan pelajar iaitu Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan. Sampel kajian melibatkan populasi yang disasarkan oleh pengkaji dan pihak sekolah. Kajian rintis dijadikan landasan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang dibina oleh pengkaji sebelum kajian sebenar dijalankan.
3. Adakah murid anda dapat menjawab soalan KBAT dalam kelas?	R1 – murid pandai, tak ada masalah pemahaman. Murid lemah dan sederhana tak boleh R2&3 - bergantung kepada soalan.
4. Adakah murid anda dapat menjawab soalan KBAT dalam Ujian?	R 1 – kadang-kadang R 2&R3 - Tidak – mereka biarkan kosong sahaja.
5. Adakah murid anda berminat untuk menjawab soalan KBAT?	R 1&3 – langsung tidak R2 – tak pasti
6. Adakah murid anda dapat mengajukan soalan berkaitan Thirukkural?	R 1&3 – tidak R 2 – tak pernah
7. Adakah murid anda dapat memberikan maksud Thirukkural ?	R 1 – jarang R 2 & R3 – ya, setelah saya beri penjelasan
8. Adakah murid anda dapat menjawab soalan KBAT tanpa bimbingan guru?	R1 & R3 – Tidak boleh R2 – satu, dua orang boleh
9. Adakah murid anda dapat melibatkan diri	R1-R3 - Tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian C: Persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid dalam Thirukkural dan penerapan KBAT	Ulasan responden (R)
secara aktif semasa PdP Thirukkural?	
10. Adakah murid anda berasa seronok selepas PdP Thirukkural**?**	R 1 – mereka rasa lega kelas habis R2&3 – muka mereka nampak letih dan mengantuk

Guru yang merupakan responden ditanya mengenai pendapat mereka akan tahap penguasaan para murid mengenai Thirukkural dan KBAT, dua daripada tiga orang responden guru telah berpendapat bahawa mereka sendiri adalah tidak pasti akan bahawa murid mereka dapat memahami dan mengusai Thirukkural dan juga KBAT. Hal ini dapat dilihat dalam soalan dua dan tiga bahagian ini, responden guru 4 dan 5 berpendapat:

> "Agak sukar bagi mereka untuk memahami kerana kosa kata Thirukkural memang sukar dihfahami oleh murid. Sebab itu kebanyakan murid tidak gemar belajar Thirukkural" (R2 & R3)

Guru juga berpendapat bahawa meskipun mereka mampu membuatkan murid untuk faham mengenai konsep teknik pembelajaran ini, guru masih perlu memberikan penjelasan menyeluruh dan teliti untuk membuatkan murid faham. Ini menunjukkan bahawa guru mendapati Thirukkural ini sememangnya sukar difahami oleh murid. Seterusnya, murid juga menurut guru tidak konsisten dalam tahap kemampuan mereka untuk menjawab soalan KBAT dimana guru responden 1 berpendapat bahawa:

> "Bagi murid yang pandai tiada masalah pemahaman, bagi murid lemah dan sederhana tidak boleh."(R2)

Berdasarkan dapatan kajian dapat dilihat guru guru berpendapat murid berasa kurang berminat dalam mempelajari Thirukkural dan juga KBAT. Dari segi persoalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KBAT murid juga tidak dapat bertanya ataupun menjawab soalan KBAT. Menurut guru juga murid kebanyakannnya telah memilih untuk meninggalkan soalan KBAT dalam ujian yang dilakukan. Sesetengah daripada guru juga berpendapat bahawa murid mereka tidak mampu untuk melontarkan maksud Thirukkural dan KBAT sekalipun.

Dari segi penglibatan murid dalam kelas dalam PdP Thirukkural , hasil dapatan responden juga didapati bahawa murid tidak aktif dalam kelas kerana mereka rasa bosan dan mengantuk. Kenyataan ini jelas terbukti daripada jawapan responden-responden:

> " Murid berpendapat PdP Thirukkural adalah bosan. muka mereka nampak letih dan mengantuk selepas kelas" (R2&3)
>
> "Mereka rasa lega kelas habis" (R 1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini menunjukkan betapa sukarnya bagi murid ini dalam Thirukurul dan KBAT. Bahkan ketiga-tiga guru telah menyatakan bahawa murid mereka tidak berminat langsung kepada kedua dua topik ini. Ini menunjukkan betapa lemahnya tahap penguasaan murid terhadap Thirukkural dan juga KBAT. Ini juga menunjukkan bahawa guru Bahasa Tamil mempunyai persepsi yang tidak positif kepada murid dalam pemahaman mereka dalam Thirukkural dan juga KBAT.

Apabila responden ditanya jawapan mereka jelas menunjukkan mereka memerlukan satu teknik pengajaran Thirukkural yang baharu dan disukai murid serta buku rujukan ataupun modul yang dapat membantu dan memudahkan PdP mereka. Kenyataan mereka jelas membuktikan keperluan mereka:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"saya letih mengajar Thirukkural dengan teknik yang lama. Saya perlukan tunjuk ajar ataupun teknik yang baharu" Kalau ada buku latihan khas untuk Thirukkural lagi baik" (R1)

"Saya juga memerlukan buku latihan khas untuk Thirukkural dan KBAT. Mudah bagi saya untuk memberi latihan kepada murid" (R3).

"Tolong cadangkan saya satu teknik atau cara pengajaran yang lebih menarik untuk saya mengajar Thirukkural. Murid sangat perlukan buku latihan atau modul. (R2)

d Analisis Temu Bual Bersama Murid

Temu bual bersama murid dijalankan secara individu. Ini adalah untuk mengelakan murid meniru jawapan murid lain. Murid yang dipilih terdiri daripada seorang murid cemerlang, murid sederhana dan murid lemah. Ketiga-tiga orang murid ini dipilih berdasarkan keputusan pencapaian mereka dalam Bahasa Tamil dalam Peperiksaan Akhir Tahun, Tahun empat. Sebanyak sepuluh soalan ditanya kepada murid-murid yang dipilih. Jadual 4.12 menunjukkan rumusan jawapan murid dalam sesi soal jawab.

Jadual 4.12

Maklumat Responden Temubual

Bahagian B: Persepsi murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Thirukkural dan penerapan KBAT	Ulasan responden (MA)
1. Adakah anda suka belajar Thirukkural?	MA1 – Tidak. Saya tak suka. boring MA2 & MA3 – tidak tahu. Suka atau tak terpaksa belajar
2. Apakah kepentingan belajar Thirukkural?	MA 1&MA2 - Ada soalan dalam peperiksaan MA 3 - tak tahu. Cikgu ajar. Saya belajar
3. Adakah anda faham semasa guru mengajar Thirukkural ?	MA 1 & MA 2– kadang-kadang MA3 – tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian B: Persepsi murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Thirukkural dan penerapan KBAT	Ulasan responden (MA)
4. Adakah guru anda sentiasa memberikan latihan secara latih tubi untuk meningkatkan KBAT?	MA1& MA3 – tidak MA2 – tidak tahu
5. Adakah guru anda menegur anda jika gagal menghafal Thirukkural?	MA1 &MA2 – Ya MA3 – kadang-kadang ya dan kadang-kadang tidak
6. Adakah anda rasa tertekan setiap kali belajar Thirukkural?	MA1, MA 2 & MA3 – ya, selalu
7. Pada pandangan anda apa itu KBAT?	MA1 - Kemahiran berfikir aras tinggi MA 2 - soalan susah MA 3 – soalan selalu guru tanya kepada murid pandai
8. Adakah anda rasa tertekan setiap kali guru bertanya soalan KBAT?	MA 1 – kadang-kadang MA 2 – ya MA 3 – tak tahu. Tapi rasa takut untuk angkat tangan. Takut jawapan salah.
9. Adakah anda dapat menjawab soalan KBAT dalam ujian?	MA 1&MA 2 – tidak selalu MA 3 m – saya biarkan kosong sebab saya tak tahu
10. Adakah anda berasa seronok selepas PdP Thirukkural**?**	MA 1 – tidak. Letih MA 2 & MA 3– tidak pasti

MA 1- Murid Aras Cemerlang
MA 2- Murid Aras Sederhana MA3- Murid Aras Lemah

Daripada sesi temu bual ini didapati tahap kesukaan murid terhadap Thirukkural adalah agak rendah. Mereka juga tidak menyedari kepentingan mempelajari Thirukkural. Perkara ini dikukuhkan dengan kenyataan murid ketiga yang berbunyi:

> "saya tidak tahu mengapa saya belajar Thirukkural. Saya belajar sebab cikgu mengajar"(MA3).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, peneguran oleh guru jika murid gagal menghafal Thirukkural, memudaratkan lagi keadaan dimana murid berasa tertekan setiap kali belajar Thirukkural. Melalui kajian ini juga pengkaji mendapati konsep KBAT tidak didalami oleh murid. Ini dibuktikan kenyataan murid yang ditemubual. Dari tiga orang murid hanya seorang sahaja memahami maksud KBAT manakala dua orang murid lagi berpendapat ia adalah soalan yang susah dan yang hanya ditujukan kepada murid yang lebih pandai.

"Kemahiran berfikir aras tinggi – (MA1)

"Semua soalan susah adalah KBAT" - (MA 2)

"soalan selalu guru tanya kepada murid pandai - (MA 3)

Murid-murid mengakui bahawa mereka berasa tertekan apabila guru mengajukan soalan KBAT dan seorang murid mengakui tidak menjawab soalan KBAT dalam ujian.

Secara keseluruhannya tindak balas murid kepada soalan temu bual berkaitan Thirukkural dan KBAT tidak memberangsangkan dan memberi impak negatif. Murid yang ditemu bual juga mengharapkan PdP Thirukkural yang lebih seronok dan aktiviti yang menarik minat mereka.

> "Saya mahu cikgu mengajar dengan lebih baik sebab saya berasa bosan semasa belajar Thirukkural. Banyak yang saya tak faham dalam Thirukkural sebab susah difahami. Saya mahu lebih banyak buku latihan KBAT"(MA1).
>
> "Saya mahu cikgu ajar saya menjawab soalan KBAT. Saya mahu beli buku latihan Thirukkural jika ada" (MA2).
>
> "Saya mahu membuat banyak latihan KBAT. Saya mahu buku latihan KBAT" (MA3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada ketiga-tiga kenyataan diatas dapat dirumuskan bahawa murid memerlukan satu teknik pengajaran Thirukkural yang lebih canggih dan mantap. Mereka juga memerlukan buku latihan atau modul untuk meningkatkan tahap KBAT mereka. Hasil temu bual dengan tiga orang guru berpengalaman lebih 15 tahun mengajar Thirukkural dan tiga orang murid, kesukaran murid menguasai Thirukkural telah dikenal pasti.

Secara keseluruhannya, kajian analisis keperluan dan temu bual ini membantu pengkaji untuk memahami situasi dan keadaan sebenar yang dihadapi oleh guru-guru Bahasa Tamil dalam PdP Thirukkural. Kajian ini juga memberi kesedaran betapa pentingnya satu modul khas Thirukkural untuk meningkatkan KBAT murid-murid SJKT dihasilkan. Di samping itu kajian dan temubual ini juga membuka jalan untuk menerokai sejauh manakah KBAT diterapkan dalam dunia pendidikan di Malaysia dan sejauhmanakah hasrat KPM dilaksanakan di sekolah-sekolah. Akhir sekali kajian keperluan ini telah membantu pengkaji untuk mengatur langkah-langkah sewajarnya untuk menghasilkan satu modul yang berkualiti yang dapat memenuhi keperluan guru-guru dalam PdP Thirukkural.

e Analisis Pemilihan Tajuk

Proses memilih tajuk Thirukkural yang melibatkan KBAT Untuk memilih tajuk dan mengenalpasti kesukaran penerapan KBAT satu sesi temu bual dijalankan dengan tiga orang guru, maka fokus tajuk kajian dipilih ialah Thirukkural. Antara faktor pemilihan tajuk ini ialah :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Thirukkural merupakan khazanah sastera Bahasa Tamil yang terunggul yang mempunyai ruang luas untuk digunakan sebagai alat untuk menerapkan KBAT dalam Bahasa Tamil.

ii. Thirukkural diajar di kebanyakkan sekolah secara konvensional disebabkan ia dianggap sebagai satu komponen sastera yang sukar diajar dan sukar dipelajari. Biasanya Thirukkural diajar dengan menggunakan cara "*chalk and talk*" dan teknik penghafalan kuno menyebabkan murid belajar Thirukkural hanya untuk menjawab soalan peperiksaan dan tidak menghayati nilai-nilai murni yang ingin disemaikan.

iii. Thirukkural mengandungi falsafah kehidupan yang perlu diikuti oleh setiap insan untuk kehidupan sejahtera

iv. Manakala KBAT pula perlu diterapkan dalam diri murid agar menjadikan mereka lebih produktif dan berdaya saing.

v. Ia juga penting bagi menghasilkan modal insan yang cerdas, kreatif dan inovatif bagi memenuhi cabaran abad ke-21 agar negara mampu bersaing di persada dunia.

Selepas penetapan tajuk Thirukkural untuk meningkatkan KBAT yang difokuskan dalam kajian ini peringkat seterusnya adalah pelarasan kandungan pembelajaran Thirukkural sebagaimana yang digariskan dalam DSKP Bahasa Tamil Tahun Lima dirujuk bagi memastikan modul pembelajaran ini tidak tersasar dari objektif pembelajaran dan perancangan mingguan yang digariskan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum. Rancangan pengajaran mingguan Sastera Tamil Tahun Lima bagi tajuk Thirukkural ditunjukkan dalam Jadual 4.13. Ini menjawab persoalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ke 4 iaitu ”apakah objektif pembelajaran aras aplikasi, analisis, menilai dan mereka cipta”?

Jadual 4.13

Rancangan Pelajaran Mingguan Sastera Tamil Tahun Lima Bagi Tajuk Thirukkural

Minggu	**Objektif Pembelajaran Murid akan diajar untuk:**		**Hasil Pembelajaran Murid akan dapat:**	**Catatan**
1 (Hari Selasa)	OP1a	Mengenali Thirukkural yang bermula dengan 'Theeavai Thee...'.	Membaca Thirukkural yang bermula dengan 'Theeavai Thee...'.tanpa sebarang kesalahan	OP1 A1-A8
	OP1b	Menerangkan maksud Thirukkural yang bermula dengan 'Theeavai Thee...”	Menghafal dan mendeklamasikan Thirukkural tanpa sebarang kesalahan	AK 1-2
	OP1c	Menulis Thirukkural dan maksud Thirukkural	Menerangkan maksud Thirukkural yang bermula dengan 'Theeavai Thee...”	
		Mengenali Thirukkural yang bermula dengan 'Theeavai Thee...'.	Menulis Thirukkural dan maksud Thirukkural tanpa sebarang kesalahan	
	OPK	Menjawab dengan betul soalan KBAT	Menjawab dengan betul 3 soalan aras aplikasi, soalan analisis, 1 soalan menilai dan 1 mencipta	S1-S4
1 (Hari Jumaat)	OP2a	Mengenali Thirukkural yang bermula dengan 'Vaaimai...'.	Membaca Thirukkural yang bermula dengan 'Vaaimai...'.tanpa sebarang kesalahan	OP24 A1-A8
	OP2b	Merangkan maksud Thirukkural yang bermula dengan 'Vaaimai...”	Menghafal dan mendeklamasikan Thirukkural tanpa sebarang kesalahan	AK 1-2
	OP2c		Menerangkan maksud Thirukkural yang bermula dengan 'vaaimai...”	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Minggu	Objektif Pembelajaran Murid akan diajar untuk:		Hasil Pembelajaran Murid akan dapat:	Catatan
			Menulis Thirukkural dan maksud Thirukkural tanpa sebarang kesalahan	
	OPK	Menjawab dengan betul soalan KBAT	Menjawab dengan betul 3 soalan aras aplikasi, 2 soalan analisis, 1 soalan menilai dan 1 mencipta	S1-S4
2 (Hari Selasa)	OP3a	Mengenali Thirukkural yang bermula dengan 'kedil...'.	Membaca Thirukkural yang bermula dengan 'Kedil...'.tana sebarang kesalahan	OP3 A1-A6
	OP3a	Merangkan maksud Thirukkural yang bermula dengan 'kedil...”	Menghafal dan mendeklamasikan Thirukkural tanpa sebarang kesalahan	AK 1-2
	OP3c	Menulis Thirukkural dan maksud Thirukkural	Menerangkan maksud Thirukkural yang bermula dengan “Kedil.... Menulis Thirukkural dan maksud Thirukkural tanpa sebarang kesalahan	
	OPK	Menjawab dengan betul soalan KBAT	Menjawab dengan betul 3 soalan aras aplikasi, 2 soalan analisis, 1 soalan menilai dan 1 mencipta	S1-S4
2 (Hari Jumaat)	OP4a	Mengenali Thirukkural yang bermula dengan 'kaalathinar..'.	Membaca Thirukkural yang bermula dengan 'Kaalathinar...'.tana sebarang kesalahan	OP3 A1-A6
	OP4b	Merangkan maksud Thirukkural yang bermula dengan 'kaalathinar...”	Menghafal dan mendeklamasikan Thirukkural tanpa sebarang kesalahan	AK 1-2
	OP4c	Menulis Thirukkural dan maksud Thirukkural	Menerangkan maksud Thirukkural yang bermula dengan “kalathinar.... Menulis Thirukkural dan maksud Thirukkural tanpa sebarang kesalahan	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Minggu	Objektif Pembelajaran Murid akan diajar untuk:		Hasil Pembelajaran Murid akan dapat:	Catatan
	OPK	Menjawab dengan betul soalan KBAT	Menjawab dengan betul 3 soalan aras aplikasi, 2 soalan analisis, 1 menilai dan 1 soalan mencipta	S1-S4
3 (Hari Selasa)	OP5a	Mengenali Thirukkural yang bermula dengan 'epporul...'.	Membaca Thirukkural yang bermula dengan 'Epporul...'.tana sebarang kesalahan	OP3 A1-A7
	OP5b	Merangkan maksud Thirukkural yang bermula dengan 'epporul...”	Menghafal dan mendeklamasikan Thirukkural tanpa sebarang kesalahan	AK 1-3
	OP5c	Menulis Thirukkural dan maksud Thirukkural ...”	Menerangkan maksud Thirukkural yang bermula dengan “Eporul.... Menulis Thirukkural dan maksud Thirukkural tanpa sebarang kesalahan	
	OPK	Menjawab dengan betul soalan KBAT	Menjawab dengan betul 3 soalan aras aplikasi, 2 soalan analisis, 1 menilai dan 1 soalan mencipta	S1-S4
3 (Hari Jumaat)	OP6a	Mengenali Thirukkural yang bermula dengan 'orumaikan...:	Membaca Thirukkural yang bermula dengan 'orumaikan...'.tana sebarang kesalahan	OP3 A1-A7
	OP6b	Merangkan maksud Thirukkural yang bermula dengan 'Orumaikan...”	Menghafal dan mendeklamasikan Thirukkural tanpa sebarang kesalahan	AK 1-3
	OP6c	Menulis Thirukkural dan maksud Thirukkural	Menerangkan maksud Thirukkural yang bermula dengan “orumaikan.... Menulis Thirukkural dan maksud Thirukkural tanpa sebarang kesalahan	
	OPK	Menjawab dengan betul soalan KBAT	Menjawab dengan betul 3 soalan aras aplikasi, 2 soalan analisis, 1 menilai dan 1 soalan mencipta	S1-S4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Minggu	Objektif Pembelajaran Murid akan diajar untuk:		Hasil Pembelajaran Murid akan dapat:	Catatan
4 (Hari Selasa)	OP7a	Mengenali Thirukkural yang bermula dengan 'ennandri...'.	Membaca Thirukkural yang bermula dengan 'Ennandri...'.tana sebarang kesalahan	OP3 A1-A7
	OP7b	Merangkan maksud Thirukkural yang bermula dengan 'ennandri...”	Menghafal dan mendeklamasikan Thirukkural tanpa sebarang kesalahan	AK 1-3
	OP7c	Menulis Thirukkural dan maksud Thirukkural	Menerangkan maksud Thirukkural yang bermula dengan “Ennandri.... Menulis Thirukkural dan maksud Thirukkural tanpa sebarang kesalahan	
	OPK	Menjawab dengan betul soalan KBAT	Menjawab dengan betul 3 soalan aras aplikasi, 2 soalan analisis 1 menilai dan 1 soalan mencipta	S1-S4
4 (Hari Jumaat)	OP8a	Mengenali Thirukkural yang bermula dengan 'mooppa...'.	Membaca Thirukkural yang bermula dengan 'mooppa...'tanpa sebarang kesalahan	OP3 A1-A7
	OP8b	Menerangkan maksud Thirukkural yang bermula dengan 'mooppa...”	Menghafal dan mendeklamasikan Thirukkural tanpa sebarang kesalahan	AK 1-2
	OP8c	Menulis Thirukkural dan maksud Thirukkural	Menerangkan maksud Thirukkural yang bermula dengan 'mooppa...' Menulis Thirukkural dan maksud Thirukkural tanpa sebarang kesalahan	
	OPK	Menjawab dengan betul soalan KBAT	Menjawab dengan betul 3 soalan aras aplikasi, 2 soalan analisis, 1 menilai dan 1 soalan mencipta	S1-S4

*OP : Objektif Pembelajaran
*OPK : Objektif Penerapan KBAT
*AK : Aktiviti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya kajian analisis keperluan pengguna dijalankan bagi memperoleh informasi tentang kesulitan yang dialami oleh guru dan murid dalam pengajaran pembelajaran tajuk ini.

f Analisis Keperluan Pengguna / Kesukaran Pembelajaran

Penilaian terhadap keperluan pengguna merujuk kajian-kajian yang lepas menunjukkan murid mempunyai kesukaran dalam menguasai KBAT dan Thirukkural. Kajian yang lebih mendalam dijalankan menerusi temu bual bersama tiga orang murid secara sukarela memberikan maklumat berkenaan kesukaran pembelajaran Thirukkural dan KBAT. Murid-murid ini adalah murid-murid yang telah mempelajari Thirukkural selama empat tahun sejak Tahun satu. Disamping itu, tiga orang guru berpengalaman lebih 15 tahun juga ditemu bual bagi mendapatkan pandangan guru berdasarkan pengalaman mereka mengajar tajuk Thirukkural tentang kesukaran murid menguasai tajuk ini dan kesulitan yang dialami dalam pengajaran Thirukkural dan KBAT seperti dalam Jadual 4.14.

Jadual 4.14

Analisis Keperluan Pengguna oleh Guru dan Murid

Analisis Keperluan Pengguna	Maklum Balas Guru	Maklum Balas Murid
Permasalahan yang timbul dalam PdP Thirukkural dalam kalangan murid	✓ Kesukaran mengajar Thirukkural ✓ Tiada perancangan PdP berpusatkan murid ✓ Tiada BBM yang sesuai ✓ Keupayaan menjawab soalan murid lemah	➢ Pembelajaran membosankan ➢ Penghafalan yang sukar ➢ Takut terhadap soalan KBAT

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis Keperluan Pengguna	**Maklum Balas Guru**	**Maklum Balas Murid**
Pandangan topik yang perlu diberi penekanan.	Thirukkural	Thirukkural
Cadangan terhadap keperluan/ kemudahan yang diperlukan dalam mengajar tajuk di atas.	• Memerlukan satu teknik pembelajaran baharu yang mampu memberi peluang semua murid meneroka ciri-ciri Thirukkural dan mewujudkan pembelajaran bermakna. • Mempelbagaikan reka bentuk pengajaran dengan mengaplikasikan teknik inkuiri penemuan terbimbing dalam pengajaran KBAT • Menghasilkan modul khas untuk PdP Thirukkural dan KBAT.	◆ Memerlukan pengajaran Thirukkural yang seronok ◆ Memerlukan latihan yang pelbagai mengikut aras murid ◆ Memerlukan buku latihan atau modul khas untuk KBAT.

Merujuk Jadual 4.14, dapatan temu bual menunjukkan guru dan murid menyatakan pandangan yang hampir sama di mana tiga isu utama yang dinyatakan adalah teknik pengajaran Thirukkural yang bermakna dan seronok, kepelbagaian aktiviti PdP dan keperluan modul Khas untuk KBAT dan Thirukkural.

Merujuk persoalan isu pertama berkaitan permasalahan yang berlaku dalam PdP Thirukkural, empat item isu permasalahan telah dikupas, iaitu kesukaran mengajar Thirukkural tiada perancangan PdP berpusatkan murid, tiada BBM yang sesuai dan keupayaan menjawab soalan murid lemah. Lantaran dari permasalahan yang dinyatakan dalam isu yang pertama, maka isu kedua mengupas pula tentang pandangan topik yang perlu difokuskan dalam kajian ini. Dapatan temu bual memaparkan bahawa guru dan murid bersetuju memilih tajuk Thirukkural. Hal ini kerana mereka berpandangan bahawa pembelajaran tajuk ini amat membosankan, murid hanya menghafal Thirukkural yang dipelajari dan kekurangan bahan bantu mengajar bagi murid yang mempelajari tajuk ini. Selain itu, isu ketiga bertumpu kepada cadangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap sebarang keperluan yang diperlukan dalam menerapkan KBAT melalui Thirukkural. Berlandaskan kepada maklum balas murid didapati bahawa perlunya satu teknik pembelajaran baharu yang mampu memberi peluang semua murid melibatkan diri secara aktif dan mewujudkan pembelajaran bermakna.

Sehubungan itu, dapatlah dirumuskan bahawa wujudnya satu keperluan dan kepentingan bagi mereka bentuk dan membangunkan satu modul pembelajaran Thirukkural dan KBAT yang baharu yang mana dapat memberi peluang kepada murid untuk menguasai Thirukkural dan KBAT. Selain dari itu pendekatan inkuiri penemuan terbimbing dirasakan perlu agar murid menerokai pembelajaran komponen sastera ini secara individu dan memahami dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3 Fasa Reka Bentuk

Kajian fasa ini dijalankan selepas menganalisis dapatan kajian fasa pertama iaitu penyelidikan awal dan analisis maklumat penting seterusnya menjawab persoalan kajian 3 iaitu,

> "Apakah reka bentuk Modul MoKThI yang sesuai yang boleh membantu murid mempertingkatkan KBAT murid Tahun Lima?"

Pembinaan strategi pembelajaran ini dijelmakan dalam bentuk modul yang dipecahkan kepada unit-unit kecil yang mempunyai aktiviti-aktiviti mengikut objektif pembelajaran yang ditetapkan oleh BPK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3.1 Reka Bentuk MoKThI

Pendekatan reka bentuk MoKThI menggunakan model inkuiri iaitu Model Pembelajaran 5E. Model Pembelajaran 5E dikatakan sesuai kerana merupakan model umum yang boleh digunakan untuk semua mata pelajaran dalam kurikulum kebangsaan. Ia merupakan satu pendekataan dimana murid menggunakan penyiasatan dan penerokaan berasaskan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan dan kefahaman sendiri. Pelaksanaan ini berasaskan projek, penyiasatan saintifik, pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran kolaboratif. Model ini mengandungi aktiviti-aktiviti yang berfokuskan murid dimana mereka akan melibatkan diri, meneroka, menerang, mengembangkan dan membuat penilaian. Berfokus kepada "*learning by doing"* kemahiran ini diperlukan oleh setiap murid untuk menguasai pengetahuan sepanjang hayat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi memastikan semua komponen KBAT dapat diterapkan, pembangunan MoKThI adalah mengikut ketetapan seperti Jadual 4.15 dan seterusnya menjawab persoalan kelima yang berbunyi "Apakah aktiviti pembelajaran untuk modul MoKThI yang boleh membantu mempertingkatkan KBAT murid Tahun 5"?

Jadual 4.15

Jadual Penerapan Komponen KBAT dalam MoKThI (contoh)

Objektif Pembelajaran		Hasil Pembelajaran	Aktiviti	Komponen KBAT
OP1a	Mengenali Thirukkural yang bermula dengan 'Theeavai Thee...'.	Membaca Thirukkural	AK1	Mengaplikasi
		Membaca petikan	AK2	
		Memahami petikan melalui sesi soal jawab		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Objektif Pembelajaran		Hasil Pembelajaran	Aktiviti	Komponen KBAT
OP1b	Menerangkan maksud Thirukkural yang bermula dengan 'Theeavai Thee...”	Meneka maksud untuk memahami perbendaharaan kata	AK3	Menganalisa
		Menyanyikan Thirukkural dengan irama	AK4	
		Menerangkan maksud Thirukkural	AK5	
		Menghafal Thirukkural dengan teknik permainan	AK6	
OPK1	Menulis Thirukkural dan maksud Thirukkural	Mereka cipta situasi yang berkaitan dengan Thirukkural	AK7-AK8	Mereka cipta
OPK2	Menjawab dengan betul soalan aras analisis, soalan aplikasi, menilai dan mencipta	Mengelaskan gambar	S1	Aplikasi
		Mencerakinkan urutan peristiwa	S2	Analisis
		Menilai perwatakan & situasi	S3	Menilai
		Mencipta cerita	S4	merekacipta

*OP : Objektif Pengajaran
*OK : Objektif Penerapan KBAT
*AK : Aktiviti
*S : Soalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3.2 Penghasilan Aktiviti Pembelajaran

Usaha pertama yang dilaksanakan ialah pembinaan dan penyusunan aktiviti pembelajaran secara teliti yang merujuk kepada penggabungjalinan dan penerapan KBAT ke dalam setiap Thirukkural sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Jadual 4.16, 4.17, 4.18 dan 4.19. Penyusunan aktiviti secara sistematik ini bertujuan untuk memastikan murid dapat mempertingkatkan KBAT melalui komunikasi dan interaksi mengikut fasa pembelajaran 5E.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16

Penetapan Aktiviti bagi Objektif Pembelajaran 1a

Tahap	Penetapan Aktiviti	Hasil Pembelajaran yang diharapkan
AK1	Aktiviti ini memerlukan murid mengenali bidang, tajuk dan nombor Thirukkural yang dikenali	Keupayaan pelajar mengenalpasti tajuk, nombor dan bidang Thirukkural yang akan dipelajari
AK2	Aktiviti diperingkat ini murid membaca petikan berkaitan Thirukkural dalam buku teks	Keupayaan murid membaca dengan nada dan intonasi yang betul dan mengaprisiasi karya sastera.

*AK – Aktiviti

Jadual 4.17

Penetapan Aktiviti bagi Objektif Pembelajaran 1b

Tahap	Penetapan Aktiviti	Hasil Pembelajaran yang diharapkan
AK3	Di peringkat ini murid akan mengenalpasti perkataan-perkataan yang sukar dipelajari dan meneka maksud perkataan-perkataan tersebut. Selepas itu murid juga membanding bezakan maksud perkataan-perkataan yang mereka teka dengan maksud sebenar.	Keupayan murid meneka dan membanding bezakan maksud perbendahaaan kata yang sebenar dan diteka
AK4	Pada peringkat ini murid membaca dan memahami petikan melalui sesi soal jawab. Murid akan bertanya soalan atau menjawab soalan guru.	Keupayaan murid membaca, memahami dan mengenalpasti isi tersurat dan tersirat dalam petikan
AK5	Pada peringkat ini murid menyanyikan Thirukkural dengan irama. Murid juga mencipta irama baharu untuk Thirukkural yang dipelajari.	Keupayaan murid menyanyi dan merekacipta irama yang sesuai kepada Thirukkural yang dipelajari
AK6	Ada peringkat ini murid akan berkomunikasi dan berkolaborasi dalam kumpulan untuk menenrangkan maksud Thirukkural yang dipelajari mengikut kefahaman dengan menggunakan perkataan sendiri	Keupayaan murid menganalisa serta merungkai Thirukkural dan menjelaskan maksudnya mengikut kefahaman dan bahasa sendiri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tahap	Penetapan Aktiviti	Hasil Pembelajaran yang diharapkan
AK7	Pada peringkat ini murid menonton cerita dalam *YouTub*e dan memberi komen tentang perwatakan	Keupayaan murid menaakul dan menghayati isi tersirat daripada cerita yang ditontoni
AK8	Pada peringkat ini murid bermain permainan "lontaran bola" untuk menghafal Thirukkural.	Keupayaan murid menghafal Thirukkural dengan cara mudah dan seronok

*AK – Aktiviti

Jadual 4.18

Penetapan Aktiviti bagi Objektif Penerapan KBAT (OPK1)

Tahap	Penetapan Aktiviti	Hasil Pembelajaran yang diharapkan
AK8 (OPK 1)	Pada peringkat ini murid berkomunikasi dan berkolaborasi dalam kumpulan untuk mereka cipta situasi atau cerita yang berkaitan dengan Thirukkural dan mempersembahkan dalam kelas.	Keupayaan murid berinteraksi untuk merekacipta situasi atau cerita berkaitan dengan Thirukkural yang dipelajari dan mempersembahkan hasil mereka dengan menggunakan peta i-Think

*AK : Aktiviti
*OPK 1 : Objektif Pengajaran KBAT 1

Jadual 4.19

Penetapan Aktiviti bagi Objektif Penerapan KBAT (OPK2)

Tahap OPK (2)	Hasil Pembelajaran yang diharapkan	Penetapan Aktiviti
S1	Pada peringkat ini murid menjawab soalan aras aplikasi dengan betul	Keupayaan murid memilih gambar-gambar yang sesuai dengan konsep Thirukkural yang dipelajari
S2	Pada peringkat ini murid menjawab soalan aras analisis dengan betul.	Keupayaan murid membaca puisi yang diberi dan mengatur peristiwa yang terdapat dalam puisi dengan menggunakan peta alir
S3	Pada peringkat ini murid menjawab soalan aras menilai dengan betul	Keupayaan murid menilai dan memberi justifikasi untuk tindakan yang ditunjukkan dalam gambar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tahap OPK (2)	Hasil Pembelajaran yang diharapkan	Penetapan Aktiviti
S4	Pada peringkat ini murid menjawab soalan aras mereka cipta dengan betul	Keupayaan murid membina sebuah cerita berdasarkan Thirukkural berpandukan kepada gambar urutan yang diberikan.


*S : Soalan
*OPK 2 : Objektif Pembelajaran KBAT 2

4.3.3.3 Reka Bentuk Pembinaan MoKThI

Pembangunan carta alir ini dirangka bagi menggambarkan aliran perjalanan yang bakal dilalui oleh murid dalam strategi pembelajaran ini. Pemetaan laluan ini menjelaskan penyusunan secara sistematik aktiviti dibentuk bagi memudahkan pemahaman konsep pembelajaran Thirukkural seperti Rajah 4.8.


Rajah 4.8


Pemetaan Laluan Perjalanan Pembelajaran Murid Mengikut Objektif



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi






05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi






05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



4.3.3.4 Papan Cerita MoKThI


Papan cerita bagi pembangunan MoKThI disediakan pada setiap permulaan aktiviti bagi menjelaskan objektif pembelajaran, hasil pembelajaran, KBAT yang diterapkan, serta ringkasan aktiviti yang akan dijalankan. Rajah 4.9 memaparkan contoh papan cerita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.9

Contoh Papan Cerita.



4.3.4 Fasa Pembangunan MoKThI

Selepas langkah mereka bentuk telah siap dirangka, pembangunan aktiviti akan dibangunkan dengan teliti dan secara berperingkat seterusnya menjawab persoalan ke lima. Proses pembangunan MoKThI sentiasa merujuk kepada KBAT dan diterapkan dengan aktiviti Thirukkural yang dirancang oleh pengkaji sendiri bagi memudahkan peningkatan KBAT yang ingin dicapai. Secara umumnya Modul MoKThI yang dibangunkan ini mengandungi enam hingga lapan aktiviti yang bersesuaian dengan empat kemahiran berfikir aras tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.4.1 Penyusunan Aktiviti

MoKThI hanya menumpukan KBAT yang mencakupi empat aras iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan merekacipta.

a Tahap Mengaplikasi

Tahap mengaplikasi merujuk kepada kemahiran menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara (KPM, 2014). Sebelum sampai ke aktiviti mengaplikasi murid akan diajarkan untuk menyebut betul Thirukkural yang akan dipelajari dan mengajarkan maksud Thirukkural yang dipilih. Pada aktiviti mengaplikasi murid menceritakan pengalaman sendiri bersesuaian dengan Thirukkural yang dipelajari ataupun memilih gambar-gambar atau kenyataan-kenyataan yang bersesuaian dengan Thirukkural yang dipelajari. Contoh aktiviti kemahiran mengaplikasi ditunjukkan dalam Rajah 4.10 dan 4.11 dibawah.

Rajah 4.10

Contoh Aktiviti Kemahiran Mengaplikasi dalam MoKThI

கேள்வி 1 :- தீயச் செயல்களைக் காட்டும் படங்களைத் தேர்ந்தெடு.
(Pilih gambar yang menunjukkan kegiatan buruk)






1. 2. 3. 4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.11

Contoh Aktiviti Kemahiran Mengaplikasi dalam MoKThI

கேள்வி 1;- *கீழ்க்காணும் வாக்கியங்களை வாசித்து குறளுக்குப் பொருத்தமான சூழ்நிலைகளுக்குச் (/) குறியிடுக. (Tandakan (/) kepada kenyataan yang menjelaskan situasi kuplet Thirukkural yang anda pelajari)*

1. *குறும்புக்காரச் சிறுவர்கள் பூனை ஒன்றைத் துரத்தி வருகின்றனர். அந்தப் பூனை உன் வீட்டிற்குள் ஒளிந்து கொள்கிறது. அந்தச் சிறுவர்கள் உன்னிடம் கேட்கிறார்கள். நீ உனக்குத் தெரியாது என்கிறாய்.*

2. *தம்பி அப்பாவின் சட்டைப் பையிலிருந்து யாருக்கும் தெரியாமல் பணம் எடுத்ததை நீ அம்மாவிடம் சொல்கிறாய்.*

b Tahap Menganalisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut KPM 2014, menganalisis dalam KBAT merujuk kepada kemahiran mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan. Bagi memulakan aktiviti ini murid akan mencerakinkan Thirukkural yang mempunyai tujuh patah perkataan. Mereka akan meneka maksud setiap patah perkataan. Kemudian mereka akan mencari maksud setiap perkataan dengan menggunakan kamus dan membandingkan maksud yang mereka meneka dengan maksud sebenar yang dicari dalam kamus. Rajah 4.12 dan 4.13 menunjukkan contoh aktiviti kemahiran mengaplikasi yang terdapat dalam MoKThI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.12

Contoh Aktiviti Kemahiran Mengaplikasi dalam MoKThI

தீயவை Theeyavai	தீய Theeya	பயத்தலால் payathalaal	தீயவை Theeyavai
தீயினும் Theeyinum	அஞ்சப் anjap	படும் padum	

Rajah 4.13

Contoh Aktiviti Kemahiran Menganalisis dalam MoKThI

கேள்வி 2 அ:- கீழ்க்காணும் சொற்றொடர்களை வாசித்துக் கற்றவர், கல்லாதவர் என்ற அடிப்படையில் வகைப்படுத்துக.



கற்றவர்



கல்லாதவர்

1.

2.

3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c Tahap Menilai

Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi merupakan kemahiran yang diutarakan dalam kemahiran menilai (KPM, 2014). Pada tahap ini murid akan diberikan beberapa situasi untuk mereka menilai perwatakan, nilai sesuatu tindakan yang diberikan kepada mereka. Murid juga dipandu untuk memberi justifikasi kepada penilaian yang mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

buat. Aktiviti ini juga menggalakan murid berfikir secara kritis dan memupuk sikap berani menerima risiko kepada keputusan yang mereka buat. Guru menerima penilaian yang dibuat oleh murid tanpa berkata salah atau betul tetapi mengubahsuainya kepada yang positif jika jawapan murid adalah bersifat negatif. Contoh situasi kemahiran menilai dipaparkan seperti 4.14 dan 4.15 di bawah.

Rajah 4.14

Contoh Situasi Kemahiran Menilai dalam MoKThI



இந்தச் சிறுவனின் நடவடிக்கைப் பற்றி நீ என்ன நினைக்கிறாய்? உன் கருத்தை நியாயப்படுத்துக.
(Beri pendapat tentang tindakan budak dalam gambar ini. Justifikasikan jawapan anda.)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.15

Contoh Situasi Kemahiran Menilai dalam MoKThI

சிறந்த வீரனான கர்ணன் அரசர்கள் கலந்து கொள்ளும் வீரப்போட்டியில் கலந்து கொண்டார். ஆனால் அவர் ஒரு தேரோட்டியின் மகன் என்பதால் போட்டியில் கலந்து கொண்ட மற்ற அரசர்களால் அவமதிக்கப்பட்டார். அச்சமயத்தில் துரியோதன்ன் அவரை அங்கத நாட்டுக்கு மன்னனாக்கி தன் நண்பனாக்கிக் கொண்டார் . அதனால் கர்ணன் துரியோதனுக்காகப் போரிட்டு போரில் தன் உயிரையும் இழந்தார்.

(Baca petikan ringkas Mahabaratha diatas dan nilaikan perwatakan Karnan)

கர்ணனின் பண்புநலன்கள்



1. …….....
2. ……

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d Tahap Mereka Cipta

Tahap mencipta merupakan tahap kemahiran berfikir tertinggi dalam Model KBAT Anderson & Krathwohl. KPM 2014 menghuraikan mereka cipta sebagai kemahiran menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif. Dalam aktiviti pengajaran Thirukkural murid dikehendaki menghasilkan cerita yang berkaitan dengan Thirukkural. Pada tahap ini murid akan bergiat dalam kumpulan dan menghasilkan satu situasi atau cerita. Sebagai rangsangan mereka akan diberikan gambar-gambar ataupun perkataan-perkataan yang sesuai untuk digunakan dalam penghasilan idea. Contoh aktiviti adalah seperti yang dipaparkan dalam Rajah 4.16 dan 4.17 dibawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.16

Contoh Situasi Kemahiran Mereka Cipta dalam MoKThI

கேள்வி 4:- படங்களைக் கவனித்துக் கீழே கொடுக்கப்பட்ட குறிப்புகளின் உதவியுடன் வாக்கியங்கள் அமைக்கவும் *(Bina ayat berpandukan gambar yang diberi)*

மேற்கண்ட பத்தியின் அடிப்படையில் கல்வியைப் பற்றிக் கீழ்க்காணும் சுலோகம் கொடுக்கப்பட்டுள்ளது. அந்தச் சொற்களை முறையாக அடுக்கி அழகான வாசகமாக உருவாக்கி வரைக. (Susunkan perkataan yang diberikan dibawah. Lukiskan perkataan yang disusun menjadikan satu slogan yang cantik.)

Rajah 4.17

Contoh Situasi Kemahiran Mereka Cipta dalam MoKThI

அதுவே கல்வியே நம் முத்து சொத்து



தேசியமொழித் தேர்வு - குமணன் - எழுதுகோல் இல்லாமல் – கவிலன் – கவனித்தல் – கொடுத்து உதவுதல் - நன்றி



பள்ளி ஓய்வு நேரம் – சிற்றுண்டிச் சாலை - குமுதா – பணம் கொண்டுவரவில்லை – பசி - பத்மா – ரொட்டி – மகிழ்ச்சி – நன்றி

4.3.5 Pembinaan Aktiviti

Bagi merealisasikan pembinaan strategi pembelajaran menggunakan MoKThI dalam pembelajaran didalam kelas Thirukkural , objektif pembelajaran dapat dicapai melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lima fasa pembelajaran 5E iaitu Fasa 1 (melibatan), Fasa 2 (meneroka), Fasa 3 (menerangkan), Fasa 4 (menghuraikan) dan akhirnya Fasa 5 (menilai).

a Fasa 1 - Melibatkan (*Engage*)

Fasa ini melibatkan murid secara langsung dalam memahami konsep baharu yang dipelajari oleh mereka. Murid - murid diminta mendengar penjelasan yang diberikan oleh guru dan menjawab soalan yang ditujukan secara lisan berbincang masalah dan memberikan pandangan dimana miskonsepsi berkaitan Thirukkural yang dipelajari. Aktiviti yang dijalankan seperti sesi sumbangsaran, menonton video Thirukkural dan demonstrasi guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b Fasa 2 - Meneroka (*Explore*)

Fasa ini melibatkan murid meneroka Thirukkural yang dipelajari. Dari situ, mereka akan membentuk pemikiran baharu dan menghubungkan dengan pengetahuan sedia ada. Aktiviti yang dijalankan adalah membina cerita atau situasi yang berkaitan dengan Thirukkural yang dipelajari. Murid akan bergiat dalam kumpulan.

c Fasa 3 – Menerangkan (Explain)

Fasa ini melibatkan murid menerangkan hasil kerja atau situasi dan cerita yang mereka bina daripada aktiviti yang telah mereka laksanakan di fasa meneroka. Melalui penerangan secara individu atau berkumpulan akan menghasilkan perkongsian idea dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

percambahan ilmu pengetahuan dalam kalangan murid. Dalam pembelajaran Thirukkural murid akan membuat aktiviti seperti pembentangan dan lakonan.

d Fasa 4 – Menghuraikan (Elaborate)

Fasa ini mencabar kefahaman konsep yang diterangkan oleh murid di dalam fasa menerangkan. Melalui fasa ini miskonsepsi diperbetulkan. Jika tiada miskonsepsi, melanjutkan lagi pemahaman mereka tentang konsep Thirukkural yang dipelajari. Aktiviti yang dijalankan seperti pengaplikasian konsep Thitukural dalam kehidupan harian.

e Fasa 5 – Menilai (*Evaluate*)

Fasa ini melibatkan penilaian keseluruhan penguasaan dan kefahaman murid yang terbina daripada standard kandungan dan standard pembelajaran yang ditetapkan pada hari tersebut. Guru menilai pemahaman Thirukkural dan kemahiran-kemahiran KBAT yang telah dikuasai oleh murid. Penilaian dijalankan dengan menggunakan MoKThI. Penilaian adalah mengikut empat aras KBAT. Guru membuat refleksi atau penilaian mengikut rubrik yang ditetapkan.

4.3.6 Perancangan Pembelajaran Harian

Selepas pembinaan aktiviti, rancangan harian pembelajaran dilengkapkan mengikut objektif pembelajaran dan hasil pembelajaran yang ingin dicapai, KBAT yang diterapkan serta masa yang diperuntukkan bagi menjalankan setiap aktiviti yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dirancang. Namun, perbincangan ini hanya berfokuskan kepada objektif pembelajaran 1 dan aktiviti 1 hingga aktiviti 4 sahaja sebagai contoh.

4.3.6.1 Objektif Pembelajaran 1: Aktiviti Pembelajaran

Aktiviti pertama (OP1:A1) memerlukan murid murid mengenali bidang, tajuk dan nombor Thirukkural yang dikenali dengan menggunakan buku Thirukkural. Murid akan membaca Thirukkural tanpa kesalahan. Pada akhir tahap ini murid berkeupayaan mengenalpasti tajuk, nombor dan bidang Thirukkural yang akan dipelajari dan membaca Thirukkural dengan betul dan tepat. Ringkasan aktiviti seperti dipaparkan pada Jadual 4.20

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.20

Ringkasan Aktiviti OP1a:A1 & A2

Tahap KBAT (Mengaplikasi)		**Penerangan tentang Aplikasi**
Rancangan Pengajaran Harian	Set Induksi (5 minit) 	Murid mendengar lagu bertemakan "jangan mencuri". Murid meramalkan tajuk Thirukkural yng akan dipelajari. Murid mencari Thirukkural yang sesuai dengan lagu dalam Buku Thirukkural. Murid mengenali tajuk, bidang dan nombor Thirukkural. *"Pada pendapat anda apakah tajuk Thirukkural yang akan kita pelajari hari ini?"* Soalan ini akan ditujukan kepada murid untuk murid meneka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tahap KBAT (Mengaplikasi)		Penerangan tentang Aplikasi
	Perkembangan 1 (10 minit)  	Murid membaca petikan dalam buku teks. Murid memahami petikan melalui sesi soal jawab. Murid juga menceritakan pengalaman sendiri bersesuaian dengan Thirukkural yang dipelajari. *"adakah anda mempunyai pengalaman yang sama seperti yang kita pelajari hari ini?"* Murid akan menjawab soalan ini.

a Objektif Pembelajaran 1b: Aktiviti Pembelajaran 2 hingga 6

Bagi OP1b terdapat empat aktiviti yang memerlukan murid meneka maksud untuk memahami perbendaharaan kata. Kemudian mereka akan mencari maksud dalam kamus untuk mengenali maksud sebenar. Pada aktiviti ke-4 murid akan menyanyikan Thirukkural yang diperdengarkan melalui radio ataupun komputer riba. Murid akan menyanyi mengikut rentak. Pada aktiviti ini juga murid digalakan untuk mereka irama tersendiri bagi Thirukkural yang dipelajari. Murid akan menghafal Thirukkural dengan teknik permainan pada aktiviti yang ke enam. Pada akhir aktiviti-aktiviti ini murid dapat mencerakinkan maksud perkataan dan dapat menghafal Thirukkural dengan seronok. Ringkasan aktiviti-aktiviti ini dipaparkan seperti pada Jadual 4.21

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aktiviti-aktiviti kajian Peringkat I iaitu reka bentuk dan pembangunan MoKThI yang menggunakan model ASSURE merangkumi enam langkah. Langkah pertama adalah menganalisis pelajar, langkah kedua ialah menyatakan standard dan objektif, langkah ketiganya adalah memilih strategi, teknologi, media dan bahan pengajaran, langkah keempatnya adalah gunakan teknologi, media dan bahan pengajaran, langkah kelima adalah menggalakan pelajar untuk mengambil bahagian dan akhirnya langkah keenam ialah menilai dan menyemak semula. Seterusnya Peringkat I kajian ini telah dijalankan selama enam minggu melalui pendekatan reka bentuk kuasi ekserimen yang melibatkan satu kumpulan intervensi dengan satu Kumpulan Kawalan. Kajian ini telah melibatkan 25 orang untuk Kumpulan Kawalan dan 25 orang untuk Kumpulan Eksperimen. Murid dalam Kumpulan Eksperimen telah menjalani pembelajaran bagi kuplet-kuplet Thirukkural yang dipilih dengan mendedahkan intervensi iaitu dengan menggunakan Modul MoKThI. Ujian pra telah dijalankan selepas murid mengikuti kelas secara tradisional manakala pungutan data bagi selepas intervensi iaitu ujian pasca telah dijalankan sejurus selepas murid menjalani pembelajaran menggunakan MoKThI. Perbincangan diteruskan dengan ringkasan dapatan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3 Ringkasan Dapatan Kajian.

Peringkat I kajian merujuk Model ASSURE bermula dengan analisis awal mendapati KBAT perlu diberi perhatian dan Komponen Thirukkural perlu difokuskan serta guru dan murid mengharapkan satu modul dan pendekatan baharu yang lebih efektif bagi membantu pembelajaran dan mengurangkan kebergantungan kepada hafalan. Setelah itu langkah kedua dan ketiga iaitu me reka bentuk dan membangun modul pengkaji dibantu oleh dua orang guru dan seorang pensyarah. Antara dua orang, seorang adalah guru cemerlang Bahasa Tamil dan seorang guru yang berpengalaman mengajar Bahasa Tamil lebih dari 15 tahun. Pensyarah yang dipilih juga adalah seorang yang mahir tentang Thirukkural dan KBAT. Pada peringkat pembangunan pula pengkaji dibantu oleh tiga orang guru Bahasa Tamil yang berpengalaman lebih dari 15 tahun. Setelah itu, langkah 4 dan 5 telah dijalankan. Kesahan kandungan Thirukkural dan kesahan kandungan KBAT dari pakar yang terdiri daripada seorang professor madya dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi, seorang pensyarah yang berpengalaman lebih dari 10 tahun dari Bidang Pendidikan Bahasa Tamil dan seorang guru cemerlang Bahasa Tamil yang mempunyai pengalaman sebagai penggubal soalan, jurulatih utama dan pemeriksa kertas UPSR. Dapatan kajian rintis mendapati bahawa Modul MoKThI sesuai digunakan dalam pembelajaran Thirukkural dalam kelas dan dapat dapat meningkatkan penguasaan KBAT.

Setelah itu dapatan kajian Peringkat II menemukan bahawa Modul MoKThI secara signifikannya efektif dalam mempertingkatkan KBAT murid kepada tahap yang tinggi. Perbincangan lebih lanjut tentang dapatan ini dibincangkan selepas ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3.1 Peringkat 1: Pembangunan MoKThI

Strategi pembelajaran yang telah dibangunkan dalam kajian ini merujuk Model Inkuiri ataupun lebih dikenali sebagai Model Pembelajaran 5E. Model ini diadaptasi daripada model Biological Sciences Curricullum Study (BSCS). Model ini mengandungi aktiviti-aktiviti yang berfokuskan murid dimana mereka akan melibatkan diri, meneroka, menerang, mengembangkan dan membuat penilaian bagi merealisasikan pembinaan MoKThI. Aktivii-aktiviti dalam Modul MoKThI dibangunkan disusun secara teliti mengikut model ini serta merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran sebagaimana yang telah digariskan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Penilaian daripada ujian kesahan oleh pakar dan kajian rintis yang dijalankan mendapati bahawa MoKThI yang telah dibangunkan ini bersesuaian dari segi kesahan kandungan Thirukkural yang ingin difokuskan. Antara pandangan pakar yang menarik tentang MoKThI ini ialah satu strategi pembelajaran yang menarik, inovatif dan sistematik dan sangat mudah difahami oleh murid dan juga mempunyai unsur-unsur abad ke21. Begitu juga analisis daripada penilaian murid dalam kajian rintis menemukan bahawa MoKThI bersesuaian digunakan oleh mereka didalam kelas dengan baik. Mereka berpendapat bahawa susun atur muka surat, saiz tulisan, gambar, carta, dan teks kandungan serta arahan ayat mudah difahami. Oleh hal demikian, merujuk keputusan penilaian kesahan pakar dan murid menunjukkan bahawa MoKThI ini boleh digunakan didalam kelas dan diuji kepada sampel yang lebih besar bagi menjawab persoalan kedua kajian ini. Pebincangan seterusnya menjelaskan dapatan yang diperoleh iaitu menguji kesan intervensi dalam mempertingkatkan KBAT murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3.2 Peringkat II: Kesan Modul MoKThI dalam mempertingkatkan KBAT Murid

Dapatan awal kajian ini menemukan bahawa kedua-dua Kumpulan Kawalan dan Ekperimen menguasai kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mereka cipta dengan purata keseluruhan peratus skor kurang daripada 52 % sebelum Modul MoKThI diperkenalkan. Dengan ini boleh ditafsirkan bahawa keupayaan murid mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mereka cipta berada pada tahap yang lemah.

Seterusnya, merujuk dapatan yang diperoleh daripada analisis deskriptif, dapatan kajian menunjukkan bahawa taburan skor murid selepas menggunakan Modul MoKThI meningkat dimana majoriti peratus skor murid iaitu lebih 80% bagi kemahiran mengaplikasi, menganalisis dan menilai dan lebih 60% bagi kemahiran mereka cipta bagi Kumpulan Eksperimen. Selain itu peningkatan pencapaian KBAT murid ditentukan secara statistik dengan analisis inferensi ujian-t berpasangan. Keputusan memaparkan perbezaan pencapaian KBAT yang signifikan. Selepas pembelajaran menggunakan Modul MoKThI purata keseluruhan peratus skor meningkat kepada 82.6%. Keputusan ANCOVA, kajian ini membentangkan bukti kukuh bahawa Modul MoKThI menghasilkan hasil pembelajaran yang lebih baik daripada pendekatan pengajaran tradisional.

6.4 Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan adalah tertumpu kepada Modul MoKThI dan kesan intervensi terhadap KBAT murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4.1 Reka Bentuk dan Pembangunan Modul MoKThI

Strategi pembangunan modul yang dibangunkan ini sepenuhnya mengaplikasikan Model Pembangunan ASSURE yang merangkumi enam langkah. Tajuk pembelajaran yang dipilih dalam kajian ini ialah Thirukkural yang mana ia merupakan satu komponen sastera Tamil yang dianggap susah untuk difahami. Penggunaan Modul MoKThI sangat membantu murid memahami Thirukkural dan seterusnya meningkatkan KBAT murid.

Seharusnya pada akhir pembelajaran tajuk ini, murid mempunyai KBAT yang baik serta pemahaman Thirukkural yang mantap. Dalam erti kata lain aktiviti-aktiviti yang dibangunkan dalam MoKThI berjaya melatih keupayaan murid mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mereka cipta. Disamping itu, ia dapat meningkatkan kefahaman dan kebolehan penghafalan Thirukkural secara tidak langsung. Namun dapatan awal kajian menunjukkan dapatan yang mengecewakan. Setelah pembelajaran secara tradisional dijalankan keputusan menunjukkan majoriti murid mempunyai KBAT yang sangat lemah dan tidak dapat menghafal Thirukkural dengan baik. Sehubungan itu aktiviti dalam MoKThI telah dirancang dan dibangunkan secara teliti berdasarkan kepada Model Pembelajaran 5E dengan menggabungjalinkan Thirukkural dan menerapkan KBAT.

Pengkaji yakin bahawa dapatan yang positif ini diperoleh daripada strategi pembelajaran yang menggabungjalinkan dan menyerapkan KBAT ke dalam Thirukkural. Penggabungjalinan dan penyerapan ini adalah sesuatu yang unik kerana kajian yang menggabungjalinkan dan menyerapkan antara kedua-duanya kurang dijalankan di Malaysia dimana setakat ini hanya terdapat satu kajian Kartheges (2017)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang bertajuk Pengajaran Thirukkural Berasaskan KBAT Dalam Kalangan Pelajar SJK(T) Di Negeri Perak.

Selepas intervensi MoKThI, secara puratanya KBAT murid didapati meningkat. Keupayaan murid mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mereka cipta murid meningkat. Apa yang menggembirakan, disamping mempertingkatkan KBAT secara keseluruhan murid, taburan peratus skor ramai murid adalah lebih menghampiri nilai min peratus skor keseluruhan. Dengan kata lain, pembelajaran menggunakan MoKThI berjaya mengecilkan jurang antara pencapaian individu murid yang terlibat dalam kajian ini. Kejayaan sesuatu modul bukan hanya diukur dengan peningkatan pencapaian atau bilangan murid cemerlang yang bertambah sahaja, sebaliknya apa yang lebih penting adalah modul yang digunakan dapat diterima dan digunakan oleh semua murid sebagaimana saranan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam laporan awal PPPM (2012).

6.4.2 Mempertingkatkan KBAT Dengan Penerapan Teori Konstruktivisme Sosial

Selaras dengan perkembangan arus globalisasi pada masa kini , didapati corak pembelajaran perlu memberi banyak peluang kepada murid untuk mendapatkan sendiri ilmu sementara guru perlu menjadi pendamping atau fasilitator sahaja. Salah satu pendekatan yang mengamalkan pembelajaran sebegini ialah pembelajaran konstruktivisme. Menurut Azizi Yahya dan Jaafar Sidek Latif, (2005) Teori Konstruktivisme Sosial menyatakan bahawa pengetahuan dibentuk melalui pengalaman dan interaksi dengan orang lain, termasuk guru dan rakan sebaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori Konstruktivisme Sosial menggalakan pembelajaran yang bermakna dimana konstruktivisme sosial mendorong murid untuk mengaitkan pengetahuan baharu dengan pengalaman dan pengetahuan yang sudah ada sehingga pembelajaran menjadi lebih bermakna dan mudah diingat. Berpandukan kepada kenyataan diatas pengkaji telah menggunakan Teori Kontrustivisme sosial dalam kajiannya untuk membentuk Rph, aktiviti-aktiviti dalam modul dan juga pembinaan modul MoKThI. Aktiviti-aktiviti yang dirancangkan dalam Rph PdP Thirukkural berjaya menarik minat murid-murid Kumpulan Eksperimen. Ini adalah kerana mereka melibatkan diri dengan aktif dalam kerja kumpulan, aktiviti permainan dan juga menyanyi serta berlakon sepertimana yang telah dirancangkan dalam Rph PdP Thirukkural. Kenyataan ini selari dengan pendapat Vighnarajah, Wong Su Luan dan Kamariah (2008) yang mana mereka mendapati guru yang menggunakan pendekatan Teori Konstruktivisme dapat mengaktifkan murid dalam penglibatan proses pengajaran dan pembelajaran.

Sepertimana yang dinyatakan oleh Muhamad Fazli (2013) Teori Konstruktivisme menekankan pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid seperti aktiviti-aktiviti yang berbentuk *"hands on*" dan "*minds on*". Aktiviti-aktiviti dalam Modul MoKThI juga berbentuk *"hands on*" dan "*minds on*". Oleh yang demikian, murid tidak mengalami kesukaran dan kebosanan untuk menguasai KBAT dan Thirukkural. Keputusan ini selari dengan kajian Peter, Abiadun dan Jonathan (2010) yang melihat kesan konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran mekanikal. Mereka mendapati pelajar belajar dan mahir kemahiran lebih maksimum apabila digalakkan menyertai pembelajaran secara aktif melalui aktiviti interaktif secara tidak langsung dengan guru dan rakan serta bekerja dalam kumpulan. Selain dari itu, Teori Konstruktivisme adalah sangat sesuai digunakan untuk meningkatkan kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa murid. Jones dan Araje (2002) mendapati konstruktivisme memberi peluang kepada murid untuk menyediakan pembelajaran yang aktif, membentuk prakonsep sendiri, perkembangan minda secara kompleks dan mendalam untuk pemahaman yang kukuh dan jelas. Kenyataan ini selari dengan tujuan pembentukkan Modul MoKThI.

Teori Konstruktivisme Sosial sangat berkesan dalam konteks KBAT kerana ia menekankan pembelajaran melalui interaksi sosial dan pembinaan pengetahuan secara bersama. Teori ini mendorong murid untuk mengaplikasikan pengetahuan dalam situasi dunia sebenar. Melalui aktiviti KBAT seperti menyelesaikan masalah, membuat keputusan, dan mencipta sesuatu yang baharu dalam Modul MoKThI, murid dapat menghubungkan teori dengan amalan, yang merupakan aspek penting dalam pembelajaran bermakna dan berkesan. Melalui refleksi dan perbincangan, murid dapat memahami proses pemikiran mereka sendiri (metakognisi). Ini membolehkan mereka untuk merancang, memantau, dan menilai strategi pembelajaran mereka, yang merupakan aspek penting dalam pembelajaran sepanjang hayat.

Secara keseluruhan, Teori Konstruktivisme Sosial menawarkan pendekatan yang kuat untuk pembelajaran yang efektif dan bermakna. Dengan menekankan interaksi sosial dan penyertaan murid yang aktif, teori ini membantu murid mengembangkan pemahaman yang lebih mendalam dalam Thirukkural dan meningkatkan KBAT murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4.3 Mempertingkatkan KBAT Dengan Penerapan Kecerdasan Pelbagai

Selain itu, modul yang dihasilkan adalah merangkumi kecerdasan pelbagai yang dipelapori oleh Howard Gardner, (1983). Gardner mengatakan bahawa pendidikan tradisional dengan proses pengujian tradisional (ujian IQ) telah mengabaikan kecerdasan pelbagai manusia. Menurut beliau, kebanyakan ujian IQ hanya mengukur kebolehan verbal atau bahasa dan pemikiran logical atau Matematik. Kemahiran lain seperti sosial, interpersonal dan emosi yang membolehkan manusia berfungsi dengan berkesan telah dikecualikan daripada ujian IQ tradisional. Menurut Gardner, setiap individu mempunyai tahap kecerdasan yang berbeza dan kecerdasan tersebut boleh ditingkatkan dengan pendidikan melalui aktiviti yang bersesuian. Dalam konteks pendidikan, guru memainkan peranan penting untuk merancang aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran supaya dapat memenuhi keperluan kecerdasan iaitu yang terdiri daripada sembilan kecerdasan yang diperkenalkan oleh Gardner. Aktiviti-aktiviti dalam Modul MoKThI dirancang dan diatur untuk memenuhi pelbagai kecerdasan murid. Walaupun MoKThI tidak merangkumi kesemua sembilan aras kecerdasan tetapi ia mencakupi sebanyak tujuh kecerdasan iaitu spatial atau visual ruang, linguistik. kinestetik, muzik, interpersonal, intrapersonal dan spiritual ataupun eksistensialisme.

Guru perlu mengaitkan Teori Kecerdasan Pelbagai dengan kemahiran berfikir untuk perkembangan murid. Untuk itu, pengkaji telah memikirkan cara untuk guru mengaplikasikan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam PdP Thirukkural dan merancang Rph dengan teliti. Aktiviti-aktiviti dalam modul merangkumi nyanyian, bercerita, lakonan, permainan bahasa dan sebagainya yang dapat meningkatkan pelbagai aras kecerdasan murid. Misalnya dalam visual-ruang, murid dapat melakar, membuat peta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

minda, membayangkan masalah dan penyelesaiannya. Dalam MoKThI terdapat aktiviti yang mempertingkatkan kecerdasan ini apabila murid membuat peta minda untuk memperjelaskan maksud Thirukkural ataupun mencipta situasi yang sesuai untuk Thirukkural.

Murid yang mempunyai kecerdasan verbal-linguistik tinggi memaparkan kemudahan dengan kata-kata dan bahasa. Oleh sebab individu ini biasanya yang baik untuk membaca, menulis, bercerita dan menghafal kata-kata dan sensitif terhadap makna perkataan dan mahir untuk memanipulasikannya, MoKThI membekalkan aktiviti-aktiviti seperti mencerakinkan perkataan Thirukkural dan mencari maksud untuknya serta menulis cerita atau mereka cipta situasi dan juga melakarkan poster bagi meningkatkan kecerdasan ini. Oleh sebab mereka mempunyai ingatan yang tinggi mereka juga lebih mudah menghafal Thirukkural dan individu ini juga pandai berbicara, gemar bercerita dan tekun mendengar cerita atau membaca.

Melalui kinestetik pula, melalui muzik. murid memahami ritma, harmoni, mengenal pasti masalah dan penyelesaiannya. Aktiviti dalam MoKThI yang menggalakan kecerdasan ini adalah apabila murid menyanyikan dengan gaya dan mencipta irama bagi Thirukkural yang dipelajari. Peningkatn kecerdasan interpersonal pula, murid mendapat pelbagai idea melalui interaksi dengan orang lain mengenai masalah dan penyelesaiannya. Aktiviti dalam MoKThI yang menyokong kecerdsan ini adalah apabila murid berkolaborasi untuk menghasilkan situasi bagi Thirukkural ataupun bekerjasama menyelesaikan sesuatu masalah yang diutarakan oleh guru berkaitan Thirukkural.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peningkatan intrapersonal, murid membuat refleksi secara mendalam berasaskan pengalaman, perasaan diri mengenai masalah dan penyelesaiannya. Murid mengaitkan pengalaman sendiri berhubung dengan Thirukkural yang dipelajari. Murid berkecerdasan naturalis pula, murid menggunakan contoh daripada alam semula jadi untuk mengkaji masalah dan penyelesaiannya. Kecerdasan ini dapat dipupuk dengan baik apabila guru mengajar Thirukkural yang berbunyi 'Moppak kulaiyum Anicham' kerana kural ini berkaitan dengan sekuntum bunga yang bernama Liar Merah Arvensis yang mana nama saintifiknya adalah *'Scarlet Pimpernel',* yang mudah layu.

Akhir sekali, individu yang mempunyai kecerdasan spiritual atau eksistensialisme yang memiliki ciri-ciri yang lebih cenderung untuk bertanya mengenai segala kejadian kewujudan manusia, erti kehidupan, mengapa manusia mengalami kematian dan juga realiti yang dihadapi oleh manusia dalam hidup. Individu ini mampu menelaah nilai-nilai yang berkembang di tengah-tengah kehidupan masyarakat, sama ada nilai-nilai tradisional ataupun nilai-nilai baharu yang sedang berkembang. Untuk meningkatkan kecerdasan ini seseorang boleh membaca banyak buku falsafah seperti Thirukkural. Malah petikan kefahaman yang dipilih dari Sastera Tamil yang tertera dalam Modul MoKThI juga sangat mengutamakan nilai-nilai tradisional Masyarakat India yang membolehkan murid meningkatkan kepercayaan kewujudan Tuhan.

Melalui peningkatan kecerdasan-kecerdasan murid ini, KBAT, kreatviti dan inovasi dapat di cungkil daripada murid. Murid juga dapat memperoleh pelbagai perspektif mengenai sesuatu perkara serta mengaplikasi pengetahuan yang sedia ada dalam situasi dan konteks yang baharu dan berlainan. Aktiviti bilik darjah boleh dipelbagaikan dengan menggunakan strategi Teori Kecerdasan Pelbagai untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peningkatan perkembangan kognitif mengikut Taksonomi Bloom dan Anderson. Secara keseluruhannya, Modul MoKThI merangkumi segala kriteria untuk meningkatakan KBAT murid.

6.4.4 Keberkesanan Pendekatan Inkuiri Penemuan dalam Modul MoKThI

Disamping itu, untuk mempertingkatkan KBAT murid pendekatan inkuiri penemuan terbimbing turut memaikan peranan penting dalam PdP guru. Menurut Rozali & Abd Halim (2020) perkataan inkuiri membawa maksud proses mencari, meneroka dan menyiasat masalah serta menggunakan deria dan kognisi. Menurut Fasya (2019) kaedah inkuiri lebih efektif dan berguna apabila ianya dirancang dengan baik. Oleh yang demikian, aktiviti-aktiviti dalam MoKThI juga dirancang mengikut pendekatan ini. Pencapaian murid dalam KBAT juga menunjukkan perubahan yang positif. Ini berkemungkinan hasil dari pendekatan atau strategi pembelajaran berasaskan inkuiri yang disuntik semasa proses pembelajaran. Hal ini dipersetujui oleh Jamian dan Ismail, (2013) yang menyatakan bahawa pendekatan pedagogi yang bersesuaian yang diterapkan membuktikan, pelaksanaan strategi atau kaedah pembelajaran yang bersesuaian, terbukti dapat meningkatkan mutu dan kualiti pembelajaran. Nur Azah Ismail (2011) mendapati dapatan kajian beliau telah memperlihatkan keberkesanan pendekatan PBI, kaedah 5E dan teknik menyoal *Socratic* sebagai satu strategi dalam pengajaran dan pembelajaran yang dapat memperkasa pengajaran seseorang guru dan mempercekapkan pembelajaran pelajar Bahasa Melayu. Selanjutnya, dapatan kajian beliau juga menunjukkan bahawa strategi ini dapat melibatkan para pelajar secara aktif menerusi pendekatan dan langkah yang berstruktur dan terancang 5E.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan satu konsep pembelajaran yang berpusatkan murid kerana murid bergiat aktif membentuk konsep dan membuat generalisasi pengetahuan baharu. Dalam konteks kajian ini, pembelajaran berasaskan inkuiri terbukti memberikan impak yang positif kepada murid terutamanya bagi peningkatan KBAT murid melalui Thirukkural. Perkara ini terbukti dengan kenyataan Umar dan Maswan (2007) yang menyatakan inkuiri berupaya membantu dalam pemindahan maklumat secara aktif dan mempertingkatkan kemahiran berfikir murid. Pendapat ini disokong oleh Nur Azah Ismail (2011) dimana didapati responden kajian beliau lebih yakin untuk mencuba sesuatu yang baharu dan penglibatan mereka itu telah meningkatkan lagi keyakinan diri mereka.

Kajian-kajian berkaitan penggunaan kaedah inkuiri telah banyak dikaji oleh pengkaji sama ada di dalam atau luar negara. Menurut Rozali dan Abd Halim (2020) perkataan inkuiri membawa maksud proses mencari, meneroka dan menyiasat masalah serta menggunakan deria dan kognisi. Maidin Shah (2004) mendapati kaedah inkuiri mempunyai daya penarik sebagai medium pengajaran yang sangat efektif. Dalam pembelajaran berasaskan inkuiri, guru juga bertindak sebagai fasilitator untuk membimbing dan mengurus pelajar sehingga mereka memperoleh pengetahuan (McLoughlin, 2009). Di samping itu, Hmelo-Silver, Duncan dan Chinn (2007) juga menyokong bahawa tugas guru perlu diubah menjadi fasilitator. Mereka menyediakan persekitaran untuk pelajar membuat keputusan dan bahkan melatih pelajar untuk menyelesaikan masalah. Aktiviti-aktiviti dalam Modul MoKThI berkehendaki guru menjadi fasilitator dan membantu murid menimba ilmu secara bersendirian dengan panduan yang betul. Pendapat ini seiring dengan kenyataan Prayogi, Yuanita dan Wasis (2018) yang berpendapat pendekatan PBIK melibatkan proses inkuiri, aspek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan sedia ada, motivasi, dan pemikiran kritis. Murid-murid dilibatkan secara aktif dalam sesi perbincangan dan dapat meneroka aktiviti yang diberikan oleh guru.

Inkuiri juga dikatakan sebagai proses kognitif, afektif dan psikomotor di mana mental murid akan terbina semasa melakukan aktiviti inkuiri. Murid yang memberikan cadangan ataupun pendapat dan membuat penjelasan berdasarkan bukti yang diperoleh selepas melakukan penerokaan. Pendapat Ganesan, Balakrishnan, Ariffin, Kannan & Manimaran (2020) mengaitkan bahawa kaedah inkuiri adalah perasaan rasa ingin tahu dalam kalangan individu mengenai sesuatu dan menghendaki murid mempersoalkan kebenaran dan ketepatan maklumat yang diperoleh. Di samping itu, pelajar boleh berkomunikasi dan menjelaskan hasil penemuan mereka. Mengambil perkara ini dalam perhatian pengkaji telah memasukkan aktiviti-aktiviti PdP berdasarkan kepada PdP abad ke 21 dalam MoKThI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4.5 Keberkesanan Pendekatan *'Scaffolding'* Dalam Modul MoKThI

'Scaffolding' adalah satu kaedah memberi galakan dan rangsangan kepada murid untuk mencapai objektif pembelajaran. *'Scaffolding'* merupakan satu teknik yang sangat berkesan untuk meningkatkan KBAT murid. Kenyataan ini dibuktikan dengan hasil kajian Muhammad Affan, Erda Wati dan Jowati (2022) yang membuktikan bahawa proses perancah yang dilaksanakan bersama-sama dalam kumpulan guru, mereka dapat merancang strategi, menyumbang idea serta mengaplikasikan kemahiran KBAT kepada para murid. Pendekatan ini memberi ruang murid untuk berdikari dan mengambil tanggungjawab merencanakan pembelajaran mereka sendiri. Guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertindak sebagai fasilitator. Murid menerokai, memahami dan menguasai dengan penyeliaan dan sokongan guru.

Modul MoKThI disediakan mengikut tiga aras murid iaitu aras satu untuk murid lemah, aras dua untuk murid sedehana dan aras tiga untuk murid cemerlang. Aktiviti-aktiviti dalam Modul MoKThI untuk murid aras satu dan aras dua dipermudahkan agar murid lemah dan sederhana juga dapat menjawab soalan KBAT. Dalam modul aras satu dan dua juga murid-murid diberikan jawapan ataupun panduan sebagai *'scaffolding'* untuk mereka mudah faham dan menjawab soalan KBAT. Dengan cara ini prestasi murid yang gagal menjawab soalan KBAT sebelum intervensi dijalankan, berjaya meningkat setelah intervensi dan teknik *'scaffolding'* digunakan. Kenyataan ini seiring dengan kajian hasil kajian Nor Khayati, Fatin Izati dan Zahratun Sakinah (2021) dimana teknik *'scaffolding'* yang digunakan dalam bimbingan berkelompok adalah berkesan dalam mengatasi permasalahan penghasilan tugasan pelajar yang kurang berkualiti sebelum ini.

Semasa aktiviti kumpulan yang dirancang dalam Modul MoKThI dijalankan teknik *'scaffolding'* digunakan oleh guru. Misalnya semasa mereka cipta situasi atau cerita unruk Thirukkural yang dipelajari pada hari tersebut, guru akan tunjukkan dengan jelas proses serta hasil akhir yang diharapkan. Murid perlu tahu apa yang mereka perlu buat. *Modeling* sebegini memberikan mereka petunjuk apa yang perlu dibuat. Seterusnya, murid akan melakukan sendiri mengikut gaya dan kefahaman mereka. Guru hanya perlu pandu murid agar mereka masih berada dalam lingkungan untuk mencapai objektif pembelajaran. Jalan proses yang diterjemahkan memberikan mereka garis panduan ke aras mencapai matlamat pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Disamping itu dengan mencungkil pengetahuan sedia ada murid tentang Thirukkural dapat melihat sejauh mana murid tahu tentang topik tersebut dan boleh dikenalpasti sejauh mana pengetahuan asas mereka. Perkara ini disokong oleh Nurfatimah (2019) yang menyatakan bahawa pengetahuan tidak diperoleh oleh seseorang melainkan pengetahuannya dibentuk berdasarkan pengalaman sedia ada. Kenyataan ini juga seiring dengan Tri, Hakiman dan Aminudin (2021) yang menyatakan bahawa seseorang itu dapat mengaitkan sesuatu situasi dan permasalahan hidup dalam sesebuah keluarga dan masyarakat terhadap pembelajaran di sekolahnya kerana selari dengan falsafah konstruktivisme iaitu pembelajaran tidak semata-mata menghafal teori bahkan membina pengetahuan baharu melalui pelbagai pengalaman hidup seharian. Dengan ini bukan sahaja guru dapat mengolah isi kandungan mengikut tahap pengetahuan murid, malah guru juga dapat mengujakan murid dengan mengaitkan topik akan dipelajari dengan sesuatu yang sudah biasa dengan mereka. Keadaan ini adalah seiring dengan teori konstruktivisma.

Murid memerlukan masa yang lebih untuk bersedia bercakap lanjut tentang sesuatu perkara. Hal ini disebabkan oleh beberapa perkara. Antaranya ialah tahap pengetahuan murid, keyakinan mereka tentang fakta serta kemahiran untuk mengajar rakan lain memahami apa yang mereka sampaikan. Oleh yang demikian, sangat penting untuk guru membantu murid meningkatkan pengetahuan mereka melalui aktiviti perbincangan, carian, perdebatan antara ahli kumpulan dan apa sahaja yang boleh menambahkan pengetahuan mereka. Ini seiring dengan pendapat Jamaludin dan Shaffeei (2023) yang mengatakan bahawa guru sebagai agen sosial paling hampir dengan murid, keberkesanan pengajaran guru menerusi konsep *'scaffolding'* dengan mengambil kira keperluan memahami kitaran sosial murid menjadi perisai dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghadapi pelbagai cabaran ke atas interaksi sosial guru bersama murid. Walaupun selain dari guru, rakan sebaya turut dapat membimbing rakan dalam kumpulan, tetapi dalam pengajaran dengan menggunakan Modul MoKThI ianya tidak digalakan kerana murid yang cemerlang sendiri memerlukan bantuan guru untuk menjawab soalan KBAT. Pendapat ini turut disokong oleh dapatan kajian oleh Isa dan Mahamod (2021) yang menyatakan bahawa penghalang bagi penjanaan idea yang kreatif dalam kalangan pelajar adalah disebabkan oleh rakan sebaya. Selain itu, aktiviti terancang membantu murid menyediakan rangka jawapan yang lebih kemas untuk mereka bentangkan dengan teratur.

6.4.6 Mempertingkatkan Tahap Pemikiran KBAT

Dapatan awal kajian menunjukkan majoriti murid tidak menguasai KBAT. Sebagaimana perbincangan sebelum ini, murid yang terlibat dalam kajian ini merupakan murid Tahun Lima yang telah mempelajari Thirukkural selama empat tahun dan unsur KBAT telah disebatikan dalam hampir semua matapelajaran yang mereka pelajari sejak tahun satu. Hal ini menjelaskan bahawa pembelajaran yang diperoleh secara tradisional secara realitinya tidak membantu mereka mempertingkatkan KBAT mereka. Keadaan ini menimbulkan dua persoalan iaitu apa sebenarnya yang diperoleh daripada pembelajaran ini?; Adakah keupayaan mereka menjawab soalan KBAT yang diberikan oleh guru memadai sedangkan ia tidak seiring dengan soalan KBAT Lembaga Peperiksaan?

Secara rasional dapatan yang diperoleh ini menemukan sesuatu amaran yang sangat penting. Dapatan yang diperoleh semasa ujian pra atau pembelajaran secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tradisional iaitu 40.0% murid tidak menguasai keempat-empat kemahiran KBAT. Ini jelas menunjukkan bahawa penerapan KBAT oleh guru dalam matapelajaran yang diajarkan tidak berjaya meningkatkan KBAT murid selama empat tahun iaitu dari tahun satu hingga tahun empat. Pendapat ini seiring dengan kajian Nur Shahirah Mat Isa dan Zamri Mahamod (2021) yang menyatakan pengajaran yang masih bercorak kepada kaedah tradisional akan menjadi masalah ataupun halangan untuk merangsang kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar.

Merujuk pada dapatan pada akhir intervensi dalam kajian ini, jelas menunjukkan bahawa pembelajaran menggunakan MoKThI telah berjaya mempertingkatkan KBAT majoriti murid ke tahap yang tinggi. Hal ini membuktikan bahawa Modul MoKThI boleh dijadikan sebagai satu usaha alternatif dalam mengatasi masalah KBAT. Secara umumnya, peningkatan ini diperoleh disebabkan oleh penggunaan aktiviti pengajaran berasaskan Model pembelajaran 5E, teknik inkuiri penemuan terbimbing yang diterapkan serta *'scaffolding'* yang diberikan oleh guru.

Aktiviti murid pada helaian kerja menunjukkan hasil pembelajaran sebagaimana yang diharapkan telah dicapai. Setiap satu Thirukkural dalam MoKThI mempunyai tiga objektif Thirukkural dan satu objektif KBAT. Objektif KBAT adalah menjawab dengan betul soalan aras analisis, soalan aplikasi, menilai dan mereka cipta.

Misalnya didapati hasil pembelajaran di OPK telah dapat membantu murid menjawab soalan kemahiran mengaplikasi dimana murid memilih gambar atau kenyataan yang bersesuaian dengan Thirukkural yang dipelajari. Bagi Kemahiran menganalisis pula murid akan mencerakinkan Thirukkural dan mencari maksud

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbendaharaan kata yang terdapat dalamnya dengan menggunakan peta *i-Think* yang sesuai. Bagi soalan menilai pula murid dikehendaki membaca petikan atau melihat gambar yang diberikan dan menilaikan perwatakan dan juga memberi justifikasi untuk jawapan mereka. Manakala untuk soalan mereka cipta pula murid dikehendaki menulis cerita, melukis poster, menyusun perkataan menjadikan satu tema dan sebagainya. Soalan-soalan KBAT dalam MoKThI dipelbagaikan mengikut aras murid demi memberi keyakinan dan menarik minat murid menjawab soalan-soalan KBAT. Dalam perkara ini pengkaji berjaya mencapai objektifnya pada akhir pembelajaran dimana hampir kesemua murid dalam Kumpulan Eksperimen berjaya mendapat markah tinggi dimana yang sebelum intervensi gagal menjawabnya.

6.5 Implikasi Dapatan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KBAT merupakan satu unsur yang perlu diterapkan dalam PdP abad ke 21. Guru perlu memberikan perhatian yang lebih serius untuk memastikan kemahiran ini dapat diterapkan pada setiap murid. Dalam erti kata lain, penerapan KBAT perlu dibuat dalam komponen sastera dengan mengintergrasikan pendekatan inkuiri penemuan dan teknik *'scaffolding'*. Dalam usaha untuk mempertingkatkan KBAT murid pendekatan pembelajaran serta aktiviti yang digunakan sangat dititikberatkan.

Memandangkan kenaikan positif dalam KBAT diperoleh melalui Modul MoKThI dimana pembelajaran berkembang daripada kemahiran berfikir aras rendah iaitu kemahiran mengetahui dan kemahiran memahami ke KBAT iaitu kemahiran mengaplikasi, kemahiran menganalisis, kemahiran menilai dan seterusnya ke kemahiran yang tertinggi iaitu kemahiran mereka cipta. Disamping itu, penggunaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Thirukkural sebagai alat untuk meningkatkan KBAT murid juga membantu murid menguasai Thirukkural dan memahaminya dengan baik tanpa paksaan ataupun teknik hafalan yang menyusahkan murid.

6.6 Kelebihan dan Kelemahan Modul.

Antara kelebihan Modul MoKThI yang senaraikan oleh murid-murid, guru guru serta pakar adalah kesesuaian modul dengan objektif utama. Objektif utama dalam modul dinyatakan dengan jelas dan tepat dan mengikut format penulisan objektif iaitu SMART. Selain itu modul termasuk bahan-bahan sokongan modul dan strategi atau kaedah pelaksanaan aktiviti juga dirancang dengan teliti. Kaedah dan strategi seperti pembelajaran 5E dan teknik permainan yang digunakan amat menarik minat murid-murid dan mereka melibatkan diri dengan aktif dalam proses pembelajaran. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian yang telah dijalankan oleh Safitri dan Rohmah (2023) penggunaan modul pengajaran boleh membantu murid lebih terampil menulis karangan melalui pengajaran yang lebih tersusun dan bahan bantu mengajar yang lebih menarik. Gambar-gambar yang berwarna warni serta arahan-arahan dan teks -teks yang mudah difahami dalam MoKThI memberi motivasi kepada murid untuk menjawab soalan KBAT.

Mokhtar, Yaakub dan Amzah (2018) dan Marta, Djunaidi dan Iriani (2022) menjelaskan penggunaan modul pengajaran dapat memberi panduan kepada guru serta dapat menambah kualiti PdP. Modul MoKThI juga dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dari pelbagai aspek seperti perubahan aspek psikologikal menjadi lebih positif, mengetahui cara untuk meningkatkan efikasi dan ilmu mengenai strategi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau kaedah pengajaran yang lebih berkesan dan menarik. Guru-guru yang menjadi pemerhati semasa pengajaran Thirukkural mengakui mereka mendapat ilham baharu untuk mengajar Thirukkural dengan lebih berkesan dan mengakui motivasi mereka untuk mengajar Thirukkural juga meningkat. Modul juga mudah diikuti dan menarik dan guru dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dengan mudah. Disamping itu, MoKThI juga mengurangkan masalah kekurangan bahan Bahasa Tamil dalam pasaran seperti mana yang dikatakan oleh Nafi'a dan Rusijono (2016) bahawa penggunaan modul dapat membantu guru untuk menyelesaikan masalah kekurangan bahan pengajaran.

Namun begitu, masih terdapat beberapa kelemahan modul berdasarkan pandangan guru. Masa pengajaran Thirukkural adalah selama satu jam. Masa yang agak padat ini menyebabkan guru mengejar masa untuk murid menjawab soalan KBAT. Selain dari itu, Guru terpaksa memikul keberatan modul setiap waktu pengajaran Thirukkural kerana modul dalam bentuk media cetak.

6.7 Penambahbaikan Kajian Lanjutan

Setelah mengetahui kekuatan dan kelemahan MoKThI, beberapa penambahbaikan perlu dibuat pada masa akan datang. Kajian yang berfokuskan kepada KBAT dan Thirukkural adalah masih diperlukan dan kajian yang berterusan perlu dilakukan. Sehubungan dengan itu enam arah penambahbaikan dicadangkan untuk penyelididkan masa hadapan. Antaranya :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Melanjutkan kajian yang melibatkan sampel yang lebih besar iaitu murid tahap dua iaitu murid Tahun empat dan murid Tahun enam. Melalui kajian tersebut kita akan dapat mengenal pasti kesan pembelajaran menggunakan MoKThI kepada akademik murid yang berbeza. Sekiranya kajian menunjukkan terdapat peningkatan KBAT secara signifikan, maka genaralisasi terhadap kesan strategi pembelajaran ini dapat dilakukan dan seterusnya memperkukuh dapatan kajian ini. Disamping itu, penggunaan modul ini diperluaskan dan dicadangkan sebagai bahan pembelajaran kendiri murid.

b) Mengkaji KBAT dengan menggunakan Thirukkural. Dalam kajian ini pengkaji hanya menggunakan salah satu komponen sastera Tamil iaitu Thirukkural untuk meningkatkan KBAT murid. Boleh dikatakan ianya hanya bagai satu titisan dalam samudera sastera Tamil yang luas terbentang. BPK telah menyenaraikan komponen sastera yang perlu dikuasai oleh murid-murid sekolah rendah Tamil. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan agar menggunakan komponen-komponen sastera lain seperti peribahasa, pantun, gurindam, simpulan bahasa dan sebagainya sebagai instrumen untuk meningkatkan KBAT murid. Maka apabila, kajian tersebut dapat dijalankan, gambaran yang lebih jelas tentang hubungan komponen sastera dengan peningkatan KBAT dapat dilakukan serta memperkukuh atau membidas dapatan kajian atau pernyataan penyelidik terdahulu.

c) Pada peringkat ini, Modul MoKThI hanya didapati dalam *hard copy* dalam bentuk buku. Modul ini akan menjadi lebih menarik dan akan mendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sambutan baik daripada murid sekiranya ia diusahakan dalam *soft copy* ataupun sebagai satu perisian dinamik yang mudah dicapai. Modul dengan Kod *QR* akan mengurangkan beban guru memikul modul.

d) Meneruskan kajian menggunakan strategi pembelajaran yang digunakan iaitu menggunakan modul tetapi diperluaskan untuk menguasai kemahiran abad ke-21 yang lain seperti kemahiran kolaborasi, kemahiran berkomunikasi dan pemikiran komputasional.

e) Menggunakan pendekatan kualitatif bagi melihat proses perubahan kognitif lebih jelas berlaku pada setiap individu murid sepanjang proses intervensi bagi KBAT. Dapatan kajian tersebut akan mengukuhkan dapatan kesan yang diperoleh bagi memperluas penggunaannya dalam pembelajaran abad ke-21 di sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

f) Membangunkan "*one-stop centre*"

"One-stop centre" ini adalah platform untuk berkongsi bahan berkaitan KBAT dalam kalangan guru-guru Bahasa Tamil. Platform ini boleh diakses oleh semua guru Bahasa Tamil, sama ada sebagai penyumbang bahan, atau ingin mencari bahan berkaitan. Bagi penyumbang bahan, mereka boleh berkongsi bahan yang telah mereka sediakan ketika mengajar dengan mengaplikasikan KBAT dalam kelas mereka, seperti modul, lembaran kerja, latihan, nota, rancangan pengajaran harian, BBM, inovasi, video pengajaran guru dan apa-apa jua yang berkaitan. Guru-guru yang lain pula dapat memanfaatkan bahan-bahan tersebut untuk pengajaran KBAT mereka. Mereka tidak perlu menghasilkan bahan yang telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disediakan oleh guru lain, sebaliknya dapat menggunakan bahan sedia ada. Sebaliknya, mereka dapat tahu mengenai bahan yang belum ada, dan cuba merangka pengajaran KBAT sendiri dan akhirnya berkongsi bahan mereka pula dalam *one-stop centre* itu.

6.8 Cadangan Kajian Baharu

Kajian ini adalah kajian yang memberi fokus kepada pengajaran KBAT dengan menggunakan Thirukkural. Namun, setiap dapatan yang berjaya dirungkai, terdapat beberapa persoalan baharu yang timbul. Keadaan ini membuka ruang kepada kajian-kajian lanjut yang boleh dijalankan. Antara cadangan kajian lanjut daripada kajian ini adalah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Kajian perbandingan boleh dijalankan berdasarkan demografi seperti lokasi sekolah bandar dan luar bandar.

b) Kajian menggunakan teknik permainan untuk mengajar komponen sastera Tamil

c) Kajian tentang '*Projek Based Learning'* (PBL) dan keberkesanannya dalam pengajaran sastera.

d) Pembinaan model KBAT yang terperinci berdasarkan subjek. Hal ini kerana setiap subjek mempunyai disiplin ilmu yang berbeza.

e) Pembinaan bahan bantu mengajar atau aplikasi (*android* atau *web-based*) bagi merangsang KBAT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

f) Kajian tentang pengetahuan yang digunakan oleh guru untuk mengaplikasikan KBAT dalam pengajaran.

g) Kajian impak buku teks Bahasa Tamil Tahap Dua dalam meningkatkan pengajaran KBAT.

h) Kajian keberkesanan terhadap program-program yang dijalankan oleh jabatan tertentu untuk meningkatkan KBAT yang boleh dicontohi.

6.9 Rumusan

Secara keseluruhannya, pembelajaran menggunakan Modul MoKThI dengan arahan yang mudah difahamai, gambar-gambar yang berwarna-warni, aktiviti yang pelbagai mengikut aras murid membantu murid meningkatkan keyakinan keupayaan menjawab soalan KBAT. Aktiviti-aktiviti yang dibangunkan mendorong murid kepada pemikiran aras mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mereka cipta seterusnya selari dengan kemahiran berfikir aras tinggi Revisi Taksonomi Bloom yang dikemukakan oleh Anderson, Krathwohl dan Bloom pada tahun 2001.

Merujuk hasil kajian dapatan, pengkaji berharap Modul MoKThI ini diperluaskan penggunaannya di SJKT seluruh negara terutama dalam kalangan murid Tahun Lima agar dapat membantu murid mengatasi kesukaran menguasai KBAT. Disamping itu, hasil dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan kepada guru bagi merancang Rph KBAT dengan teliti dan tersusun dalam matapelajaran Bahasa Tamil serta menghasilkan modul dengan penerapan KBAT bagi murid-murid Tahun 1,2,3,4 dan 6.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.10 Penutup

Bab ini telah menghuraikan secara terperinci aktiviti-aktiviti pembelajaran yang telah dipecahkan kepada tiga objektif pembelajaran berlandaskan komponen KBAT. Secara ringkasnya, MoKThI ini mengandungi tiga strategi pembelajaran dan setiap satunya melibatkan empat hingga lapan aktiviti pembelajaran. Pengajaran menggunakan MoKThI yang dilaksanakan menggambarkan penerapan komponen KBAT mengikut tahap iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mereka cipta. Kesan MoKThI terhadap mempertingkatkan KBAT diukur melalui perubahan hasil ujian pra dan ujian pasca.

Kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa penerapan KBAT adalah sangat penting dalam PdP harian. KBAT boleh dipertingkatkan melalui pengajaran dan pembelajaran yang terancang seperti melalui bantuan Modul MoKThI. Walaupun KPM menitikberatkan keperluan penerapan KBAT dalam setiap sesi PdP tetapi pemeriksaan sejauh mana murid mencapainya tidak dinilai secara khususnya. Oleh itu, pengkaji mencadangkan bahawa usaha terancang dibuat untuk memantau pencapaian KBAT dalam diri murid. Selain penemuan ini dan implikasinya, kajian ini membangunkan modul yang menggabungjalinkan dan menyerapkan KBAT kedalam Thirukkural serta disusun secara teliti dalam lima fasa pembelajaran dengan menggabungjalinkan teknik inkuiri penemuan terbimbing dan *'scaffolding'*. Cadangan untuk masa depan penyelidikan termasuk melanjutkan kajian ini kepada murid di peringkat akademik yang berbeza melibatkan sampel yang lebih besar, memfokuskan kepada pencapaian murid dan menyiasat keberkesanan pengajaran dan pembelajaran reka bentuk struktur menggunakan gabungan strategi pembelajaran yang diperoleh dalam kajian ini berserta memperluaskan penggunaan Modul MoKThI. Hasil daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

